



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>MENGANGKAT SUMPAH</b>	(Halaman 1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b> Mengalu-alukan Ahli Baru	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2010	(Halaman 21)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 60)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Tan Sri Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
11. “ Dato' Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Kewangan II*
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. “ Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng (Pahang)
18. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
19. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah (Dilantik)
21. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
22. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
23. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Dato' Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
26. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
31. “ Tuan Datuk Maijol bin Mahap (Sabah)

32. Yang Berhormat Dr. M. Malasingam (Dilantik)
33. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato’ Maznah Mazlan (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri Sumber Manusia*
35. “ Dato’ Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [(Dilantik)]
36. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
37. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
38. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
39. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
40. “ Dato’ T. Murugiah (Dilantik) – *Senator Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
41. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
42. “ Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
43. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
44. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
45. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
46. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
47. “ Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
48. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
49. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
50. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
51. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)(Dilantik)
52. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
53. “ Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (PS)*
54. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
55. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
56. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
57. “ Tuan Syed Husin Ali (Selangor)
58. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
59. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
60. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
61. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
62. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
63. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
64. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
65. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)

66. Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)
67.       “               Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA****Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Nurul Fariahah binti Mohd. Isa

Nordiyana binti Kamal Ariff

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Adelynn Cheah Ee Kim

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Noor Salini binti Mohamed Salim

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Isnin, 16 Disember 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- (i) Yang Berhormat Tuan Syed Husin Ali

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Tuan Syed Husin Ali sebagai Ahli Dewan Negara yang baru. Seperti mana dilafazkan dalam sumpah Yang Berhormat sebentar tadi sebaik sumbangan yang boleh Yang Berhormat berikan kepada negara bermula dari Yang Berhormat berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan. Ini adalah sewajarnya kerana ianya merupakan titik tolak *rule of law* bagi negara, masyarakat dan rakyat jelata. Hanya melalui dukungan bersama terhadap kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan, maka sistem Demokrasi Berparlimen negara akan dapat menjamin keutuhan, kejayaan dan kecemerlangan Malaysia. Saya berharap semoga Yang Berhormat berjaya mendukung tugas tersebut sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah usaha yang telah dan yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk memantap dan memartabatkan lagi institusi kekeluargaan di negara kita, memandangkan keluarga secara sinonimnya adalah sebuah institusi sosial yang paling asas dan ia menjadi penentu jenis warga masyarakat yang akan dibentuk.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, keluarga adalah sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang.

Sehubungan itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat meletakkan isu institusi keluarga sebagai satu matlamat dalam visi dan misi kementerian. Dalam usaha memartabatkan institusi keluarga di negara ini kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara menjalankan beberapa program, aktiviti-aktiviti promosi, pendidikan dan latihan, penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pembangunan keluarga terutamanya dalam aspek ilmu keibubapaan bagi membantu dan mendidik ahli-ahli keluarga seterusnya menjadikan keluarga sebagai satu unit yang *resilient* dalam menghadapi cabaran semasa.

Antara usaha yang telah dijalankan ialah dengan mengadakan latihan di peringkat akar umbi melalui Pakej Modul Kasih iaitu satu modul pendidikan dan kemahiran keibubapaan. Pakej latihan ini merangkumi lima modul ialah Modul Pancaran Kasih, Belaian Kasih, Mutiara Kasih, Permata Kasih dan Bahtera Kasih. Kursus pembangunan keluarga selama sehari yang dikenali sebagai Ilmu Keluarga @ LPPKN bagi meningkatkan ilmu kekeluargaan dalam kalangan masyarakat umum diteruskan sebagai satu program pendidikan bersiri secara bulanan. Untuk tahun ini, 836 program telah dilaksanakan yang telah melibatkan 90,119 peserta.

#### ■1010

Kementerian juga bekerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program-program pembangunan keluarga. Bagi tahun 2008 sahaja, sebanyak 76 NGO telah melaksanakan program-program berkaitan keibubapaan, pembangunan remaja, pemantapan perkahwinan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif keluarga melalui kerjasama pintar ini.

Untuk pasangan yang baru dan akan berkahwin pula, kursus pra-perkahwinan *Smart Start* diberi kepada peserta agar pendidikan keibubapaan dapat diterapkan di peringkat awal lagi. Dengan itu mereka lebih bersedia untuk melangkah ke alam rumah tangga dan keibubapaan. Promosi media mengenai kursus ini serta penyebaran risalah kepada masyarakat akan terus dipertingkatkan sebagai promosi meluas kepada masyarakat di seluruh negara.

Menerusi perkongsian pintar dengan NGO, sebanyak 81 buah program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008. Pada tahun 2009, telah pun kita meluluskan 81 buah program *Smart Start* dan telah dilaksanakan dan dapat laporan dari penganjur adalah 44 buah program. Menyedari kepentingan kerjaya dalam kehidupan yang semakin mencabar dan sebagai usaha membantu keluarga dwi kerjaya mengimbangi tanggungjawab kerjaya dan keluarga, kementerian telah mengambil inisiatif melaksanakan program pendidikan keibubapaan di tempat kerja yang dinamakan program Keluarga @ Kerja (*Parenting@Work*).

Bilangan program telah meningkat kepada 130 program pada tahun 2008 berbanding dengan 35 program pada tahun ia diperkenalkan. Program ini juga telah diperluaskan ke sektor swasta di mana Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah menjadi syarikat swasta pertama yang menganjurkan program ini untuk anggota kerja mereka.

Sebagai langkah pencegahan, beberapa program untuk mengelak gejala sosial di kalangan remaja dari berleluasa telah turut diambil perhatian. Sebagai sokongan kepada usaha-usaha menangani gejala sosial remaja, LPPKN telah menubuhkan tiga buah pusat remaja iaitu dua di Kuala Lumpur dan satu di Butterworth. Melalui *Cafe@Teen* ini, remaja boleh mendapat pengetahuan, perkhidmatan dan membangunkan kemahiran diri di samping mengisi masa lapang dengan lebih berfaedah.

Selain daripada itu, perkhidmatan kaunseling kekeluargaan turut disediakan melalui agensi-agensi di bawah kementerian iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan LPPKN kepada individu, pasangan, keluarga dan kelompok yang menghadapi masalah. Khidmat kaunseling ini dijalankan secara bersemuka atau melalui telefon secara percuma tanpa mengira keturunan, kaum, bangsa, kepercayaan dan jantina di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab pertanyaan saya tadi. Soalan tambahan saya, nampaknya kementerian telah melaksanakan program dan aktiviti kekeluargaan kepada masyarakat. Selain itu, apakah rancangan kementerian untuk menyelaras dan memperkembangkan dengan lebih menyeluruh secara terancang sama ada dalam bentuk polisi atau pelan tindakan. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk meningkatkan lagi prestasi untuk kita memastikan keharmonian keluarga, kementerian melalui LPPKN telah pun dan sedang menyediakan satu Dasar Keluarga Negara, pertama kali.



Dasar Keluarga Negara ini adalah satu dasar untuk mengarusperdanakan kesejahteraan keluarga dalam segala usaha pembangunan negara agar dapat melahirkan generasi berkualiti.

Di samping itu, kita juga sedang menyediakan satu pelan tindakan pembangunan keluarga negara supaya kita ada tindakan-tindakan yang teratur dan kita akan melibatkan agensi-agensi yang lain dan juga sektor-sektor yang lain supaya kita dapat melaksanakan program kekeluargaan ini dengan lebih sempurna. Dasar Keluarga Negara ini dijangka akan dibentangkan kepada kelulusan Yang Berhormat Menteri dan juga selepas itu akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah usaha kementerian untuk memastikan penglibatan atau kehadiran kaum bapa ke setiap program kekeluargaan seperti kursus keibubapaan dan sebagainya. Memandangkan tahap kesedaran atau penglibatan lelaki dalam proses keibubapaan di negara ini masih lagi rendah, dalam erti kata lain mentaliti untuk mendidik anak-anak dan urusan rumah tangga adalah hanya tugas isteri sahaja. Daripada 76 NGO yang telah menjalankan kursus-kursus keibubapaan, adakah pihak kementerian ada statistik menunjukkan berapa ramai dalam kalangan keahadirannya daripada kaum bapa. Terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, untuk memastikan kaum bapa menyertai program yang dilaksanakan oleh kementerian, kita telah pun mengadakan satu program iaitu Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) dengan izin, di mana kita bawa program satu hari ini ke tempat kerja sektor awam supaya diwajibkan semua *target* atau semua ibu bapa yang bekerja di sektor awam itu menghadiri program itu. Ini adalah satu kaedah yang kita telah ambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan sahaja program ini telah dilaksanakan di sektor awam. Seperti apa yang tadi saya beritahu, syarikat-syarikat swasta juga mereka sekarang telah mula untuk bekerjasama dengan kita kerana kita semua memahami kalau pekerja-pekerja kita ada keluarga yang harmoni, prestasi pekerjaan mereka akan dapat ditingkatkan lagi.

Mengenai statistik itu, saya tidak ada angka pada hari ini. Saya mohon beri jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**2. Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan generasi muda berkecimpung dalam kerjaya pertanian dan industri asas tani.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang.

Untuk makluman Yang Berhormat, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjalankan pelbagai program bagi meningkatkan penglibatan generasi muda berkecimpung di dalam kerjaya pertanian dan industri asas tani.

Beberapa program adalah seperti berikut; program pengeluaran tanaman makanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia menawarkan projek-projek tanaman yang boleh disertai oleh golongan generasi muda seperti projek tanaman ladang komersial, projek sayuran komersial, projek tanam semula kelapa dan projek komoditi berpotensi seperti cendawan dan roselle.

Jabatan Pertanian Malaysia turut menawarkan latihan inkubator usahawan tani selama enam bulan di institut pertanian dan pusat kecemerlangan bagi membimbing dan memberi pengalaman secara *hands on* di ladang kepada peserta projek. Di sini juga, golongan ini boleh menjalani kursus-kursus jangka pendek dalam bidang teknikal pengeluaran, keusahawanan, pengurusan kewangan, motivasi dan pemasaran di institut pertanian.

Bagi menggalakkan pembangunan industri asas tani, Jabatan Pertanian Malaysia memberi insentif-insentif dalam bentuk pembinaan premis pemprosesan baru dan naik taraf, peralatan, khidmat sokongan promosi, kawalan mutu dan pembungkusan serta kursus teknikal jangka pendek dan latihan kemahiran selama enam bulan di Pusat Bimbingan Usahawan.

Jabatan dan agensi kementerian juga turut menawarkan program kerjasama bagi menggalakkan penglibatan golongan generasi muda dalam sektor pertanian seperti program belia tani Jepun yang merupakan kerjasama antara Jabatan Pertanian Malaysia dan *Japan Agricultural Exchange Council* serta program kerjasama MARDI dengan Persatuan Usahawan Graduan Malaysia (PUGM). Dalam masa yang sama juga ada kerjasama antara Kementerian Belia dan Sukan iaitu cadangan untuk mewujudkan Rakan Muda Usahawan Tani.

Golongan generasi muda juga memberi sambutan baik kepada kursus-kursus ternakan dalam pelbagai bidang iaitu dalam bidang ruminan, *poultry*, industri hiliran dan teknologi pembiakan yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

#### ■ 1020

Bagi mereka yang meminati bidang perikanan pula, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia melaksanakan Program Pembangunan Masyarakat Nelayan untuk belia nelayan melalui Kumpulan Belia Nelayan atau KUBENA yang ditubuhkan di peringkat Persatuan Nelayan Kawasan. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah bengkel kemahiran membaiki enjin bot dengan kerjasama MARA negeri, melalui pusat-pusat GIATMARA dan LKIM. Kursus motivasi dan bina semangat, Program Bakti Siswa Siswi Nelayan dan lawatan sambil belajar.

Satu lagi program dalam bidang perikanan yang mendapat sambutan daripada golongan generasi muda ialah Program Pembangunan Nakhoda yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan di Terengganu. Di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang pula, tiga program yang turut melibatkan golongan generasi muda ialah:

- (i) Pembangunan Usahawan Peladang;
- (ii) Pembangunan Manusia berasaskan Komoditi; dan
- (iii) Pembangunan Unit Peladang.

Melalui program tersebut, belia dibimbing untuk menguruskan aktiviti tanaman, ternakan, akuakultur dan pemprosesan makanan dengan cekap dan berorientasikan pasaran. Sebilangan besar golongan generasi muda juga berminat dalam program pasar tani. Di mana kajian sosioekonomi pasar tani dalam tahun 2007 yang telah dibuat oleh FAMA mendapati bahawa ramai daripada golongan muda yang berminat di dalam jualan di pasar tani.

Selain daripada itu Program Ladang Kontrak di mana pihak FAMA dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, memberi jaminan pasaran pada harga yang berdaya saing dan telah menarik ramai golongan generasi muda untuk terlibat secara langsung sebagai pengeluar kontrak buah-buahan dan sayur-sayuran di seluruh negara, terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan yang begitu lengkap. Saya dapati bahawa generasi muda kita sekarang beranggapan bahawa karier pertanian merupakan karier 3D iaitu *dirty, difficult and dangerous*. Maka ramai pemuda kita tidak berapa berminat dalam karier pertanian dan ada yang memilih untuk bekerja di *supermarket* dan sebagainya walaupun pendapatan lagi rendah daripada karier pertanian.

Jadi apakah usaha kementerian untuk mengikis sikap mereka dan persepsi mereka yang salah itu? Berkenaan dengan program-program yang telah dilaksanakan tadi, apakah tahap kejayaan kerajaan kita, sekian terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Khoo, memang Yang Berhormat selain daripada *dirty, difficult* dan *dangerous*, bidang pertanian ini dahulu dikatakan *sunset* industri.

Jadi oleh yang demikian dan dengan berlakunya beberapa insiden seperti krisis ekonomi dan sebagainya, dan betul Yang Berhormat katakan, kumpulan-kumpulan ini kalau mereka banyak pilihan, memang mereka tidak akan memilih bidang pertanian. Jadi oleh yang demikian, dengan kita melancarkan slogan kita "Pertanian adalah Perniagaan". Di mana satu daripada dijuruskan kepada untuk menarik perhatian kumpulan belia yang menjadi satu daripada fokus di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, adalah kerana kumpulan-kumpulan kita yang ada sekarang, yang berada di dalam bidang pertanian, ternakan dan nelayan rata-ratanya memang sudah di dalam usia emas.

Oleh yang demikian, kami seharusnya mencari satu jalan untuk kita mengadakan pelapis, oleh yang demikian di setiap pameran, di setiap latihan-latihan, dan di setiap promosi-promosi yang kami adakan. Melalui mungkin Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, MAHA dan mini MAHA, memang kami menjuruskan supaya dikenal pasti sekurang-kurangnya 30% adalah di dalam kumpulan golongan belia. Memang Yang Berhormat, satu daripada kita mesti tahu untuk menarik minat kumpulan ini.

Pertamanya adalah untuk memaklumkan kepada kumpulan ini bahawa bila melibatkan diri dalam bidang ini, mereka boleh menjadi jutawan, itu tarikan yang utama.

Kedua adalah sesuatu yang melibatkan teknologi tinggi, selepas itu yang ada automasi dan mekanisasi, sebab ini boleh dikatakan *the last choice*, jadi kita mesti ada sesuatu yang boleh menggalakkan. Jadi oleh yang demikian, inilah yang dijuruskan dan pada masa yang sama kita saling bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan supaya kita dapat juga memupuk semangat ini dari peringkat awal lagi.

Sebenarnya juga kami juga ada rancangan untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk mewujudkan semula macam dahulunya seperti kelab-kelab tani. Kita ingin memaklumkan bahawa ini adalah sesuatu kerjaya yang begitu memberi hasil yang begitu baik dan kita juga adalah boleh menjadi seseorang yang berdikari. Jadi Yang Berhormat, kita sudah mula mendapat minat dan memang setiap apa aktiviti yang kami sasarkan memang diperuntukkan 30% untuk kumpulan ini, jadi kita campurkan dengan kumpulan yang berusia.

Jadi persepsi ini Yang Berhormat memang mengambil masa tetapi syukur *alhamdulillah* kini kami dapat juga ramai siswazah untuk menceburi diri di dalam bidang ini sebab daripada menganggur. Mereka sudah menceburi dalam bidang-bidang pertanian yang seperti berusaha tetapi satu kumpulan ini ia *short term*, jangan sampai yang setahun dua tahun baru dapat hasil, ia dalam tiga bulan dah dapat hasil, sebab dia begitu berminat, terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam banci pertanian tahun 2005 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa 50% pengusaha pertanian adalah berumur dalam lingkungan 50 tahun dan hanya 16.4% atau melebihi 60% lagi, pengusaha yang berumur kurang daripada 30 tahun. Terdapat lebih kurang 88 ribu orang, yang banyak di bidang pertanian. Ini nyata menunjukkan bahawa masyarakat petani telah semakin berkurangan di dalam bidang ini dan belum berupaya untuk menarik minat generasi muda.

Soalannya, apakah kementerian mempunyai program atau pendekatan tertentu yang boleh menarik golongan muda lebih ramai lagi terutamanya di golongan siswazah-siswazah yang menceburi bidang pertanian dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, saya tadi telah menjawab soalan itu.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Yang Berhormat, tetapi kita hendak lebih ramai lagi.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ya terima kasih Yang Berhormat, kami memang menghargai dan betul Yang Berhormat, statistik yang menunjukkan bahawa sekarang ini ada peningkatan dan itulah Yang Berhormat saya katakan tadi, golongan ini mesti kita tunjukkan contoh-contoh.

Oleh kerana itu setiap konvensyen, Hari Peladang, Nelayan dan Penternak kita pun ada menjurukan inilah contoh-contohnya, berapa banyak ia *income* mereka dan apa mereka buat. Seperti saya katakan tadi, kita juga mesti mengambil kira apa yang mereka minat, itu yang saya kata tadi mesti berteknologi tinggi, *the high tech* macam itu. Selepas itu automasi dan mekanisasi sebab kalau dapat, mereka ini tidak mahulah melihat macam masa tok nenek dia dahulu, mencangkul dan sebagainya.

Jadi sekarang ini kita menjurus kepada mekanisasi dan juga R&D, pembangunan-pembangunan produk R&D dan selepas itu saya katakan memang kami mengkhususkan 30% apa-apa yang kami buat seminar, kursus atau lawatan dan sebagainya menjurus kepada kumpulan ini. Kami juga sering menggalakkan kepada anak-anak kepada peladang, penternak dan nelayan juga sama-sama menceburi dan pada mulanya anak-anak ini macam nelayan, mereka bukannya pergi ke laut, mungkin menguruskan ekonomi nelayan dan sebagainya.

#### ■1030

Jadi bentuk-bentuk macam ini. Jadi Yang Berhormat memanglah ini satu galakan dan kami sering kali juga memberi contoh-contoh di luar negara. Sesiapa yang kalau pergi ke luar negara, kalau orang itu memberitahu kita bahawa dia adalah *farmer*, petani, pastikan memang orang itu adalah jutawan. Jadi kita memberi dorongan macam ini supaya memang kumpulan ini yang kita harap untuk menjadikan pelapis kepada mereka-mereka yang sedang bertungkus-lumus dalam sektor ini yang rata-ratanya 65 tahun ke atas, terima kasih.

**3. Dato' Daljit Singh Dalliwal** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, supaya perayaan Vasakhi iaitu perayaan tahun baru bagi kaum Sikh yang disambut pada 14 April setiap tahun dimasukkan dalam kalendar perayaan tahunan Kerajaan Malaysia.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Puan Heng Seai Kie]:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan buat ketika ini hanya memberi tumpuan kepada enam perayaan tahunan sebagai perayaan utama peringkat nasional iaitu Program Majlis Rumah Terbuka Malaysia untuk Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Tadau Kaamatan dan Gawai Dayak. Bagi perayaan kaum minoriti termasuk perayaan Vasakhi pada setiap 14 April, kementerian boleh memberikan kerjasama dari segi promosi untuk mempertingkatkan penyebaran maklumat mengenai program tersebut supaya dapat dihayati oleh kaum-kaum yang lain, sekian terima kasih.

**Dato' Daljit Singh Dalliwal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Vasakhi adalah perayaan sangat-sangat mustahak dan perayaan tertinggi kaum Sikh sebab ia adalah perayaan disambut selama 400 tahun dan lebih. Di Malaysia kaum Sikh telah jempit datang pada tahun 1873 untuk menjaga ketenteraman negara yang dicintai ini. Kami hanya meminta sambutan bersama dengan sambutan kaum Gawai Dayak dan lain-lain, perayaan juga dengan ini boleh, dengan izin, *foster unity* sebagai perayaan lain juga. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya jika kementerian mempertimbangkan untuk meluluskan perayaan Vasakhi dimasukkan dalam kalendar perayaan, apakah kriteria untuk menyambut dan menganjurkan perayaan Vasakhi di peringkat kebangsaan, terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Sebenarnya kita sayang kepada semua rakyat dan bagi kerajaan setiap kumpulan etnik adalah sama pentingnya. Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria untuk melayakkan sesuatu perayaan supaya dimasukkan dalam kalendar perayaan tahunan Kerajaan Malaysia, yang menjadi asas pertimbangan adalah yang pertama sekali perayaan itu adalah dominan kepada seluruh rakyat Malaysia dan kedua, ia juga tertakluk kepada bajet kementerian ini sendiri. Walau bagaimanapun, jika diizinkan kementerian memang berhasrat untuk memberikan peluang dan pengiktirafan kepada semua atau setiap perayaan kumpulan etnik di negara ini.

Akan tetapi memandangkan negara kita mempunyai 47 kumpulan etnik secara keseluruhannya, maka jika setiap perayaan itu disambut di peringkat kebangsaan, ia akan melibatkan satu jumlah peruntukan yang amat besar. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kementerian boleh mempertimbangkan untuk memasukkan perayaan Vasakhi ke dalam kalendar perayaan tahunan kerajaan Malaysia bagi tujuan promosi budaya kaum Sikh di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lee Cheam Choon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, berhubung dengan promosi perayaan dan kebudayaan sesuatu kumpulan etnik, apakah jenis perayaan atau pelan yang boleh diberikan oleh kementerian dalam mempromosikan perayaan-perayaan ini contohnya perayaan Vasakhi dan juga kaum Portugis di negeri Melaka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah terkeluar sedikit. Soalan adalah berkaitan dengan Vasakhi. Walau bagaimanapun, terpulang kepada Yang Berhormat sama ada untuk menjawab.

**Puan Heng Seai Kie:** Sebagai penghargaan atas soalan yang dikemukakan, saya akan jawab secara umum Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan. Tuan Yang di-Pertua, antara pelan promosi yang boleh diberikan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk mempromosikan sesuatu perayaan termasuklah perayaan Vasakhi ataupun perayaan Portugis di Melaka;

- (i) melalui hebahan dan *crawlers* TV iaitu melalui RTM, BERNAMA TV dan stesen-stesen swasta;
- (ii) melalui hebahan radio iaitu melalui RTM, terutamanya Radio 24 dan stesen swasta;
- (iii) wawancara dalam rancangan TV;
- (iv) wawancara dalam rancangan radio,
- (v) promosi dalam laman web Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ini sendiri;
- (vi) risalah pengumuman;
- (vii) dengan mengadakan lintas langsung melalui siaran radio dan televisyen pada hari sambutan perayaan tersebut; dan
- (viii) melalui tayangan filem dalam bahasa yang berkaitan dengan perayaan itu.

Di sini untuk perayaan Vasakhi ialah bahasa Punjabi dan rancangan muzikal hiburan yang memaparkan kebudayaan sesuatu kaum itu. Sekian, terima kasih.

**4. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik kajian KDN berkaitan pemilikan rumah di kalangan pesara PDRM serta perancangan kementerian untuk menggalakkan dan memastikan anggota PDRM serta perancangan kementerian untuk menggalak dan memastikan anggota PDRM memiliki rumah sendiri semasa penen khususnya yang diuruskan sendiri oleh KDN sebagai penghargaan kepada khidmat bakti yang dicurahkan lebih 25 tahun.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jelaing anak Mersat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf yang telah kemukakan pertanyaan. Untuk maklumat ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, pada masa ini kerajaan belum membuat kajian khusus berkaitan pemilikan rumah di kalangan pesara PDRM. Walau bagaimanapun, PDRM sentiasa menggalakkan warganya membeli rumah melalui kemudahan pinjaman perumahan kerajaan mengikut syarat-syarat dan tatacara yang ditetapkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil.6, tahun 1995.

Sebanyak 50% warga PDRM membeli rumah dari kemudahan pinjaman perumahan kerajaan. Tempoh pinjaman kerajaan untuk pembelian rumah adalah maksimum 20 tahun dengan syarat-syarat yang tertentu yang perlu dipenuhi oleh pemohon yang berkeelayakan tersebut. Suka cita saya maklumkan kepada ahli Yang Berhormat KDN tidak terlibat secara langsung dalam urusan pemilikan, pembelian rumah kediaman oleh pegawai dan anggota PDRM tersebut. Mereka akan membuat permohonan pinjaman perumahan melalui PDRM yang akan mengemukakan terus kepada Bahagian Pinjaman Perumahan Kementerian Kewangan Malaysia sebagaimana kakitangan kerajaan yang lain. Pembayaran pinjaman akan dilaksanakan melalui potongan gaji bulanan mengikut syarat-syarat dan terma perjanjian yang dipersetujui dan pihak PDRM menyokong penuh atas permintaan ini supaya pegawai kita dapat pinjaman tersebut.

#### ■1040

Statistik mengenai pemotongan gaji melalui pinjaman perumahan kerajaan sehingga November 2009 yang telah berjumlah 40,898 orang dan pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:

- (i) pegawai kanan berpangkat Inspektor sehingga Ketua Polis Negara adalah seramai 4,370 orang; dan
- (ii) anggota berpangkat rendah daripada Konstabel hingga ke Sub Inspektor adalah seramai 36,528 orang.

Jumlah ini tidak termasuk mereka yang membuat pinjaman perumahan secara persendirian daripada institusi kewangan yang lain. Kementerian ingin menjelaskan bahawa pemilikan pembelian rumah adalah hak pegawai dan anggota terlibat dan tidak boleh dijadikan dasar yang perlu dipatuhi.

Kementerian melalui PDRM hanya memberi galakan dan kesedaran peri pentingnya persediaan awal setiap pegawai dan anggota memiliki rumah menerusi kemudahan pinjaman yang disediakan oleh kerajaan sebelum bersara daripada perkhidmatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ir. Haji Zamri.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada KDN dengan jawapan tadi. Saya berasaskan kepada soalan ini, kita dapat tahu memang KDN ada banyak tanah rizab simpanan KDN di seluruh negara. Saya ingin tahu, bagi soalan tambahan saya ialah melibatkan begini. Berdasarkan pihak anggota polis ini mereka bekerja dengan satu budaya yang taat menerima arahan dengan moto "Bersedia Berkhidmat". Jadi, agak cukup sukar bagi bekas pegawai polis ini untuk terlibat dalam masyarakat secara terbuka apatah lagi mereka yang selepas pensyen ini masih bergelut untuk mencari pendapatan bagi mencukupi keperluan asas purata perbelanjaan isi rumah yang kita sebutkan sebelum ini.

Maka dengan itulah kita ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, apakah pakej yang lebih komprehensif yang kita perlu sediakan kepada pesara-pesara ini memandangkan ganjaran yang mereka terima adalah kadar pensyen yang telah ditetapkan. Sedangkan tidakkah anggota KDN bersedia dengan tanah yang ada dan juga dengan koperasi polis yang cukup besar menjadikan satu insentif ganjaran yang tetap kepada pihak pesara polis ini supaya mereka dapat hidup lebih selesa kerana mereka akan bergelut dengan suasana yang terbuka di luar. Sekian.

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, bagi pihak KDN mengucapkan berbilang-banyak penghargaan kepada Yang Berhormat atas pujian kepada pasukan polis yang telah pun berusaha berkhidmat selama ini sejak tahun 1948 ataupun sebelum itu lebih-lebih lagi semasa darurat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Ahli Yang Berhormat juga, walaupun KDN tidak menguruskan satu-satunya rancangan perumahan bekas polis secara terus menerus tetapi KDN menggalakkan persatuan-persatuan bekas polis, pegawai polis melibatkan diri dalam koperasi ataupun persatuan ini di mana mereka boleh menggunakan saluran ini sebagai satu usaha untuk mendapatkan perumahan. Kementerian juga menghargai anggota polis yang bersara ini lebih-lebih lagi mereka yang berkhidmat semasa darurat semenjak tahun 1948 hingga tahun 1962 diberikan ganjaran sekali sebanyak RM1000 untuk menghargai perkhidmatan mereka.

Tambahan pula semasa mereka ada mengalami kesusahan oleh kerana bencana alam semasa itu juga persatuan bekas polis memberikan bantuan, pergi ke rumah-rumah misalnya dan bantuan-bantuan lain yang diberi kepada persekolahan anak-anak mereka dan juga membeli alat-alat pergerakan sekiranya mereka didapati cedera ataupun tidak boleh bergerak oleh kerana luka parah ataupun oleh kerana strok dan sebagainya. Sekian. Terima kasih.

**5. Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Perdana Menteri menyatakan, dengan agenda FELDA menjadi gedung makanan dan penubuhan konsortium antara FELDA, FELCRA dan RISDA atas cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjalankan projek-projek pertanian berimpak tinggi, apakah strategi keseluruhan jangka masa panjang kerajaan untuk meningkatkan jaminan keselamatan makanan negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Ahmad bin Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Yang Berhormat. Ada tiga perkara dalam satu soalan ini, tiga dalam satu.

- (i) strategi jangka panjang untuk jaminan keselamatan makanan negara adalah melalui Dasar Jaminan Makanan Negara iaitu meningkatkan pengeluaran beras;
- (ii) meningkatkan stok penimbun beras;
- (iii) meningkatkan produktiviti dan pengeluaran seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan, mewujudkan Zon Industri Akuakultur, penetasan, dan, ternakan lembu dan kambing;
- (iv) memberi insentif pengeluaran pertanian;
- (v) mengukuhkan pasaran dan agihan hasil pertanian;
- (vi) pelaksanaan Program Bumi Hijau; dan
- (vii) pembangunan kawasan tanah terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Gedung Makanan Negara dilancarkan oleh kerajaan pada 7 Julai 2009 dengan matlamat menjadikan FELDA sebagai pusat pengeluaran makanan berskala besar. Ia adalah suatu dimensi baru FELDA yang selama ini hanya menumpukan kepada pengeluaran sawit dan getah. Jadi, sekarang ada sawit, getah dan gedung makanan negara. Ini bagi menampung keperluan negara memandangkan Malaysia masih mengimport bahan makanan yang begitu besar daripada negara luar.

Dari segi jangka panjang untuk meningkatkan pengeluaran makanan kerajaan menyasarkan matlamat ini akan di capai sepenuhnya dalam tempoh sepuluh tahun. Oleh itu program ini dibahagikan kepada dua fasa.

Fasa pertama 2010 hingga 2014. Fasa kedua 2015 sehingga 2019. Fasa pertama FELDA akan memberi tumpuan kepada pengeluaran empat jenis produk segar iaitu lembu daging, cili kulai, pisang berangan dan ikan talapia berdasarkan permintaan sekarang yang tinggi di pasaran tempatan dan pengeluarannya masih kurang.

Fasa kedua fokus utama ialah untuk meningkatkan pasaran domestik dan menembusi pasaran eksport. Selain terlibat dalam aktiviti hiliran dan mencipta produk wilayah sebagai pengeluaran global keseluruhan kos yang terlibat dalam projek gedung makanan negara ini membabitkan perbelanjaan yang besar iaitu berjumlah RM750 juta.

Projek Gedung Makanan Negara adalah satu transformasi yang dicetuskan untuk melahirkan ramai petani moden dengan menggunakan teknologi moden.

Perkara ketiga dalam soalan ini ialah mengenai penubuhan konsortium di antara FELDA, FELCRA dan RISDA. Beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara ketiga-tiga agensi berkenaan dan dipandu oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi melaksanakan projek-projek pertanian yang berimpak tinggi. Ketiga-tiga agensi bersetuju memuktamadkan perjanjian persefahaman dan mengadakan *smart partnership* bagi meneroka bidang-bidang yang terlibat. Adalah dijangkakan perjanjian ini dapat dimeterai pada awal bulan Januari 2010. Antara pelbagai program yang konsortium ini boleh terlibat bersama adalah seperti mengeluarkan benih-benih sawit dan getah yang bermutu tinggi, pengeluaran baja atau racun serta import pertanian dan juga boleh bersama melaksanakan Gedung Makanan Negara. Terima kasih.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih atas jawapan yang begitu lengkap dan padat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan bercadang melupuskan saham BERNAS kepada konsortium FELDA, FELCRA dan RISDA bagi menjamin kesinambungan keselamatan makanan negara? Apakah konsortium ini akan mengoptimalkan pasaran halal di luar negara yang akan mempunyai prasarana berbilion ringgit dengan memastikan rangkaian bumiputera sebagai rakan konsortium dan akhirnya dengan wujudnya semua ini apakah pula peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam soal ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini satu lagi *three plus one* ini.

**Datuk Ahmad bin Maslan:** [Ketawa] Terima kasih atas soalan tambahan itu. Mengenai konsortium ini kita sedang mengadakan beberapa siri perbincangan dan pada hari ini pun pegawai-pegawai daripada FELDA berjumpa dengan pegawai-pegawai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memuktamadkan perkara-perkara yang perlu dirundingkan dan dipersetujui bersama. Dalam ucapan Perdana Menteri dalam pembentangan bajet setiap agensi akan mengeluarkan RM100 juta sebagai modal.

■1050

Bererti modal yang terkumpul akan menjadi RM300 juta. Cadangan oleh Yang Berhormat tadi mengenai saham BERNAS, pasaran halal luar negara, saya kira ini juga sebahagiannya dibincangkan, terutama tentang pasaran halal makanan luar negara yang mana boleh dilaksanakan oleh konsortium ini. Walau bagaimanapun, saya kira tugas Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih banyak lagi. Ini hanyalah sebahagian daripada perkara tentang pertanian, getah, sawit dan gedung makanan negara. Banyak lagi tugas Kementerian Pertanian yang boleh dilaksanakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff.

**Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengemukakan soalan tambahan.

Menurut Profesor Dr. Gurdev Singh iaitu penerima *Mahathir Science Award 2009* yang juga merupakan seorang pensyarah di Universiti California, menurut beliau beberapa faktor yang dikenal pasti yang telah menyebabkan kekurangan bekalan makanan ini ialah peningkatan jumlah penduduk dunia, permintaan yang tinggi dari negara sedang membangun, perubahan iklim (*climate change*) serta peningkatan penggunaan minyak berasaskan tumbuhan *biofuel*. Soalan tambahan saya ialah apakah pendirian kerajaan dalam isu *biofuel* ini dalam memastikan keselamatan makanan negara terjamin? Sekian, terima kasih.

**Datuk Ahmad bin Maslan:** Wah, soalan sudah menyimpang agak jauh, tetapi tidak mengapalah saya cuba jawab. Mengenai *biofuel* yang disebutkan oleh Profesor Dr. Gurdev Singh, salah satu daripada punca kekurangan makanan dan juga jumlah penduduk yang bertambah serta perubahan iklim.



Pada pandangan saya, apa yang disebut itu jika tidak silap tafsir ialah apabila tanah-tanah mula ditanam dengan tanaman yang mengeluarkan *biofuel* seperti kelapa sawit, maka tanah-tanah itu semakin kurang untuk ditanam dengan makanan seperti beras dan perkara-perkara yang boleh mengeluarkan makanan.

Pada pandangan saya, itu suatu tesis yang tidak komprehensif. Walaupun kita menambah, misalnya tanaman kelapa sawit, tidak bermakna di bawah kelapa sawit itu kita tidak boleh membela kambing, lembu dan tidak bermakna di bawah kelapa sawit itu kita tidak boleh mengadakan kolam untuk ternakan ikan misalnya.

Saya kira tesis itu tidak lengkap kerana dia sendiri tidak tahu apa yang berlaku di dalam negara kita ini. Pada pandangan saya, walaupun kita terus mengeluarkan kelapa sawit, masih lagi di bawahnya boleh kita mengeluarkan produk makanan. Ini satu perkara yang unik kepada negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**6. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, langkah kementerian dalam menangani isu lambakan filem, drama serta hasil karya dari negara jiran sedangkan hasil karya negara kita tidak langsung mendapat peluang untuk paparan media mereka.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Selamat pagi dan salam 1Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Azizah atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui dasar dan peraturan sedia ada di bawah RTM, stesen-stesen swasta, FINAS dan Filem Negara sentiasa memastikan kandungan siaran tempatan diutamakan sekali gus mengurangkan tayangan kandungan-kandungan import dari semasa ke semasa.

Kementerian ini melalui RTM mengamalkan dasar 80% siaran adalah kandungan tempatan dan selebihnya hanya 20% siaran diisi dengan kandungan luar negara. Manakala bagi stesen swasta pula, syarat khas lesen menetapkan 60% kandungan siaran dalam bahasa Melayu dan 60% dari kandungan selain dari bahasa Melayu hendaklah kandungan tempatan. Pihak pemegang lesen juga dikehendaki menyiarkan kandungan tempatan yang mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan.

Kementerian ini juga sedang berusaha membangun dan mempertingkatkan industri kreatif tempatan melalui penggubalan Dasar Industri Kreatif Negara, di mana kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM200 juta di bawah Bajet 2010 untuk tujuan ini. Selain itu, anggaran perbelanjaan oleh stesen-stesen televisyen tempatan bagi memperoleh kandungan tempatan bagi tahun 2009 pula berjumlah lebih RM500 juta. Dari segi perangkaan yang ada, saya secara peribadi tidak nampak lambakan filem luar negara di Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Azizah dan selepas itu Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan penjelasan tadi nampaknya terperinci. Cuma kita difahamkan bahawasanya ada filem daripada luar negara yang ditayangkan dua kali satu hari dan di sebelah malam pula diulang lagi tayangan itu. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa tidak ada lambakan daripada filem-filem luar, bolehkah pula saya bertanya, apakah peluang dan faktor-faktor yang menyebabkan filem dan drama dari negara kita sukar menembusi pasaran luar dan sejauh manakah kementerian dan FINAS telah membantu penerbit-penerbit untuk memasarkan filem tempatan ke luar negara? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bagaimana kementerian dan FINAS membantu penerbit filem negara untuk menembusi pasaran antarabangsa, pada masa ini terdapat pengeluaran daripada Astro yang dieksport ke Singapura dan diharapkan keluaran dari penerbit-penerbit lain akan juga menerima tempahan dari negara-negara lain sekiranya terbitan itu dianggap sebagai boleh diterima oleh negara-negara jiran dan negara-negara lain.

Sebenarnya, pertanyaan ini menjurus bukan sahaja kepada kementerian kami, ia juga sepatutnya berpegang kepada faktor iaitu adakah penerbit kita mampu untuk bersaing dengan terbitan yang dikeluarkan di luar negara? Begitu juga dari segi cara kita mengeluarkan, dari segi bahasa, misalnya adakah bahasa Melayu di Malaysia diterima pakai oleh orang di Indonesia?

Itu pun hendaklah kita fikirkan bersama. Kementerian saya memang mengalu-alukan kerjasama dengan penerbit-penerbit supaya lebih banyak lagi terbitan tempatan dapat dipasarkan oleh kita ke negara jiran. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi.

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian akan meneruskan usaha bagi mempromosikan filem tempatan dan dengan mengadakan *Malaysian Film Week*, dengan izin, di negara-negara seperti Thailand, Filipina, Indonesia dan juga negara-negara lain seperti pernah dilakukan sebelum ini, semasa saya berada di sana dahulu, kita mengadakan *Malaysian Film Week*, dengan izin, di Uzbek, Australia, England dan sebagainya. Kalau ini dapat diteruskan mungkin kita promosikan.

#### ■1100

Perkara kedua ialah saya ingin juga mendapat penjelasan daripada Menteri. Berhubung dengan ada atau tidak satu peraturan yang dikenakan oleh kementerian setiap filem khususnya drama TV yang ditayangkan di stesen televisyen khususnya di RTM. Supaya kita juga tukar, *exchange* setiap drama itu mestilah drama kita juga ditayangkan di mana sahaja kita ambil. Seperti di Thailand umpamanya, filem daripada Indonesia dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan promosi filem dan drama Malaysia ke negara luar, iaitu melalui *Malaysia Film Week* yang telah diadakan dahulu. Ini belum lagi difikirkan. Sekiranya ada peruntukan yang mencukupi saya percaya ini boleh kita lakukan di beberapa tempat, di mana kita percaya ada pasaran filem-filem atau drama kita sekiranya ditayangkan.

Satu lagi, berkenaan dengan pertukaran drama atau filem dengan negara-negara dari mana kita mengimport drama-drama atau filem-filem itu. Sekiranya pengeluaran kita mencukupi ataupun drama-drama kita diminati oleh negara-negara tersebut, saya percaya ini boleh kita lakukan di mana misalnya di antara negara-negara ASEAN memang sudah ada program yang sedemikian. Akan tetapi penerbitan kita belum mencukupi dan berkemungkinan juga pemikiran mereka di seberang laut atau di negara lain, misalnya apa yang mereka anggap sebagai sesuai untuk negara mereka mungkin kita belum mencapai tahap yang sedemikian. Kementerian saya melalui FINAS dan agensi-agensi lain memang sentiasa mencuba bekerjasama dengan penerbit-penerbit tempatan supaya kualiti yang kita keluarkan akan dapat diterima di negara-negara luar, di mana kita hendak menayangkan produksi ataupun penerbitan kita. Terima kasih.

7. **Dato' Kamarudin bin Ambok** minta Menteri Pelajaran menyatakan, justifikasi kerajaan menentukan kaedah sistem baru gred masuk ke IPT bagi calon lepasan SPM 2009 kerana julat A+ (markah 99-100) adalah terlampau ideal dan tidak seimbang jika dibandingkan dengan julat 90-100 (Markah A, SPM) dan ini mungkin disalahtafsirkan sebagai satu dasar yang digubal secara *ad-hoc* bagi mengatasi lambakkan pelajar cemerlang SPM dan ketidakupayaan kerajaan untuk menyediakan kemudahan peluang melanjutkan pelajaran di IPTA dan ini bercanggah dengan dasar pendemokrasian bidang pendidikan.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, justifikasi memperkenalkan gred baru A+ untuk memperincikan kecemerlangan calon dalam peperiksaan SPM. Ini yang mana dahulunya cuma terdapat dua gred cemerlang teratas iaitu 1A dan 2A. Dengan sistem baru terdapat tiga gred iaitu A+, A dan A-.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pelajaran tidak pernah menyatakan bahawa julat markah untuk gred A+ sebagai 99-100 dan untuk gred A (90-100). Tidak timbul soal lambakan pelajar cemerlang SPM dan ketidakupayaan kerajaan menyediakan kemudahan dan peluang untuk semua pelajar yang layak untuk melanjutkan pelajaran di IPT setiap tahun. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Dato' Kamarudin bin Ambok selepas itu Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kalangan pelajar-pelajar cemerlang, adakah kerajaan tidak berhasrat untuk menawarkan program ekspres selepas tamat peperiksaan SPM dengan menggunakan keputusan percubaan SPM?

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini satu soalan yang pernah dibangkitkan dan dibuat perbincangan. Akan tetapi berpandukan kepada peperiksaan percubaan kadangkala ianya agak subjektif kerana ia mungkin berbeza dari sebuah sekolah ke sekolah lain. Salah satu cara yang terbaik ialah kita kena berpandukan kepada satu peperiksaan awam. Dari situlah kita dapat mengenal pasti siapa yang lebih layak.

Maka dalam sistem ini kita melihat setiap kali diumumkan keputusan SPM. Dalam tempoh sebulan bulan kita akan umumkan siapa yang akan dapat memasuki matrikulasi. Begitu juga bagi pelajar-pelajar untuk memasuki STPM. Saya rasa kita telah merangka kerana pengambilan pelajar biasanya pada pertengahan tahun bagi universiti. Maka kita masih lagi sempat untuk menyerap masuk pelajar-pelajar cemerlang ke dalam universiti kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apakah dengan pengumuman dasar kerajaan baru-baru ini untuk menghadkan pelajar-pelajar mengambil SPM sepuluh subjek teras dan termasuk dua subjek tambahan akan menambahkan lagi lambakan pelajar cemerlang, dan menjadikan peluang yang amat terbatas untuk mereka masuk ke IPT dalam pengajian kritikal terutama IPT luar negeri yang memerlukan keputusan cemerlang. Kalau dahulu cemerlang dengan 17A dalam SPM akan terus ditawarkan masuk ke universiti yang tersohor di dunia.

Kedua, bagaimanakah syarat pemberian biasiswa untuk pengajian kritikal ini terutamanya pengajian perubatan di UK yang perlu 11A1 atau hingga ke 15A1. Adakah ia akan diselaraskan dengan mengikut subjek teras sepuluh subjek? Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ramai yang mempunyai persepsi yang mungkin tidak berapa tepat. Iaitu apabila seorang pelajar itu mendapat keputusan 15A1, ianya dapat diberi biasiswa disebabkan oleh kecemerlangan tersebut. Akan tetapi kalau kita melihat syarat-syarat pemberian biasiswa itu sama ada JPA atau MARA, dengan jelas menyatakan beberapa mata pelajaran itu akan diambil kira khususnya dalam perubatan.

Sebagai contoh bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan juga Sejarah. Bagi mereka yang Islam, Pendidikan Islam atau Pengetahuan Moral bagi mereka yang bukan beragama Islam. Dicampur dengan Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik, Matematik Tambahan. Sembilan mata pelajaran sahaja diambil. Akan tetapi persepsi masyarakat menganggap yang 15A1 itu dia masuk kerana dapat 15A. Jadi sebelum ini berlakunya apabila seorang pelajar mendapat 15A ada pelajar yang terkejar-kejar hendak sampai 17A. Ada yang sampai 20 minta kementerian pinda jadual supaya mereka boleh pecah rekod.

Saya rasa ini adalah satu trend yang tidak sihat. Jadi kita lihat dari segi data kita. 85% calon kita mengambil mata pelajaran kurang daripada sepuluh ataupun pada sepuluh mata pelajaran sahaja. Jadi saya rasa keputusan terbaru dari Kabinet ini untuk menambah daripada sepuluh ditambah ke 12. Saya rasa ini adalah suatu yang munasabah dan memadai. Ini kerana apa yang dapat kita lihat sebelum ini bagi pelajar aliran sains mereka mengambil Fizik, Biologi dan juga Kimia. Pada waktu yang sama mereka mengambil mata pelajaran Sains yang dari segi mutunya rendah daripada tiga mata pelajaran tersebut.

Jadi saya rasa ada fenomena ini yang menyebabkan mereka terkejar-kejar untuk mendapat lebih banyak 'A'. Jadi kemasukan ke universiti itu berpandukan kepada mata pelajaran teras dan bukannya kerana dia dapat 20A atau 15A maka diterima. Ini kerana bagi mereka dapat 20A atau 15A sudah tentulah mata pelajaran teras yang disyaratkan itu mereka telah memenuhi syaratnya. Terima kasih.

**8. Puan Hajah Fatimah binti Hamat** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, langkah kementerian untuk menarik minat badan korporat dan syarikat besar tempatan menunaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam bidang sukan atau persatuan sukan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menarik minat badan-badan korporat untuk sama-sama menunaikan tanggungjawab sosial dalam membangunkan sukan di negara ini, kerajaan telah menyiapkan kertas cadangan untuk dibawa ke Jemaah Menteri untuk diperkenalkan semula dengan pendekatan baru di bawah insentif penajaan CSR mulai suku pertama tahun 2010 bagi menggantikan Program Rakan Sukan yang pernah diperkenalkan pada tahun 1994.

■1110

Di bawah program ini pihak penaja dan pihak kerajaan akan berbincang bagi merumuskan satu formula terbaik yang akan memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak sebelum pihak penaja dipadankan dengan jenis atau persatuan sukan yang dipersetujui bersama oleh penaja dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Dengan cara ini, pihak penaja akan mempunyai kepelbagaian serta kedudukan yang lebih strategik bagi merangka strategi pemasaran mereka. Justeru itu program ini dijangka akan dapat menarik syarikat-syarikat baru untuk turut serta dalam penajaan acara sukan seterusnya dapat membantu merangsang pembangunan sukan di negara ini di samping dapat meringankan beban kewangan kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Selepas itu penanya soalan asal tadi ya, Puan Hajah Fatimah.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Memang benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa suatu ketika dahulu memang ada program di bawah Program Rakan Muda khususnya Rakan Sukan di mana pihak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Latar belakang itu biar ringkas, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Okey. Umpamanya saya masih ingat Telekom menaja sukan badminton untuk beberapa tahun, YTL Corporation menaja sukan renang untuk latihan dan sebagainya. Kenapa program seperti ini terhenti seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memandangkan ia memang baik. Apakah kerana setiap kali Menteri Belia dan Sukan bertukar maka setiap kali program-program yang baru diperkenalkan yang ternyata belum tentu lagi kejayaannya. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada tahun 1994 sehingga 1998 sebanyak lebih kurang 21 syarikat telah pun bersetuju untuk menaja 25 pasukan sukan kebangsaan.

Ada dua sebab kenapa terhentinya program tersebut, yang pertama perjanjian memang untuk kita menasaskan penajaan SUKOM pada tahun 1994 bagi membantu membiayai perbelanjaan kerajaan sebagai penganjur dan bagi kita memastikan sumber kewangan kita itu berjaya dan kita telah dapat RM45.9 juta nilai keseluruhan penajaan tersebut.

Kita berhasrat untuk diteruskan kerana sehingga hari ini hanya dua daripada 21 iaitu Proton dan EON bersama badminton yang terus menaja sebanyak RM1.5 juta setahun dan juga Petronas bersama MABA, Persatuan Bola Keranjang Kebangsaan yang juga menaja RM1.5 juta sehingga ke hari ini. Lain-lain persatuan terhenti kerana kontraknya atau perjanjiannya itu memang 1994 hingga 1998 dan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ingat pada tahun 1998, kebetulan negara dilanda krisis kewangan dan akibat daripada itu syarikat mengambil pendirian untuk terus berhenti membuat penajaan kerana tahun itu juga adalah tahun terakhir program Rakan Sukan dirancang.

Jadi saya rasa inisiatif ini adalah satu inisiatif yang baik dan kita akan kemukakan kertas kepada Jemaah Menteri memandangkan kedua-dua alasan yang saya nyatakan telah pun berlalu dan kita akan melihat ke hadapan bagi membantu merangsang pembangunan sukan dan juga bagi meringankan beban kewangan kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Fatimah.

**Puan Hajah Fatimah binti Hamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah penglibatan badan korporat dan syarikat besar dalam pembiayaan pembangunan sukan amatlah diperlukan. Ini terbukti dalam pembangunan sukan dan bola sepak Korea Selatan dan Jepun yang berkembang dan maju kerana pembabitan syarikat-syarikat besar yang diberikan pengecualian secara terus termasuk hak-hak lain seperti siaran TV, iklan dan sebagainya.

Soalan tambahan saya adalah, adakah kerajaan bercadang memberikan pengecualian cukai kepada mana-mana penaja dari badan korporat dan syarikat yang terlibat dalam pembangunan sukan tanah air. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan. Sebenarnya elemen pertama di bawah insentif kepada syarikat-syarikat yang menaja persatuan-persatuan sukan terpilih adalah dari segi pengecualian sukan korporat termasuk juga dengan promosi pengiklanan dan masa di antara persatuan sukan dan juga syarikat turut diambil kira.

Akan tetapi kepada saya kementerian telah pun mengenal pasti di bawah kementerian ada 44 persatuan sukan yang berdaftar. Kita juga telah mengenal pasti syarikat-syarikat yang berpotensi dalam negara sebanyak 89 tetapi kepada saya dari segi CSR sebagai contoh ia juga boleh datang dari semangat benar-benar ingin melihat sukan kita membangun umpamanya esok pukul 6 perlawanan akhir bola sepak di antara Malaysia dan Vietnam akan dilangsungkan pada pukul 6 petang.

Mungkin majikan-majikan boleh membenarkan pekerja masing-masing untuk balik awal bagi menonton perlawanan tersebut ataupun jika melihat terkesannya syarikat, mereka boleh menyediakan peti televisyen di pejabat supaya pekerja-pekerja dapat menonton kerana RTM akan menyiarkan perlawanan itu secara langsung. Ini juga tidak ada nilai ringgit tetapi juga menunjukkan bahawa sumbangan daripada majikan dalam menyokong pembangunan bola sepak dan saya pasti pasukan negara akan menghargai perkara yang kita buat walaupun kecil tetapi kesannya besar kepada pembangunan sukan negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sumbangan secara tidak langsung, *indirect contribution*. Terima kasih Yang Berhormat.

**9. Dato' Sri Empiang Jabu** minta Perdana Menteri menyatakan, kes pencerobohan kapal pukat tunda ke kawasan perairan negeri Sarawak pada tahun 2009 berbanding dengan tahun sebelumnya dan adakah tindakan yang telah diambil oleh pihak penguatkuasaan berkesan untuk mengurangkan kadar pencerobohan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Ahmad bin Maslan]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk menjaga dan memelihara keselamatan, keamanan dan kedaulatan perairan negara dengan lebih terjamin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau APMM sentiasa melaksanakan rondaan dan penguatkuasaan di laut dengan kehadiran kapal-kapal APMM secara berterusan di kawasan perairan negara.

Bagi perairan negeri Sarawak, statistik tangkapan kapal pukat tunda asing atau bot nelayan asing untuk tahun 2008 ialah tujuh kes iaitu tiga bot Vietnam, dua bot Republik Rakyat China, satu bot Thailand dan satu bot Filipina. Bagi tahun 2009 sehingga 14 Disember 2009, 14 kes tangkapan dilakukan yang melibatkan lapan bot Vietnam, tiga bot Thailand, dua Indonesia dan satu Republik Rakyat China.

Kesalahan utama bot nelayan asing yang ditangkap adalah kerana menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa permit yang sah di bawah seksyen 15(1A) Akta Perikanan 1958. Pada amnya bagi tahun 2009, kesemua 126 tekong dan kru bot nelayan asing yang ditangkap telah didenda mahkamah antara RM30,000 hingga RM650,000. Walau bagaimanapun, kesemua pesalah ini telah masuk penjara antara tiga bulan hingga enam bulan kerana tidak dapat membayar denda-denda tersebut. Kesemua 14 bot yang ditangkap telah disita oleh mahkamah.

APMM telah mengenal pasti kawasan perairan Gugusan Beting Raja Jarum, Gugusan Beting Patinggi Ali tengah laut iaitu lebih kurang 65 batu nautika barat laut dari Miri, Sarawak sebagai tumpuan pencerobohan bot nelayan asing. APMM telah melaksanakan operasi rondaan berterusan di perairan tersebut sepanjang tahun. Secara keseluruhannya pengawasan dan penguatkuasaan yang dilakukan telah dapat membendung aktiviti pencerobohan oleh bot nelayan asing. Perairan Sarawak pada amnya adalah aman dan terkawal Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada kerana soalan ini spesifik kepada perairan Sarawak. Ada lagi ataupun Ahli-ahli Dewan Negara daripada Sarawak. Ya, Tuan Haji Muhamad Yusof, daripada Kedah.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1120

Pertanyaan tambahan saya. Seperti yang disebut itu, itu yang berjaya ditangkap. Adakah terdapat pencerobohan-pencerobohan yang gagal ditangkap dan kalau ada pencerobohan-pencerobohan di perairan Sarawak itu yang gagal ditangkap, apakah sebab-sebabnya? Adakah kelemahan perondaan kita ataupun faktor-faktor lain? Terima kasih.

**Datuk Ahmad bin Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita, APMM sedaya upaya kita untuk menangkap segala pesalah-pesalah ini. Kalau kita melihat angka-angka yang kita tangkap daripada tahun 2006, 2007, 2008, 2009 ini begitu banyak sebenarnya kes-kes. Saya bacakanlah kepada Yang Berhormat untuk menunjukkan bahawa kita buat kerja elok.

Kalau kita memikirkan yang tidak ditangkap itu, saya kira angka-angka itu tidaklah dapat diperoleh tetapi saya hendak beri angka lain kepada Yang Berhormat. Selama empat tahun ini, angka-angkanya adalah seperti berikut:

Negara	Jumlah (Kes)
Thailand	56
Vietnam	143
Indonesia	105
Filipina	4
China	4
Singapura	5

Ini daripada tahun 2006 hingga tahun 2009 tetapi ini daripada perairan seluruh negara, bukan hanya di Sarawak. Kita yakin dengan ada APMM, dengan segala aset-aset baru yang dibeli dan dengan tenaga yang terlatih daripada pelbagai jabatan, kita yakin bahawa segala kesalahan-kesalahan yang melibatkan laut akan dapat kita selesaikan. Contoh dalam perairan kita, kesalahan-kesalahannya adalah daripada segi perikanan; imigresen, penyeludupan, rompakan laut, pelacuran di laut pun ada dan juga judi haram. Ini yang kita boleh tangkap dalam kawasan kita ini.

Akan tetapi, kalau lebih daripada kawasan kita, perairan antarabangsa kita boleh tangkap lanun, mencegah dadah narkotik, pencemaran marin, mencari dan menyelamatkan. Itu boleh lebih juga daripada kawasan perairan kita sebagai maklumat tambahan. Saya bersedia berkongsi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**10. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Kewangan menyatakan, kesan-kesan positif yang dapat telah dapat dilihat hasil daripada suntikan pakej rangsangan ekonomi pertama dan kedua untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih terlebih dahulu kepada Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah yang telah pun mengemukakan soalan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi terbuka tidak terkecuali daripada menerima kesan krisis kewangan dunia dan kemelesetan ekonomi baru-baru ini.

KDNK benar Malaysia merosot hingga minus atau pun -6.2% dalam tempoh suku pertama tahun 2009. Bagi mengurangkan kesan penguncupan ekonomi global ke atas ekonomi negara, dua pakej rangsangan ekonomi telah pun diumumkan oleh kerajaan pada 4 November 2008 dan 10 Mac 2009.

Kedua-dua pakej ini telah pun berjaya mengelakkan negara daripada terjerumus ke dalam kemelesetan ekonomi yang lebih teruk. Malahan ekonomi negara telah pun mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan KDNK menguncup pada kadar yang lebih perlahan sebanyak -3.59% dalam tempoh suku kedua dan -1.2% dalam tempoh suku ketiga tahun ini.

Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan. Sebanyak 4.5% dalam tempoh suku kedua dan 7.9% dalam tempoh suku ketiga tahun 2009. Ini berikutan pelaksanaan projek di bawah pakej rangsangan yang mana kerja-kerja penyelenggaraan di bawah Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS), Pembinaan Rumah Mesra Rakyat serta Penambahbaikan Infrastruktur dan Kemudahan Awam terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, kesemua program dan projek di bawah pakej rangsangan ekonomi pertama dan kedua sedang giat dijalankan mengikut jadual seperti mana yang telah pun ditetapkan.

Sehingga 4 Disember 2009, sejumlah RM6.98 bilion ataupun 99.7% di bawah pakej rangsangan pertama dan RM14.6 bilion bagi pakej rangsangan kedua telah pun diagihkan kepada kementerian dan agensi. Sebanyak 108,533 projek bernilai RM15.8 bilion di bawah kedua-dua pakej rangsangan ekonomi sedang dan telah dilaksanakan dan sejumlah RM10.1 bilion pembayaran telah pun dibuat. Daripada 108,533 projek, 68,990 daripadanya telah siap dibina. Sementara itu, sebanyak 1580 unit Rumah Mesra Rakyat sudah siap dibina manakala 1153 unit masih dalam pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, tanda-tanda pemulihan ekonomi turut dicerminkan oleh beberapa petunjuk utama ekonomi. Bilangan pemberhentian berkurangan kepada 505 orang pada bulan November 2009 berbanding jumlah pemberhentian tertinggi 8383 pekerja pada bulan Ogos 2008. Bilangan pemberhentian dijangka terus menyusut berikutan peningkatan penggunaan kapasiti dalam sektor pembuatan dalam tempoh separuh kedua tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi telah pun dapat memberi keyakinan kepada para pelabur terutama dalam pasaran ekuiti. Ini jelas dilihat apabila indeks Bursa Saham mencatatkan peningkatan ketara sejak pakej rangsangan ekonomi kedua diumumkan berserta langkah liberalisasi tahun 2007, subsektor perkhidmatan dan sektor kewangan. Bursa Saham telah pun melonjak sehingga 1,261 mata pada 8 Disember 2009 berbanding dengan hanya 855.25 mata pada 10 Mac 2009.

Sistem kewangan dan perbankan negara terus kukuh dengan paras pinjaman tidak berbayar ataupun *non-performing loans* dengan izin, berada pada tahap rendah iaitu sebanyak 2.1 serta nisbah modal wajaran risiko sebanyak 14.6% jauh melebihi paras 8% dalam piawaian antarabangsa ataupun USD96.1 bilion pada 13 November 2009 yang mampu membiayai 9.9 bulan import tertanggung dan menampung 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan kedua-dua pakej rangsangan di mana KDNK unjur pulih sepenuhnya. Kerajaan juga akan mengenal pasti beberapa langkah yang boleh dilaksanakan pada tahun 2010 bagi meningkatkan lagi aktiviti pelaburan swasta agar KDNK dapat ditingkatkan daripada unjuran awal 2% kepada 5% pada tahun 2010. Itulah jawapan saya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya ucapkan tahniah kerana Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak khususnya berjaya mengemudikan ekonomi kita dan diharap akan membawa kita keluar daripada *the so-called, Great Recession*, dengan izin. Namun demikian soalan saya, mengambil senario salah satu versi bahawa walaupun *heading indicators* menunjukkan *there will be positive growth six month ahead* bagi Malaysia tetapi juga diramalkan bahawa ekonomi dunia agak *fragile* pertumbuhannya dan dijangka akan berbalik ke arah selatan kerana pertumbuhan sekarang adalah dua punca, pakej rangsangan dan *restocking*. Sekiranya *U-shaped* ini akan bertukar kepada *W-shaped*, maka soalan saya apakah tindakan awal atau tindakan persediaan untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang banyak ekonomi dunia ini mempunyai satu kebimbangan iaitu pertumbuhan ekonomi walaupun berjalan secara lancar sejak kerajaan-kerajaan, koloni-koloni besar telah pun menyuntikkan pakej rangsangan dalam ekonomi mereka masing-masing. Malaysia juga tidak dikecualikan seperti saya katakan dalam jawapan asal, melalui dua rangsangan pakej rangsangan *stimulus* yang disuntikkan oleh kerajaan, kita dapat melihat tanda-tanda yang begitu menggalakkan.

#### ■1130

Walaupun demikian, ekonomi Malaysia masih bergantung kepada eksport kepada negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, negara-negara dalam *Euro zone* dan juga Jepun. Kerajaan juga bimbang bahawa kemungkinan akan menjadi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, *double dip recession*. Sudah sekali sudah. Naik balik dan kemungkinan akan turun balik kalau dari segi *consumption* tidak mencukupi di seluruh negara dan kerajaan kita pun sudah sedia sudah jika ianya berlaku kerajaan kita telah pun menyediakan satu lagi pakej yang akan disimpan sebagai rizab. Memang kita selepas dua pakej rangsangan kita tidak boleh diam macam itu sahaja. Kita sentiasa memantau keadaannya, macam ekonomi kita berjalan dan macam mana ekonomi dunia berjalan khususnya negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat sebab negara-negara majulah yang akan menentukan sama ada dunia ini akan menjadi atau mengalami satu *double-dip recession* lagi.

Akan tetapi setakat ini dari tanda-tanda yang dapat kita lihat di dunia, didapati bahawa kadar pengangguran di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan di Jepun telah pun menurun. Lain-lain indikator telah pun menunjukkan bahawa semua negara di dunia ini masih walaupun dalam keadaan yang tidak begitu pulih, masih gawat.



Akan tetapi nampaknya *double-dip* ini tidak akan berlaku tetapi walaupun demikian kerajaan kita sentiasa berwaspada. Kita harus mengambil tindakan inisiatif jika ianya berlaku apa kita akan buat. Sekian, terima kasih.

**11. Datuk Sim Kheng Hui** minta Menteri Pelajaran menyatakan, sama ada terdapatnya pelan perancangan komprehensif bagi pelaksanaan dan pembangunan sektor pendidikan awal kanak-kanak di sekolah jenis kebangsaan, terutamanya sekolah di kawasan yang terpencil di Sabah dan Sarawak, dan apa pula jenis kerjasama yang bakal diwujudkan di antara sekolah pendidikan awal kanak-kanak swasta dengan sekolah jenis kebangsaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) merangkumi komponen-komponen seperti aspek pengetahuan, kemahiran, nilai dan kemanusiaan. Penekanan terhadap adab, tatasusila, semangat patriotisme dan perpaduan di peringkat prasekolah merupakan salah satu daripada bidang pembelajaran di bawah komponen pendidikan Islam dan moral. Di peringkat ini, kanak-kanak prasekolah diajar dan didedahkan kepada nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, kanak-kanak ini juga didedahkan dengan amalan perhubungan yang positif dengan orang dewasa dan rakan sebaya. Selain itu, kanak-kanak prasekolah didedahkan dengan sikap bekerjasama, semangat perpaduan selaras dengan apa yang dihasratkan oleh kerajaan dalam membentuk Gagasan 1Malaysia. Akta Pendidikan 1996 telah menetapkan menggunakan kurikulum prasekolah kebangsaan dan ianya telah pun terlaksana mulai tahun 2003. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum itu, saya juga nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya telah pun sampai daripada pagi tadi lagi. Jadi saya bercadang untuk lanjutkan ke soalan 12 bagi menghormati kehadiran Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya... [Tepuk] Silakan Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng, dan selepas itu Dr. M. Malasingam.

**Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya adalah apakah kelayakan untuk anak-anak kita masuk belajar di kelas-kelas prasekolah. Sekian.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Kemasukan ke prasekolah adalah satu ayat yang terlalu umum kerana kalau kita lihat di peringkat prasekolah sekarang kita ada pelbagai ragam iaitu:

- (i) di sekolah di bawah Kementerian Pelajaran;
- (ii) tadika perpaduan;
- (iii) tadika KEMAS; dan
- (iv) kebanyakannya yang dihantar ke tadika swasta.

Jadi ada empat kategori yang tergolong di bawah ini. Jadi tidak ada satu syarat seperti hendak masuk ke universiti dan pelajar ini kena mencapai IQ berapa tinggi dan apakah syarat dari segi pendapatan dan sebagainya. Tidak ada. Sebenarnya kita menggalakkan di mana kita hendak pelajar kita, *enrolment* pelajar kita memasuki prasekolah kini hanya pada tahap 67% bagi kanak-kanak yang berumur pada usia prasekolah. Kita dalam tempoh menjelang tahun 2012 kita akan mencapai sasaran 87% melalui empat kategori yang kita maksudkan.

Maka bukan sahaja di bawah kementerian kita sediakan satu kurikulum. Tadika swasta juga memainkan peranan, KEMAS, perpaduan dan juga sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran. Jadi saya rasa ini adalah satu senario yang ingin saya terangkan kepada Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Dr. M. Malasingam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan terdapat banyak prasekolah yang menawarkan subjek-subjek yang pelbagai dan berbeza di antara satu sama lain dengan niat mewujudkan satu lapisan remaja yang pandai menjaga diri dan menyediakan kanak-kanak ini bagi menempuh hari persekolahan mereka ini di masa depan.

Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu rangka pembelajaran asas yang harus dipraktikkan oleh semua pusat pendidikan awal dan tambahan subjek-subjek tertentu oleh pengusaha-pengusaha pusat pendidikan awal ini sebagai *marketing strategy* untuk mereka.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita menyebut tentang pendidikan awal ia ada dua aspek. Satu prasekolah pada usia lima atau enam tahun, satu lagi di bawah lima tahun. Bermaksud itu adalah *early childhood education*. Jadi di bawah kementerian ini secara terus-menerus adalah kita dipertanggungjawabkan dari segi merangka kurikulum prasekolah bermaksud pada usia lima atau enam tahun. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebenarnya kita sudah ada kurikulum prasekolah yang diseragamkan baik untuk swasta dan digunakan KEMAS ataupun di bawah kementerian kita. Itu tidak ada masalah dan kita telah mula melaksanakan sejak tahun 2003 dan sekarang pula kita melihat dari segi tambahan mata pelajaran.

Tahun lalu kalau Yang Berhormat, saya rasa ingin maklum kepada Dewan ini sebenarnya kita sudah buat pindaan dan kita buat pindaan akta pendidikan itu salah satu artikel yang kita pinda itu sebenarnya tidak lagi seperti dahulu kita membenarkan tadika memaklumkan kepada kementerian. Mereka hendak buat apa juga mata pelajaran tambahan mereka kena mendapat persetujuan. Ada bezanya. Kalau dahulu Cuma dia buat dan maklumkan kepada kementerian sekarang adalah menjadi kewajipan mereka mendapat persetujuan daripada kementerian sebelum ianya dilaksanakan di peringkat prasekolah. Terima kasih.

**12. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, status pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dari Pahang ke Terengganu dan Kelantan. Bilakah projek ini akan disiapkan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ucapkan banyak terima kasih bagi peluang kepada saya untuk menjawab soalan nombor 12. Kereta Tuan Yang di-Pertua memang bagus *U-turn* cepat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Projek Lebuhraya Pantai Timur dikenali LPT dari Pahang ke Terengganu dan Kelantan telah dibahagikan kepada tiga fasa. Lebuhraya Pantai Timur, fasa 1, yang merupakan sambungan kepada Lebuhraya Karak yang bermula dari Karak hingga ke Kuantan, Pahang sepanjang 169 kilometer telah dibina pada 30 Ogos 2000 dan dibuka pada 1 Ogos 2004. Untuk LPT, fasa 2 yang bermula dari Jabor sehingga Gemuruh, Kuala Terengganu sepanjang 190 kilometer telah memulakan pembinaannya pada tahun 2006 dan dijangka siap pada bulan Mei 2011. Status masa pelaksanaan projek ini ialah 62% sebenar berbanding 67% di jadual.

■1140

Bagi fasa 3 pula yang bermula dari Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor jajahan Tumpat, Kelantan, status masa ialah kajian mengenainya telah pun siap dilaksanakan pada 19 November 2009 dan sedang dalam proses penyerahan laporan akhir kajian kepada agensi negeri yang terlibat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas pelaksanaan projek ini dan ingin mendapat penjelasan kerajaan untuk pembinaan LPT bagi fasa ketiga ini sampai ke Pangkalan Kubor dari Kuala Terengganu.

Adakah ia tidak boleh dipercepatkan lagi supaya rakyat dapat menikmati kemudahan bagi laluan ataupun perjalanan yang boleh menjimatkan masa seperti mana yang berlaku sekarang? Terima kasih.

**Dato' Yong Khoo Seng:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini ada baik juga, kita pun ada minat hendak membuat lebuh raya sampai ke Kelantan. Kita tidak akan nafikan untuk rakyat kita semua buat itu. Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng.

**Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kementerian manakah yang menentukan had laju lebuh raya? Kemudian adakah kerajaan atau kementerian berhasrat untuk menaikkan had laju lebuh raya yang ada sekarang iaitu daripada 110km mungkin ke 140km atau 150km kerana memandangkan kapasiti enjin sekarang ini amat efisien dan amat baik. Adalah tidak adil untuk seorang yang membawa sebuah Mercedes Benz S320 dan hanya dapat berjalan 110km per jam di lebuh raya malah kan seorang lagi membawa Kancil 600cc pun juga 110km *per hour* di lebuh raya. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan ini ada terkeluar sedikit Yang Berhormat daripada pembinaan lebuh raya kepada kelajuan lebuh raya... *[Ketawa]* Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau hendak jawab pun, jawab dengan ringkas sahaja.

**Dato' Yong Khoo Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang menentukan had laju memang di bawah Kementerian Pengangkutan tetapi jalan-jalan kita telah pun direkabentuk khususnya lebuh raya dapat juga bagi kan lalu lintas atau kenderaan berjalan lebih daripada 110km kecuali di tempat-tempat selekoh di mana *speed* nya atau had lajunya perlu diperlahan sedikit dan direndahkan. Ini siapa yang tentukan ialah Kementerian Pengangkutan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2010**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.43 pagi.**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". ***[15 Disember 2009]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah pun dimaklumkan bahawa ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2010 ini. Akan tetapi memandangkan masa yang ada untuk mengadakan perbahasan ini adalah hari ini sahaja maka perlu saya minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini supaya dapat kita menumpukan kepada perkara-perkara pokok, perkara-perkara yang penting. Kalau ada perkara-perkara yang dibahaskan, maknanya kita tidak perlu ulangi lagi.

Jadi dalam perkara ini saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh kita berbahas dalam lingkungan 20 minit atau pun ada perkara-perkara yang mustahak, mungkin dalam lima atau sepuluh minit lagi selepas daripada itu. Jadi ini adalah untuk membolehkan ya, kalau boleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap tadi supaya ada peluang untuk bercakap. Sekarang saya minta Tuan Ahmad bin Hussin untuk menyambung ucapan dan saya minta Yang Berhormat Tuan Ahmad Hussin kalau boleh habiskan ucapan dalam masa tidak lebih dari 10 minit kerana Yang Berhormat telah pun bercakap semalam hampir satu jam setengah. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya akan ambil masa yang sebenar diminta oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada Kementerian Kesihatan B.42 - 11,178,733,400, dan P.42 berjumlah keseluruhannya RM14 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, jangka hayat penduduk Malaysia telah pun meningkat dari 56 tahun dan bagi 58 tahun untuk perempuan bagi tahun 1957 ke 71.9 tahun bagi lelaki dan 76.4 tahun bagi perempuan pada tahun 2007. Orang perempuan hidup lagi panjang dan lama. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah kematian bagi 1000 kelahiran 1997 adalah enam kematian setiap 1000 kelahiran dan kadar kematian bayi di Malaysia adalah setanding dengan negara-negara maju. Tahniah kepada Kementerian Kesihatan.

Saya hendak merujuk kepada sahabat-sahabat saya yang ada penyakit, selalu melawat hospital mengatakan bahawa mereka terpaksa menunggu dua jam, tiga jam hingga empat jam bahkan di IJN. Hari ini kita jumpa esok baru dapat ubat. Saya ingat Datuk Rahman bentang semalam, ada masalah di IJM, lewat!.

Jadi saya mintalah sekurang-kurangnya untuk berjumpa doktor ini, 30 minit ke bawah. Saya minta Kementerian Kesihatan ambil tindakan yang tegas. Itu yang pertama.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat boleh beri laluan. Saya selalu berulang ke IJN, apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu tadi tidak tepat sama sekali kerana IJN sudah membuka *wing* nya yang baru dan menyediakan satu servis yang amat memuaskan. Tidak sampai 10 minit, saya sudah dapat ubat itu. Bukan tunggu dua hari. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat, sebab ini dari Kuala Lumpur, yang dari Perlis ia tidak sama. *Playing field* tidak *level* Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Mungkin Yang Berhormat...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya perlu tunggu dua hari Yang Berhormat. Macam mana *you* sepuluh minit..., *you* macam mana? Jawablah... [Ketawa]

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Penyakit Yang Berhormat itu teruk kot... [Ketawa]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya tidak sakit teruk, *you* lebih teruk... [Ketawa] *You* mana tahu saya teruk? Jawablah... [Ketawa]

■1150

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Saya teruskan, jadi di sini saya cuma hendak teruskan hendak sentuh tentang "*Jom Tak Nak Merokok*", saya hendak tanyalah kementerian apa sudah jadi dengan "*Jom Tak Nak Merokok*"? Ini kerana saya mendapati bahawa kematian daripada merokok ini telah bertambah dan orang yang merokok telah bertambah. Jadi saya hendak mencadangkan sama seperti yang dicadangkan oleh CAP, kita naikan usia beli rokok kepada 21 tahun dan sekarang kita besarkan kota rokok biar harganya satu kotak RM20 kah?

Jadi, budak-budak ini tidak boleh beli, sekarang ini kanak-kanak sekolah ini dia sentiasa merokok di atas motosikal pun merokok, dalam kereta pun merokok dan sudah menjadi budaya dalam negara ini dengan kesukaan keterlaluan untuk merokok dan wanita.

Saya tidak tahu bila statistik ini, tetapi dijawab oleh Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa makna semasa Setiausaha Parlimen ini saya ingat empat tahun yang lepas, sekarang tidak ada Setiausaha Parlimen menjawab di Parlimen mengatakan daripada dalam bahasa Inggeris *Health Ministry, Parliamentary Secretary*, dengan izin, *Datuk Lee said 8% of the estimated six million smokers are women*, perempuan, merokok. Bermakna kalau *percent* ini berada 48,0000, banyak kerja lain lagi, banyak lagi benda yang menyihatkan badan untuk sihat, tetapi rokok juga menjadi faktor utama, yang ini yang disukai, jadi...

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Minta laluan, okey Yang Berhormat, tadi kita nampak ada satu mula-mula Yang Berhormat memuji wanita usia nya lebih panjang kehidupan di Malaysia, kemudian lebih ramai hisap rokok. Tidakkah sekejap lagi dibimbangkan fakta menyebabkan orang kata rokok akan menjadikan usia lebih panjang.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat, wanita ini yang hisap rokok dia pendeklah umur. Mudah saja, *very simple* matematik Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bawa lagu sampai 160, 70 alamatnya pendeklah umur. Kalau *steady, relax* bawa dengan tenang panjanglah umur. Ini kita, yang kita buat itu yang Tuhan bagi..

**Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Saya sebut dengan izin,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada tiga minit lagi.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Kemudian tentang *civil service*, saya masuk *civil service*, iaitu saya mencadangkan supaya satu suruhanjaya...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat

**Tuan Ahmad bin Hussin:** ...Untuk mengkaji

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat

**Tuan Ahmad bin Hussin:** ...Kelemahan pentadbiran awam...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan, saya bercakap berkenaan rokok Yang Berhormat, hendak bercakap berkenaan rokok Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tentang rokok ini, rokok ini kerajaan kata "*Tak nak..*", jangan merokok, kempen jangan merokok. Akan tetapi kita lihat pada hari ini rokok-rokok yang di seludup di dalam negara kita, kalau 2007 lebih kurang 28%, 2009 ini dia naik sampai 38% rokok yang di seludup ke negara kita, bayangkan berapa banyak kerajaan rugi cukai lebih kurang RM2 bilion. Jadi kita mintalah Kementerian Dalam Negeri ini siasat di kedai yang menjual rokok seludup ini, jadi ini juga satu fakta yang kita menggalakkan orang merokok, jadi apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih, masa pun tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa kecederaan ya, satu minit lagi.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** ...Ya, saya mencadangkan satu, dengan izin, *how to improve saver service*, ini saya cadangkan, suruhanjaya mengkaji kelemahan Pentadbiran Awam, dan saya rasa dia akan mengatasi cara-cara untuk *improve* kan *saver service*, dan saya minta Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik perlu mempunyai pegangan hidup yang unggul, yakin dan berani membuat keputusan untuk rakyat Malaysia. Tentang KEMAS kini data e-kasih, yang ini saya harap dapat dibuat bersamaan dengan banci penduduk dan perumahan tahun 2010 yang akan bermula supaya kesemua sekali warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, bapa tunggal, kumpulan PPRT, kesemuanya mendapat pembelaan. Saya hendak tanya Kementerian Luar, Majlis Dasar Luar Negara ini yang ditubuhkan apa sudah jadi? Saya hendak tanya satu lagi Lee Kuan Yew ke sini adakah memasuki melalui saluran-saluran diplomatik atau tidak dan kenapa Lee Kuan Yew hadir di negara kita...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta kerjasama ya, masa sudah cukup.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** *Last* sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kilang gula PBB yang hendak menjualkan tanah kerajaan negeri memikir semula untuk memohon kelulusan kerajaan negeri kerana kita tidak boleh menjual tanah orang. Ini adalah satu kesalahan, saya ingat Perdana Menteri harus memberikan perhatian serius terhadap perkara ini, sekian dengan ini saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim.

**11.55 pg.**

**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya membahaskan Bajet 2010, di dalam perbahasan ini saya ingin hanya menyentuh dua perkara sahaja.

Pertamanya ialah mengenai petunjuk indeks prestasi atau lebih dikenali dengan singkatnya KPI dengan izin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menanamkan disiplin terhadap anggota Kabinet beliau mengenai penyeliaan prestasi, dan selaras dengan moto barunya, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Saya merasakan bajet ialah satu yang memperbaharui gelagat pihak-pihak yang melaksanakannya. Apabila sesuatu bajet dibentangkan, kemudiannya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, ia seharusnya dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Kita harus sedar bahawa peruntukan yang diluluskan ini ialah wang rakyat dan ialah satu amanah. Bagi pihak yang melaksanakannya, mereka seharusnya memastikan bahawa Kementerian mereka dapat menjayakan sekurang-kurangnya 90% daripada peruntukan tersebut.

Di dalam Kementerian Kewangan, saya mendapati terdapat satu bahagian yang dinamakan Bajet Tambahan atau *Supplementary Budget*, dengan izin. Saya ingin penjelasan daripada Menteri Kewangan, apakah tujuannya mempunyai bajet tambahan, apabila kita sudah pun meluluskan bajet untuk tahun berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang korporat pula, lembaga pengarah bertanggungjawab dalam memastikan peruntukan tersebut digunakan dengan sebaik-baiknya. Sekiranya terdapat kekurangan di dalam bajet dan memohon kepada penambahan dalam peruntukan, mereka haruslah membentangkan peratus pulangan ataupun dalam Bahasa Inggeris dengan izin, "*Return on investment or return on capital employed*".

Mereka haruslah membentangkan peratus pulangan yang dapat dicapai dengan pelaburan tambahan yang dikeluarkan. Di dalam praktis kita, di dalam Kementerian Kewangan, pemantauan terhadap peruntukan tersebut agak lemah. Oleh sebab itu saya ingin bertanya kepada Menteri Kewangan, di dalam bajet lepas, kementerian yang manakah yang memohon bajet tambahan, jumlahnya dan apakah peratus pulangan atau ROI yang di peroleh daripada tambahan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa singkat, itulah sahaja ucapan saya hari ini.

■1200

**Timbalan Yang di Pertua:** Terima kasih. Silakan Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

**12.00 tgh.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama berbahas pada hari ini. Pertama sekali, saya ingin membuat satu permohonan kepada pihak kerajaan agar membuat pengiktirafan kepada kerja tidak berbayar khususnya dalam ekonomi dan pembangunan negara. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Mulia Raja Perempuan Kelantan yang begitu komited dalam menjaga suami Baginda iaitu Yang Amat Mulia Sultan Kelantan yang sedang gering dan *alhamdulillah*, kini menunjukkan tanda penyembuhan yang positif.

Ini jelas menunjukkan persamaan peranan yang ditanggung seorang isteri, tidak kiralah apa pun jawatan, tidak kira masa senang ataupun susah suami dan ini akan ditanggung oleh keluarganya sendiri. Oleh yang demikian, saya memohon agar pihak kerajaan, khususnya dari segi polisi dan penyediaan bajet untuk mengiktiraf kerja-kerja tidak berbayar secara langsung yang dipikul oleh rakyat negara ini, khususnya oleh wanita. Ini meliputi kerja-kerja yang dinyatakan di peringkat antarabangsa sebagai kerja yang meliputi:

- (i) menjaga anak;
- (ii) menjaga orang tua;
- (iii) menjaga orang sakit;
- (iv) membuat kerja-kerja komuniti sama ada dari segi politik ataupun sosial;
- (v) membuat kerja-kerja pertanian;
- (vi) menolong keluarga berniaga;
- (vii) membina rumah keluarga;
- (viii) membuat kerja-kerja pemuliharaan di rumah dan;
- (ix) kerja-kerja pengangkutan.

Dari segi teorinya, semua kerja-kerja ini boleh dibuat oleh orang yang dibayar gaji. Dalam kes ini negara kita banyak kerja-kerja sebegini, ia tidak dibayar gaji terutama kalau dilakukan oleh isteri ataupun wanita di rumah. Jadi, khususnya untuk perkara begini saya memohon agar pihak kerajaan memberikan sedikit pengiktirafan dari sudut polisi kepada semua kerja-kerja yang telah pun dibuat yang sekarang ini diiktiraf sebagai kerja tidak berbayar dan dimasukkan dalam sektor yang juga besar dari segi sumbangan ekonomi.

Ini kerana ia akan membantu memudahkan kerja-kerja kehakiman di mahkamah bilamana, mana-mana hakim akan membuat keputusan untuk kes-kes harta sepencarian atau kes-kes nafkah yang akan ditanggung oleh isteri yang menghadapi masalah perceraian atau masalah tidak dibayar nafkah oleh suami. Begitu juga, saya memohon agar pihak kerajaan mempertimbangkan sekali lagi cuti tiga bulan untuk wanita yang bersalin kerana jiran kita, Singapura telahpun memperkenalkan cuti empat bulan untuk wanita bersalin, dua bulan ditanggung oleh subsidi oleh kerajaan, dua bulan lagi ditanggung oleh majikan sendiri.

Jadi, sekiranya perkara ini dapat dibuat demikian oleh Singapura, kita bimbang penurunan kadar kelahiran secara berkala di kalangan anak di Malaysia telah pun menunjukkan status yang berterusan. Saya berbincang dengan pegawai daripada LPPKN, katanya sekiranya perkara ini tidak diatasi dengan cepat, ia tidak mungkin dapat kita atasi dengan wang ringgit pada masa hadapan sekiranya kadar penurunan kelahiran ini akan berlaku secara terus-menerus.

Kedua, kenapa saya pohon perkara ini adalah kerana kos pembantu rumah di negara kita telah pun jadi hangat, ya. Dalam dua bulan ini, di mana apabila kerajaan Indonesia memohon untuk mendapatkan gaji minimum bagi pembantu rumah, dalam masa yang sama, negara kita belum lagi menetapkan gaji minimum untuk pekerja tempatan pun. Jadi, kalau ini benar-benar menjadi kenyataan, ada gaji minimum yang mungkin tinggi untuk pembantu rumah, bagaimana pula dengan nasib pekerja di Malaysia yang telah pun menjadi warganegara, tetapi dari segi pendapatan mereka tidak dapat had gaji minimum.

Kalau gaji minimum diperkenalkan, dalam masa yang sama, kerja-kerja tidak berbayar yang dibuat oleh wanita tidak diiktiraf secara polisi, secara program oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun oleh kerajaan, ini akan lebih menekan isteri-isteri terutamanya yang berpendapatan rendah, yang terpaksa buat dua atau tiga kerja dalam satu masa semata-mata untuk memastikan keluarga sejahtera dari sudut pendapatan dan juga sejahtera dari sudut kebajikan.

Seterusnya juga, saya ingin memohon agar pihak kerajaan dari segi melaksanakan bajet yang akan kita bahaskan ini untuk memastikan peruntukan cuti Sabtu dan Ahad atau di setengah negeri contoh di Kelantan hari Jumaat dan Sabtu, agar cuti ini benar-benar dapat dihayati dan mengikut kualiti masing-masing. Ini kerana kita lihat negara-negara maju, bilamana mereka memberikan cuti Sabtu dan Ahad kepada rakyat negara mereka, kerajaan contohnya di Switzerland mengawal untuk memastikan *hypermarket* ataupun *supermarket* ditutup pada hari Sabtu dan Ahad. Ini memberikan masa kepada keluarga khususnya ibu bapa dan anak-anak untuk bersama keluarga.

Namun, di negara kita, kita lihat fenomena ini tidak berlaku. Kadang-kadang *hypermarket* dibuka sampai pukul 10 atau 11 malam, maka anak-anak yang cuti sekolah akan berada di *supermarket*. Begitu juga dengan ibu bapa, mungkin menghabiskan masa dengan berjalan dan memenuhi jualan-jualan murah yang diadakan oleh pengusaha ataupun penjual-penjual pada hujung minggu. Jadi, ini tidak mencapai maksud sebenarnya.

Oleh itu, kalau boleh kita minta dipertimbangkan dan diberi dalam menentukan lesen ataupun tempoh masa mana-mana kedai ataupun pusat hiburan yang dibuka, mempertimbangkan akan manfaat bilamana cuti ini diberikan secara rasmi oleh kerajaan. Berkaitan dengan Kementerian Pelancongan, saya ingin memohon agar pihak Kementerian Pelancongan memberikan promosi yang lebih baik untuk pakej keluarga kerana kita melihat di sini dari segi pengiraan *Gross National Happiness*.

Saya rasa setakat ini kita masih belum mendengar lagi daripada pihak kerajaan yang mengeluarkan sebarang statistik peruntukan ataupun kejayaan apabila Lembaga Hasil Dalam Negeri dibenarkan untuk memberikan sedikit pengecualian kepada perbelanjaan untuk keraian kakitangan. Keraian kakitangan diberikan pengiktirafan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri, tetapi sehingga kini kita tidak dengar sebarang laporan atau maklum balas yang baik berkenaan bahawa benda ini memang diguna pakai oleh majikan dan sejauh mana keluarga di Malaysia dapat merasakan ataupun menikmati manfaat sebagai kakitangan di Malaysia, khususnya untuk mereka bercuti bersama keluarga.

Saya juga mengesyorkan kepada semua syarikat penerbangan utama negara iaitu Malaysia Airlines dan juga AirAsia serta hotel-hotel ternama dan murah supaya bersaing menggunakan langkah yang lebih efektif untuk pelancongan keluarga, bukan hanya terhad kepada pakej bulan madu. Pakej-pakej ini seharusnya mempunyai ciri-ciri mesra keluarga dari segi kos yang mampu dinikmati oleh keluarga berpendapatan sederhana dalam setiap tiga tahun dan kemudahan ditawarkan dan ia hendaklah dipromosikan secara intensif dan berkala serta dikawal oleh pihak kerajaan.

Ini kerana kita melihat sekarang ini Perodua dan Proton mempromosikan ALZA dan EXORA yang boleh memuatkan ibu bapa dan anak-anak dengan lebih selesa. Maka kita minta kalau boleh tumpuan polisi untuk promosi agar semua kementerian ini memberikan lebih masa kepada keluarga untuk memberikan keluarga ini masa untuk mereka bercuti agar keseluruhan pendapatan ataupun sebahagian daripada pendapatan yang mereka cari selama ini boleh mereka menikmati bersama anak-anak semasa dalam proses anak-anak ini dibesarkan.

Kita mahu anak-anak ini menjadi anak-anak yang menyayangi ibu bapanya yang telah mencari rezeki siang dan malam dan ini merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran yang sihat dalam orientasi pengajaran bukan berteraskan peperiksaan dalam melahirkan warga yang berpotensi. Saya telah pun melayari MH Online dari sudut promosi dan saya lihat ada satu promosi yang dinamakan ASEAN Pass. Apabila saya tanya di kaunter MAS sendiri, dia kata sebenarnya ASEAN Pass ini orang Malaysia jarang guna. Yang selalu gunanya orang daripada *Europe*. Kelebihan ASEAN Pass ini, dengan harga RM1,049 dapat pergi ke dua negara, pergi dan balik dengan menggunakan Malaysia Airlines.

Jadi, di sini saya hairan kenapa apabila dilancarkan satu produk, khususnya oleh syarikat Malaysia Airlines ini tidak dibuat sebarang promosi yang lebih intensif kepada rakyat kita menggunakan perkhidmatan ini? Apabila ia jarang digunakan dan kita minta untuk mendapatkan perkara ini, kita lihat pengurusan prosedur untuk mendapatkan baucar bagi mendapatkan tiket, mereka hanya buat secara berpusat kerana permintaan tidak banyak. Permintaan tidak banyak berlaku kerana bagi saya, promosi tidak hebat. Oleh itu, saya mintalah daripada syarikat penerbangan negara ini supaya membuat promosi yang berterusan dan hebat bagi memastikan perkara ini jangan hanya tinggal sebagai satu produk yang diperkenalkan bilamana kita tanya dalam Dewan, ada program, tetapi bagaimana kejayaan tidak dipantau.



Saya juga ingin mohon kepada pihak Parlimen khususnya dalam meletakkan atau merencanakan tarikh-tarikh persidangan agar tarikh persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidak dibuat dalam masa cuti sekolah. Pengalaman saya sebagai Ahli Dewan Negara selama empat tahun, kesemua tarikh persidangan Dewan Negara dibuat dalam masa cuti sekolah. Tidak kiralah cuti sekolah yang tengah tahun, yang bulan lapan dan yang juga bulan Disember.

Saya minta kalau boleh di *adjust* kan sedikit tarikh untuk persidangan ini, Dewan Rakyat mungkin susah sedikit kerana ia panjang. Akan tetapi, walaupun panjang saya rasa kita boleh *adjust* ke tengah sedikit. Berikan masa untuk wakil rakyat dan juga ibu bapa yang menjadi wakil rakyat ini untuk bersama dengan anak-anak semasa cuti sekolah. Jadi, perkara ini sebenarnya mengganggu dari sudut hubungan kerana tidak semua kita lihat wakil rakyat hanya mempunyai cucu, ramai juga yang punya anak. Nenek pun hendak lihat cucu. Datuk juga hendak bersama cucu. Jadi, perkara ini bagi saya, kalau tidak dirancang dengan cara yang baik, saya mintalah kalau boleh, kalau kena cuti sekolah pun, kalau boleh yang awal-awal ataupun yang akhir-akhir.

Hal ini demikian supaya perkara ini tidak mengganggu dan akan ada sindrom nanti mana-mana anak yang menjadi anak kepada mana-mana pemimpin negara merasakan mereka terabai. Ini kerana setiap kali bersidang, mereka terpaksa kehilangan ibu bapa yang *spend* masa, sekarang ini kalau Dewan Rakyat daripada pukul 10 pagi sampai 11 malam mereka bersidang.

#### ■1210

Dewan Negara nasib baik sedikit, kerana yang menjadi masalah juga bukan hanya kepada Ahli-ahli Parlimen, tetapi juga kepada kakitangan Parlimen. Kakitangan Parlimen pun tidak boleh bercuti. Jadi, ini bukan hanya melibatkan wakil rakyat, melibatkan kakitangan Parlimen dan juga kepada pegawai-pegawai kerajaan yang terpaksa mengikuti dan membuat jawapan kepada perbahasan yang dibuat oleh mana-mana Ahli Parlimen. Jadi, saya minta kalau boleh di*adjust*kan sedikit tarikh persidangan, mungkin kalau dalam setahun itu ada sekali yang kena. Akan tetapi kalau boleh jangan sepanjangnya kita kena dengan tarikh persidangan, kena dengan tarikh cuti sekolah.

Seterusnya lagi, saya hendak membuat sedikit teguran kepada pihak kerajaan apabila kita mempromosikan pelancongan. Apabila kita melihat pada majalah-majalah libur dan *in-flight magazine*. Kalau kita melihat pada *in-flight magazine* ini kita melihat kadar liputan dan rencana berkenaan dengan ciri-ciri tradisional. Ciri-ciri Islam dan ciri-ciri kemelayuan dalam *in-flight magazine* langsung tidak nampak. Kalau kita lihat pada majalah yang saya lihat setiap kali kalau kita menaiki *flight* pun, kita lihat majalah liburan ini, kita nampak seolah-olahnya negara kita ini hanya mempunyai bangsa-bangsa lain, ciri-ciri lain. Langsung tidak ada ciri-ciri ataupun sedikit sangat yang ditumpukan pada ciri-ciri Islam.

Jadi, perkara ini sebenarnya menyalahi realiti. Di Malaysia ini orang Melayunya ramai. Kita punya keunikan juga banyak. Jadi, kalau boleh saya minta daripada segi *proportion* untuk rencana itu diberikan ruang yang lebih sesuai. Liputannya yang lebih sesuai, lebih banyak kerana apabila pelancong luar datang ke negara kita, yang mereka lihat sebenarnya bukan sebagaimana yang digambarkan dalam majalah hiburan atau majalah liburan tadi. Akan tetapi perkara yang lain.

Jadi, kita kalau boleh jangan lari daripada ciri dan keunikan kita yang asal. Kita perlu menerima hakikat negara ini, kita ada banyak bangsa dan agama, tetapi yang mana yang menjadi *priority* itulah keunikan yang kita hendak tonjolkan. Kerana ini perkara yang tidak boleh kita hendak atasi kerana ini adalah faktor sejarah. Jangan pula apabila di dalam *newspaper* cerita lain dalam majalah lain, apabila mereka sampai lain yang mereka terima.

Jadi, kalau boleh ciri keunikan ini kita kekalkan. Kita tidak hendak pelancong-pelancong khususnya dari negara Arab yang mungkin memilih Malaysia untuk tempat mereka bercuti apabila masuk dalam *flight*, lihat kita punya *in-flight magazine* langsung tidak ada Islamik yang boleh mereka lawat melainkan mereka boleh melawat masjid di Putrajaya sahaja. Yang lain tidak ada liputan.

Jadi, perkara ini kalau boleh kita minta diperjelaskan dengan lebih hebat lagi supaya ini akan menarik mereka. Lihat usaha daripada Kementerian Pelancongan hendak menarik pelancong dari Timur Tengah kerana pelancong dari negara lain kurang ke negara kita. Jadi, kalau boleh saya minta perkara ini diberikan perhatian dan minta juga para editor membuat liputan dan rencana pelancongan Islam memandangkan prasarana dan fokus pembangunan negara sebagai negara Islam yang progresif dan maju itu. Ini merupakan pandangan awam terhadap negara lain kepada negara kita di peringkat antarabangsa.

Begitu juga dengan jumlah hotel yang semalam disebutkan oleh rakan saya dan ditanya juga oleh rakan saya tentang jumlahnya sekarang ini baru 35 buah. Jadi, kalaulah perkara ini mendapat liputan antarabangsa bahawa Malaysia yang memperkenalkan halal *hub* negara Islam, kita cuma ada 35 buah hotel yang halal. Ini perkara yang begitu menyedihkan.

Saya minta pihak kerajaan mengambil langkah yang lebih drastik khususnya untuk semua program yang dianjurkan oleh kerajaan bagi memastikan hanya hotel yang diiktiraf sebagai taraf halal diberikan prioriti, dan keutamaan dalam penganjuran sebarang program-program yang berkaitan dengan kerajaan dan Ahli Parlimen boleh tinggal supaya perkara ini memberikan sedikit tekanan dan juga galakan kepada pihak pengusaha hotel agar menjadikan hotel ataupun restoran mereka sebagai sebuah restoran yang halal.

Kita telah mendengar laporan dari negara Arab Saudi bahawa antara masalah mereka ialah masalah penderaan rumah tangga. Jadi, cara mereka mengatasi masalah penderaan rumah tangga ini dibuat dengan cara yang drastik, iaitu mereka telah pun melantik polis-polis keluarga yang terdiri daripada lelaki dan wanita yang dibuat oleh Arab Saudi. Mengikut laporannya, apabila mereka memperkenalkan satu unit polis wanita atau polis keluarga ini, kadar penderaan telah turun dengan baik dan jumlah peningkatan aduan oleh wanita naik dengan baik, kerana polis ini adalah polis yang betul-betul bertugas untuk menjaga kebajikan hal ehwal keluarga.

Kita faham sebagaimana yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat sebelum ini, tugas polis banyak. Jadi, kalau ada perempuan atau kanak-kanak yang hendak mengadu tentang perkara-perkara sebegini bagi mereka remeh berbanding dengan jenayah-jenayah berat. Ini mereka tidak memberi keutamaan. Sebenarnya ini menjadi faktor mengapa kemudian kanak-kanak ini akan menjadi kanak-kanak yang terbiar dan terabai dan isteri yang terbiar dan terabai ataupun suami yang terabai akan menimbulkan masalah sosial kepada negara.

Jadi, kalau boleh kita pohon kepada pihak kerajaan sama ada di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri atau mana-mana kementerian atau jabatan agama untuk menubuhkan pasukan polis keluarga yang kerjanya spesifik untuk mengatasi masalah kekeluargaan, kerana kita sedar daripada segi faktor tingginya jumlah perceraian, kadar ketidakbahagiaan negara kita yang mungkin sudah mencapai tahap yang bagi kita agak kritikal, boleh kita atasi dengan wujudnya polis keluarga ini. Ini mungkin cara pelaksanaannya mungkin boleh dibincangkan dan kita boleh mengambil contoh dari negara Arab Saudi.

Begitu juga dengan pendekatan yang dibuat oleh mereka. Mereka menggunakan pendekatan memastikan tokoh-tokoh agama khususnya mufti mengeluarkan fatwa-fatwa yang lebih keras dan lebih semasa untuk kes-kes yang melibatkan kekeluargaan. Jadi, fatwa mufti ini akan diikuti dari semasa ke semasa dan mufti akan memastikan bahawa semua perkara yang akan dianggap menganiaya keluarga dan wanita ini, diberikan keutamaan dan hukum yang lebih jelas mereka uar-uarkan dalam media elektronik. Saya rasa sekiranya pihak kerajaan membuat hubungan yang lebih rapat dengan tokoh-tokoh agama dan jabatan agama, mereka boleh mengeluarkan perkara seperti ini dengan lebih kerap. Ia akan memberikan kesan pada pendidikan keluarga secara keseluruhannya, di samping kita menjalankan program-program yang sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Yang Berhormat Menteri pada pagi tadi tentang bagaimana kita hendak membina keluarga yang bahagia.

Pada peringkat antarabangsa, kita menerima protokol bahawa kita bersetuju untuk wanita menjadi 30% daripada pembuat dasar di dalam negara. Walau bagaimanapun, daripada segi realiti, dalam sepuluh atau sebelas negara ASEAN, kita berada di tempat yang paling bawah daripada segi representasi, wanita dalam membuat keputusan.

Saya minta pihak kerajaan khususnya daripada pihak media dan pihak yang akan menentukan polisi negara, membuat perubahan dasar yang lebih efektif khususnya daripada segi pendidikan. Saya percaya kebanyakan parti yang bertanding di negara kita telah pun mungkin menghantar ramai calon wanita. Walau bagaimanapun, oleh kerana tidak ada promosi ataupun tidak ada penerangan dan pendidikan bagaimana wanita ini bukan hanya boleh menjadi pengundi, tetapi boleh juga menjadi pembuat keputusan, bilangan wanita yang diterima masuk ke Dewan Rakyat adalah amat rendah berbanding dengan lelaki yang diterima masuk ke Dewan Rakyat. Jadi, sebagai contohnya di Dewan Rakyat sekarang ini hanya ada sepuluh orang wakil daripada pembangkang dan 12 orang wakil daripada pihak kerajaan.

Ertinya, dalam semua jumlahnya, dalam 22 orang sahaja wakil wanita yang berada di bahagian pembuat dasar di Dewan Rakyat. Jadi, saya minta sangatlah kalau boleh dibuat lebih banyak pendidikan tentang pengupayaan wanita untuk membuat keputusan ini dibuat oleh pihak kerajaan khususnya untuk memastikan kebajikan wanita ini akan lebih dipelihara. Saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Negara kerana setakat ini untuk Dewan Negara, kita memang mencapai kuota 30%.

Jadi, kita mahu agar perkara ini dibuat tindakan yang lebih agresif daripada sudut mengenal pasti dan juga memastikan semua insentif dan *facility* dibuat pada semua peringkat untuk memastikan wanita ini boleh terlibat sebagai pihak yang akan membuat keputusan bagi pihak negara. Mereka ini diberi peluang yang sepenuhnya dan dipastikan kuota ini dipenuhi bukan hanya pada peringkat negara, tetapi juga pada peringkat negeri.

Begitu juga dengan *budget gender*. Negara kita telah pun melancarkan dalam tahun 2005 untuk lima buah kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Sumber Manusia melancarkan *pilot project* untuk *gender budgeting*. Walau bagaimanapun sehingga kini, kita masih belum mendengar maklum balas atau pun analisa tentang *gender budgeting* ini dikemukakan di Parlimen.

Jadi, saya mengharapkan agar semua kementerian ataupun khususnya kepada Kementerian Kewangan bagi memastikan semua kementerian yang akan menghantar bajet mereka untuk membuat fokus sebagaimana berikut:

- (i) untuk memastikan semua program dan projek yang dicadangkan dalam bajet akan memenuhi keperluan wanita daripada pelbagai peringkat;
- (ii) untuk memastikan bahawa lelaki dan wanita kedua-duanya mendapat manfaat daripada sebarang *service* yang dikemukakan oleh kementerian;
- (iii) adakah program dan projek tersebut akan mengurangkan atau menghilangkan terus *gender inequalities* ataupun ketidakseimbangan *gender*;
- (iv) untuk memastikan akses sama ada peruntukan bajet yang diberikan adalah munasabah untuk memastikan *gender responsive policy* yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan menjadi kenyataan kerana kita melihat...

#### ■1220

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya mohon mencelah, terima kasih. Yang Berhormat menekankan tentang *gender equality*. Dari segi Islam adakah lebih sesuai *gender responsiveness* berbanding dengan *gender equality*? Kedua, kalau kita menekankan *gender equality* itu adakah lebih sesuai berdasarkan *needs rather than gender*? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum itu tolong gulung ucapan ya. Saya beri lima minit sahaja lagi.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sebentar tadi saya ada menyebut bahawa yang kita hendak *implement* ialah *responsive equality* bukan kita hendak *implement gender inequality* tetapi dari sudut projeknya kita perlu kaji kedua-dua. Akan tetapi kita hendak isi polisi kita akan menganjurkan untuk *gender responsiveness policy*.

Seterusnya berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Saya minta Kementerian Pengangkutan untuk memberi penekanan dan laporan terkini kepada kajian kehilangan kos yang dialami oleh kerajaan hasil daripada kemalangan dan kehilangan nyawa rakyat kita setiap hari.

Ini supaya perkara ini memberikan impak dari sudut ekonomi supaya rakyat sedar dan bersedia untuk membuat perubahan minda dan sikap. Ini kerana kalau kita tidak menakutkan atau pun kita tidak menerangkan dan mendidik rakyat tentang fakta-fakta sebegini mungkin mereka merasakan bahawa yang menimpa atau pun kemalangan itu hanya melibatkan kerugian kepada pihak mereka. Akan tetapi tidak kerugian kepada pihak kerajaan dari sudut melakukan bajet dan saya minta sebagaimana jawapan yang diberikan oleh Menteri sebelum ini bahawa perlunya pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalanraya dilakukan kerana banyak seksyen dalam Akta Pengangkutan Jalanraya sebenarnya tidak relevan lagi untuk kita pakai di negara kita. Jadi kalau boleh dibuat perubahan yang segera.

Saya juga minta untuk kemudahan di Terminal Subang, untuk kemudahan tempat solat di Terminal Subang saya minta diperbesarkan kerana banyak aduan yang diterima kesesakan yang teramat setelah meningkatnya jumlah dan penerbangan *Firefly*. Kalau di negara lain mereka boleh menyediakan tempat sembahyang yang lebih sesuai kenapa negara kita yang kita katakan negara Islam, tempat ini kita pandang dengan remeh. Saya minta lah dibuat tindakan dengan segera.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan jumlah AP yang dimiliki secara individu oleh pemandu teksi untuk *limo* KLIA. Setakat ini dari tahun 2001 hingga kini berapakah jumlah limousin yang telah ditukar milik daripada pemandu dalam perjanjian sewa pemandu ini dengan KLIA *limo* dan saya juga meminta agar pihak KLIA *limo* untuk membuat perubahan dari sudut catatan dokumentasi, pengenalan diri, pemandu, dan teksi untuk dibuat segera bagi menjamin keselamatan dan perubahan dari sudut kebajikan penumpang-penumpang yang akan mengguna pakai teksi ini.

Seterusnya saya juga ingin memohon kepada pihak Kementerian Penerangan iaitu untuk membuat garis panduan yang lebih jelas dari segi membenarkan artis yang sama atau pun model yang sama yang membuat iklan yang pakai tudung. Kalau di Kelantan dan Terengganu mereka pakai tudung. Apabila untuk iklan di Selangor ataupun mungkin di Kuala Lumpur, artis dan model yang sama tidak memakai tudung. Jadi saya minta kalau boleh untuk perkara ini hormatilah sedikit.

Kalau boleh kita minta syarikat yang hendak buat itu kalau untuk yang pakai tudung itu ambil model yang pakai tudung. Bagi yang tidak pakai tudung untuk model yang tidak pakai tudung. Jangan kita tukar orang yang sama sekejap pakai, sekejap tidak pakai. Ini menimbulkan persepsi yang agak negatif kepada orang yang melihat kenapa di sini pakai di sini tidak pakai. Ini benda yang terpampang bukan sehari tetapi bertahun-tahun. Jadi perkara ini bagi saya minta dibuat tindakan yang segera oleh pihak kementerian agar dipastikan perkara ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang. Berkenaan dengan royalti galian petroleum kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan Pusat untuk memastikan semula negara ini dibuat di atas *rule of law*. Asas negara kita Perlembagaan.

Kita memakai konsep *federalism* di mana *Federal* atau pun Persekutuan dan kerajaan negeri ada jadual-jadual yang telah kita persetujui bersama. Akta Petroleum pun kita tandatangani bersama. Saksi yang membuat perjanjian ini masih lagi hidup. Yang kita mohon sekarang ialah hormatilah perjanjian apa pun pegangan politik yang kita ada.

Hak negeri dipegang oleh negeri. Setakat ini balak, batu, pasir, logam, emas, dan perak Kerajaan Pusat tidak pernah ganggu, kenapa pula untuk hak petroleum ini Kerajaan Pusat berbolak-dalik dari sudut jawapan tentang bagaimana hak sama ada royalti ini hendak dibayar dan berapa jumlahnya. Ini menjadi satu perkara yang nampaknya tidak jelas sedangkan ini sebuah negara. Ini bukan pentadbiran kampung atau pun sebuah rumah tangga. Jadi perkara ini mesti jelas. Kita mohon agar Kerajaan Persekutuan tidak mengganggu perjanjian ini dan membayar jumlah 5% royalti pada rakyat Kelantan kerana petroleum juga adalah galian.

Jadi saya menerima jawapan daripada pihak kementerian yang jelas mengatakan bahawa dari segi perundangan negeri-negeri di Semenanjung hanya mempunyai hak untuk menuntut pembayaran bagi sumber petroleum yang dihasilkan daripada perairan negeri tersebut. Dalam hal ini mereka Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1969, nombor 7, "Perairan negeri-negeri masing-masing adalah ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak tidak melebihi tiga batu nautika yang diukur daripada ketika air surut atau pesisir pantai tersebut." Bagaimana pula dengan sumber minyak yang ditemui di Sabah, di Terengganu yang juga melebihi tiga batu nautika kerana kenapa mereka ini boleh dapat royalti, kenapa Kelantan tidak dapat?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah pernah dalam mana-mana masa semasa Kerajaan Negeri Kelantan ataupun kerajaan-kerajaan negeri lain semasa menandatangani perjanjian dengan Petronas untuk Akta Kemajuan Petroleum 1994 memberikan hak kepada Kerajaan Pusat untuk menikmati sepenuhnya atau memberi hak sepenuh mutlak ke atas semua galian atau pun petroleum yang dijumpai melebihi tiga batu nautika. Apabila tandatangan sahaja *agreement* ini seluruh harta kerajaan negeri lebih kepada tiga batu nautika serah kepada Kerajaan Pusat dan itu menjadi hak mutlak Kerajaan Pusat. Apa pula keistimewaan eksklusif kepada Petronas sehingga berhak untuk mencari gali dan mengusahakan hasil petroleum milik negeri sama ada *onshore* atau pun *offshore* negara dan keseluruhan pendapatan diserahkan kepada Kerajaan Pusat.

Jadi saya juga mohon agar pihak kerajaan mengkaji akta-akta lain yang boleh dibaca bersama dalam akta mengkaji akta bagi memastikan keadilan ini bukan hanya dinikmati dari sudut mahkamah tetapi keadaan dari sudut ekonomi kepada rakyat Kelantan. Ini kerana sebelum ini Kelantan ikut sejarah tidak ada minyak. Apabila ada minyak ini adalah kurnia Allah dan tidak ada campur tangan manusia. Bukan kerja keras orang Kelantan jadi ada minyak di Kelantan. Jadi ini adalah rezeki daripada Allah SWT dan Kelantan adalah sebahagian daripada Malaysia. Jadi kita mohon kalau boleh berilah bayaran royalti dan jangan guna wang ihsan. Ini kerana ihsan ini tidak ada landasan dari sudut undang-undang. Apa kadar pun tidak ada landasan.

Kalau Kerajaan Pusat tidak bayar wang ihsan, apa hak kerajaan negeri untuk saman balik Kerajaan Pusat? Tidak ada. Semalam kita tengok bagaimana perbincangan yang dibuat mengatakan bahawa begini-begini sikap Tok Guru dan saya rasa cukup jelas. Kalau sebelum ini Tok Guru kata kalau untuk Perdana Menteri terbuka hati atau pegawai-pegawai menasihati untuk merayu royalti kepada Kerajaan Kelantan kita minta sangatlah kalau boleh nanti dia ubah fikiran kerana Tok Guru tidak pernah pun dari segi sebagai Menteri Besar Kelantan marah kepada Perdana Menteri atas dasar peribadi. Kelmarin apabila Perdana Menteri membuat usaha untuk mendamaikan kerajaan Islam di Selatan Thailand. Menteri Besar Kelantan boleh terima. Ini..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat,

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Satu minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:**...Masa yang diperuntukkan sudah cukup.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Okey, saya minta satu minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Jadi saya minta di sini kalau boleh ini bukan soal politik tetapi ini soal keadilan dan undang-undang. Kita berpeganglah kepada apa yang telah pun kita tandatangani dan sehingga kini terbukti kalau wang royalti ini tidak diberikan ianya tidak langsung membantu Kerajaan Barisan Nasional dari sudut moral pun sekiranya pihak Kerajaan Barisan Nasional boleh mempertimbangkan perkara ini untuk diberikan kepada kerajaan yang dipimpin oleh PAS ertinya ialah perkataan yang betul ataupun yang realisasi bagaimana Kerajaan Pusat hendak mengatakan bahawa dia ini betul-betul mengutamakan rakyat dan bukan mengutamakan parti masing-masing. Sekiranya wang ini diserahkan kepada JPP, JPP adalah agensi Kerajaan Pusat dan bukan Kerajaan Negeri yang dipilih oleh rakyat, jadi saya mohon agar pihak kerajaan membuat perubahan sikap yang benar-benar bagi menggambarkan demokrasi yang telah pun dijalankan di negara kita dengan aman selama lebih daripada 50 tahun. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Khoo Soo Seang.

**12.29 tgh.**

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan saya peluang dan ruang untuk terlibat dalam perbincangan Bajet 2010.

Saya akan sentuh sedikit berkenaan dengan ekonomi. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Bajet 2010, beliau berkata, "*Kini kita akan beranjak kepada satu bentuk model ekonomi baru berasaskan inovasi, kreatif, dan nilai tambah tinggi*".

■1230

Beliau juga berkata kerajaan amat komited dan serius untuk melakukan *total innovation* untuk membawa negara ke tahap ekonomi yang lebih maju. *Innovative leadership for one united innovative Malaysia* untuk memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dengan tujuan meningkatkan pendapatan per kapita rakyat lebih dua kali ganda dalam tempoh sepuluh tahun akan datang. Dari segi ini saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya dapati bahawa kalau kita hendak komited dalam ekonomi yang berasaskan inovasi, kreatif dan nilai tambah tinggi, pendidikan merupakan satu alat yang amat berkuasa.

Jadi, saya dapati bahawa misalannya dalam wawasan 2020, tidak guna kalau rakyat Malaysia yang cuma cerdik komputer dan teknologi. Kita harus ada orang yang boleh menghasilkan ciptaan baru, oleh itu usaha mempergiatkan penyelidikan, pembangunan, dan pengkomersialan adalah langkah ke arah yang betul. Kini perbelanjaan ke atas aktiviti R&D sebanyak 0.6% daripada KDNK sahaja. Kalau kita berbanding dengan 3% di Amerika Syarikat, 3.5% di Republik Korea dan 2.4% di Taiwan. Saya berpendapat bahawa kita harus menggalakkan murid dan penuntut di sekolah rendah hingga ke universiti menjadi lebih inovatif dan kreatif melalui program-program untuk menggalakkan mereka berfikir secara inovatif dan kreatif.

Oleh kerana saya sentiasa berpendapat bahawa pendidikan merupakan pemangkin perubahan dan rakyat Malaysia juga harus digalakkan memikir bukan sahaja secara tegak iaitu *vertical thinking* dengan izin, ataupun memikir secara logik bahkan mereka juga digalakkan berfikir secara melintang ataupun *horizontal thinking* iaitu mencari cara yang lebih banyak untuk mengatasi sesuatu masalah. *Horizontal thinking* itu akan menggalakkan rakyat jelata kita lebih berkreatif dan inovatif dan ini selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan industri kreatif.

Di samping itu saya juga berpendapat bahawa kita juga harus mengambil langkah-langkah untuk memastikan cerdik pandai di kalangan warga negara Malaysia tidak keciciran ke negara lain. Saya berikan contoh, misalnya *pendrive* yang kita banyak gunakan ini sebenarnya mungkin ada yang kita tidak sedar ini adalah ciptaan seorang warga Malaysia yang bernama Pua Khein-Seng. Saya percaya kebanyakan wanita sedar bahawa Jimmy Choo seorang pencipta barang-barang kegemaran wanita juga adalah warga Malaysia.

Sekarang kedua-dua orang ini tidak bermastautin di Malaysia dan sekiranya mereka berada di sini, saya percaya mereka akan membantu negara kita mendapatkan banyak wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan konsep 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Konsep itu sejak dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah disambut baik dan dialu-alukan oleh rakyat Malaysia. Bagi negara Malaysia, kepelbagaian bahasa, budaya, agama, adat-istiadat, corak hidup dan sebagainya adalah kekayaan dan kebanggaan Malaysia. Kepelbagaian tersebut juga mencerminkan slogan '*Malaysia Truly Asia*'. Ia juga menjadikan warga negara kita lebih bersikap sederhana, bertoleransi dan bersatu padu dan kita harus berbangga dengan ciri-ciri kepelbagaian tersebut.

Berkenaan dengan pembelajaran. Cadangan anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun hadapan adalah sebanyak RM25.52 bilion ataupun 18.5% di dalam bajet tahun hadapan. Salah satu daripada enam *National Key Results Area (NKRA)* ialah meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan dan meningkatkan tahap hidup rakyat yang berpendapatan rendah. Dari segi ini saya amat bertuah dan saya rasa saya juga ucapkan terima kasih kepada Parlimen Malaysia kerana hantar saya ke APA baru-baru ini.

Semasa saya terlibat dalam *Standing Committee for Economy* yang juga membincangkan cara-cara kita mengatasi *poverty*, saya sebenarnya begitu dengan Malaysia dan saya sebut bahawa pendidikan merupakan satu alat yang amat tajam untuk memerangi kemiskinan. Saya sebut bahawa kita gunakan pendidikan dan kita memberikan pendidikan percuma sampai ke peringkat sekolah menengah dan juga pendidikan wajib sekurang-kurangnya sampai ke peringkat sekolah rendah. Cadangan saya sudah diterima sebagai salah satu langkah di dalam *alleviating poverty resolution* bagi negara-negara Asia. Jadi seperti saya katakan tadi, pendidikan dan guru merupakan pemangkin perubahan. Kalau negara kita hendak maju, alatnya ialah pendidikan. Kalau kita hendak kaya alatnya ialah pendidikan.

Saya sebut pendidikan untuk mengatasi *poverty* kerana pada saya orang dewasa mungkin perlukan pendidikan untuk mereka mendapatkan kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan yang lebih tinggi. Kanak-kanak kalau tidak diberikan pendidikan yang berkualiti apabila mereka dewasa kelak, mereka akan sama juga dengan ibu bapa mereka dalam golongan miskin ataupun miskin tegar. Satu lagi yang kita perlu berubah melalui pendidikan ialah yang saya sebut sebagai miskin sikap. Orang yang bersikap tidak mengapa, tidak berusaha untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih bermakna dan berpendapatan lebih tinggi. Jadi perubahan sikap itu juga hendaklah melalui pendidikan.

Berkenaan dengan sekolah berprestasi tinggi. Sebagai seorang bekas pendidik, saya sentiasa berpandangan bahawa pendidikan kepada putera-puteri negara harus diberikan persepsi yang betul agar kemajuan pendidikan negara lebih maju ke arah yang betul. Pendidikan harus diberikan persepsi secara keseluruhan dan holistik. Pada saya pendidikan bukan sahaja akademik, pendidikan sebenarnya merangkumi aspek-aspek nilai moral, sikap, tabiat dan sebagainya dan bukannya penyampaian ilmu pengetahuan kepada para pelajar dan murid.

Saya petik falsafah pendidikan negara yang berbunyi, "*Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh. Saya tegas secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*"

## ■1240

Jadi, sekiranya pencapaian akademik sahaja yang diberikan tumpuan dan perhatian penuh, aspek-aspek lain dalam pendidikan diabaikan. Saya khuatir perkembangan pendidikan negara kita tidak akan seimbang dan insan yang dihasilkan itu pun bukan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Oleh sebab kita cuma menitikberatkan dari segi intelek sahaja dan kita lupa akan rohani, emosi dan jasmani. Kementerian Pelajaran juga harus memberi pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang cemerlang dari segi disiplin, kokurikulum dan sebagainya.

Saya sebut ini oleh sebab, bagi saya percaya mungkin ada sekolah di kawasan yang terpencil di mana kalau mereka cemerlang dari segi akademik mungkin sukar sedikit. Akan tetapi sekiranya kalau sekolah ini mempunyai disiplin yang baik ataupun mereka baik dari segi kokurikulum mengapa mereka dilupakan, mengapa mereka dianggap tidak cemerlang? Adakah sekolah yang cuma mempunyai prestasi akademik yang tinggi sahaja yang cemerlang? Kadang-kadang iaitu kecemerlangan akademik selalunya ia bergantung pada ibu bapa dan latar belakang keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan negara yang bercabang kepada tiga aliran sekolah rendah iaitu, adalah kekuatan dan kekayaan negara dan sistem itu tidak harus dipersoalkan oleh sesiapa pun. Sistem tersebut telah berjalan selama 50 tahun dan didapati berjaya menghasilkan warganegara yang menghayati perpaduan negara dan rakyat jelata yang saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Perlembagaan Persekutuan telah memberi jaminan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia dan tidak ada sesiapa pun yang harus mempertikaikan kedudukan bahasa kebangsaan yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Namun demikian, Perlembagaan yang sama juga memberi jaminan kepada rakyat jelata berbilang kaum untuk belajar, mengajar dan menggunakan bahasa-bahasa pilihan mereka. Sistem pendidikan negara kita yang mempunyai tiga aliran di peringkat sekolah rendah merupakan satu kekuatan dan bukan satu kelemahan. Kita dapati bahawa ramai ibu bapa yang bukan Cina pun hantar anak-anak mereka sekolah rendah Cina dan begitu juga dengan sekolah kebangsaan. Ramai juga ibu bapa yang bukan Melayu juga hantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Kita juga perlu sedar bahawa walaupun di SJK(C) nanti, Bahasa Malaysia merupakan mata pelajaran wajib di situ dan semua murid perlu belajar Bahasa Malaysia sejak mereka berada pada tahun satu. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit tentang...

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan *enrolment* murid Melayu di sekolah-sekolah Cina. Saya memang akui dari segi *trend* nya memanglah bilangan ibu bapa yang menghantar anak masing-masing, yang Melayu dan bumiputera ke sekolah Cina semakin ramai. Akan tetapi, mengikut rancangan PPP tahun 2006 hingga tahun 2010, salah satu daripada enam teras itu adalah memperkasakan sekolah kebangsaan.

Bagaimanakah kita sebagai rakyat hendak menjayakan teras mengenai memperkasakan sekolah kebangsaan, kalau kita lihat berhubung dengan penyertaan ini tidak mewakili *reflecting* semangat menjayakan teras tersebut? Bagaimana kita hendak menjayakan? Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada saya sekarang sebenarnya sekolah kebangsaan sudah banyak dapat bantuan daripada kerajaan. Saya ambil contoh, Bandar Raya Johor Bahru di mana bilangan murid-murid sekolah Cina seramai lebih 10,000, tetapi bilangan sekolah lebih kurang 20 sahaja. Banyak sekolah di bandar Johor Bahru *enrolment* lebih 3000 orang. Kawasan sekolah biasanya dalam lingkungan dua ekar setengah sahaja. Saya tidak mempertikaikan usaha kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan, tetapi saya masih rasa bahawa, oleh sebab kebebasan rakyat jelata untuk mengajar, belajar dan menggunakan bahasa telah dijamin oleh Perlembagaan, kita harus berikan mereka pilihan.



Jadi, terpulang kepada ibu bapa sama ada mereka hendak hantar anak mereka ke sekolah mana. Kejayaan sekolah Cina daripada aspek tertentu khususnya dari segi matematik dan sains sudah diakui oleh banyak pihak termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya hendak sentuh satu lagi masalah yang dihadapi oleh sekolah Cina iaitu kekurangan guru. Masalah ini sudah berterusan saya ingat tidak kurang daripada 30 tahun.

Menteri demi Menteri Pelajaran ataupun Menteri Pendidikan sudah memberi jaminan bahawa masalah itu akan diatasi, tetapi sampai sekarang kita masih belum dapat atasi masalah tersebut. Seinggakan ada sekolah peratus guru sandaran tanpa latihan, lebih daripada 30%. Ini merupakan satu keadaan yang tidak sihat dan kondusif untuk sekolah-sekolah Cina.

Baru-baru ini Kementerian Pelajaran sekali lagi mengadakan KDC ataupun Kursus Dalam Cuti. Sebagai seorang pendidik, saya sebenarnya sokong penuh...

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Minta laluan boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Saya mendengar pandangan Yang Berhormat tadi tentang betapa perlunya kita mengekalkan sekolah tiga aliran itu. Saya tidak pasti sama ada bila Yang Berhormat menimbulkan perkara itu.

Yang Berhormat, adakah itu dibuat semata-mata kerana dengan izin, *immediate political expediency* atau hendak mempertahankan sikap yang terlalu perkauman sifatnya dan mengabaikan Dasar-dasar Kebangsaan yang telah kita persetujui.

Saya ingin tanya bila Yang Berhormat menimbulkan perkara-perkara seperti itu, sudah kah Yang Berhormat mengambil pandangan atau memahami dan meneliti pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar pendidikan. Oleh Profesor Khoo Kay Kim, Dr. Mohd. Ridhuan Tee, Datuk Dr. Zainal Kling dan Datuk Dr. Siva Pandian di mana semuanya menyatakan kalau kita benar-benar ingin mengujudkan satu negara bangsa yang *Malaysian* sifatnya. Maka tidak ada jalan lain selain daripada memberi pendidikan yang seragam kepada anak-anak kita semenjak mereka di bangku sekolah lagi.

Jikalau tidak seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad Hussin semalam, kita akan berada di suatu landasan dua rel kereta api yang tidak akan bertemu. Ini barangkali untuk pada masa sekarang, bagi kepentingan-kepentingan politik jangka pendek mungkin bagus bagi orang Cina, tetapi untuk jangka masa panjang saya rasa perkara ini akan menyebabkan negara ini porak-peranda. Sekarang orang masing-masing masih bersabar, tetapi kesabaran ini akan ada batasnya dan ini yang ditakuti. Oleh sebab itu, isu yang saya hendak timbulkan Tuan Yang di-Pertua, supaya jangan kita mengorbankan kepentingan jangka panjang negara bangsa ini semata-mata kerana sekali lagi dengan izin, *immediate political expediency* sekarang. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih. Saya fikir tadi saya sudah sebut bahawa sistem pendidikan sudah wujud di negara kita lebih 50 tahun dan ia terbukti bahawa ia bukan sahaja tidak memecahbelahkan rakyat kita, bahkan ia menjadikan rakyat kita lebih bertoleransi. Ramai saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat kaum Cina yang duduk di sini berasal daripada aliran sekolah Cina termasuk saya. Saya tidak nampak apa-apa masalah dengan saya bercampur gaul dengan kaum yang lain. Saya cuma merayu bahawa di dalam Dewan mungkin kita ada pandangan yang lain-lain, mungkin kita ada fikiran yang berlainan tetapi biar kita dengan izin, *agree to disagree*.

■1250

Okey. Saya sambung dari segi kursus dalam cuti atau pun KDC. Pada saya ini satu sistem yang sangat baik untuk melatih guru yang berkaliber. Oleh kerana pada saya KDC ini, cikgu ini sudah mengajar di sekolah sebagai guru sandaran tanpa latihan. Mereka sudah ada sedikit pengalaman dari segi pengajaran. Kemudian, masa cuti mereka masuk ke maktab untuk mendapatkan latihan, selepas latihan mereka balik ke bilik darjah untuk mengajar, mereka dapat amalkan apa yang mereka belajar dengan serta-merta dan pada saya sistem itu lebih baik daripada latihan sepenuh masa.

Jadi, ini juga satu cara untuk kita atasi kekurangan guru oleh kerana kalau mereka masuk ke maktab sepenuh masa, kita akan lagi kekurangan guru di sekolah. Akan tetapi...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan. Saya celah Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tanya Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat? Adakah guru-guru begini baik? Ini kerana kita dapati bahawa pencapaian pelajar semakin merosot kerana guru-guru lebih mengejar kepada kerjaya mereka sendiri. Maknanya, dia duduk dalam kelas bukannya dia mengajar budak, dia buat tesis dia, dia buat kerja-kerja lain, kerja yang lebih kepada diri, kerja yang boleh menaikkan gaji dan juga menaikkan prestasi mereka. Jadi saya minta penerangan Yang Berhormat, bukankah dahulu lagi baik. Maknanya, mereka hendak sambung belajar, dibayar separuh gaji dan sebagainya daripada apa yang mereka amalkan sekarang ini? Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum itu saya beri tiga minit lagi untuk Yang Berhormat berucap.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Okey. Untuk jawapan itu, sebenarnya saya percaya ini terpulung kepada guru besar untuk kontrol disiplin guru. Walaupun latihan sepenuh masa, ada guru yang selepas itu mengajar ambil kursus yang lain juga. Ia begitu. Kalau itu, terpulung kepada sikap guru. Okey. Saya...

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon kalau boleh Tuan Yang di-Pertua satu, sedikit hendak mencelah kerana saya begitu terangsang untuk bertanya soalan yang ada dalam diari-diari saya sekarang? Mohon izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Akbar bin Ali:** Tuan Khoo Soo Seang, terima kasih. Saya ada dua perkara hendak tanya berkaitan dengan isu yang cukup menarik ini dan kalau salah kita sentuh ia boleh jadi kontroversi. Saya cuba supaya ia tidak menjadi begitu kontroversi lah. Kebetulan sekarang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pelajaran telah menyaranakan supaya kita melihat sistem pembelajaran di sekolah Cina kerana ia telah menghasilkan kelulusan yang lebih tinggi berbanding dengan sekolah lain.

Akan tetapi, timbul pula polemik di satu pihak yang diwakili kalau saya boleh katakan secara kasar Profesor Emeritus Dr Khoo Khay Kim yang mengatakan sistem di sekolah Cina tidak sesuai pada masa akan datang dan Dr Kua Kia Soongs pula *on the other side of the equation* mempertahankannya. Jadi soalan saya berhubung hal ini, apa pandangan tentang perbezaan pandangan ini?

Soalan saya yang kedua pula, saya memang akui dalam Perlembagaan kita walaupun bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan di bawah Artikel 152. Namun begitu, bahasa-bahasa ibunda yang lain adalah terjamin dari segi pembelajaran dan sebagainya. Apa yang ditekankan dalam Perlembagaan 152(1)(a) dan (b) ialah memelihara dan membenarkan pembelajaran bahasa ibunda. Ia tidak kata berkenaan dengan aliran sekolah. Jadi, antara dua ini adalah berbeza. Mohon pandangan. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Saya ingat oleh kerana masa singkat, biar kita *agree to disagree* lah. Kalau saya jawab soalan itu, saya tidak boleh habiskan teks saya, iaitu cuma dua perkara sahaja. Satu, berkenaan dengan teknologi hijau. Saya berpendapat bahawa kita ini, Dewan Negara dan Dewan Rakyat merupakan tempat kita menggubal polisi dan juga undang-undang tetapi saya dapati misalnya semalam ramai Ahli Dewan Negara tidak tahan kesejukan di dalam Dewan. Jadi kita amalkan polisi teknologi hijau, kita hendak mencegah *global warming* tetapi, *air conditioner* kita. Sepatutnya *air conditioner* menjadikan kita selesa bahkan ia menjadikan kita tidak selesa. Ramai Ahli Yang Berhormat begitu sejuk sampai selalu keluar ke tandas dan tidak tahan dan sebagainya.

Saya dapati bahawa Parlimen harus menjadi tempat yang mengamalkan apa polisi dan apa undang-undang yang digubal di situ dan juga berkenaan dengan setiap kali kita datang Mesyuarat. Kita dapat laporan yang begitu tebal dan laporan ini boleh dimuatkan dalam satu CD yang kecil. Saya sebenarnya sudah bercadang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta kerjasama sebab ramai lagi di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Khoo Soo Seang:** Dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Ingin turut berbahas. Jadi kalau boleh, saya beri peluang sekali lagi kalau boleh Yang Berhormat tamatkan ucapan tepat jam satu.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Okey. Saya pasti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Jadi, kalau kita diberikan disket atau pun kita diberikan *softcopy*, saya percaya Parlimen boleh jimat perbelanjaan besar. Satu lagi ialah berkenaan dengan *copy* ini, "*Jawapan-jawapan Pertanyaan Lisan*" yang tidak dapat dijawab dalam Dewan Negara. Saya sebenarnya diberi *Hansard*, saya tidak pernah simpan *hardcopy*. Saya muat turun *softcopy* nya daripada laman web kita.

Akan tetapi bagi ini saya pernah tanya, Parlimen tidak dapat sediakan *softcopy* oleh kerana jawapan daripada kementerian semua datang dengan *hard copy* dan mereka cuma fotostatekan *hardcopy* dan serahkan kepada kita. Jadi saya bercadang bahawa kalau boleh kementerian selain daripada memberi *hardcopy* juga berikan *softcopy* supaya *softcopy* itu boleh diletak di laman web Parlimen dan kita boleh muat turun.

Satu lagi, berkenaan apabila saya sebut tentang IT ini, saya dapati bahawa laman web Parlimen pun tidak dikemaskinikan. Sampai sekarang tempat duduk masih bukan yang ikut hari ini dan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah sumpah masuk sini selama satu minggu nama pun belum wujud. Ada Ahli-ahli Dewan Negara yang sudah bersara, namanya masih ada. Saya dapati bahawa Parlimen sebagai satu tempat yang penting, jadi kita harus berikan contoh kepada jabatan kerajaan yang lain. Ini perlu dikemaskinikan selalu.

Berkenaan teknologi hijau, saya juga berpendapat bahawa di Malaysia kita harus menggunakan tenaga suria oleh kerana kita berada di kawasan tropika. Akan tetapi malangnya seperti saya pernah sebut di sini, alat-alat *solar energy* begitu mahal sampai ia tidak *economic* untuk digunakan. Kalau kita hendak pasang satu alat solar di rumah, kosnya lebih RM10,000 dan ia mungkin boleh tahan empat, lima tahun sahaja. Dalam tempoh empat, lima tahun kita memang tidak boleh jimat lebih RM10,000 ini daripada kos *electricity*.

Jadi, kalau kita memang hendak mengamalkan teknologi hijau, saya dapati bahawa ini adalah beberapa bidang yang kita harus berikan perhatian. Jadi oleh kerana kesuntukan masa, saya tamat ucapan saya di sini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita ada satu minit lagi. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampak gayanya saya kena sambunglah 2.30 petang. Walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2010. Saya hanya menyentuh perkara-perkara yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau. Perkara yang lain, saya fikir kawan-kawan sudah banyak sentuh dan perkara-perkara utama yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah mengenai tiga strategi utama Bajet 2010 dan juga enam NKRA.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh mengenai beberapa kementerian iaitu khususnya Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Pengangkutan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pukul 2.30 petang nanti.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan untuk menyambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi mula lebih kurang dua minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekejap ya.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Saya ingin menyambung perbincangan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekejap, sekejap. Sebelum Yang Berhormat berucap boleh saya tahu berapa ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Saya minta Setiausaha tolong catatkan. Ini memudahkan saya dan Timbalan untuk mengaturkan masa dan membolehkan setiap Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap. Seramai 17 yang ada di sini, mungkin ada lagi yang di luar. Terima kasih Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Datuk Rizuan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai strategi kedua yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memastikan pembangunan holistik dan mapan. Ia terkandung dalam langkah penting bagi merangsang ekonomi demi kesejahteraan rakyat jelata. Itu yang pertama disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan Gagasan 1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Keduanya, meliberalisasikan 27 sektor perkhidmatan dan kewangan. Ketiganya, melaksanakan NKRA dan KPI.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyebut bahawa pembangunan setiap ekonomi memerlukan peningkatan modal insan berkemahiran tinggi. Modal insan berkualiti tinggi merupakan prasyarat untuk menyokong agenda pembangunan negara. Dalam meningkatkan modal insan berkemahiran tinggi ini, saya suka hendak menyentuh kebajikan pelajar yang harus dijaga. Beberapa ganjaran yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang pertamanya Anugerah Biasiswa Nasional kepada 30 pelajar terbaik tidak kira bangsa. Keduanya menukar pinjaman PTPTN kepada biasiswa bagi pelajar yang telah berjaya cemerlang Kelas Pertama atau setaraf dengannya untuk melanjutkan pelajaran ke universiti tersohor di dunia seperti Oxford, Lincoln Inn, Edinburgh University dan sebagainya.

Pemberian biasiswa sebelum ini sudah dipraktikkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA, Bank Negara atau GLC yang lain jika didapati pelajar itu cemerlang mahu pun asalnya diberi sebagai bantuan pinjaman. Langkah ini dilakukan supaya dapat pelajar bersaing bagi mendapat keputusan yang terbaik. Ianya tidak membebankan pelajar apabila bekerja, sudah tentu pencapaian yang cemerlang dalam akademik akan menjamin pekerjaan di masa hadapan. Pelajar juga dapat memberi tumpuan khusus kepada pelajaran, tidak belajar main-main. Saya ingin memberi satu contoh di mana pelajar genius matematik yang bernama Sufiah Yusof yang boleh dijadikan pengajaran kepada kita. Ini kerana pertamanya kita jangan terlalu mengagung-agungkan seorang pelajar. Keduanya kita lupa monitor pengajiannya, masalah keluarga dan peribadi. Akhirnya dia menempuh jalan yang paling sukar. Ketiganya, kita lupa pupuk nilai-nilai murni, nilai-nilai keagamaan di mana akhirnya kehidupannya terpesong.

Oleh itu saya amat bersetuju dengan keputusan kerajaan untuk mengehadkan pengambilan 12 subjek iaitu sepuluh subjek teras dan dua subjek tambahan yang pada asalnya sepuluh subjek teras sahaja.

Subjek tambahan ini adalah merupakan desakan daripada kaum bukan bumiputera bagi mengambil subjek bahasa atau kesusasteraan Cina dan Tamil supaya apabila mereka keluar nanti mereka boleh menjadi guru bahasa Tamil ataupun guru bahasa Cina. Dari segi reaksi rakyat, mereka amat bersetuju kerana ianya tidak membebankan ibu bapa dan ibu bapa terpaksa berbelanja lebih untuk tuisyen anak-anak.

Keduanya, memberi ruang untuk pelajar dan guru lebih rapat. Guru tidak dibebankan mengajar terlalu banyak subjek dan ketiganya, memberi peluang kepada kaum lain mendalami bahasa ibundanya sesuai dengan semangat 1Malaysia. Keempat, membolehkan pelajar menumpukan dalam kelas kepada subjek yang diminatinya dengan suasana pembelajaran yang tidak terlalu tertekan.

Jika terlalu hendak mengejar untuk mendapatkan A, A1, A+ dalam subjek yang terlalu banyak, akibatnya mudah bosan dan hilang minat untuk belajar. Perkara pokok yang harus dilihat oleh Kementerian Pelajaran apabila seketika dahulu dibenarkan terlalu banyak mengambil subjek sehingga sampai 20 subjek. Keputusan cemerlang pelajar tersebut menimbulkan *feedback* yang negatif, lebih daripada yang memberangsangkan. Selain daripada itu media terlalu memainkan isu ini sehingga keterlaluan. Ianya lebih banyak mengundang bahaya. Ibu bapa pula mula berlumba-lumba menunjukkan kehebatan anaknya tanpa melihat kemampuan sebenar anaknya.

Saya juga ingin menyingkap kembali seorang pelajar yang bernama Nur Amalina Che Bakri yang baru-baru ini desas-desus mengatakan beliau telah gagal dan terpaksa dihantar pulang ke tanah air. Ianya dibahaskan di dalam Dewan Rakyat tetapi jawapannya selepas itu bukan media yang memaklumkan tetapi seorang penuntut atau kawannya yang belajar di universiti yang sama telah menghantar kepada kerajaan memberitahu bahawa pelajar ini rupa-rupanya telah berjaya dalam peperiksaan *A level* dengan mencapai keputusan 5A. Kemudian mendapat tajaan biasiswa Bank Negara dan sedang mengikuti *College of Medicine and Veterinary Medicine* di *University of Edinburgh* bagi melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Perubatan Bedah dan Sains. Inilah yang kita perlu bahawa kerajaan harus memantau bagi pelajar-pelajar yang cemerlang. Kita tidak mahu terjadi kepada sesetengah pelajar.

#### ■1440

Media juga sebenarnya suka melaporkan kebolehan seseorang dari alam kanak-kanak lagi. Baru-baru ini memaparkan kanak-kanak yang berumur tiga tahun, sudah pandai menyebut, menghafal bekas-bekas Perdana Menteri, sudah pandai menyebut jenama kereta-kereta mewah seperti BMW, Mercedes, Lamborghini, Ferrari dan sebagainya. Saya rasa perkara ini tidaklah menghairankan kita kerana kalau otak kanak-kanak itu memang boleh diasah, mereka boleh menyebut perkara-perkara ini kerana perkara-perkara ini amat mudah.

Ada sesetengah akhbar melaporkan bahawa umur dua tahun setengah sudah pandai membaca akhbar *Utusan Malaysia*, ini luar biasa, pandai baca akhbar. Akan tetapi, kita hendak tahu apa yang terjadi kepada anak kecil yang bernama Shukri Hadafi, dia diambil oleh Tan Sri Jins Shamsudin ketika itu untuk menjadi pelakon filem dalam *Menanti Hari Esok*. Akhirnya, kehidupannya tidak dijaga, kebolehannya tidak digilap, rumah tangga ibu bapanya bercelaru, dia akhirnya menjadi penjual roti canai dan kehidupannya gelap akibat terperangkap dalam keadaan hidup dunia.

Kita ingin tanya media mahupun kerajaan, apakah perkembangan Sufiah Yusof ini? Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalahnya? Kita juga ingin tanya kepada media dan kerajaan, apakah tindakan kerajaan mahupun kerajaan negeri atau agensi kerajaan untuk menyelamatkan masa depan Shukri Hadafi ini? Kalau Jamal Abdillah, dia ada suara emas, dia boleh hidup panjang, dia boleh cari rezeki. Akan tetapi, adik Shukri Hadafi ini tidak ada apa-apa. Inilah yang saya ingin tekankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada perkara menjaga kebajikan pelajar. Mengenai pinjaman PTPTN, rakyat sambut baik usaha kerajaan untuk menukar pinjaman PTPTN kepada biasiswa kepada pelajar-pelajar yang cemerlang yang mempunyai keputusan kelas satu. Peranan PTPTN sebenarnya amat penting dalam membantu meringankan beban pelajar.

Pada 30 tahun dulu, pinjaman MARA, saya pernah mendapat pinjaman MARA apabila belajar di universiti dulu. RM7,000 cukup untuk empat tahun, cukup masa itu tahun 1975. Zaman sekarang RM7,000 satu tahun pun tidak cukup. Kos pembelajaran amat tinggi. Masalahnya apabila pinjam PTPTN banyak, RM7,000 satu tahun ataupun sesetengah yang saya tengok data ini, bidang perubatan RM30,000 satu tahun dikalikan dengan enam tahun belajar, RM180,000. Hendak membayar susahlah, beban.

Mengikut statistik yang ada pada tangan saya, pinjaman PTPTN ini mula dikeluarkan pada tahun 1997 dengan jumlah 11,279 peminjam. Sehingga sekarang berjumlah 156,859 peminjam yang berjumlah RM1,217,455 dan nilai yang diberi komitmen oleh kerajaan adalah RM25.05 bilion. Sehingga kini, kerajaan telah mengeluarkan belanja sebanyak RM20.38 bilion, lagi RM5 bilion masih lagi dalam proses pengeluaran.

Dari segi statistik kelulusan pinjaman ini ataupun pembayaran balik, kita lihat sehingga tahun 2009, tunggakan ialah RM482 juta, begitu tinggi. Pada tahun 1998, 1999, tahun 1999 sikit sahaja RM291 ribu, tetapi kalau dijumlahkan dan tunggakan yang paling banyak sekali tahun 2009, RM482 juta berjumlah RM1.57 bilion, ini tunggakan.

Keduanya, pinjaman PTPTN ini dibuka kepada semua kaum. Saya tidak dapat statistik yang mengikut kaum. Jadi, saya minta Kementerian Pengajian Tinggi mengeluarkan statistik kelulusan pinjaman PTPTN kepada semua kaum dan jumlah yang kita keluarkan bagi setiap kaum.

Sebenarnya, ada yang minta tangguh bayar balik kerana pelbagai masalah. Satu, mereka mengatakan baru mula kerja. Kedua, kos sara hidup tinggi dan kalau ikut statistik ini yang minta tangguh bayar balik untuk tahun 2009 sebanyak RM85.32 juta dan jumlah daripada tahun 1998, RM275 juta yang minta tangguh. Apa tindakan daripada PTPTN untuk kutip hutang ini? Apa PTPTN buat? Itu yang kita hendak kena lihat sama ada tindakannya berkesan atau tidak.

Kedua, mereka menyiarkan nama dalam surat khabar. Sebanyak lebih hampir 3000 disiarkan nama, tetapi yang setuju bayar 1800. Manakala yang lain tidak dapat maklum balas iaitu 1199 lagi tidak dapat maklum balas. Tindakan saman ingkar dikeluarkan, 30,400 lebih saman dikeluarkan, penghakiman setuju bayar 3000 orang, yang ingkar yang tidak mahu bayar hampir 13,000. Apa tindakan selanjutnya daripada PTPTN? Tindakan menahan pasport mereka ke luar negeri.

Berdasarkan kes sedia ada bagi pinjaman tegar, didapati mereka ini mempunyai pekerjaan yang stabil, sengaja tidak mahu bayar, pekerjaan dah lah tetap, keduanya, mereka terdiri daripada selebriti dan artis, menyanyi sana sini, mendapat imbuhan sana sini, tetapi tidak mahu bayar; ketiga, kakitangan awam dan swasta yang sudah stabil bekerja, tetapi tidak mahu bayar kerana kononnya terlepas pandang; keempat yang hairannya terdiri daripada ahli-ahli perniagaan yang sudah berjaya, perniagaannya sudah stabil, tetapi tidak mahu bayar. Selain daripada itu, terdiri daripada petugas-petugas di Majlis Sukan Negara yang baru-baru ini pergi ke Laos, kena tahan, tidak dapat pergi Laos sebab tidak bayar PTPTN, Imigresen tahan, pasport kena tahan.

Ada juga yang mohon dilepaskan sementara untuk pergi makan angin di luar negeri, Tuan Yang di-Pertua. Makan angin di luar negeri boleh, bayar pinjaman tidak boleh. Ini menunjukkan mereka ini berjaya dalam pengajian, tetapi lupa atau liat hendak bayar. Sikap dan mentaliti ini yang beranggapan pinjam duit kerajaan ini, kalau lupa-lupa bayar, tidak apa. Kerajaan tidak boleh ambil tindakan. Inilah yang menjadi masalah kepada generasi masa hadapan.

Sebenarnya, mereka ini menjejaskan peluang generasi kita masa hadapan. Mereka ini hendak belajar, memerlukan pinjaman, tetapi hutang tidak dapat dikutip begitu banyak, berbilion-bilion oleh PTPTN. PTPTN pula dulu dapat geran, geran untuk memberi pinjaman kepada pelajar, tetapi sekarang ini geran itu tidak dapat lagi, kerajaan tidak beri geran, bergantung pada pinjaman KWSP dan juga bank-bank. Pinjam KWSP dan bank kena bayar balik. Jadi, apa yang perlu kita cadangkan pada hari ini? Pertama yang saya boleh katakan di sini, ahli perniagaan kalau dah berjaya tidak mahu bayar, ambil tindakan mahkamah sampai dia diisytiharkan *bankruptcy*. Setuju atau tidak? Jangan main-main, tidak ada kompromi, ini duit untuk masa depan generasi akan datang.

Kedua, kakitangan kerajaan dan swasta. Kita kena lihat bagaimana MARA buat, PTPTN kena lihat MARA buat macam mana, kutip hutang ini.

#### ■1450

Ketiga, siar dalam surat khabar macam senarai PLKN, ada satu senarai khas surat khabar itu di tengah-tengah ada senarai orang tidak bayar hutang PTPTN, barulah berkesan.

Keempat, kita tengok berita selalu, *online* dalam berita tunjuk orang-orang ini tidak bayar hutang, nama dia, penjamin dia bapa dia barulah dia kelam kabut, barulah dia datang untuk membayar.

Seterusnya saya ingin membicarakan tentang pinjaman JPA. Kedengaran di Dewan Rakyat mempersoalkan pinjaman JPA, ahli-ahli politik sama ada pembangkang ataupun penyokong kerajaan mengatakan pinjaman JPA ini tidak adil, diberikan kepada bumiputera sahaja, banyak diberi kepada bumiputera kurang kepada bukan bumiputera. Dari awal-awal lagi saya ingin beritahu, ini hak Perlembagaan Persekutuan, bagi keutamaan kepada bumiputera, tetapi kerajaan kita ini baik, lama-kelamaan kita bagi sedikit-sedikit kepada bukan bumiputera, semua dapat dan tidak ada masalah.

JPA hari ini keluarkanlah statistik berapa bumiputera dapat pinjaman, berapa bukan bumiputera dapat dan berapa jumlahnya, biar kita tahu bahawa kerajaan ini adil. Kita juga ingin tanya kerajaan, ini penting kerana kerajaan setiap dua tiga tahun ubah dasar. Dasar pemberian biasiswa JPA ini adakah sejajar dengan tuntutan gagasan 1Malaysia, 1Malaysia ini rakyat diutamakan, semua kaum sama. Adakah ianya ada perubahan dasar mengenai pinjaman ini, beberapa cadangan lain, yang pertama selaras dengan peningkatan negara kita menjadi negara yang maju, JPA hendaklah menaja bidang yang boleh membawa Malaysia ke peringkat negara yang berpendapatan tinggi.

Yang kedua, saya hendak tanya, JPA kena jawab betul-betul ini, apakah perancangan JPA apabila bidang-bidang baru dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, bidang-bidang yang perlu ditaja oleh JPA.

Kita juga berharap jangan taja pelajar di bidang yang apabila mereka tamat pengajian, balik dari luar negeri atau dalam negeri tidak lagi relevan kepada kehendak negara, contohnya bidang ICT yang terlalu umum, bidang ICT yang tidak spesifik, yang terlalu umum dan yang tidak mengikut pengkhususan, yang tidak diperlukan oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir dalam strategi dua iaitu mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan, ini penting, Perdana Menteri telah mengatakan ada pemandu untuk mengawasi pelaksanaan dan ada enam perkara yang saya ingin cadangkan bagi mencapai enam NKRA iaitu:

- (i) semua kakitangan kementerian perlu memastikan *Ministry Key Result Area* (MKRA) yang dihasilkan, yang boleh menunjukkan hubungan kait terus dengan enam NKRA yang telah dibangunkan, dengan demikian penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat akan lebih mantap dan lebih meluas;

- (ii) agihan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh tentu sekali tertumpu kepada enam NKRA. Walau bagaimanapun NKRA yang dibangunkan di peringkat kementerian juga perlu diberi peruntukan yang munasabah untuk membolehkan hasilnya dari segi program, aktiviti juga dapat disampaikan dengan berkesan dan berjaya di peringkat akar umbi;
- (iii) kerajaan perlu serius dalam memastikan hanya pegawai-pegawai yang berdedikasi dan berprestasi tinggi diberi kenaikan pangkat untuk menerajui bahagian-bahagian yang kritikal dan penting bagi menjayakan NKRA dan MKRA ini. KSN bagus, KSU bagus tetapi pegawai bawahannya tidak berapa berprestasi.  
 Pegawai-pegawai yang tidak berprestasi ini hendaklah diuruskan dengan sewajar-wajarnya, sama ada ditukar ke bahagian yang kurang strategik atau tindakan yang lebih keras diambil untuk menjadikan mereka contoh dan tidak diberikan kenaikan pangkat, peluang serta insentif, penafian insentif dan kenaikan pangkat akan menjadi satu *deterrent* kepada yang lain, yang tidak berprestasi;
- (iv) semua kementerian perlu menjalani transformasi dari segi perubahan *mindset* untuk menghayati dan mengamalkan prinsip rakyat didahulukan, kita perlu wujudkan *change agent* di kalangan pegawai-pegawai supaya dapat mempercepatkan lagi budaya transformasi ini;
- (v) proses dan peraturan di kementerian juga diubah atau dipinda bagi mengurangkan kerenah birokrasi, prosedur yang melambatkan atau menjejaskan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan harus dimansuhkan, prosedur ini mansuh dan cari prosedur yang lebih mempercepatkan perkhidmatan kerajaan.  
 Penggunaan ICT juga diperlukan dan dipertingkatkan sewajar dengan penyampaian maklumat dan keputusan kerajaan serta akses kepada maklumat dengan kadar yang cepat dan segera. Oleh itu semua keputusan yang dipaparkan dalam laman web di kementerian dan jabatan dari aspek ketelusan dan kesaksamaan, penggunaan ICT secara meluas juga dapat menjimatkan kos dan masa bagi pelanggan.  
 Semua kementerian hendaklah berusaha untuk menjalankan urusan utama *core business* secara atas talian atau *online* tanpa perlu rakyat datang bersemuka di pejabat kerajaan; dan
- (vi) penguatkuasaan ke atas segala peraturan dan prosedur hendaklah dilaksanakan dengan tegas tanpa pilih bulu, tanpa pilih kasih, penguatkuasaan yang efektif dan berkesan akan dapat memastikan keadilan kepada semua tanpa memberi pengecualian kepada sesiapa. Keengganan untuk menguatkuasakan peraturan akan mengakibatkan kecenderungan untuk salah laku dan rasuah.

Persoalannya bagaimana kerajaan hendak menukar *mindset* pegawai-pegawai yang tidak berprestasi ini, apakah kita hendak lontar mereka dalam perigi ataupun dalam sungai, atau *pool*?

Apakah perancangan dan pelan tindakan kerajaan bagi setiap kementerian untuk melaksanakan urusan kerajaan secara atas talian, jangan cakap sahaja, perancangannya macam mana? Jawapannya harus tepat, bukan jawapan secara umum. Ini saya minta kerajaan memberikan jawapan yang tepat, tidak bagi secara umum.



Akhir sekali tidak sah kalau saya tidak menyentuh mengenai Kementerian Wilayah Persekutuan kerana saya orang bandar, Kementerian Wilayah Persekutuan amat penting. Saya hendak ucap tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan dan juga terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana berjaya dalam tanggung jawab menyelesaikan masalah tempat tinggal dan pemilikan di Kuala Lumpur. Dengan penjualan rumah PPR sebanyak 44,000 unit untuk warga kota Kuala Lumpur, rakyat sebenarnya tidak pernah mimpi untuk mendapatkan rumah yang semurah ini, mana hendak cari rumah yang harganya RM30,000 seunit, RM21,500 seunit, dan RM22,500 seunit? RM21,500 dan RM22,500 itu untuk satu bilik, RM35,000 itu untuk tiga bilik.

Kos sebenarnya bernilai RM80,000 satu unit dan kerajaan terpaksa subsidi sebanyak RM45,000 seunit, penjualan 44,000 unit ini mendatangkan keuntungan sebanyak RM1.3 bilion kepada kerajaan, ini digunakan untuk *maintenance* bangunan-bangunan yang ada. Soalannya, setakat ini bagaimanakah sambutan di kalangan kaum-kaum di Wilayah Persekutuan ini, orang Cina mohon berapa orang, orang Melayu berapa orang, dan orang India berapa orang? Apa yang saya dengar lebih banyak orang Cina dan orang India memohon, orang Melayu ini masih lagi berpeluk tubuh.

Perkara kedua, rumah satu bilik ini tidak sesuai di Wilayah Persekutuan, mana sesuai satu bilik, harus kita berpatah balik kepada rancangan atau cadangan asal kementerian untuk membuat cadangan semula, merobohkan bangunan yang mempunyai rumah satu bilik, dijadikan bangunan baru dengan tiga bilik kerana masalah rumah satu bilik mendatangkan cukup banyak masalah sosial dan masalah keluarga. Saya harap Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil perhatian ini dengan berat, boleh dibuat secara penswastaan. Silakan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, kebetulan Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan rumah kos rendah satu bilik dan lain-lain ini, saya ingin bertanya Flat Pekeliling ini dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Apa jadi kepada Flat Pekeliling ini? Saya tengok sudah melopong rata. Tidakkah ada perancangan untuk flat supaya dapat dihuni oleh orang yang betul-betul memerlukan rumah di kawasan Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

#### ■1500

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Flat Pekeliling dekat stesen bas itulah, dekat balai polis? Ini telah pun diberikan kepada syarikat Datuk Khalil Akasah dan saya lihat ada pembentangan dan rumah flat lama ini telah dirobuhkan flat lama ini dan mereka telah dipindahkan di rumah PPR di kawasan Setapak dan akan dibangunkan menjadi bandar yang kedua. Yang sebelah sana sudah roboh, yang sebelah sini belum roboh.

Dia tidak boleh roboh seterusnya. Dia kena roboh berperingkat-peringkat. Jadi itu dalam rancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan telah pun berjalan. Hendak bangunkan bangunan baru. Perkara akhir yang saya ingin..

**Datuk Akbar bin Ali:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Sila, sila.

**Datuk Akbar bin Ali:** Ini berkaitan dengan prestasi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Saya memang bersetuju bahawa banyak pembaikan perlu dibuat. Contohnya berkenaan dengan kelulusan untuk mendapatkan *strata title*. Banyak lagi apartment dan kondo yang kelulusan yang belum diberikan. Contoh saya telah timbulkan pada *sitting* 30 Mac dahulu dan saya mendapat jawapan pada 30 Mac bahawa dikatakan dalam masa enam bulan dari masa tarikh timbalan menteri pada masa itu, *strata title* akan dikeluarkan khususnya Apartmen Hijau Ria Kepong. Sehingga sekarang, *strata title* yang dinyatakan itu masih belum diterima. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Hijau Ria itu dekat rumah saya, sebelah rumah saya. Akan tetapi yang sebenarnya untuk mengeluarkan *strata title* itu dia kena ikut prosedur-prosedur. Yang pertama ini mereka yang tinggal di situ harus menyelesaikan bayaran-bayaran yang tertunggak. Ada yang sesetengah bayaran tertunggak terlalu banyak. Sampai masuk ke kes mahkamah. Saya ada satu *apartment* kecil di Taman Aman Puri, saya dapat dalam masa enam bulan kerana dia kata saya masih dalam tidak selesai bayar ada tunggakan bayaran *maintenance* lebih kurang RM1,000. Saya bayar RM1,000 selepas itu dapat. Ada *strata title* daripada saya.

**Datuk Akbar bin Ali:** Memang semuanya sudah dijelaskan dan ini adalah permohonan pemberian pada tahun 1992, sekarang sudah 17 tahun. Tidak ada apa-apa pun masalah.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Itu kalau Hijau Ria ini kena tanya pihak yang berkenaan, kalau Aman Puri saya boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh anggap apa yang dikatakan oleh Datuk Akbar bin Ali tadi sebagai sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat, supaya dijawab oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Sudah tentulah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat minta gulungkan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Saya hendak gulung ini, hendak habis. Bab akhir ini mengenai penambahbaikan pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Hendak bahas NKRA nombor enam ini. Ini Perdana Menteri menyebut bahawa kemudahan pengangkutan awam yang baik mampu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas. Ada tujuh langkah yang dicadangkan. Akan tetapi saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan yang pertama sekali. Perbaikilah sistem tempat letak kereta dan masalah kesesakan lalu lintas yang kereta-kereta diletakkan di sepanjang garisan kuning, tepi jalan.

Yang keduanya, penggunaan lebih banyak CCTV. CCTV kita di Kuala Lumpur ini CCTV untuk apa saya hendak tanya. Untuk bagi tahu masalah trafik, yang sebelah sana *jam*, sebelah sini *jam*. Jangan lalu jalan itu, itu CCTV. Kita hendak CCTV yang digunakan oleh negara-negara maju seperti di London misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, selalu pergi London, saya selalu pergi London, kita tahu. Di London tidak ada *jam* pun kerana setiap jalan ada CCTV. Tidak perlu polis tidak perlu pegawai penguat kuasa di sana, polis. Di sini pegawai penguatkuasaan DBKL dan polis. Jadi lebih banyak menggunakan CTV. Tangkap atau perangkap mereka yang melakukan kesalahan selepas itu ambil tindakan saman. Tidak perlu polis letak slip saman di situ. Slip sama itu apabila hujan, hilang. Apabila orang datang tarik, hilang.

Sebab itu peruntukan yang begitu banyak saya tidak tahu apa program CCTV yang dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Dewan Bandaraya. Terlalu banyak projek. Apakah ia terkandung dalam projek ini.

Yang kedua terlalu banyak *flyover* ataupun jejambat di Kuala Lumpur ini, terlalu banyak jejambat. Di London mana ada pun? Sebab hendak memelihara kota warisan. *Facade* bangunan itu tidak boleh dilindungi oleh jejambat. Tidak *jam* pun di kota London, tetapi di Kuala Lumpur lagi banyak jejambat, lagi banyak *jam*, sendat kita. Baru-baru ini ada tiga projek, pembinaan persimpangan bertingkat. Nombor satu, hendak menuju ke Istana Negara yang baru nombor dua persimpangan Brickfields, nombor tiga persimpangan Jalan Ipoh ke Taman Mastiara.

Saya hairan kalau hendak tutup jalan sebelah pun tutuplah hari Ahad malam, hari Sabtu Malam. Ini hari Sabtu pagi-pagi buta sampai petang tutup. *Jam* daripada PWTC hingga Taman Wahyu. Apa kena dengan peraturan. Ini kena jawab oleh pihak DBKL. Kadang-kadang bagi peluang kepada kontraktor, ikut suka hati. Yang keduanya saya ingin sentuh tentang sistem LRT. Terima kasih kepada Perdana Menteri umum bahawa 35 tren LRT baru akan dikeluarkan melalui laluan Kelana Jaya dan Taman Melati.

Apa yang saya ingin cadangkan bahawa, kita terlalu banyak rangkaian tetapi rangkaian ini sekerat jalan. Ampang-Kuala Lumpur, Sentul-Kuala Lumpur, Kuala Lumpur-Bukit Jalil, Gombak terus ke Kelana Jaya. Ia tidak ada satu pusingan. Lihat apa yang dilakukan oleh Hong Kong. Ada satu pusingan LRT. Dia bukan LRT atas, *elevated LRT*, tetapi LRT bawah tanah. Tidak mengganggu lalu lintas. Mesti ada satu pusingan, ia boleh patah balik. Kalau ini pergi ke Ampang, berhenti di Ampang naik teksi pula. Ia kalau Ampang itu sambung balik masuk balik ke Gombak, barulah betul. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana sistem kereta api tren elektrik ini cukup baik. Kita bina bermula dari Kuala Lumpur ke Seremban dan terus ke Ipoh. Sistem cukup baik, selepas itu Kuala Lumpur ke Seremban. Selepas ini terus ke Johor Bahru. Selepas itu terus ke Perlis. Akan tetapi projek itu bila hendak dilakukan? Baru sampai Seremban, baru sampai Ipoh. Bila hendak sampai Perlis, bila hendak sampai Johor Bahru? Ini kita hendak tanya kementerian.

Akhir sekali apa yang saya hendak cadangkan ini adalah cadangan yang terbaik bagi warga kota Kuala Lumpur dan juga mereka-mereka rakan-rakan yang datang luar Kuala Lumpur. Stesen kita di Kuala Lumpur. Kita hendak Kuala Lumpur ini trafik *jam zero*. Kalau boleh elak, elak! Kalau boleh buat satu sistem yang baik. Buat satu sistem, perkenalkan satu sistem yang baik. Jangan di tahap yang lama kerana menyusahkan rakyat.

Apabila menyusahkan masa terbuang, tenaga terbuang akhirnya kerja kita tidak selesai pada satu hari kerana untuk mengelak daripada trafik *jam*. Itulah cadangan-cadangan saya pada hari ini Tuan Yang di-Pertua. Semoga cadangan-cadangan ini akan dapat perhatian daripada kementerian-kementerian berkenaan dan jawapannya jawapan yang cukup baik yang diharapkan daripada kementerian. Dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Wong Siong Hwee. Selepas itu saya minta Datuk Musa bin Haji Sheikh Fadzir untuk bersedia. Datuk Musa bin Haji Sheikh Fadzir, selepas itu Tuan Syed Husin Ali. Terima kasih.

**3.09 ptg.**

**Dato' Wong Siong Hwee:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2010 yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia.

■1510

Seperti mana yang sedia maklum Bajet 2010 yang diperuntukkan di bawah perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM108.6 bilion. Manakala perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM53.2 bilion. Dengan peruntukan yang terhad ini saya berharap 25 buah kementerian yang diterajui oleh anggota pentadbiran dapat memastikan peruntukan yang disalurkan dapat dinikmati setiap lapisan masyarakat Malaysia yang merupakan pembayar cukai kepada kerajaan. Peruntukan yang terhad ini juga mencerminkan dasar perbelanjaan kerajaan yang lebih berhemah dan mengutamakan *value for money*, dengan izin. Sumber peruntukan yang terhad ini tidak akan menghalang usaha kerajaan dalam menyediakan projek pembangunan kepada masyarakat bandar dan luar bandar khususnya di negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak yang masih lagi terpinggir dari segi pembangunan, kemudahan infrastruktur dan sosioekonomi.

Bagi tahun 2010 ekonomi negara dijangka berkembang kepada 4% hingga 5% berdasarkan kepada laporan Bank Negara Malaysia yang menunjukkan ekonomi negara berada dalam prestasi yang baik dalam suku tahun yang ketiga dan suku tahun yang keempat. Keyakinan ini akan memberi gambaran yang baik kepada pelabur luar negara untuk terus membuat pelaburan yang strategik dalam iklim ekonomi dunia yang semakin pulih daripada kemelesetan ekonomi dunia. Dalam Bajet 2010 kerajaan telah menumpukan kepada tiga strategik iaitu memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, memastikan pembangunan holistik dan mapan; dan mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Pada tahun 2010 kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM899 juta dalam sektor pelancongan. Pada masa ini Kementerian Pelancongan telah menggandakan usaha untuk menarik ramai pelancong asing terutamanya United Kingdom, Jepun, Republik Korea, Timur Tengah, India dan China walaupun pada pertengahan tahun ini negara dibelenggu dengan wabak influenza A H1N1 yang telah menjejaskan industri pelancongan negara ini. Kemasukan pelancong-pelancong asing ke negara ini secara tidak langsung akan memberi keuntungan kepada negara dari segi pertukaran mata wang asing yang memberi nilai tambah kepada industri hiliran negara bagi produk, kraf tangan, dan program *homestay* serta *ecotourism*. Oleh itu saya mencadangkan Kementerian Pelancongan dapat melipatgandakan supaya Malaysia dijadikan destinasi penting di rantau Asia Tenggara dengan memperbanyakkan dan memperluaskan program *homestay* di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan Kelantan, Sabah dan Sarawak yang mempunyai potensi yang baik memandangkan ketiga-tiga negeri tersebut kaya dengan kehidupan flora dan fauna dalam menarik pelancong asing ke negeri tersebut.

Dalam sektor pertanian merupakan nadi pembangunan negara searah dengan dasar pertanian negara di mana kerajaan telah menyalurkan peruntukan yang besar iaitu sejumlah RM6 bilion bagi membantu petani di negara ini dapat mentransformasikan tanaman mereka kepada pemasaran hasil pertanian. Ini juga dilihat dapat mengurangkan kepada pergantungan negara kepada negara jiran seperti Thailand dalam pengimportan buah-buahan, sayuran serta beras.

Dalam memperkasakan sektor pertanian ini seperti yang dilaungkan oleh pemimpin negara iaitu pertanian adalah perniagaan, merupakan satu proses anjakan paradigma dalam memastikan para petani kita dapat bersaing dengan negara pertanian yang lain di rantau Asia Tenggara dari segi penggunaan teknologi moden berasaskan pertanian. Kerajaan juga perlu memikirkan mekanisme dalam mempertingkatkan pengeluaran tanaman padi supaya kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia terutamanya di Terengganu dan Kelantan berpotensi sebagai kawasan jelapang padi negara, melalui menaik taraf sistem pengairan padi agar penanaman padi dapat dilakukan sebanyak tiga kali setahun.

Kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran telah disediakan oleh kerajaan dalam Bajet 2010 sejumlah RM137 juta. Di sini harapan saya adalah supaya kerajaan mengambil langkah proaktif dengan memastikan tanaman kekal pengeluaran makanan yang merupakan teras kepada pengeluaran makanan dapat mengurangkan pergantungan kepada pengimportan makanan dari luar melalui penyelidikan dan pembangunan oleh institusi penyelidikan pertanian dan universiti tempatan.

Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi memperkasakan pengangkutan awam negara. Saya merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sentiasa turun padang bagi meninjau masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata terutamanya sistem pengangkutan awam negara yang masih ada kekurangan.

Kesungguhan pemimpin nombor satu negara mengadakan lawatan ke Perhentian Bas Puduraya semasa satu hari pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat pujian dan sokongan daripada rakyat jelata yang menunjukkan keprihatinan beliau bagi menaikkan imej Perhentian Bas Puduraya yang sesak dan kurang menyenangkan para penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Kini wajah Perhentian Bas Puduraya telah bertukar wajah yang ceria dan mesra pelanggan bagi memenuhi tuntutan keperluan rakyat jelata yang menggunakan perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, media cetak dan media elektronik telah melaporkan bahawa kerajaan telah membuat pembelian lokomotif bagi komuter bagi menggantikan lokomotif yang usang dan lama tetapi isunya adalah pembelian lokomotif tersebut jauh lebih tinggi daripada harga yang sepatutnya. Oleh itu saya menyeru supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dapat melakukan siasatan yang terperinci dengan melihat tatacara perolehan bagi lokomotif tersebut mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan bagi memberi keyakinan yang tinggi oleh rakyat kepada badan tersebut.

Selain itu sebanyak RM899 juta telah diperuntukkan untuk kemudahan rel dalam Bajet 2010. Oleh itu saya yakin peruntukan yang disediakan ini dapat meningkatkan perkhidmatan komuter dan sistem transit aliran ringan (STAR) dapat memberikan perkhidmatan yang dapat mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor dalam kawasan bandar utama di negara ini yang sesak setiap kali tiba musim perayaan dan cuti persekolahan.

Selain itu kerajaan juga perlu menyediakan kemudahan rel di kawasan bandar utama di negara ini terutamanya kawasan Pembangunan Wilayah Iskandar di negeri Johor yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dengan perkembangan yang pesat di kawasan tersebut saya ingin mengetahui adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membina kemudahan sistem pengangkutan transit aliran ringan (LRT) yang menghubungkan kawasan Johor Bahru dengan Nusajaya bagi menarik pelaburan asing terutamanya negara Singapura pada tahun 2010.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar dalam pembangunan modal insan iaitu sejumlah RM30 bilion untuk dimanfaatkan oleh 5.5 juta pelajar di seluruh negara. Daripada peruntukan yang diluluskan, sejumlah RM1.6 bilion disediakan bagi pembinaan 80 buah sekolah baru serta 1100 buah blok tambahan dan 347 projek gantian sekolah.

Daripada peruntukan tersebut, saya menyeru pihak kerajaan dapat menyalurkan peruntukan tersebut kepada lembaga pengelola sekolah bagi melakukan kerja-kerja pembaikan. Sekolah kebangsaan rendah dan menengah, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), dan Tamil serta, sekolah mubaligh iaitu *mission school*, dengan izin, yang dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan tanpa adanya kerenah birokrasi.

Ini kerana masih terdapat sekolah SJK(C) dan SJK(T) yang masih memerlukan pembelaan kerajaan dalam menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

Pada 8 Januari 2009, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah diwartakan dengan jayanya. Dalam Laporan Audit Negara tahun 2008, banyak kes penyelewengan dan salah guna kuasa telah dilaporkan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menubuhkan pasukan petugas mengkaji Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Langkah berani kerajaan untuk mengambil tindakan yang tegas kepada penjawat awam yang didapati cuai atau sengaja melanggar peraturan dan prosedur dalam pengurusan wang awam. Antara persetujuan mesyuarat adalah seperti berikut:

- (i) Ketua Audit Negara menulis surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian atau jawatan Ketua Eksekutif yang terlibat mengenai kes-kes penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan pembaziran wang awam yang melibatkan pegawai di kementerian-kementerian mereka dan meminta supaya tindakan berikut diambil dengan segera, iaitu:
  - (a) membuat siasatan lanjut terhadap kes-kes penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan pembaziran wang awam yang telah dikenal pasti dan seterusnya mengambil tindakan yang setimpal terhadap mereka yang terlibat sama ada tindakan disiplin mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, Kelakuan dan Tatatertib 1993; ataupun

- (b) mengesyorkan surcaj di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957. Sekiranya terbukti ia melibatkan kes jenayah laporan hendaklah dibuat kepada PDRM atau SPRM. Tindakan ini adalah penting untuk menerapkan budaya tadbir urus yang baik dalam perkhidmatan awam sekali gus menjurus kepada prinsip budaya prestasi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2010, kerajaan telah meletakkan sasaran sifar kemiskinan tegar di mana hampir 50,000 isi rumah miskin tegar yang berdaftar di bawah program e-Kasih dan 4000 isi rumah Orang Asli yang telah dikenal pasti. Oleh itu daripada jumlah tersebut, saya berharap penyaluran peruntukan tersebut telus tanpa mengira fahaman politik yang berbeza. Banyak program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam membantu golongan miskin di kawasan luar bandar seperti Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, Program Kecemerlangan Pendidikan, Program Bantuan Rumah dan Program Bantuan Masyarakat Setempat yang berjumlah RM180 juta.

Maka kerajaan perlu menyusun semula Program Bantuan Kemiskinan ini supaya menyeragamkan penyaluran bantuan ini tidak bertindih atau dinikmati oleh orang yang sama. Melihat kepada kemiskinan di kawasan bandar terutamanya Bandar Raya Kuala Lumpur, Bandar Raya Johor Bharu dan Pulau Pinang. Kerajaan telah mencadangkan Kementerian Wilayah Persekutuan atau dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bagi memerangi kemiskinan bandar secara holistik.

Oleh itu Program Kemiskinan Bandar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan diselaraskan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Peruntukan RM48 juta telah diluluskan untuk dibelanjakan bagi kegunaan pada tahun 2010. Memandangkan peranan kementerian baru ini telah diperluaskan, adakah perluasan Program Kemiskinan Bandar ini akan dikembangkan ke bandar-bandar utama di negeri-negeri lain di Malaysia sedangkan fungsi dan peranan kementerian baru ini hanya meliputi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan?

Tuan Yang di-Pertua, pada 10 Oktober 2009, kerajaan telah mengumumkan lebih 44,000 rumah kos rendah dijual dengan harga antara RM21,500 sehingga RM42,000 seunit. Ia diuruskan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan Jabatan Perumahan Negara. Nyatakan taburan rumah kos rendah yang telah dijual mengikut negeri dan kawasan Parlimen serta jumlah rumah yang masih tidak dapat dijual disebabkan masalah lain, seperti kemudahan pinjaman oleh bank dan lokasi yang kurang menarik. Difahamkan sejumlah 148 projek swasta yang terbengkalai melibatkan 49,913 unit rumah dan melibatkan 31,924 pembeli rumah yang nasibnya masih belum terbela oleh kerajaan.

Dalam Bajet 2010, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM200 juta di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bagi memulihkan rumah kos rendah dan sederhana. Oleh itu saya menyeru supaya kerajaan dapat memperkemaskan dan menguatkuasakan Akta Pemajuan Perumahan supaya pembeli rumah tidak ditindas oleh pemaju rumah yang tidak bertanggungjawab dan berhati perut.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun hadapan kerajaan telah memperkenalkan perkhidmatan kesihatan klinik komuniti yang berkonsepkan klinik 1Malaysia di kawasan bandar. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi memulakan 50 klinik 1Malaysia ini. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia dipohon untuk menjelaskan kriteria pemilihan klinik ini supaya pengagihan klinik ini dapat dinikmati oleh kawasan ini tidak mempunyai klinik desa dan klinik komuniti disediakan klinik 1Malaysia ini selaras dengan Gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkasakan prasarana luar bandar dan pedalaman, kerajaan perlu memastikan infrastruktur dan kemudahan imuniti sosial di kawasan kampung tradisional, kampung Melayu, perkampungan Orang Asli, kampung baru dan kampung nelayan sentiasa mendapat perhatian sepenuhnya daripada kerajaan.

Ini kerana kemudahan ini disediakan perlu mengambil kira pandangan dan keperluan penduduk setempat yang mengharapkan jalan kampung dan kemudahan sosial yang disediakan terpelihara dengan baik. Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM88 juta bagi melaksanakan 5,356 projek imuniti sosial seperti klinik desa, balai raya dan kawasan riadah awam. Saya berharap kemudahan sosial imuniti ini dapat diagihkan secara saksama supaya penduduk di setiap negeri dapat menikmatinya.

Tuan Yang di-Pertua, harapan besar saya adalah supaya negara yang tercinta ini dapat merealisasikan Gagasan 1Malaysia dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi membuktikan keikhlasan kerajaan bagi membantu rakyat jelata menikmati segala projek dan program pembangunan negara yang telah dirancang. Saya merakamkan jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengilhamkan pembajaan yang menyeluruh dan holistik untuk pembangunan mapan pada tahun 2010. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

■1530

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Musa Hj. Sheikh Fadzir. Selepas itu saya minta Yang Berhormat Tuan Syed Husin Ali untuk bersedia.

3.30 ptg.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2010. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Perdana Menteri yang mana telah mengadakan satu bajet, Bajet 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan." Saya ingat satu bajet yang begitu baik sekali. Akan tetapi apa yang kita takut pada hari ini Tuan Yang di-Pertua adalah pelaksanaannya.

Kita lihat di Dewan ini walau bajet itu begitu baik yang dibentangkan oleh Perdana Menteri tetapi siapakah yang akan melaksanakan. Sudah tentulah pegawai-pegawai kerajaan yang ada di dalam negara kita. Kita lihat banyak perkara-perkara adalah tertakluk kepada kerjasama yang akan diberikan oleh pegawai-pegawai kerajaan. Kita lihat hari ini... Seorang pun tidak ada Menteri dan Timbalan Menteri yang hadir untuk mendengar perbahasan di Dewan Negara ini... *[Tepuk]* Dewan Negara ini semua orang bercakap iaitu *Upper House* tetapi sebenarnya kita ini 'ciplak *House*' sebenarnya, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua kita lihat juga masa yang diberi kepada kita hanya dua hari sahaja. Pada hal Dewan Rakyat, dua bulan lebih kurang 60 hari. Dua hari kita hendak bercakap soal bajet untuk membangunkan negara kita. Inilah nasib Ahli-ahli Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kita lihat hari ini, kita hendak pegawai-pegawai kerajaan memainkan peranan yang penting bagi menjayakan semua bajet-bajet yang telah pun dibentangkan. Akan tetapi kebajikan pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan akan berasa kecewa.

Kadang-kadang kenaikan pangkat yang tidak begitu diberi peluang kepada mereka. Kita lihat pada hari ini *trend* yang berlaku di negara kita ini apabila sudah mencapai taraf pensen pada umur 58 tahun. Ada pegawai-pegawai tinggi yang masih lagi diberi tahun ke tahun untuk menyambung kontrak mereka. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita beri kontrak setahun ke setahun kepada pegawai ini. Kita perlu ingat timbalan dia itu mungkin muda mungkin ada masa lagi empat tahun untuk menjadi untuk mengambil tempat bosnya ataupun ketuanya.

Akan tetapi kalau kita beri kepada ketua itu setahun ke setahun. Adakah dia boleh melaksanakan kerjanya? Sebab dia dok ingat kerja dia semangat dia setahun sahaja. Kontrak aku setahun habis sahaja ini aku habis. Jadi dia akan habiskan masa sahaja. Kalau timbalan ini diberi peluang dia masih ada tiga empat tahun sudah tentu dia akan menjalankan tugas tanggungjawab dia dengan begitu baik sekali. Tentu dia akan tengok bagaimana untuk melancarkan jabatan dia ataupun kementerian dia.

Maka saya berharaplah kepada JPA khasnya dan juga kepada Perdana Menteri, Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dan juga Menteri-menteri yang bertanggungjawab supaya kita marilah kita kaji semula kalau kita hendak beri...

Itu pula sudah habis setahun ke setahun, sudah umur sampai 60, 61 bagi pula dok dalam syarikat GLC. Wah punya mewahnya. Apa salahnya kalau kita rasa hendak letak dia syarikat GLC, habis taraf pencen dia itu, sudah sampai umur 58 letaklah GLC. Jangan bagi setahun sampai tiga tahun, habis tiga tahun letak dalam GLC. Macam dalam Malaysia ini tidak ada sudah rakyat Malaysia yang boleh menjawat jawatan itu. Dia itu sahaja yang boleh. Jadi saya berharaplah pada kerajaan supaya dapat mengkaji semula perkara-perkara ini.

Satu lagi kebajikan pegawai-pegawai kerajaan yang bertaraf kontrak. Kita lihat ada yang dianiaya, ada yang ditindas. Kalau kita minta Kementerian Sumber Manusia untuk menjaga kilang-kilang atau pihak-pihak swasta yang mana menindas pekerja-pekerja. Saya lihat kerajaan juga menindas pekerja-pekerjanya. Kita lihat saya hendak ambil contoh KEMAS. KEMAS diberi tanggungjawab untuk membantu rakyat. KEMAS ini buat kerja dalam kampung sebagai jentera kerajaan bagaimana untuk membantu rakyat di kampung. Kita lihat hari ini kakitangan KEMAS sebagai kontrak. Ada yang kerja 10 tahun, 20 tahun tetapi cutinya 15 hari iaitu cuti sakit.

Kalau dia cuti lebih daripada 15 hari, ambil cuti 14 hari gaji tidak boleh dibayar. Kena potong gaji. Kalau dia cuti lebih daripada 75 hari, maka dia kena buang kerja. Adakah ini adil kepada mereka ini Tuan Yang di-Pertua? Kita hendak suruh swasta ikut kerajaan tetapi kerajaan sendiri pun tidak ikut. Kerajaan sendiri pun menindas pekerja-pekerjanya. Kalau yang wanita yang bersalin. Tadi ada Ahli Dewan yang bercakap hendak ramaikan anak. Wanita hendak bersalin. Kalau dia bersalin 60 hari, dia tidak boleh dapat gaji, perlu cuti. Maknanya dia dok kena rancang keluarga sahajalah. Hendak ramaikan rakyat Malaysia macam mana?

Jadi saya mintalah kepada Menteri, fikir-fikirlah perkara ini. Juga kepada Menteri, kuasa-kuasa yang ada pada Menteri ini. Saya tengok pindaan-pindaan yang kita, akta-akta yang kita buat baru ini begitu besar sekali.

Saya takut kuasa-kuasa Menteri ini kadang-kadang dia tidak tahu apa yang dia buat. Saya hendak bagi satu dua contoh Tuan Yang di-Pertua iaitu jawapan daripada, jawapan daripada... [*Yang Berhormat Senator Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi masuk Dewan*] Saya ingat Timbalan Menteri atau Menteri masuk tadi... [*Ketawa*]

Jawapan daripada Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tentang filem-filem tempatan kita. Filem-filem tempatan kita ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok dalam televisyen, dalam RTM sendiri, daripada pagi sampai ke malam, berapa peratus filem-filem tempatan drama yang ditayangkan dalam RTM kita? Saya lihat daripada pagi kita buka, filem Indonesia, tengah hari Indonesia. Saya balik semalam pukul 12 buka filem Indonesia lagi. Lepas itu Timbalan Menteri kata pula filem Indonesia boleh ditayangkan di Malaysia, *hoq* Malaysia ini tidak boleh pergi ke Indonesia.

Kerana apa? Indonesia tidak faham bahasa Malaysia. Kita boleh faham bahasa dia, dia tidak boleh faham bahasa kita. Satu perkara yang pelik Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu bagi saya kadang-kadang kuasa Menteri ini, Menteri ini perlu tengok sama. Bagaimana kita hendak membangunkan industri dalam negara kita? Tadi Timbalan Menteri kata FINAS.

Saya setuju FINAS tetapi FINAS ini kalau hendak letak pengerusi dia, kalau Lembaga Pengarah dia, biarlah orang yang tahu yang boleh membangunkan industri perfileman. Bukan letak orang yang tidak tahu ABC pun tidak tahu. Tidak tahu apa itu filem? Letak orang yang tidak betul dalam FINAS. Bagaimana dia hendak membangunkan industri perfileman di Malaysia ini kalau dia sendiri pun tidak tahu apa. Jadi Pengerusi, jadi Lembaga Pengarah. Ada Lembaga Pengarah yang *conflict interest*. pentingkan diri dia. Ada perniagaan yang dia hendak buat perniagaan dia, orang lain tidak boleh cari makan. Jadi inilah perkara-perkara yang kita kata kalau hendak telus, telus betul-betul Tuan Yang di-Pertua.



Satu lagi tentang saya setuju dengan rakan saya tadi iaitu Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan ini baru-baru ini kita lihat membeli gerabak iaitu *diesel multiple unit* berharga RM30 juta yang umurnya sudah pun 20 tahun. Saya di Bukit Mertajam itu, ada orang tanya saya. Dato' apa umur beli sampai 20 tahun ini? Ini beli besi buruk di mana?... [Ketawa] Taraf besi buruk orang kampung tanya saya Tuan Yang di-Pertua, apa saya hendak jawab. Saya terkejut juga betul juga 20 tahun ini. Kalau kereta ini kita, panggil besi buruklah. Selama 20 tahun dengan RM30 juta yang dibeli. Jawapan daripada Menteri saya baca dalam sebuah akhbar bahawa harga lebih murah daripada harga luar negara.

Apa yang saya tahu harga luar negara ini baru RM10 juta dia beli dia jual dekat kita RM30 juta. Mana satu murah saya tidak tahu. Saya mintalah Menteri tolonglah jawab soalan apa yang saya bentangkan ini. Sebab kita hendak tahu kalau hendak telus, telus betul-betul. Kalau kita boleh ambil tindakan Kementerian Pengangkutan. Saya puji Kementerian Pengangkutan, telus dia boleh ambil tindakan. Bongkarkan PKFZ. Kalau dia boleh lakukan itu, kenapa tidak boleh lakukan yang ini? Kenapa tidak boleh? Jangan ada *double standard*, itu kita boleh ini kita tidak boleh.

Jadi saya minta supaya "Rakyat Didahulukan...", keyakinan rakyat. Bahawa kita hendak tahu kalau kita buat 'A' mesti kita ambil tindakan kepada 'B'. Jangan buat 'A', 'B' kita tinggalkan. Jadi saya mintalah supaya satu penyelesaian dilakukan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Sila.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik daripada rakan saya ini yang berkait dengan PKFZ ini, yang mana patut kita memuji Menteri yang berkenaan. Akan tetapi ada lagi satu isu saya hendak tanya pada pandangan Yang Berhormat iaitu *double tracking* yang juga kosnya melambung begitu tinggi. Kalau tidak silap saya lebih daripada *double* lagi. Bunyinya *double tracking* tetapi kosnya melebihi daripada *double* lagi. Jumlah sampai-sampai kalau tidak silap saya melebihi daripada RM10 bilion kosnya telah meningkat sekarang ini. Apa pandangan Yang Berhormat tentang *double tracking*?

■1540

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Roslan, jiran saya. Jadi saya percaya sebab itu saya kata tadi walau apa sekali pun kalau Kementerian Pengangkutan hendak menjalankan kerja, hendak kata ia kementerian yang telus kalau PKFZ ia boleh lakukan maka saya minta supaya perkara-perkara yang beli *diesel multiple unit* ini dan juga *double tracking* yang disebutkan oleh rakan saya tadi dapat disiasat. Kalau tidak betul maka tindakan perlu diambil. Jadi tidak percaya. Ya, sila.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Haji Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Dalam kes PKFZ ini, ada orang mendakwa bahawa yang kena tahan ini ialah tukang sediakan dan tukang yang *sign* cek tetapi tukang yang ambil duit ini, orang yang dapat duit, dia cek pun tidak kena *sign*, tidak terlibat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu andaian daripada Yang Berhormat. Kita biar SPRM buat kerja dia, itu andaian daripada kita, kita tidak tahu apa yang berlaku. Oleh sebab itu saya kata kita siasat, kalau tidak betul siapa sahaja tidak betul bawa kepada pengadilan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua iaitu, saya juga hendak minta iaitu satu lagi tadi tentang *diesel multiple unit* ini yang saya tahu Lembaga Pengarah Keretapi Tanah Melayu Berhad menolak cadangan itu tetapi kenapa dibeli juga. Jadi saya mintalah jawapan daripada Menteri sendiri. Saya minta Menteri tolong datang jawablah, tidak payah hantar Timbalan Menteri. Kadang-kadang kami ini bukanlah janganlah anggap kami ini sampai jadi 'ciplak House' Tuan Yang di-Pertua, tolonglah datang jawab soalan-soalan.

Ini kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua saya sudah lima tahun di sini, saya ingat tahun yang pertama saya sudah dengar dan sudah tanya soal IPP iaitu daripada TNB atau *Independent Power Producer* ini tanya apa sudah jadi. Menteri jawab sedang dibincangkan, sedang dikaji, bincang. Lima tahun sudah bincang dan dikaji.

Hari ini kita dengar TNB kata tarif elektrik akan naik, betullah rakyat didahulukan. Kadang-kadang rakyat di dahulu ini yang masalah kenaikan semua rakyat dahulu, yang IPP producernya, yang mendapat kontrak ini mewah dan yang terbeban rakyat. Ini rakyat didahulukan, saya setuju. Kalau kita kata rakyat didahulukan mengambil kesempatan kalau hendak naik tarif elektrik, rakyat dahulu bayar, IPP, lima tahun, sepuluh tahun lagi kita akan bincang dan yang memperoleh kekayaan siapa Tuan Yang di-Pertua? Satu perkara yang tidak adil.

Kita hendak bercakap soal kerenah rakyat kepada kerajaan, perkara-perkara ini tidak boleh selesai, lima tahun saya dalam Dewan ini tiap-tiap tahun saya bercakap soal ini tetapi sampai hari ini tidak boleh diselesaikan. Saya tidak tahu di mana silapnya. Kalaulah perjanjian apa susahnya perjanjian. Kita kerajaan, kita boleh buat.

Kalau kita kata hendak membebaskan kerajaan, minta tolong syarikat-syarikat yang besar-besar ini yang mendapat kekayaan, tidak bolehkah bantu kerajaan, tidak bolehkah bantu rakyat. Kalau sudah makan banyak, kalau sudah kaya banyak, dermalah sedikit kepada rakyat, tolonglah, turunkanlah harga. Jadi inilah perkara-perkara yang patut dibincangkan...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat, minta laluan sekejap.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Sila.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapatkan pendapat Yang Berhormat tadi memang betul Yang Berhormat kata rakyat didahulukan. Apabila naik tarif elektrik rakyat kena bayar dahulu. Saya hendak tanya CEO TNB dan juga-juga pegawai-pegawai atasan, rumah yang mereka duduk itu bil elektrik siapa yang bayar?

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Syarikat bayar, saya agaklah. Saya minta Menteri jawablah. Saya tidak tahu kalau syarikat kerajaan bayar kita tidak tahu. Jadi kita minta jawapanlah. Kalau saya jadi CEO *insya-Allah* saya akan beritahu Yang Berhormat.

Jadi inilah perkara-perkara yang saya berharaplah supaya kerajaan. Saya tidak mahu bercakap soal projek, ini sebab rakan-rakan saya sudah banyak bercakap. Inilah perkara-perkara kita kena keyakinan daripada rakyat, keyakinan daripada pegawai-pegawai kerajaan. Kalau pegawai-pegawai kerajaan duduk kerja siang malam, dia tengok perkara yang berlaku dalam kementerian dia sendiri pun tidak betul, bagaimana hendak yakinkan diri mereka Tuan Yang di-Pertua. Jadi perkara-perkara beginilah saya minta kepada kerajaan sendiri supaya dapat menyelesaikan semua masalah ini.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua saya hendak tegur sedikit Kementerian Belia dan Sukan. Saya ingat saya sudah bercakap baru-baru ini tentang belia dan sukan. Setiap tahun saya bercakap. Memang kita akui dan ucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan iaitu pasukan bola sepak kita boleh masuk sebagai *final* pada esok hari pada enam petang.

Kita berdoalah supaya pasukan bola kita akan mendapat kejayaan tetapi jangan kita hanya tumpukan kepada sukan. Belia dan sukan makna belia juga memainkan peranan yang penting, belia ini adalah membangunkan negara. Belia ini hendak jadi pemimpin satu hari, belia ini hendak ambil alih jawatan kita suatu hari, belia ini akan duduk dalam Dewan Negara.

Akan tetapi kalau belia ini tidak diasuh, belia tidak diberi peluang dan belia kita tidak diberi kemudahan, bagaimana mereka hendak jadi belia yang boleh maju. Kita hari ini marah pada belia, mat rempit di kampung, dadah, kita bercakap tetapi apa tindakan kita, siapa yang menghampiri mereka ini, siapa yang duduk bincang dengan mat rempit, siapa yang bincang dengan belia.

Saya pernah tanya mat rempit, saya duduk dan bincang. Saya tanya mereka kenapa naik motor. Apa dia kata, Dato' kami hendak naik motosikal hendak berlumba di mana, Dato' tidak apalah hendak main golf ada padang golf. Saya tidak main golf saya kata, hendak main hoki, ada padang hoki. Hendak main bola, ada padang bola, kami hendak main di mana, siapa orang tua kami. Orang tua kami orang miskin, kerja kampung bagi kami RM5. Bagi RM5 dekat kami, kami hendak pergi mana, duduk kedai kopilah, kena roti canai, teh tarik itu yang kami boleh buat. Bawa *girlfriend* makan di situlah. Bolehlah Dato', anak Dato' orang kaya duduk dekat restoran, dia kata dekat saya. Dato' tidak apalah, Dato' Yang Berhormat, anak Dato' boleh duduk dekat restoran besar-besar makan, orang tidak nampak tapi kami ini bagi mat rempit ini tempat kami.

Jadi inilah peranan Kementerian Belia dan Sukan. Kenapa kita tidak duduk, buat dewan, adakan aktiviti. Sekarang kita adakan Persatuan Belia 4B, saya sedih. Pejabat belia sendiri hendak menganjurkan sukan, pejabat belia sendiri anjur, ada konsultan pula dekat pejabat belia ini. Kalau Menteri tidak percaya, Timbalan tidak percaya, turun ke Penang, saya anak Pulau Pinang. Saya hendak bawa semua pemimpin belia duduk berdialog betul atau tidak betul. Turunlah padang, kita cakap hendak bangunkan belia, duduk dalam pejabat, duduk dalam kementerian buat majlis di hotel, mana belia-belia ini hendak pergi. Hendak pergi hotel satu kampung bawalah seorang, dua orang tetapi yang beratus belia dalam kampung itu di mana mereka hendak duduk, mana mereka hendak dapat pandangan, di mana mereka hendak bercakap soal keluhan mereka ini.

Jadi saya percaya Tuan Yang di-Pertua saya minta kepada Kementerian Belia dan Sukan dan kepada Perdana Menteri sendiri kalau sudah besar sangat Kementerian Belia dan Sukan ini, kalau kita hendak bangunkan sukan, belia ini buat satu kementerian untuk belia, sudah sibuk sangat Menteri tidak boleh turun padang, Timbalan Menteri tidak boleh turun, buat satu lagi Kementerian Belia.

Belia ini begitu penting sekali bagi saya. Kita lihat hari ini ramai belia. Kita duduk bercakap soal dadah, ramai orang menghisap dadah, pencuri tetapi apa tindakan kita. Kita salahkan polis tidak tangkap, kita salahkan ibu bapa tidak boleh tetapi ibu bapa macam tadilah, macam kita duduk bincang rumah ada tiga bilik di mana mereka hendak duduk?

Akan tetapi kalaulah ada aktiviti dalam persatuan belia. Kita ada Persatuan Belia 4B, kita ada persatuan belia MAYC, kita ada belia Tamil, kita ada belia daripada orang Cina maka berkenaan belia ini boleh kumpulkan, duduk, bincang buat aktiviti. Sudah tentu belia ini tidak akan ke mana-mana. Mereka tahu mereka ada aktiviti mereka.

Kalau dahulu tahun 1970-an tahun 1980-an saya masih ingat Tuan Yang di-Pertua semasa saya muda-muda dahulu, sekarang ini muda lagi. Muda-muda dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya lihat saya dahulu sebagai belia saya tahu ada aktiviti belia, ada peruntukan daripada belia maka turunkanlah peruntukan kepada persatuan belia, biar persatuan belia itu menjalankan aktiviti. Jangan kita bagi program dekat kampung ini okey *you* buat aktiviti ini kerana kampung itu ia tidak sesuai dengan aktiviti yang dicadangkan oleh kementerian.

#### ■1550

Biarlah apa aktiviti yang dia nak buat itu, kita biar dia buat. Kemudian, kita ada peruntukan, beri pada persatuan-persatuan belia. Jangan dok tengok sukan sahaja. Oh, sukan itu saya tengok, sukan ini. Tidak *terror* mana pun sukan. Belanjakan duit berbilion ringgit. Nasib baiklah ada bola kita ini. Akan tetapi, inilah peranan yang saya berharaplah kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya dapat membantu belia-belia ini di kampung.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya tidak mahu cakap panjang. Saya simpati dengan rakan-rakan saya, ramai rakan saya hendak berucap. Kita ada dua hari lagi. Sehari lagi, hari ini ialah hari yang terakhir. Jadi, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas kerjasama. Silakan Tuan Syed Husin bin Ali.

**4.51 ptg.**

**Tuan Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membahaskan soal bajet atau akta bekalan hari ini, izinkan saya menyentuh satu dua perkara yang agak bersifat peribadi.

Pertama, saya minta maaf kerana lambat sedikit mengangkat sumpah kerana terpaksa menunaikan haji dan baru pagi semalam, pukul 6 balik. Sebenarnya, saya agak teragak-agak dan dengan izin, *reluctant* untuk menerima kedudukan dalam Dewan Negara ini. Sebabnya ialah kerana prejudis saya. Prejudis saya terhadap Dewan Negara, bahkan Parlimen sendiri ialah ia merupakan institusi yang tidak berkesan.

Salah satu sebab ia tidak berkesan ialah kerana pemusatan kuasa yang seharusnya dipisah-pisahkan di antara eksekutif, legislatif dan juga *judiciary*. Dalam keadaan di Malaysia sekarang ini, kita dapati bahawa pemusatan kuasa ialah lebih kepada eksekutif iaitu Kabinet dan pada peringkat akhirnya, Kabinet itu boleh dikatakan dikuasai oleh Perdana Menteri. Sebagaimana misalnya institusi-institusi lain yang sudah semakin dikuasai oleh Kabinet dan Perdana Menteri seperti *judiciary*, maka begitu juga institusi yang kita duduki ini adalah suatu yang tidak berkesan.

Ini kerana apabila saya mendengar misalnya Yang Berhormat sebelum saya tadi, dia menyesali selepas lima tahun keadaan agak teruk di mana Menteri-menteri tidak menghormati Dewan ini pun. Jadi, dengan demikian kita dapati bahawa betul kata orang bahawa Dewan Negara ini merupakan *rubber stamp* dan apa boleh buat kerana sudah dilantik, saya juga sebahagian daripada *rubber stamp* itu. Akan tetapi, saya harap lama-kelamaan keadaan lebih demokratik, keadaan pembahagian dan pemisahan kuasa akan lebih seimbang supaya Dewan ini dan anggota-anggota Dewan ini dapat dihormati pandangannya. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi saya hanya pulang pagi semalam dan berada di luar negara untuk menunaikan haji selama 44 hari.

Dengan demikian, saya tidak dapat menyediakan suatu ucapan yang bernas, yang penuh dengan fakta-fakta dan statistik. Jadi, dengan demikian, saya akan lebih mengemukakan pandangan secara umum. Saya akan membicarakan terutama sekali soal ekonomi dan pendidikan yang dekat dengan hati dan diri saya. Kebetulan salah satu perkara yang sempat saya baca semasa di luar negara ialah kenyataan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan II. Beliau mengatakan bahawa dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu ini, keadaan negara boleh dikatakan *stagnant* atau tidak ada pembangunan. Ini merupakan satu pengakuan yang agak berani dan saya tidak tahulah apa akibat-akibat yang terpaksa dihadapinya dalam Kabinet kerana membuat kenyataan seumpama itu.

Akan tetapi, walaupun misalannya kenyataan beliau itu direstui oleh Kabinet dan Perdana Menteri, kita bertanya apakah yang telah berlaku selama sepuluh tahun ini sehingga kita *stagnant*. Kalau kita *stagnant* sepuluh tahun yang lalu ini, saya kurang setuju sebab ada juga perkembangan. Cuma perkembangannya ialah perkembangan yang bukan positif, tetapi negatif.

Saya maksudkan negatif ialah kerana kalau kita lihat misalannya secara relatif keadaan jurang di antara misalannya yang kaya dengan miskin, yang berada dengan tidak berada, di antara kota dengan desa adalah lebih teruk. Saya tidak dapat mengemukakan data tentang *Gini coefficient* nya, tetapi saya ingat *Gini coefficient* yang menunjukkan jurang di antara kaya miskin itu bertambah besar dalam keadaan kita sekarang ini.

Mungkin sekarang ini tidak lagi merupakan jurang hanya di antara Melayu dan Cina seperti dahulu, tetapi yang lebih hebat sekarang ini jurang di antara Melayu dengan Melayu, Cina dengan Cina, India dengan India, bahkan Iban dan Kadazan pun adalah bertambah lebar. Ini suatu perkara yang serius bahkan pelebaran jurang ini adalah lebih serius daripada keadaan-keadaan kemiskinan sebab pelebaran jurang itu adalah diakibatkan salah satunya, malangnya daripada perkembangan yang berlaku dalam negara ini, pembangunan yang berlaku dalam negara ini, perkembangan yang merupakan perkembangan fizikal, bukannya sosial ataupun spiritual.

Akan tetapi fizikal bina-membina bangunan yang besar-besar, yang mahal-mahal dan kita tahu bahawa harga yang dinaikkan daripada pembangunan fizikal itu adalah jauh lebih besar daripada harga sebenarnya. Kita dengar tentang PKFZ, kita dengar tentang hospital di Sarawak kalau tidak salah dan hospital di negeri Selangor ini.

Bagaimana belanja yang harus kita bayar bagi pembangunan-pembangunan itu? Kadang-kadang sampai dua kali ganda daripada harga atau kos sebenar perkara itu. Ini bukan sahaja menunjukkan bahawa kecuaiannya berlaku bahkan yang lebih penting lagi, yang lebih buruk lagi ialah kerana korupsi secara besar-besaran berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, korupsi ini merupakan penyakit yang boleh menjahanamkan negara dan rakyat. Saya lihat bukan bertambah baik keadaan korupsi bahkan bertambah buruk. Bukan sahaja korupsi bertambah buruk bahkan ha, ini ada *Survey: Rich Malaysians Getting Richer*. Jadi, apa sebab berlakunya jurang yang besar tadi? Ini adalah kerana ini..., *rich Malaysians becoming richer*. Bukan *rich Malays* sahaja, tetapi *rich Malaysians*.

Jurang ini adalah berpunca daripada penumpuan kekayaan pada sebilangan orang. Bagaimanakah penumpuan kekayaan ini bermula dalam keadaan pembangunan sekarang ini? Ia bermula kerana ada korupsi. Kontrak diberi dengan harga yang mahal, diperoleh oleh beberapa kerat kroni dan...

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah doktor. Izinkan saya mohon mencelah.

**Tuan Syed Husin Ali:** Silakan.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih dan pertama sekali saya ucapkan tahniah lah kepada doktor kerana kalau doktor kenal saya, saya ingat hendak jumpa doktorlah selepas ini. Berkenaan dengan jurang Yang Berhormat sebutkan tadi, antara kaum, antara bandar dan luar bandar. Kalau digunakan *Gini coefficient* sebagai proksi mengukurnya, *of course* pula bergantung pada tempoh yang kita pilih. Kalau kita hendak pilih tempoh yang *in our favour*, kita boleh cari. *Not in our favour* pun orang lain pula cari.

#### ■1600

Pendek kata, apa dikatakan *how to lie with statistic* lah. Namun demikian, kalau kita ambil pada tempoh yang DEB mula dilaksanakan sebagai *benchmark* dan kita akui ada *trend* menurun dan naik, tetapi kalau kita naik *as a linear progression* sepanjang tempoh 39 tahun *Gini coefficient* kita pada tahun 70 ialah 0.5129 dan pada tahun 2007 ialah 0.441 dan kita tahu *Gini coefficient*, kalau dia pergi kepada *zero, is perfect quality and one is perfect in an equality*.

Jadi berdasarkan *Gini coefficient* ini dari segi *trend*, alhamdulillah menurun. Bermakna semakin rapatlah. Itu di peringkat jumlah. Begitu juga di peringkat bandar pada tahun 1970, 0.537 dan pada tahun 2007, 0.427 juga menurun dan luar bandar 0.4689 dan pada tahun 2007, *the latest household income survey* oleh Jabatan Perangkaan 0.388. Jadi ketiga-tiga peringkat ini ia adalah menunjukkan arah aliran merapatkan jurang.

Kalau kita ambil pula dari segi nisbah *income dollar-to-dollar*, data yang ada dibuat, yang ada pada saya ialah antara tahun 1990 mula sehinggalah tahun 2007. Antara bandar dan luar bandar pada tahun 1990 RM1.70. RM1 luar bandar RM1.70 orang bandar. Pada tahun 1995 RM1 luar bandar, RM1.95 di bandar dan pada tahun 2007, RM1 luar bandar dan RM1.91 di bandar.

Bermakna ia rapat. Begitu juga antara bumiputera dan Cina, RM1 bumiputera, RM1.80 Cina dan pada tahun 2007 RM1 bumiputera, RM1.54 orang Cina. *Ratio* antara bumiputera dan India bagi tempoh yang sama RM1 orang bumiputera, RM1.33 India dan pada tahun 2007 RM1 bumiputera dan RM1.20 orang India. Jadi kalau kita ambil kedua-dua ukuran ini nampaknya dia rapat, tetapi saya tidak menafikan pula tahun mana yang hendak diukur kerana ada masa dia turun naik. Itu saya ingin memberikan fakta menambah apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Syed Husin Ali:** Terima kasih. Sebenarnya Yang Berhormat sudah mengemukakan contoh dan bukti bahawa *statistics can lie*. Kita ambil misalannya contoh purata.

Kalau saya berpendapatan RM5,000 sebulan, Yang Berhormat berpendapatan RM10,000 jadi yang di atas RM5,000 ini puratanya RM7,500 tetapi Yang Berhormat tetap dengan RM10,000 saya tetap dengan RM5,000. Kalau ambil yang susah pula, kalau misalnya saya berpendapatan RM200 dan Yang Berhormat berpendapatan RM400 *average* nya RM300, tetapi saya tetap dengan RM200, Yang Berhormat tetap dengan RM400.

Jadi apa yang dilakukan oleh *Gini coefficient* ialah, ia mengambil *average* tetapi hakikat sebenarnya kalau kita lihat dengan mata kasar mahligai-mahligai yang diduduki oleh orang kaya pendapatan-pendapatan mereka dan bank akaun yang disembunyikan, ini jauh lebih besar daripada yang sebenarnya dan kalau kita ambil misalnya golongan yang susah pula kita akan dapati demikian juga. Akan tetapi yang jelas bagi saya ialah dan saya katakan tadi, saya tidak dapat mengemukakan fakta kerana kesuntukan masa, tetapi saya bersedia untuk mengemukakan kemudian nanti untuk menunjukkan dan membuktikan apa yang saya katakan adalah benar iaitu *Gini coefficient*, walaupun ia merupakan per kapita, tetapi *Gini coefficient* nya adalah bertambah besar.

Kalau kita tengok dengan mata kasar juga, lihat perkembangan bandar-bandar dengan desa. Saya ambil contoh misalnya Kuala Terengganu. Terengganu merupakan sebuah negeri yang agak kaya, ada minyak walaupun sekarang ini hasil minyaknya tidak dibelanjakan oleh negeri itu sendiri, tetapi yang kita nampak dengan mata kasar ialah bahawa perkembangan pembangunan fizikal di bandar Kuala Terengganu adalah jauh lebih besar daripada misalnya perkembangan ekonomi yang berlaku di kawasan desa di kalangan nelayan-nelayan misalnya. Ada nelayan yang masih tidak berubah lagi kehidupan mereka. Ada petani yang tidak berubah, tidak bertanah seperti dahulu, tetapi ada segelintir orang yang begitu mewah, yang hidup begitu senang dan memperlihatkan pembangunan yang memberikan mereka kekayaan itu dengan kontrak dan sebagainya yang banyak dibina di bandar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kalau dibenarkan saudara sahaja tapi tak apalah, kerana saya di institusi yang berlainan. Sebenarnya hakikat yang saya hendak tunjukkan ialah, walaupun misalnya ada kelihatan secara *statistical* jurang yang bertambah rapat, tetapi kita harus bimbang kerana keadaan yang wujud menunjukkan yang kaya terlalu kaya dan yang susah masih susah juga dan kita ambil yang susah ini kemiskinan *statistical* lagi sekali. Kalau kita hendak ambil kemiskinan misalnya kita boleh gunakan statistik untuk menunjukkan sama ada yang miskin itu ramai atau tidak. Sekarang ini *poverty line* atau garis kemiskinan yang digunakan tak berubah daripada yang digunakan sepuluh tahun yang lalu.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Padahal keadaan hidup sudah berubah. Kalau misalnya sekarang ini boleh dikatakan RM700, jika di bandar bahkan di kampung juga RM700 itu tidak boleh meletakkan kita dalam keadaan atas garis kemiskinan. Sebab itu kita bercakap tentang *minimum wage* atau gaji minimum, dengan izin.

Kalau misalnya gaji minimum itu RM1,000 dan gaji minimum itu merupakan garis kemiskinan dengan RM1,000 gaji minimum itu golongan orang yang dikatakan miskin akan jauh lebih ramai, *percentage* nya jauh lebih tinggi daripada sekiranya *minimum wage* itu adalah RM750.

Jadi hakikat yang hendak saya sebutkan ialah, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita boleh memanipulasi statistik untuk menunjukkan keadaan kita lebih baik daripada yang sebenarnya dan masalahnya ialah sekarang ini pihak pemerintah lebih suka menutup segala keadaan yang buruk dengan mengemukakan statistik-statistik yang umum, yang boleh memberikan gambaran yang lain. Kita boleh lihat misalnya Yang Berhormat dapat RM40,000 satu bulan, saya dapat RM5,000 *average* RM20,500 tetapi jurang masih banyak dan yang dapat pendapatan RM2,000 itu minimum itu sedikit. Yang banyaknya ialah bawah daripada RM1,000 dan itulah maksud saya tadi dengan jurang yang bertambah buruk berlaku.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Akbar bin Ali:** Yang Berhormat, boleh saya mencelah? Yang Berhormat, saya tertarik hati dengan penggunaan PLI yang dikatakan tidak berubah sejak sepuluh tahun yang lalu. Kalau saya boleh menarik perhatian kepada RMK-8 dan RMK-9 di situ ada PLI. Pada masa ini PLI ialah RM720 dan pada masa kita buat HIS tahun 2005 dan sebelum itu PLInya adalah berlainan. Saya tidak dapat hendak *recollect* angka yang sebenar, tetapi kalau dikatakan PLI itu tidak berubah saya minta maaf PLInya berubah berdasarkan *surveyor* pada tahun berkenaan dan kita boleh rujuk balik RMK-9 dan RMK-8. Akan tetapi kalau yang dikatakan sama ada PLI 720 itu *is a right PLI, that is a different issue* tetapi saya hendak katakan tadi itu berubah mengikut tahunnya. Terima kasih.

■1610

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Yang Berhormat saya minta...

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Boleh saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana berikan kesempatan saya untuk mencelah. Saya hendak menyambung sedikit pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Dr. Syed Husin Ali tadi yang mengatakan statistik itu berbohong. Saya rasa bukan statistik berbohong sebenarnya, kata orang berlainan tempat tegak, berlainan benda yang nampak, itu sahaja.

Jadi kalau betul-betul Yang Berhormat Akbar Ali berbohong, nyatakanlah di mana pembongkangannya bukan hanya menyatakan bahawa tidak adil untuk mengadakan purata antara yang faktor pendapatan tinggi dan pendapatan rendah. Jadi satu hakikat yang patut kita lihat di sini, terima di sini Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa berlainan tempat tegak, berlainan benda yang nampak. Ini satu nostalgia saya di Universiti Malaya 20 tahun dulu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum itu Yang Berhormat sudah ambil masa 20 minit. Saya bagi masa lima minit lagi.

**Tuan Syed Husin Ali:** Jadi baik saya teruskan dan jawab kerana saya sudah menyimpang. Hanya saya hendak katakan kalau kita nampak bangunan itu empat tingkat, walau apa pun dari mana sudutnya kita tengok, ia tetap empat tingkat. Jangan kita katakan bahawa ia lain dari empat tingkat.

Saya hendak sambung, bukan sahaja keadaan bertambah buruk sekarang ini dari segi pembahagian daripada pendapatan. Kalau kita lihat misalnya perbezaan kita daripada negara-negara tetangga. Perkembangan kita adalah jauh mundur daripada Singapura atau Taiwan atau Korea. Dalam tahun awal 60-an boleh katakan empat-empat negara ini hampir serupa pendapatannya tetapi Singapura hampir lima kali ganda per kapitanya. Korea dan Taiwan lebih dari lima ganda. Kalau kita serius betul-betul, kerajaan yang serius, kita harus mengkaji bukan sahaja soal sepuluh tahun kita *stagnant* tetapi mengapa dalam tempoh 50 tahun ini kita ketinggalan lima kali ganda, tiga kali ganda daripada Taiwan dan Korea. Jadi maafkan saya, barangkali...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat datang Yang Berhormat, *welcome to the club*. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bahawa apa pendapat Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata makna kemajuan negara kita jauh daripada zaman ini dan zaman merdeka. Apa pendapat Yang Berhormat bahawa sebenarnya pakatan pembangkang yang hanya pandai menabur janji tanpa membuat kajian mendalam dan saintifik atas inspirasi terhadap hala tuju ekonomi negara dalam masa yang panjang yang antara faktor menyebabkan negara kita menjadi begini. Terima kasih.

**Tuan Syed Husin Ali:** Keadaan kita sebenarnya tertinggal dari negara-negara tetangga yang saya sebut tadi ialah banyak faktornya, antaranya korupsi yang sangat teruk. Ada korupsi di negara lain tetapi ada hal-hal lain yang barangkali komitmen yang lebih besar. Komitmen misalnya daripada golongan yang rendah tetapi sekali lagi saya kalau hendak bincang, bincang kemudian. Saya tumpukan pada ucapan saya.

Dari segi ekonomi ini ada *tendency* walaupun kita katakan hendak mengutamakan yang susah, yang miskin rakyat tetapi pada hakikatnya pada perlaksanaannya kita lebih mengutamakan golongan atasan, golongan kaya kerana hubungan sistem politik dan ekonomi kita adalah sistem yang bergantung terutama sekali berhubungan rapat dengan golongan kaya dalam negara ini, tidak mengira bangsanya.

Jadi oleh kerana itu perbelanjaan belanjawan misalnya bajet seharusnya sekarang ini lebih banyak bertumpu kepada golongan yang susah tidak kira Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban. Ia harus menumpukan kepada golongan yang susah. Kalau misalnya belanja di mana bandar-bandar untuk *lighting* misalnya di Putrajaya itu untuk lampu dan untuk macam-macam lagi begitu mahal dan untuk buat lebuhraya begitu tinggi, berbilion-bilion.

Mengapakah tidak sebanyak itu dibelanjakan di kawasan kampung dan saya lihat kalau tidak salah saya, ini untuk peringatan sahaja, peruntukan bagi pertanian hanya RM4 bilion. Apalah RM4 bilion ini kalau dibandingkan dengan penumpuan kekayaan rakyat bukan negara, bukan kerajaan tetapi kekayaan yang disumbangkan oleh rakyat, oleh dianugerahkan oleh Allah dengan kekayaan dan macam-macam lagi tidak dapat digunakan untuk rakyat.

Ini tidak dapat dilakukan kerana misalnya dalam satu kajian oleh BarryWain. Beliau mengatakan bahawa dalam tempoh terutama sekali Perdana Menteri yang keempat, *wastage* adalah sebanyak kira-kira RM100 bilion dan ada pula kajian yang lain mengatakan bukan RM100 bilion tetapi USD100 bilion. Jadi ke mana wang itu, dari mana datangnya, daripada rakyat, daripada Petronas dan sekarang ini kita terus berbelanja dengan menggunakan wang daripada Petronas, kekayaan yang harus digunakan untuk ramai rakyat. Sekarang ini ramai rakyat saya lihat dari mata kasar saya dan dari sudut pandangan saya, itu keadaannya. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta kerjasama ya.

**Tuan Syed Husin Ali:** Boleh dua minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Syed Husin Ali:** Saya mengatakan tadi saya akan menyentuh soal pendidikan. Soal pendidikan secara ringkas hanya hendak saya katakan ada masalah-masalah di peringkat sekolah-sekolah menengah dan rendah. Ini kerana, di situ kita melihat mutu pendidikan bertambah buruk, bertambah merosot. Ini diakui oleh para pendidik dan kalau kita lihat misalnya tentang kebolehan membaca dan menulis sekarang ini tidak seperti dulu. Pemikiran secara kritikal pun tidak begitu baik, tidak kreatif juga, apatah lagi sampai ke universiti. Satu perkara yang merunsingkan saya ialah satu laporan daripada Kementerian Pelajaran baru-baru ini, kalau tidak salah saya satu dua tahun yang lalu yang menunjukkan bahawa pemisahan di antara sekolah berbagai-bagai aliran semakin teruk.

Misalnya di sekolah kebangsaan yang mengguna bahasa Melayu, kita dapati 7% sahaja orang bukan Melayu yang pelajari di situ. Sekolah-sekolah jenis kebangsaan atau sekolah bukan kebangsaan hanya yang menggunakan bahasa Cina terutama sekali hanya kira-kira 7% juga yang belajar di sana.

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Boleh mencelah sedikit, kalau begitu apa penyelesaian Yang Berhormat... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] teladan dan percanggahan *discrepancy* antara sekolah itu.

**Tuan Syed Husin Ali:** Barangkali kalau sabar sedikit, saya akan sampai ke situ... [*Ketawa*]

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Tidak sabar.

**Tuan Syed Husin Ali:** Pertama sekali adalah dari segi implikasi, kita dapati bahawa ada pemisahan di antara kaum.

Kalau kita bercakap tentang 1Malaysia, pemisahan ini harus di perbaiki dan satu cara pembaikannya ialah memperkukuhkan sistem pendidikan nasional dan bahasa nasional.



Sekarang ini sistem kita tidak memperkukuhkan itu, sekarang ini pembesar-pembesar kita tidak menghormati bahasa kebangsaan itu. Sekarang ini nilai bahasa Melayu adalah paling kecil kalau dibandingkan dengan nilai bahasa Inggeris dari segi perniagaan dan sebagainya, perdagangan dan lain-lain.

Jadi bererti di peringkat sekolah menengah bukan sahaja harus diperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu supaya ia dihormati dan orang datang belajar di situ. Sekarang ini kalau hendak buat Matematik dan Sains, orang pergi sekolah cina kerana sebab di sana lebih baik sekolahnya tidak sekolah misalnya di bawah kementerian Pendidikan. Jadi kita kukuh dah kuat, orang datang kepada kita, kita tidak bimbang kalau kita beri peranan kepada bahasa-bahasa lain, bahasa ibu. Kita hanya *in a stage of siege*, maafkan saya menggunakan perkataan itu kerana keadaan kita lemah dan keadaan lemah itu adalah perbuatan kita sendiri.

Begitu juga dengan misalnya.... Satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga keadaannya dengan keadaan di universiti, kita punya ranking sekarang ini universiti semakin merosot, paling merosot kalau dibandingkan dengan dulu. Banyak masalahnya, satu, naib cancellornya bukan orang-orang yang komited kepada pendidikan.

#### ■1620

Ia tidak semestinya ada akademik merit, Harvard dan Cambridge misalnya bukan orang akademik tetapi orang perniagaan, orang perindustrian ya, tetapi ia komited dan tahu macam mana hendak menyelenggarakan universiti, mendapatkan *funding* untuk universiti, supaya universiti dapat berkembang secara baik.

Kedua, kita dapati di universiti di Malaysia ini, terlalu banyak kongkongan, ada AUKU, ada Aku Janji sehingga pensyarah-pensyarah pun takut hendak kreatif dan kritikal dan apabila pensyarah takut hendak kreatif dan kritikal, macam mana mereka hendak mendidik pelajar-pelajar supaya kreatif dan kritikal, barangkali Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah lebih tahu akan hal ini, tidak perlu saya beritahu.

Akhir sekali misalnya ialah bahawa dalam sistem kenaikan pangkat di universiti sekarang ini, bukan sahaja misalnya naib cancellor itu seorang yang mesti rapat dengan Menteri, orang yang sengaja merapatkan diri dengan Timbalan Menteri supaya dapat sambung lagi belajar. Akan tetapi naib cancellor itu akan memilih dekan-dekan yang sealiran dengannya dan dekan-dekan pula memilih ketua-ketua jabatan yang sealiran dengannya jadi *whole*, seluruh rantai itu ialah mereka yang hanya berkira-kira macam mana hendak mendapatkan jawatan, hendak lama di situ dan yang malangnya ialah bila ini menjadi asas untuk kenaikan pangkat, akademik merit tidak bererti lagi. Sama ada *research* ataupun *publication*, penyelidikan dan penerbitan tidak menjadi ukuran universiti yang sewajarnya.

Itu sebab orang tidak pandang tinggi lagi, orang tidak peduli lagi kepada profesor-profesor kangkung dan dekan-dekan pengampu yang misalnya, atau naib cancellor yang tidak ada kebolehan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu adalah salah satu misalnya daripada faktor yang membuatkan orang tidak percaya terutama sekali misalnya yang naik pangkat itu bukan sahaja yang ada kaitan dengan rantai ini tetapi dari satu kaum. Ia pilih kaum okeylah, pilih Melayu tidak salah pada saya tetapi pilih Melayu yang ada kelayakan, jangan pilih Melayu yang kelayakannya hanya pandai mengampu dan kalau itu diteruskan kita akan mempunyai universiti yang akan makin turun. Sekarang ini ada universiti yang mengatakan ia naik *ranking* ia, kenapa? Ia kata ia ambil banyak bertambah bilangan pelajar-pelajar luar, ini satu faktor pengukurannya, senang sahaja hendak tarik pelajar-pelajar luar. Akan tetapi cara yang menarik paling baik ialah kalau standard pendidikan kita tinggi, pelajar yang kita keluarkan kreatif dan kritikal...

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat tadi Yang Berhormat minta dua minit, sudah lebih.

**Tuan Syed Husin Ali:** Ini dua minit barangkali dua *second* ya, jadi terima kasih banyak.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Ada lagu di mana janji...

**Tuan Syed Husin Ali:** Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, ini adalah suara sulung ya? Okey, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan perbahasan, saya ingin menjemput seorang Menteri untuk menyampaikan usul.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**4.23 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1),

“Bahawa saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi Hari Khamis, 17 Disember 2009.”

**Puan Heng Seai Kie:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan, masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

**4.24 ptg.**

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan Malaysia di atas penyediaan satu bajet yang pertama sebagai Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Ada beberapa isu yang saya ingin bangkitkan sebelum menyokong bajet ini.

Isu yang pertama, masih ada kampung yang tidak mempunyai profil kampung dengan tujuan memberikan gambaran sebenar keadaan semasa dan keperluan penduduk setempat. Jadi dipohon kepada semua ketua kampung dan ahli jawatankuasa, kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) untuk menyediakan profil kampung dan hendaklah diserahkan kepada pegawai daerah atau Exco Pembangunan Luar Bandar setiap negeri. Kalau kita lihat tanpa penyediaan profil kampung yang lengkap dan terkini, mungkin pihak kerajaan akan menghadapi kesukaran untuk menyediakan peruntukan bagi memenuhi keperluan yang dikehendaki masyarakat di situ. Jadi adalah menjadi tugas semua ketua kampung termasuk JKKK menyediakan profil dan mengenal pasti segala kekurangan dan keperluan masyarakat di kawasan masing-masing.

Ketua kampung dan JKKK harus memainkan peranan penting sebagai mata dan telinga kerajaan dengan menyenaraikan projek pembangunan dan bantuan yang diperlukan sesebuah kampung. Penyenaraian projek yang harus diberikan keutamaan adalah projek yang memberi manfaat kepada masyarakat umum serta berpotensi untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.

Isu kedua, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) disarankan agar mengadakan program mesra rakyat untuk mendekati penduduk luar bandar bagi mendengar masalah mereka dan mencari penyelesaian terbaik. Kita tidak mahu setakat menyebut KEMAS, orang akan hanya tahu Tabika KEMAS sahaja.

KEMAS boleh memainkan peranan proaktif dalam membantu wakil-wakil rakyat menjaga dan menangani masalah-masalah penduduk luar bandar dengan efisiennya. Bagaimanapun, apa yang mendukacitakan ialah kurangnya mesra kakitangan KEMAS datang berjumpa pemimpin masyarakat termasuk ADUN, Ahli Parlimen dan juga Senator dan berbincang mengenai masalah penduduk. Kakitangan KEMAS perlu mempunyai hubungan yang rapat dengan wakil rakyat dan agensi kerajaan lain supaya setiap masalah dapat ditangani dengan cepat dan secara kolaborasi untuk penyelesaian penduduk luar bandar.

Isu yang ketiga, keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) baru-baru ini yang diumumkan, lebih kurang 40,000 murid di seluruh negara berjaya mendapat kelulusan cemerlang 5A. Sudah pasti sejumlah besar jika pun tidak semua murid yang lulus cemerlang ini mengharapkan untuk menyambung pelajaran ke sekolah yang dianggap lebih *glamour* iaitu sekolah berasrama penuh (SBP). Namun yang pasti tidak semua ini yang bercita-cita mahu memasuki SBP ini dapat mencapai impian mereka kerana jumlah tempat yang disediakan jauh lebih sedikit daripada jumlah mereka yang berjaya. Difahamkan hanya ada 6,000 kekosongan sahaja di sekolah berasrama penuh ini untuk diisi oleh pelajar Tingkatan Satu.

Sudah pasti Kementerian Pelajaran akan melalui satu waktu yang sukar untuk memilih siapa yang layak ke SBP, apa juga yang dilakukan oleh kementerian tentunya akan menggembirakan sebahagian murid dan ibu bapa dan menyebabkan sebahagian lagi kecewa. Akan tetapi ini tidak dapat dielakkan kerana terlalu banyak saingan untuk mengisi tempat yang terhad, namun satu perkara yang saya ingin ketengahkan dalam proses pemilihan ini Kementerian Pelajaran diharap janganlah lupa matlamat utama SBP diwujudkan iaitu untuk memberi tempat kepada murid luar bandar dan mereka yang kurang berkemampuan. Saya timbulkan isu ini kerana saya bimbang matlamat tersebut semakin lama semakin dilupakan. Contoh mudah yang pernah saya lihat ibu bapa yang melawat anak-anak mereka di SBP, mereka datang dengan kereta menjalar seperti Mercedes, BMW, Honda dan lain-lain. Tentunya mereka ini orang berada dan ternama kebanyakannya dari kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan lain-lainnya. Saya percaya anak-anak mereka memang layak ke SBP tetapi isunya adakah murid-murid dari luar bandar yang berkecukupan dan kurang berkemampuan diberi peluang sewajarnya dahulu memasuki SBP, jika ada pun adakah nisbahnya mencukupi?

#### ■1630

Pada pandangan saya jika murid luar bandar mendapat 4A, 1B pun wajar diberi pertimbangan memasuki SBP. Fahamilah persekitaran dan kemudahan pembelajaran murid luar bandar ini, tidak sehebat seperti yang terdapat di bandar-bandar. Justeru jika matlamat mengutamakan murid luar bandar ini hendak diamalkan berikan pertimbangan terhadap persekitaran pembelajaran mereka, seiring dengan kejayaan akademik dalam memberikan mereka tempat di SBP. Murid-murid luar bandar dan tidak berada amat teringin ke SBP. Mereka ini tidak pandai merayu atau ada kenalan orang-orang besar yang boleh mereka minta tolong.

Kepada Kementerian Pelajaran sahaja mereka bergantung harap. Barangkali kementerian boleh menggunakan konsep kuota atau nisbah tertentu bagi memasukkan pelajar luar bandar ini berbanding keseluruhan pelajar. Dengan cara ini mereka tidak akan tercicir daripada mendapat peluang pendidikan dalam suasana SBP yang memang menjadi rebutan ramai.

Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai daerah diminta mengubah sikap dengan sentiasa bertindak proaktif memastikan semua projek pembangunan luar bandar dilaksanakan dengan baik. Langkah ini penting dalam menjayakan transformasi baru bertujuan meningkatkan keyakinan rakyat khususnya golongan muda terhadap kerajaan. Perubahan tersebut perlu dilakukan segera dalam era teknologi maklumat kini, di mana pencapaian mereka dapat dinilai terus oleh seluruh rakyat. Semua Pegawai Daerah mesti mengubah minda dan cara lama mesti ditukar. Waktu sekarang tidak sama lagi dengan dahulu kerana kini anak-anak muda kita terpelajar, ada laman web sendiri, ada *facebook* dan internet serta blog. Kalau dulu apa-apa pegawai daerah buat tiada apa-apa yang diketahui oleh mereka.

Kalau buat salah rakyat akan melihat sekarang dan menilainya sendiri. Pegawai daerah perlu memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan semua projek berkenaan. Apa yang penting ialah kita jangan leka dan lalai, mana-mana kerja yang ada hendaklah diselesaikan dengan segera. Jangan pula pegawai daerah ini mereka ingat pegawai PTD dan tidak mesra rakyat. Pendekatan itu salah kerana rakyat luar bandar mahukan pembelaan yang sewajarnya. Apabila disebut sahaja mengenai perpustakaan, sudah tergambar sebuah tempat yang menempatkan pelbagai jenis bahan bacaan. Namun masih ada tangkapan *skeptik* orang ramai mengenai perpustakaan yang melihat ia hanya untuk golongan pelajar mengulangi pelajaran bagi menghadapi peperiksaan.

Justeru, dalam merakyatkan perpustakaan terutamanya di kawasan luar bandar, perpustakaan desa merupakan salah satu pendekatan terbaik mengujudkan masyarakat yang bermaklumat. Jadi saya syorkan supaya menganjurkan umpamanya seperti Kempen Merakyatkan Budaya Membaca bagi memberi galakan kepada orang ramai menambah ilmu pengetahuan. Pada saya perpustakaan desa ini perlu ada daya penarik tersendiri dan ia tidak perlu *rigid* hanya semata-mata untuk membaca. Akan tetapi ia boleh dijadikan sebagai satu pusat aktiviti masyarakat setempat.

Ini termasuklah perbincangan yang berbentuk ilmiah, selain mengulang kaji pelajaran bagi menghadapi peperiksaan awam. Perpustakaan juga boleh memainkan peranan sebagai pusat pembangunan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di kawasan luar bandar dengan adanya komputer untuk melayari internet. Masyarakat desa khususnya harus menerima hakikat bahawa perkembangan maklumat bukan sahaja boleh didapati melalui buku-buku yang ada di perpustakaan malah ia boleh diterima melalui laman-laman web. Saya tidak mahu masyarakat di kawasan luar bandar ketinggalan dalam perkembangan ICT kerana mahu tidak mahu mereka harus menghadapinya sekarang.

Oleh itu persiapkan untuk menyediakan masyarakat berilmu perlu melibatkan setiap anggota masyarakat. Tambahan pula ia selaras dengan hasrat kerajaan yang mahu jurang digital antara masyarakat luar bandar dengan bandar dapat dirapatkan sebaiknya. Isu keenam Tuan Yang di-Pertua, lima alternatif baru dikatakan ada bagi membantu Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk mempercepatkan proses pembangunan desa serta pembentukan pelan tindakan di seluruh negara, iaitu:

- (i) KKLW perlu menggubal satu pelan untuk pembangunan luar bandar nasional yang menyediakan hala tuju, strategi serta dasar pembangunan luar bandar secara komprehensif termasuk bagi Sabah dan Sarawak. Pelan induk ini hendaklah mengambil kira pelan tindakan daerah dan desa meliputi semua jabatan dan agensi kerajaan;
- (ii) langkah kedua yang perlu diberi perhatian adalah penstrukturan semula sistem perancangan desa di daerah iaitu di pejabat daerah perlu mengambil kira Pelan Tindakan Desa yang dihasilkan oleh penduduk kampung. Pengiktirafan pejabat daerah penting untuk memastikan kejayaan program yang dirangka hendaklah dirangka penduduk untuk memajukan kampung mereka;
- (iii) pembentukan Kumpulan Pembimbing Pelan Tindakan Desa, daripada kalangan masyarakat kampung juga merupakan aspek penting untuk mempercepatkan proses pembangunan di setiap desa. Kaedah ini melibatkan individu di kampung seperti guru sekolah. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Persekutuan, pesara kerajaan, ahli perniagaan dan individu lain yang berpotensi menjadi pembimbing dalam *plan* tersebut. Dengan cara ini proses penyediaan pelan tindakan dapat diperluaskan dengan lebih cepat;

- (iv) peningkatan sinergi antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan KKLW juga membolehkan mahasiswa-mahasiswa memberi sumbangan positif dalam membentuk dan merangka pelan komprehensif yang memberi manfaat kepada semua masyarakat di luar bandar; dan
- (v) Pembangunan Modal Insan terutamanya pendidikan awal kanak-kanak amat penting bagi kemajuan luar bandar. Kanak-kanak di luar bandar hendaklah disediakan peluang seluas-luasnya untuk mendapat pendidikan pra persekolahan kerana pendidikan awal yang berkualiti mampu menjamin kejayaan kanak-kanak luar bandar apabila mereka beralih kepada pendidikan formal.

Jadi saya hendak tahu sejauh manakah semua strategi ini telah dijalankan oleh kementerian. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai usaha kerajaan untuk mengutamakan kesejahteraan rakyat. Apa yang saya perhatikan usaha-usaha kerajaan hari ini telah banyak membantu kesejahteraan rakyat secara umumnya. Namun saya juga mengharapkan semua daripada kita yang bernama rakyat Malaysia, bersama-sama menjaga tatalaku dan percakapan kita supaya jangan ada antara kita yang hanya semata-mata ingin mengejar kejayaan. Berpolitik sehingga lupa tanggungjawab kita.

Saya ingin merujuk kepada artikel dalam *Utusan Malaysia* semalam 15 Disember 2009 iaitu PAS akan burukkan UMNO lagi. Mengikut laporan itu PAS akan mengadakan kempen UMNO pengkhianat rakyat mulai tahun hadapan. Sebagai satu ahli politik UMNO yang rasional, saya boleh katakan saya tidak hairan mereka ini tidak ada kerja lain. Itu sahaja yang mereka tahu buat. Akan tetapi sebagai pemimpin masyarakat yang dipilih untuk berada di Dewan ini, saya fikir saya patut menyentuh perkara ini.

Apa yang ingin saya pesan kepada golongan yang mengeluarkan perkataan ini adalah berhati-hati dengan lidah anda agar tidak ada yang terguris buruk padahnya. Ini kerana tidak semua ahli UMNO yang berjumlah ratusan ribu orang yang zalim dan pembohong. Adakah di kalangan kami orang-orang UMNO tidak ada ustaz ataupun ustazah ataupun tidak adakah satu pun antara usaha kami selama ini yang telah berjasa kepada saudara di sebelah sana? Kami juga belajar agama dan tahu hukum hakam dan kami juga memusuhi kezaliman dan kebohongan.

Justeru itu kalau hendak menghentam jangan pukul rata. Sesungguhnya konsep matlamat menghalalkan cara ini tidak pernah ada di dalam Islam. Halal dan haram dalam Islam adalah ditentukan oleh Allah SWT, bukannya ditentukan oleh matlamat yang ingin diraih. Justeru itu janganlah membiarkan matlamat politik kita menghalalkan cara kita. Bersyukurlah kita dengan keamanan yang kita miliki, janganlah disebabkan gilakan politik Melayu kita layu, berpecah belah dan jangan sampai kita terpinggir di negara sendiri.

Bercakap mengenai keselamatan dan kesejahteraan rakyat juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan RM3.7 bilion bagi mempertingkatkan lagi kecekapan anggota keselamatan, termasuk menyediakan kelengkapan yang moden dan canggih. Apa yang saya ingin nyatakan di sini adalah dalam usaha kerajaan menyediakan kelengkapan yang canggih saya juga mencadangkan agar satu tindakan segera yang lebih efisien diambil bagi mengawal dan membanteras kes-kes jenayah kecurian kereta yang semakin menjadi-jadi sehingga keselamatan kereta kita yang di *parking* di depan rumah, malahan di tempat *parking* awam pun boleh hilang. Jika dilihat statistik Kementerian Dalam Negeri, laporan mengenai kehilangan kereta di negara ini semakin meningkat. Sebagai contoh:

#### ■1640

Tahun	Bilangan kes kehilangan kereta
2005	9,711
2006	11,154
2007	12,428
2008	15,198
Mei 2009	6,067

Apa yang membimbangkan adalah kes kehilangan semakin meningkat tetapi jika dilihat peratus kejayaan menjumpai semula kereta oleh pihak berkuasa semakin menurun. Sebagai contoh, kejayaan menjumpai semula kereta pada tahun 2004 sebanyak 36.12 % menurun kepada hanya 18.32% pada tahun 2008. Saya percaya dan mengucapkan tahniah atas usaha pihak berkuasa dalam menangani isu ini. Malahan penubuhan VTRC atau *Vehicle Theft Reduction Council*, dengan izin, amat tetap dengan waktunya. Cuma di samping usaha yang telah ada, saya ingin mencadangkan agar lebih banyak anggota polis ditempatkan di tempat-tempat awam terutamanya di kawasan yang berisiko tinggi untuk berlakunya kecurian kereta dan bukan hanya di 50 *hot spots* sahaja seperti yang telah dikenal pasti. Dengan itu, saya ingin menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi. Selepas itu diminta bersedia Yang Berhormat Puan G K Loga Chitra...  
[Ketawa]

#### 4.42 ptg.

**Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya. Daripada pembentangan bajet, jelas sekali kerajaan dan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mempunyai pandangan yang mendalam mengenai cabaran-cabaran terkini yang dihadapi oleh negara. Beliau juga tepat daripada segi cadangan dan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi cabaran-cabaran ini. Sebenarnya cabaran-cabaran yang dihadapi negara lebih serius daripada yang dianggap. *All the danger signs are there*, dengan izin.

Pelaburan swasta telah merosot ke bawah 10% daripada KDNK yang dahulunya 30% daripada KDNK. Pelaburan asing dan domestik telah menurun dengan drastik. Lebih serius kita melihat pengeluaran modal dari negara. Angka-angka akaun modal dan kewangan menunjukkan –RM117 bilion pada tahun 2008 dan –RM54 bilion pada setengah tahun pertama 2009. Lebih mengejutkan lagi ialah angka pelaburan asing berikut. Dalam tahun 1980, daripada jumlah pelaburan asing yang masuk ke Asia Tenggara, Malaysia menerima 35%. Sementara itu, tidak sampai 1% pun berlabuh di Vietnam. Dalam tahun 2008, daripada jumlah pelaburan asing ke Asia Tenggara, Malaysia dan Vietnam, masing-masing menerima jumlah pelaburan yang hampir sama. Tidak munasabah kah Vietnam akan mendahului Malaysia selepas ini?

Nisbah pendapatan per kapita Korea Selatan dan Malaysia pada tahun 1980, 1:1 dengan izin. Kini nisbah ini dua kali ganda lebih besar iaitu 2:1. Jauh meninggalkan kita. Dalam tempoh sepuluh tahun, selepas krisis ekonomi 1997 dan 1998, pendapatan per kapita Korea Selatan sebanyak 104% berbanding dengan Malaysia mencatatkan hanya 68% peningkatan. Dalam tempoh hampir 30 tahun, ekonomi China telah berkembang 15 kali ganda. Malaysia hanya lima kali ganda.

Berdasarkan indeks *ease of doing business* pada tahun 2010, Malaysia berada pada kedudukan ke-20 daripada 183 buah negara. Ini nampak okey. Akan tetapi kalau diteliti dengan mendalam lagi, kedudukan Malaysia dalam kategori penting seperti *dealing with construction permits* dan *starting a business*, kita di kedudukan 109 dan 88, tiada kemajuan yang *significant* dan konsisten.

Berdasarkan indeks k-ekonomi, *knowledge economy Index*, institut Bank Dunia. Secara keseluruhannya kesediaan ekonomi Malaysia untuk menyokong aktiviti k-ekonomi masih di takuk asal. Tidak berubah malah telah merosot. Untuk tahun 1995...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** [Bangun]

**Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi:** KEI Malaysia ialah 6.12% pada tahun 1995. Saya habiskan ini. Pada tahun 2009, ini menurun pada 6.07%. Purata untuk lima buah negara teratas ialah 9.41%.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan data-data yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat. Jadi, pengalaman Yang Berhormat sebagai Menteri yang pernah menguruskan EPU, apakah pandangan Yang Berhormat, bagaimanakah adakah pada masa sekarang ini kerajaan perlu menggaji pakar-pakar bagi memastikan segala prosedur yang begitu lambat boleh kita mempercepatkan kerana kita tidak mahu ia menjadi sebagaimana seperti Yang Berhormat kata, di belakang Vietnam selepas pada ini. Jadi, adakah kita boleh mengaji pakar-pakar yang bersesuaian dengan kadar yang munasabah dan jabatan manakah yang bertanggungjawab untuk memudahkan segala urusan yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi:** Saya akan menekankan sebenarnya kita perlu satu *reengineering public service* kita. Ini memerlukan satu perubahan yang besar. Saya akan sambung dan akan menjawab soalan itu dalam ucapan saya.

Berdasarkan indeks k-Ekonomi yang kita telah katakan tadi, kemasukan jutaan angka rasmi pada tahun 2008, dua juta orang pekerja asing tanpa kemahiran ke Malaysia. Dalam tempoh tujuh tahun, kemasukan pekerja tanpa kemahiran meningkat pada kadar 300% dan kini merupakan 30% daripada tenaga kerja negara. Sebaliknya, kemasukan pekerja mahir atau profesional menurun sebanyak 59% hampir 60% dalam tempoh yang sama iaitu 85,000 orang pada tahun 2000 kepada hanya 35,000 orang pada tahun 2007.

Pada masa yang sama, kita mendengar begitu ramai rakyat Malaysia telah berhijrah ke negara-negara lain. Kebanyakan mereka adalah profesional. Saiz KDNK sekarang 26% kurang daripada sasaran menjelang 2020. Tahap pendapatan per kapita semasa adalah 52% lebih rendah daripada sasaran Wawasan 2020. Malaysia mencecah status kelas menengah atas sekitar 15 tahun yang lalu. Risiko untuk terperangkap pada tahap ini, *middle income trap*, dengan izin, semakin tinggi.

Kita perlu meningkatkan pendapatan per kapita sebanyak dua kali ganda hanya untuk mencapai tahap minimum pendapatan tinggi dunia. Untuk mencapai pendapatan per kapita asal Wawasan 2020, kita sepatutnya perlu meningkatkan per kapita kita tiga kali ganda.

#### ■1650

Dengan gambaran di atas ini seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia tidak boleh lagi berganjak secara *business as usual*, dengan izin. Kita perlukan transformasi besar-besaran dan untuk transformasi ini berjaya dan berlaku ia memerlukan setiap rakyat Malaysia faham transformasi ini amat kritikal untuk *survival* masa depan kita. Setiap rakyat Malaysia faham peranan mereka masing-masing di dalam menjayakan transformasi ini.

Ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas dari segi langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani cabaran-cabaran ini; meningkatkan pelaburan swasta, menyediakan persekitaran mesra perniagaan, mempergiatkan kemasukan pelaburan asing, meningkatkan inisiatif projek perkongsian awam swasta dan lain-lain. Sebenarnya negara kita memang terkenal dari segi kepakaran kita merancang dan mengeluarkan idea-idea yang terbaik dan terkini. Malaysia *is never short of ideas*, dengan izin. Masalah dan kelemahan yang masih mengongkong kita selama ini ialah masalah *implementation*. Banyak langkah yang dicadangkan di dalam pembentangan bajet kali ini sudah diusulkan pada masa-masa yang lepas. Jadi perbezaan yang kita mesti capai sekarang ialah perbezaan dari segi pelaksanaannya supaya kali ini benar-benar ia berkesan dan berimpak.

Saya curiga kalau pelaksanaan ini bergantung kepada cara-cara dan *mind set* yang lama oleh kedua-dua pihak iaitu pihak awam dan pihak swasta. Kita tidak akan sampai ke tahap yang diharapkan. Baru-baru ini saya mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjumpa dengan pihak swasta. Masih ada lagi misalnya yang menumpukan kepada permintaan subsidi kerajaan, kelonggaran pekerja-pekerja asing biasa, tenaga yang murah dan sebagainya.

Ini menunjukkan kita perlu satu perubahan *mind set* di pihak swasta juga yang menekankan kepada *innovation of product in service*, dengan izin, dan *global competitiveness*.

Adakah kita mempunyai masalah legasi, sektor swasta yang terlalu bergantung pada *patronage* dan *rank seeking*, dengan izin? Kalau ini tidak berubah negara kita tidak akan berubah juga. Mungkin negara perlu membangunkan satu generasi *entrepreneurship* baru yang *confident*, berkepakaran dan sedia bersaing. Mungkin kita wujudkan satu iklim yang baru yang bersesuaian untuk mereka dapat berkembang. Mungkin GLC kita boleh memainkan peranan dalam usaha ini di dalam perancangan *business* mereka, peranan yang menyokong dan memberi peluang kepada peniaga-peniaga generasi baru untuk membina *competitiveness* mereka ke tahap global.

Negara juga harus menyemak semula bagaimana kita boleh berjaya menjadi destinasi terkemuka, menarik, *global talent*, dengan izin. Faktor *global talent* ini yang satu-satunya faktor negara menjadikan Singapura berjaya meningkatkan daya saing mereka. Mereka akan menjadi *external push factor*, dengan izin, yang akan memberi tekanan, *pressure* yang positif kepada peniaga-peniaga negara berubah dan meningkatkan keupayaan mereka. Mereka juga boleh menjadi rakan kongsi kepada angkatan peniaga-peniaga generasi baru ini.

Akan tetapi cadangan ini pun kita telah dengar pada masa-masa yang lepas, *Program Brain Gain, Malaysia, My Second Home*. Kita tahu program-program ini telah tidak mendapat tujuan dan hasrat asal kita. Mengapa? Masalah pelaksanaan. Inilah yang saya runsingkan, semua rancangan murni transformasi kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akhirnya akan sampai kepada meja pegawai-pegawai kerajaan kita. Di sinilah nasib negara bergantung, kepada kesungguhan dan kebolehan pegawai-pegawai individu ini.

Adakah mereka ini benar-benar peka dan sedar kepada keadaan negara ini terancam dari segi daya saing kita? Adakah mereka memahami yang transformasi negara ini kalau tidak berjaya akan menjejaskan *survival* masa depan kita? Sudahkah mereka berubah selepas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak boleh lagi bertugas secara *business as usual*, dengan izin? Saya curiga pelaksanaan oleh agensi-agensi dan pegawai-pegawai kerajaan yang sama dengan sistem penyampaian yang lama, kebanyakannya mungkin *outdated* dengan *mentality* yang sama, yang kurang *sense of urgency*, dengan izin. Kebanyakan cita-cita tinggi transformasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan negara kita tidak akan menjadi realiti. *We won't get new results from old ways*, dengan izin.

Misalnya saya berpendapat transformasi pertanian akan lebih berjaya kalau kita tidak terlalu bergantung kepada Kementerian Pertanian dan agensi-agensinya. Saya percaya kita boleh lebih berjaya kalau kita membawa pihak-pihak GLC dan pihak-pihak swasta menjadi penggerak utama dalam usaha ini. Mereka akan membawa sumber-sumber kewangan mereka, kepakaran mereka, pengurusan mereka, *entrepreneurship* mereka dan sebagainya. Kementerian menjalankan peranan sebagai *enabler* sahaja dan memudahkan.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat, untuk makluman ya. Tolong gulung ucapan, saya beri masa empat minit lagi.

**Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi:** Terima kasih. *Enabler* dan memudahkan operasi syarikat-syarikat ini. Kita ada contoh-contoh misalnya Sime Darby dengan projek jagung mereka, Khazanah Malaysia dengan projek akuakultur dan projek betik mereka. Semuanya mencapai kejayaan yang tinggi. Mengapa tidak kita *upscale* dengan izin, contoh-contoh ini?

Seperti yang saya nyatakan tadi kita tidak kurang idea pada masa yang sama dan negara saingan kita juga mempunyai idea-idea untuk mentransformasikan negara mereka. Negara yang akan muncul ialah negara yang *fastest and most efficient to execute*, dengan izin. Adakah kita negara ini? Model Ekonomi Baru yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya boleh berjaya jika kita saingkan ini dengan Model Pelaksanaan Baru.



Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan dengan inisiatif PEMANDU yang bertanggungjawab ke atas kejayaan enam NKRA iaitu dalam bidang-bidang yang saya kira bidang-bidang inilah..

Kita tahu bahawa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan beliau berpuas hati dengan pencapaian PEMANDU dan NKRA ini. Ini berita baik. NKRA ini selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam teras beliau "*People first*". Keenam-enam NKRA ini berkaitan dengan kesejahteraan rakyat dan *people centric*. Dengan tanda-tanda kejayaan ini, saya ingin mencadangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menubuhkan satu lagi mekanisme seperti PEMANDU tetapi kali ini badan ini menumpukan kepada *economic transformation and growth*, dengan izin. Saya cadangkan satu inisiatif transformasi besar-besaran yang merentasi semua sektor dan segenap lapisan masyarakat.

Saya cadangkan transformasi *economic national* atau ringkasnya MyTEN diperkenalkan bagi memastikan Malaysia berjaya mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju sepuluh tahun dari sekarang menjelang fajar 2020. MyTEN memastikan keseluruhan agensi awam dan swasta dan setiap warga Malaysia menggerakkan transformasi secara serentak. Hala tuju dan signal yang jelas daripada perancangan pusat amat penting bagi memastikan semua pihak mampu menterjemahkan tindakan yang perlu dilaksanakan. Galakan perlu diselaraskan, dipantau dan berinteraksi secara berterusan dengan perancangan pusat. MyTEN berkehendakkan pasukan pelaksana berdedikasi, *dedicated executing team* yang terdiri daripada ahli-ahli pakar dan profesional, beroperasi berdasarkan pelan pelaksanaan yang mantap, diberi mandat yang kukuh serta diukur pencapaiannya berdasarkan sasaran keberhasilan, *outcome* dan KPI yang jelas.

Saya cadangkan KPA MyTEN ini ditumpukan kepada menghasilkan kejayaan dalam perkara-perkara strategik berikut:

- (i) pembangunan sumber pertumbuhan baru, *new sources of growth*. Malaysia perlu membangunkan sumber-sumber pertumbuhan baru yang berpotensi tinggi serta mencapai tahap *global dominant*;
- (ii) peranan sektor swasta sebagai penggerak utama dan perkara strategik ketiga ialah anjakan ke k-Ekonomi berpaksikan inovasi dan modal insan berkualiti.

#### ■1700

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta habiskan.

**Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi:** Saya dah nak habis Tuan Yang di-Pertua. Ini termasuklah mengatur strategi Malaysia beralih kepada ekonomi kadar upah tinggi (*high wage income*) berdasarkan aplikasi teknologi dan daya saing yang tinggi. Terima kasih kerana memberi peluang pada saya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Untuk makluman, ada 23 orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercadang untuk mengambil bahagian. Minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau boleh tolong selesaikan ucapan dalam masa 15 minit untuk seorang Ahli Yang Berhormat. Silakan Puan Loga Chitra, selepas itu diminta bersedia Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

#### 5.01 ptg.

**Puan GK Loga Chitra:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2010. Usaha kerajaan untuk beranjak kepada satu bentuk model ekonomi baru berasaskan inovasi, kreativiti dan nilai tambah tinggi memang dialu-alukan. Akan tetapi, kesemua kejayaan ini memang memerlukan penglibatan di semua peringkat iaitu di peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, sektor swasta, sektor awam dan juga rakyat sendiri.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri yang telah mengumumkan KPI anggota pentadbiran awam. Ini adalah satu langkah yang besar yang belum pernah diambil di mana-mana negara di dunia. Cabaran utama ialah untuk mengubah sistem penyampaian kerajaan untuk melihat setiap warganegara Malaysia sebagai 1Malaysia tanpa mengira kaum, budaya atau agama. Saya juga ingin menyeru kepada GLC dan syarikat-syarikat milik kerajaan yang adalah penggerak utama dan juga komponen ekonomi yang penting untuk menambahkan peluang pekerjaan kepada semua masyarakat tanpa mengira kaum termasuk masyarakat India Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Bajet 2010 mempunyai tiga strategi yang utama. Strategi utama iaitu memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Kerajaan telah memberi keutamaan kepada usaha untuk meningkatkan pelaburan domestik dan menggalakkan syarikat kita di luar negara membawa balik keuntungan. Untuk memastikan kejayaan strategik ini, syarikat GLC perlulah meningkatkan pelaburan di luar negara untuk mendapatkan pulangan yang tinggi. Ini boleh dilaksanakan secara usaha sama bijak ataupun perkongsian pintar dengan mengambil kira sentimen di negara di mana pelaburan itu dibuat. Rombongan ataupun delegasi kerajaan yang melawat ke luar negara perlulah dianggotai oleh mereka yang mempunyai kepakaran, kebolehan dan cerdik pandai untuk menarik balik pulangan dan pelaburan asing dan juga bersedia untuk berkongsi kepakaran, menghulurkan sokongan dan bantuan kepada masyarakat lain seperti yang termaktub dalam konsep 1Malaysia.

Bagi menyediakan persekitaran mesra perniagaan, ke arah ini, pihak berkuasa tempatan hendaklah memudahkan urusan pendaftaran perniagaan dan mempercepatkan pengeluaran Perintah Pembangunan. Walaupun kerajaan memendekkan tempoh kelulusan oleh PBT, keselamatan dan butiran teknikal tidak boleh dikompromi. Selepas kelulusan diberi, pegawai-pegawai PBT mestilah turun ke padang untuk memantau setiap peringkat pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, didapati usaha gigih untuk menarik individu berbakat dan berkemahiran tinggi dari luar negara. Kerajaan telah melaksanakan program taraf bermastautin tetap ataupun PR kepada individu yang berbakat dan berkemahiran tinggi. Di sini saya ingin mencadangkan agar kerajaan juga menimbangkan pemberian status warganegara kepada golongan penyelidik dan saintis projek berprestasi tinggi, *case-by-case basis*, dengan izin, dan diberi pertimbangan supaya sumbangan mereka boleh dimanfaatkan oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merencanakan industri pelancongan, kita tahu dan sedia maklum akan persekitaran ekonomi dunia yang lembap serta wabak influenza H1N1, tetapi kunjungan pelancong kekal tinggi iaitu dua juta orang sebulan. Saya ingin mencadangkan di sini supaya kerajaan mengkaji semula pemberian *Visa on Arrival* kepada pelancong supaya kemudahan ini tidak disalahgunakan oleh mereka untuk terus menetap di negara kita dan bekerja secara haram. Sebaliknya, kerajaan boleh meningkatkan kecekapan dan kemudahan urusan pemberian visa di negara asal pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana, kerajaan telah memperuntukkan RM350 juta kepada SME Corporation, RM200 juta untuk skim pinjaman mudah PKS, RM100 juta untuk skim peningkatan dan keupayaan PKS dan bakinya untuk penjenamaan. Kerajaan telah menerima maklum balas dan sedar tentang rungutan ramai betapa susah dan lecehnya untuk mendapatkan pinjaman tersebut. Kerajaan telah memutuskan supaya institusi kewangan hendaklah meluluskan pembayaran mikro dalam purata enam hari, manakala tempoh pengeluarannya pula dalam purata empat hari sahaja.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya kerajaan membentuk satu pasukan pemantau untuk memastikan pengagihan pinjaman dibuat seperti yang disyorkan di dalam Bajet 2010 iaitu peruntukan RM200 juta kepada TEKUN. Ini termasuk RM20 juta yang disediakan kepada usahawan kecil kaum India. Untuk meningkatkan kecekapan perusahaan TEKUN, proses pembiayaan ini akan distrukturkan semula.

Saya berharap kerajaan dapat memberi bimbingan kepada usahawan-usahawan ini untuk terus berdaya maju seperti memberi kursus latihan dan kursus kesedaran, merubah sikap, mentaliti atau dengan izinnya, *change of mind set* supaya usahawan-usahawan ini perlu membayar balik pinjaman serta memastikan mereka perlu menyimpan rekod kewangan dan perniagaan dengan baik. Saya juga menyeru kepada kerajaan untuk melantik pegawai-pegawai daripada semua kaum untuk membantu usahawan-usahawan ini menasihati serta memberi bimbingan perniagaan.

Di bawah strategi kedua iaitu memastikan pembangunan holistik dan mampan, modal insan berkualiti tinggi adalah satu prasyarat yang utama untuk menyokong agenda utama negara. Kerajaan akan memastikan pembangunan modal insan secara komprehensif. Seseorang individu itu mestilah berintelekt dalam bidang sains, teknologi, menggilap keupayaan keusahawanan serta memupuk nilai-nilai positif dan progresif.

Saya ingin mencadangkan di sini juga bahawa kerajaan melaksanakan program pembangunan usahawan iaitu usaha sama kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera selaras dengan konsep Gagasan 1Malaysia. Peluang-peluang perniagaan dan kontrak daripada GLC hendaklah disalurkan kepada syarikat usaha sama seumpama ini.

Bagi menggilap kemahiran tenaga kerja, kita tahu bahawa kerajaan telah bertungkus-lumus untuk meningkatkan kualiti tenaga kerja dengan pendidikan dan latihan yang bersesuaian. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengambil serius masalah pelajar yang kurang minat untuk belajar di sekolah-sekolah awam dan latihan kemahiran perlulah diperkenalkan di sekolah-sekolah awam harian bermula di tingkatan empat untuk membolehkan para pelajar mempunyai satu kemahiran semasa mereka meninggalkan bangku sekolah.

Ini boleh dilaksanakan jika Kementerian Pelajaran dan Kementerian Sumber Manusia sedia bekerjasama dan berkongsi peruntukan mereka dengan menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Satu di sekolah-sekolah awam harian dan Sijil Kemahiran Malaysia, Tahap Kedua dan ke atas di Pusat-pusat Latihan Kementerian Sumber Manusia.

Dengan cara ini, kemudahan infrastruktur yang sedia ada dimanfaatkan oleh pelatih-pelatih. Usaha ini pada jangka masa yang panjang akan mengurangkan pergantungan kerajaan kepada pekerja asing. Kerajaan juga perlu mengambil langkah untuk menghantar belia-belia pelbagai kaum untuk mengikuti latihan kemahiran tinggi ke negara-negara perindustrian, terutamanya ke negara Jepun dan Korea ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020.

Bagi memperkasakan IPTA, kita tahu bahawa kerajaan berhasrat untuk memperkasakan IPTA iaitu supaya lebih berdaya saing, meningkatkan ranking mereka berbanding dengan universiti lain di dunia. Maka kerajaan menimbangkan untuk memberi lebih autonomi dalam pengurusan kewangan, sumber manusia, pentadbiran kemasukan pelajar.

Saya ingin mencadangkan supaya IPTA berusaha untuk melahirkan pelajar yang bukan semata-mata ulat buku, dengan izin, *bookworm*, tetapi yang mempunyai keterampilan dalam bidang kepimpinan, kemahiran, *analytical* dan bersifat empati supaya ketika mereka menamatkan pelajaran, mereka adalah modal insan yang holistik dari sudut karakter, personaliti dan tidak melupakan kelayakan akademik.

#### ■1710

Bagi memantapkan sistem perbankan dan kewangan, kerajaan telah memastikan bahawa rakyat terus mendapat akses kepada perlindungan insurans motor, satu skim insurans Takaful asas akan ditawarkan. Di sini saya ingin mencadangkan bahawa bayaran di bawah skim ini tidak membebankan rakyat dan tidak dimonopoli oleh mana-mana syarikat. Syarikat insurans yang akan menawarkan skim ini pada masa akan datang kelak akan dipantau oleh kerajaan dan skim tersebut benar-benar memberi perlindungan kepada penerima skim ini dan syarikat insurans tidak lepas tangan dari tuntutan, tetapi adalah *win-win situation* bagi kedua-dua pihak.

Skim ini perlu mudah diakses jika boleh melalui perbankan internet ataupun di kaunter-kaunter Pos Malaysia. Pada masa yang sama bayaran ganti rugi ataupun pampasan selepas penghakiman mahkamah, selepas diputuskan, perlulah disegerakan oleh syarikat-syarikat insurans kepada pihak plaintif supaya mereka tidak perlu menunggu tempoh masa yang lama untuk menerima ganti rugi ataupun pampasan. Di bawah *Programme Micro Credit Ar-Rahnu*, Program Mikro Kredit *Ar-Rahnu* ini merupakan satu instrumen penting bagi golongan yang tidak layak untuk mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan, iaitu di mana emas dicagar untuk dipinjam. Saya ingin mencadangkan di sini supaya kerajaan mengadakan kempen kesedaran untuk membezakan di antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh pajak gadai dan Program Mikro Kredit *Ar-Rahnu* khususnya dari segi kiraan faedah dan caj perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan kerajaan, kerajaan telah bercadang untuk mengenakan cukai sebanyak 5% ke atas keuntungan pelupusan harta tanah dari 1 Januari 2010 dan pengecualian cukai ini akan dikekalkan di antara pemberian hadiah antara ibu bapa dan anak, suami dan isteri antara datuk nenek dan cucu, dan pengecualian cukai diberikan ke atas pelupusan harta tanah rumah kediaman sekali sepanjang hayat.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menyemak semula cadangan ini kerana pembayaran 5% cukai ke atas keuntungan pelupusan harta tanah mungkin membebankan rakyat dan memohon penjelasan daripada kementerian yang berkenaan, sama ada cukai 5% ini akan dikecualikan selepas beberapa tahun dari tarikh pembelian harta seperti keadaan di tahun 2007, di mana selepas lima tahun ataupun enam tahun tidak perlu dibayar keseluruhan cukai daripada keuntungan pelupusan harta tanah, mohon penjelasan kemudian daripada kementerian yang relevan. Sebagai tanda prihatin, semua kementerian dan juga jabatan kerajaan diwajibkan untuk menyediakan penjagaan harian dan pendidikan anak-anak, dan kerajaan telah meluluskan untuk perkara ini sebanyak RM200,000 bagi setiap kementerian dan jabatan kerajaan.

Saya berharap agar semua kementerian dan agensi melaksanakan kemudahan ini dan saya juga ingin mencadangkan supaya jika boleh memberikan insentif ini kepada sektor swasta, mungkin dalam bentuk pengecualian cukai untuk membolehkan kakitangan swasta juga mengurangkan kebergantungan kepada pembantu rumah asing.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah strategi ketiga iaitu mengutamakan kesejahteraan rakyat, kerajaan sentiasa komited untuk mencapai matlamat sifar kemiskinan tegar pada tahun 2010, dan hampir 50,000 isi rumah miskin tegar telah didaftarkan di bawah program e-Kasih. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan menggunakan satu pangkalan data sebagai pangkalan data nasional untuk mendaftarkan golongan isi rumah miskin tegar supaya tidak ada golongan yang tercicir dari senarai penerima bantuan.

Ini kerana pada masa kini terdapat pelbagai senarai dan agensi seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Amanah Ikhtiar Malaysia, Pusat Zakat yang membuat pendaftaran. Ini merupakan satu pertindihan sumber, jika hendak melaksanakan satu pangkalan data nasional, kita perlulah mempunyai bilangan kakitangan kerajaan yang mencukupi untuk mengumpul data, mendaftar, memantau serta mengemas kini senarai penerima bantuan dan juga mereka yang telah keluar dari garis kemiskinan tegar dan kemiskinan.

Soalan saya berapa kerapnya senarai ini dikemas kini? Adakah semua kementerian ataupun jabatan dan agensi kerajaan menggunakan senarai e-Kasih untuk menghulurkan bantuan kepada golongan sasaran, saya mohon penjelasan. Dalam usaha kerajaan untuk membantu khasnya memberi bantuan kebajikan kepada orang kurang upaya, warga emas, ibu tunggal dan kanak-kanak. Kita tahu bahawa satu pangkalan data juga disediakan, tetapi saya haraplah penggunaan e-Kasih ini diperluaskan serta-merta untuk membolehkan hanya satu pangkalan data digunakan, dan pangkalan data ini hendaklah merangkumi data tentang OKU, warga emas, ibu tunggal dan kanak-kanak.

Ini kerana saya mendapati bahawa borang untuk mengisi e-Kasih ini mempunyai 24 muka surat dan saya pasti ada banyak masalah untuk mengisi borang ini. Perkara yang seterusnya ialah untuk membantu golongan miskin dan mudah terjejas.

Kita tahu bahawa kerajaan akan melaksanakan pelbagai program, latihan kemahiran, dan juga kemudahan *micro credit*.

Di sini saya juga ingin mengucapkan tahniah seperti rakan-rakan saya daripada Ahli-ahli Dewan Negara yang lain kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kerana dijenamakan semula dan diberi tanggung jawab memastikan kesejahteraan warga kota dan turut bertanggungjawab membasmi kemiskinan di bandar.

Saya memohon penjelasan, peruntukan RM48 juta pada Bajet 2010 ini ialah untuk membasmi kemiskinan di bandar selain dari meliputi bantuan kebajikan dan program bayaran sewa rumah seperti yang dinyatakan di bajet tersebut. Apakah tujuan lain jumlah peruntukan tersebut disediakan, dan bolehkah memberikan maklumat terperinci daripada kementerian yang relevan, apakah pelan komprehensif yang telah direka oleh kementerian untuk membasmi kemiskinan. Bagi menangani kemiskinan di bandar, kita tahu bahawa kerajaan dan PBT, saya mencadangkan bahawa kerajaan dan PBT membuat saringan kepada senarai pemohon rumah kos rendah dan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan juga semua PBT perlulah mempunyai kaunter khas untuk membolehkan rakyat mendaftar dan mengemas kini data mereka.

Saya juga ingin mencadangkan kerana terdapat banyak penghuni di rumah PPR yang telah tinggal di rumah tersebut bertahun-tahun supaya sewa yang mereka bayar itu boleh dianggap sebagai deposit untuk membeli rumah tersebut, khususnya di Wilayah Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kalau boleh sila gulung, dua minit lagi.

**Puan GK Loga Chitra:** Ya, saya sudah muka surat yang terakhir sekali. Bagi kemudahan kesihatan awam, kita sedia maklum kita ada Klinik Kesihatan 1Malaysia dan saya haraplah Klinik Kesihatan 1Malaysia ini tidak akan mendapat apa-apa masalah dari sudut kakitangan dan akan berjaya. Kedua supaya kita tidak perlu menunggu masa yang lama untuk menerima rawatan.

Tuan Yang di-Pertua sebagai penutup, saya juga bersetuju bahawa pelaksanaan bajet ini adalah teramat penting untuk Bajet 2010 ini berjaya dan mencapai objektifnya serta memohon dalam bajet ini terutama sekali aspirasi gagasan 1Malaysia juga akan tercapai, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, selepas itu diminta Tuan Ng Fook Heng bersedia.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan bajet ini, dan saya juga insya-Allah akan mengikuti masa yang telah ditetapkan, memandangkan ramai lagi yang perlu berucap. Akan tetapi izinkanlah saya untuk seminit atau dua minit untuk memberi pandangan sedikit supaya Tuan Yang di-Pertua pada masa-masa yang akan datang, boleh meluangkan masa yang lebih sedikit.

#### ■1720

Mungkin sekarang ini sudah agak terlewat untuk memohon masa yang lebih dalam erti kata jumlah hari yang kita memperbahasakan bajet ini, lapan hari yang diberi pada penggal ini agak kecil ataupun sedikit sangat. Jadi di masa-masa yang akan datang demi untuk memperlihatkan bahawa moral, integriti kepada Dewan yang besar ini dapat dibangkitkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas menggulung serta membentangkan bajet ini dengan begitu baik sekali dan memakan masa yang begitu panjang untuk memperlihatkan dan memperbentangkan kepada rakyat. Dua hari lepas kita lihat bahawa usul ini telah diluluskan di Dewan rakyat dengan hanya tiga undi sahaja. Ini menunjukkan bahawa ada lagi unsur-unsur dari pihak parti pembangkang yang masih lagi tidak puas hati dengan usaha-usaha yang dibuat ataupun dipupuk oleh kerajaan yang ada sekarang.

Oleh yang demikian, kalau undi itu kalah tidak dapat, maka nescaya pegawai-pegawai kerajaan tidak dapat menerima bayaran-bayaran ataupun banyak perkara pembangunan terbantut. Hanya sekadar untuk mempermainkan di dalam Dewan yang mulia ini dimainkan dengan undi-undi yang mungkin tidak munasabah dari segi kita melihat kalau sama-sama hendak melihat negara kita ini maju ke hadapan. Marilah sama-sama kita melihat bahawa negara kita ini bukanlah satu pembangkang, satu kerajaan. Hanya kita lihat 1Malaysia yang mana terdiri daripada pembangkang dan kerajaan.

Apabila yang baik itu mestilah ianya diberi sokongan yang sepenuhnya. Kalau pembangkang itu betul-betul berfikirkan waras, berfikirkan yang dinamik dan tahu asal usul demokratik itu janganlah menggunakan demokratik itu supaya memperhelahkan dan memenangkan benda-benda yang tidak sepatutnya dipertandingkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa dalam strategi yang ketiga, tiga strategi yang telah dibentangkan. Strategik yang pertama ialah saya ingin menyentuh hanya ingin menyediakan persekitaran mesra perniagaan. Di dalam impak ini, kita masih lagi melihat bahawa di dalam menguruskan hal-hal perniagaan ini, masih lagi di Malaysia ini *technical know-who* lebih penting daripada *technical know-how*.

Kalau kita lihat banyak perkara baik daripada kelas 'F' mahupun pada kelas 'A', mahu daripada orang-orang peruncit sampai ke atas *trading* dan sebagainya masih lagi kekal daripada *technical know-who*. Berbalik kita kepada strategik yang akan saya sentuh ialah modal insan. Satu lagi kita hendak memperlihat mahu mempertingkatkan ilmu-ilmu dalam modal insan, tetapi dari segi kemesraan perniagaan tidak sebagaimana yang dikatakan. Jadi saya menyarankan atau memohon kepada kerajaan supaya juga sedikit demi sedikit beralih kepada *technical know-how* yang lebih memiripkan kepada ini maka sudah tentu ia akan membangunkan negara kita ini kepada satu negara yang tidak langsung nanti akan bergantung kepada perkembangan kemajuan kepada pihak kerajaan.

Keduanya dari segi PFI. Kita melihat bahawa jumlah PFI ini begitu banyak sekarang ini dan setakat ini saya memohon daripada kerajaan untuk memberi data-data jumlah berapakah jumlah PFI yang telah diperkenalkan dan banyak manakah yang telah diluluskan. Saya juga kalau boleh diberi satu unjuran dalam masa 20 tahun yang akan datang, apakah akan jadi kepada negara kita ini kalau ianya terus dibebankan oleh hutang-hutang daripada PFI. Kalau tidak silap saya, tahun 1980 ianya dikenalkan oleh Great Britain PFI ini oleh Margaret Thatcher dan sekarang ini Britain telah merasakan bahawa PFI ini banyak memberi kesan-kesan negatif.

*Wallahua'lam*, kita berharap dalam masa-masa yang akan datang dengan pengalaman dan unjuran yang telah diadakan di United Kingdom ini, boleh pihak Kerajaan Malaysia ini memperlihatkan ia tidak terjerumus ke arah sebagaimana yang kita tidak mahu sebagaimana yang berlaku di Great Britain. Seterusnya ialah dari segi industri halal. Kita banyak memikirkan tentang hal-hal industri halal ini kepada pemakanan. Banyaknya pemikiran kita tertumpu apabila disentuh hal industri halal ini ialah makanan tetapi banyak lagi perkara yang boleh diceburi terutama sekali daripada peniaga-peniaga bumiputera yang begitu mahir dalam alat-alat kecantikan ataupun benda-benda lain yang boleh diguna pakai setiap hari yang masih lagi halal. Walhal kalau kita lihat daripada jenama-jenama yang besar, kita tidak masih lagi tidak yakinkan bahawa ianya halal ataupun haram.

Jadi saya menyarankan kerajaan supaya boleh memperlihatkan dan memperkembangkan servis, ataupun khidmatnya kepada barang-barang yang lebih dipakai setiap hari daripada makanan-makanan sahaja. Seterusnya ialah dari segi menggalakkan industri pembinaan yang mana akan membelanjakan sejumlah RM9 bilion oleh pihak Kementerian Kerja Raya kemungkinan besar dan daripada ini terletaknya tidak kurang daripada RM2.6 bilion ianya kepada air.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu-isu berkaitan pembekalan air sedikit khususnya negeri Terengganu dari mananya saya datang dan negeri-negeri lain yang tidak dapat lari daripada masalah berkaitan air ini. Terutama sekali air tidak berhasil.

Kita juga membaca di akhbar-akhbar sejak dua tiga bulan kebelakangan ini masalah bekalan air di Pokok Sena, di Pendang dan di Sik di Kedah, di Jengka dan di Kuala Lipis di Pahang. Juga di beberapa daerah di Kelantan, di Negeri Sembilan, di Labuan sampai loji metanol Petronas terpaksa di tutup walaupun Sime Darby menggali sepuluh telaga bawah tanah tetapi tidak berupaya mengatasi masalah ini dan di tempat-tempat lain di seluruh negara yang juga menghadapi masalah air ini. Saya ingin bertanya kepada SPAN tidak berupaya untuk menyelaras dan memantau permasalahan air di negara kita ini.

Maka saya ingin mencadangkan supaya kementerian supaya negeri-negeri yang menunjukkan prestasi yang baik ini seperti di Selangor, di Kuala Lumpur di Pulau Pinang di Johor terus kekal dengan perkhidmatan yang ada sekarang ini. Sememangnya saya tertarik untuk meminta Terengganu mencontohi syarikat-syarikat yang telah berjaya seperti yang sebutkan tadi. Jadi kita mengharapkan juga supaya pihak kerajaan juga memperlihatkan kebocoran-kebocoran paip yang ada ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin. Namun peliknya sejak beberapa bulan kebelakangan ini kita lihat bahawa SYABAS seolah-olah tertumpu dan lesu. Cuma yang saya ketahui banyak surat pembaca yang merungut tentang kebanyakan masalah air seperti penggantian paip lama yang tertangguh dan tidak diganti. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengapakan ini semua berlaku sekarang ini dan tidak sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap pihak kementerian dan agensi-agensi di bawahnya bergerak dengan pantas dan proaktif meninjau permasalahan air di semua negeri dan memastikan semua agenda untuk membawa peningkatan perkhidmatan pengurusan dan perbekalan air ini tidak terbantut oleh kerenah-kerenah birokrasi, perbezaan politik dan sentimen peribadi dan kaum.

Ingin saya ingatkan Yang Berhormat menteri supaya membuat perhitungan yang tepat mengenai pengambilan air aset negeri-negeri ini yang masih berbaki dan janganlah kemelut ini ketidaktentuan hala tuju seperti yang berlaku di Selangor dan negeri-negeri yang lain. Saya juga ingin menyentuh mengenai kebimbangan NAHRIM iaitu Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan dan juga FOMCA mengenai rancangan Sime Darby dan berhasrat melakukan program pengambilan air di bawah tanah di Perak tidak berapa lama lagi.

#### ■1730

Ini juga dengan memberi alasan kepada kedua-dua perkara tersebut adakah langkah ini sesuai dilaksanakan di Malaysia berlandaskan kepada EIA yang kurang meyakinkan. Saya difahamkan bahawa projek seperti ini telah berjalan di negara China sejak 35 tahun dahulu dan telah mengakibatkan status air di bawah tanah berkurangan dan begitu juga mendesak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam hal air ini telah begitu banyak masalah yang timbul dan supaya kerajaan lebih menentukan bahawa jalan yang akan diambil alih oleh kerajaan itu betul-betul memberikan keyakinan kepada pengguna-pengguna. Tidaklah mahu apabila diambil alih ia akan memberi satu impak yang tidak baik pengguna-pengguna.

Seterusnya, saya juga ingin pergi kepada perusahaan kecil dan sederhana khususnya kepada TEKUN yang mana kita lihat baru-baru ini di dalam akhbar mengatakan TEKUN sekarang ini kekurangan modal. Peruntukan yang hanya yang ditambahkan di dalam bajet ini tidak lebih daripada RM500,000 juta dan ini mungkin tidak mencukupi untuk membiayai permintaan-permintaan daripada peniaga-peniaga kecil. Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya menambah peruntukan ini dengan sebagai mungkin dalam *midterm review* nanti.

Seterusnya dari segi mengelakkan kemahiran tenaga kerja. Saya melihat dari segi sudut kontraktor iaitu kalau kita lihat sekarang ini jumlah kontraktor yang begitu ramai tetapi tidak begitu aktif. Ramai tetapi tidak aktif. Kalau kita lihat juga jumlah, *the age* - umur kontraktor-kontraktor ini meningkat 40 ke 50 tahun. Ini menakutkan oleh kerana ia menjadi satu industri yang *diminishing* pada masa akan datang yang hanya dikuasai nanti oleh segelintir kontraktor-kontraktor besar sahaja.

*The diminishing amount*, jumlah yang mengecil ini dari segi hal kontraktor ini kerana umur dan sebagainya. Kerana ia kecil dan umurnya sudah meningkat dan tidak lagi langsung berminat dalam hal-hal kontraktor ini maka akhirnya industri pembinaan ini akan dikuasai nanti oleh syarikat-syarikat besar sahaja. Yang kecil pula akan dimonopoli oleh pendatang-pendatang asing yang sekarang ini begitu ramai membuka kerja-kerja kecil seperti mengambil alih dan subkontraktor kerja-kerja Kelas 'F'.

Dalam pembangunan wilayah, oleh kerana Terengganu terletak di Pantai Timur maka ECER yang telah ditubuhkan beberapa tahun yang lepas pada hemat saya masih lagi tidak memberi satu impak yang besar dan perancangan yang begitu teratur untuk membangunkan di wilayah pantai timur. Kita menyarankan supaya Yang Berhormat Menteri lebih mengesankan, apakah benar-benar projek atau pun industri yang boleh dilaksanakan di seluruh pantai timur itu daripada Mersing sehingga ke Kota Bharu terutama sekali di negeri Terengganu. Dari segi besar sahaja, disebutkan ini yang akan dibuat, itu yang akan dibuat tetapi dari segi mikronya masih lagi tercari-cari dan siapakah *investors* yang perlu dilaksanakan.

Seterusnya dari segi strategi ketiga iaitu membasmi kemiskinan tegar. Pada hemat saya kita perlu fokus kepada pihak kerajaan. Berapakah jumlah dan berapa banyak lagi kemiskinan tegar ini masih wujud. Kalau kita lihat daripada hujah Yang Berhormat Senator kita yang baru tadi, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Husin Ali, Senator daripada Selangor tadi yang telah berucap bahawa jumlah orang yang mendapat pendapatan ini tidak begitu baik ataupun menggambarkan keadaan yang sebenarnya.

Akan tetapi kalau kita lihat dari segi jumlah kemiskinan tegar ini sudah berkurangan. Namun kita mahu tahu dalam jangka masa yang pendek ini adakah kemiskinan tegar ini boleh benar-benar dihapuskan. Kita tidak mahu nanti miskin akan bertambah jadi miskin dan kaya akan bertambah menjadi kaya. Yang paling saya takut ialah kerana dari segi mikronya miskin tegar ini berlaku kerana ketiadaan ilmu. Maka di sinilah terletaknya Menteri Pelajaran untuk memperlihatkan bahawa ilmu itu sampai ke seluruh pelosok rakyat di Malaysia ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua yang juga datang daripada Terengganu. Saya daripada Terengganu. Masuk pula pada petang ini pukul 5.35 petang ini dan saya hampir akan menggulung ucapan saya ini. Kalau dikira banyak masa yang diperlukan untuk menghujahkan. Saya ingat tahun yang pertama saya berhujah memakan masa lebih kurang dalam masa satu jam empat puluh lima minit, hampir-hampir dua jam. Akan tetapi sekarang ini sudah turun dan turun lagi. Adakah ini merupakan standard yang bagus? *Wallahu a'lam*. Kata salah seorang daripada ahli jenaka kita, "*Lu fikirilah sendiri!*"

Di bawah Skim Persaraan 1Malaysia, ramai di kalangan kita ini semakin hari semakin tua tetapi masih sihat. Produktiviti mereka ini masih boleh digunakan tetapi tidak digunakan. Kos rawatan pula semakin meningkat. Pendapatan tidak ada tetapi kos rawatan makin meningkat. Jadi, di manakah skim yang dikatakan hendak memperlihatkan di dalam tema ini, 'Kemakmuran Bersama'. Saya takut nanti apabila dewasa ramai di antara kita tidak ada skim persaraan rawatan. Kalau kita katakan terus mati tidak mengapa, tetapi matinya merupakan masanya sakit dan memakan masa. Kalau kanser mungkin lima hingga enam bulan. Kalau sakit jantung mungkin lima, sepuluh atau lima belas tahun dan sakit kencing manis lagi panjang tempoh dan sebagainya. Ini semua kos-kos rawatan yang perlu diadakan.

Saya lihat kebanyakan dari segi piramid manusia ini, *base* nya masih lagi tidak ada skim persaraan khususnya dalam hari-harian yang memerlukan kepada ubat-ubatan yang telah naik dengan begitu mendadak. Anak-anak mereka ini mungkin tidak mampu untuk menampung kos-kos rawatan ini, maka saya menyarankan supaya ada satu skim perlindungan insurans atau sebagainya. Kalau kita lihat satu dokumentari filem bernama '*Sicko*' bagaimana ia membezakan sesuatu di negara maju seperti Amerika Syarikat, merupakan kos-kos rawatan dan perkhidmatan yang begitu tinggi di utara Kanada ataupun Perancis kosnya begitu kecil sekali.



Bagaimana Malaysia boleh mengikuti Eropah supaya rakyat di Malaysia ini dapat merasai dalam bajet ini dan bajet-bajet yang akan datang, kemakmuran yang dapat dirasakan bersama. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong cadangan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng. Selepas itu saya minta Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin untuk bersedia.

**5.38 ptg.**

**Tuan Ng Fook Heng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menunggu begitu lama dan akhirnya dapat juga peluang untuk berucap. Tempat duduk pun tidak selesa sebab di bawah meja ini penuh dengan buku bertimbun-timbun, hendak letakkan kaki *straight* pun tidak boleh.

Saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2010 dan saya ingin memulakan dengan Kementerian Pelajaran di mana Kementerian Pelajaran diperuntukkan sebanyak RM30.5 bilion. Daripada angka ini sebanyak RM25.5 bilion itu adalah untuk mengurus dan RM4.997 bilion itu adalah untuk pembangunan.

■1740

Jadi ini adalah peruntukan yang paling banyak dari semua kementerian yang ada. Untuk Kementerian Pelajaran ini, di bawah tajuk B.41, sebanyak RM4.998 bilion iaitu hampir RM5 bilion diperuntukkan untuk pembangunan, iaitu infrastruktur. Saya ingin cadangkan kementerian jangan lagi senang-senang menambah bangunan bilik darjah di sekolah-sekolah yang mempunyai ramai murid tetapi kawasan sekolah itu sempit. Saya lihat di tempat saya, banyak sekolah ditambah bangunan tiga tingkat di kawasan lapang yang sebenarnya untuk *parking* kereta guru ataupun untuk aktiviti kokurikulum dan untuk perhimpunan murid-murid pelajar ataupun padang bola sepak. Ia ambil sebahagian padang itu untuk membuat bangunan.

Maknanya padang itu semakin kecil, semakin kecil. Akibat mengakibatkan kawasan lapang untuk anak-anak bermain dan berlari tidak mencukupi. Bayangkan sebuah sekolah yang mempunyai 2000 orang murid tidak ada kawasan lapang di hadapan kelas melainkan sebuah padang kecil sahaja. Jadi, anak-anak kita belajar dalam *concrete jungle*, dengan izin. Kawasan yang sempit di mana bangunannya pula tinggi tiga tingkat dan amat rapat antara satu blok dengan blok yang lain. Maka ini akan berlakunya pencemaran bunyi. Bunyi akan terperangkap dan ini akan mengganggu proses pelajaran dan pembelajaran anak-anak kita.

Anak-anak kita ini perlu kawasan lapang untuk bermain, untuk membina atau menambah baik psikomotornya, kalau tidak perkembangan fizikalnya tidak sempurna. Sebab itu kalau kita perhatikan murid-murid kita hari ini terutamanya di bandar ramai yang tidak reti atau tidak tahu berlari dalam garisan yang lurus.

Mereka berlari dalam bentuk 'S' sebab psikomotornya tidak betul, kurang senaman. Tidak seperti dan tidak semacam kita dahulu. Kita berjalan kaki, naik basikal, tetapi hari ini anak-anak kita semua pergi mana-mana pun dibawa oleh bapa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sebelum menjadi Ahli Dewan Negara dahulu ialah pengetua sekolah...

**Tuan Eng Fook Heng:** Guru besar. Guru besar kecil... [Ketawa] Saya telah mengajar selama 30 tahun di sekolah menengah dan di sekolah rendah dan juga sebagai *part time* juga di Maktab Perguruan. Jadi mereka dihantar oleh bapa. Tidak macam kita dahulu berjalan kaki, berbasikal. Oleh itu saya harapkan Kementerian Pelajaran jangan lagi meluluskan blok-blok bilik darjah tambahan di sekolah-sekolah yang sesak. Cari tempat baru dan buat sekolah baru.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh mengenai kementerian pelajaran juga, saya dapati pejabat pelajaran negeri iaitu JPN, Jabatan Pelajaran Negeri, mereka suka berlumba membandingkan keputusan. Sama ada UPSR ataupun PMR ataupun SPM. Contohnya, Pahang nombor dua, Selangor nombor satu, Wilayah nombor tiga, dia bandingkan tahap kecemerlangan pelajar. Untuk tujuan ini, banyak negeri membuat sekolah rancangan khas. Apa itu sekolah rancangan khas? Sekolah rancangan khas dipilih sekolah-sekolah di bandar dan dipilih semua murid yang dapat keputusan UPSR yang cemerlang. Contohnya 7A daripada sekolah Cina ataupun Tamil dan 5A daripada SK, sekolah kebangsaan. Mereka ini ditempatkan di sebuah sekolah dan diberi namakan sekolah itu sekolah rancangan khas. Apakah masalah yang timbul di sini?

Pada pandangan saya, sekolah rancangan khas, sukatannya sama, silibussnya sama. Kurikulumnya sama, kokurikulumnya sama, gurunya sama, pengetuanya sama, ini khas, di mananya khas? Golongan pelajar yang datang ke sini, dengan ini kita mengabaikan sekolah-sekolah lain kerana sekolah-sekolah lain perlu juga golongan-golongan yang bijak ini kerana setiap sekolah pun hendak nama dan prestasinya, kecemerlangan pelajar, peratus lulusnya.

Jikalau semua pelajar yang pandai hantar ke sekolah-sekolah ini, maka sekolah yang lain itu memang terima murid-murid yang kurang pintar. Jadi saya rasa ada sesetengah negeri, mungkin semua negeri dengan suka-sukanya menukarkan sekolah biasa kepada sekolah rancangan khas. Apa yang mereka buat, pihak JPN menghantar pelajar UPSR kelulusan 7A dari SJK(C) atau Tamil dan pelajar 5A dari SK ke sebuah sekolah dan namakan sekolah itu sekolah rancangan khas. Dengan ini keputusan PMR sekolah itu nanti akan jadi cemerlang. Sekolah rancangan khas, khasnya apa? Gurunya sama, semuanya sama seperti yang saya katakan tadi.

Saya rasa hakikatnya golongan pelajar yang cerdik pandai ini memang akan tetap pandai dan tetap cemerlang di mana-mana sahaja kita letakkan dia. Kenapa saya bangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini? Sebabnya adalah akibat dasar ini, sekolah-sekolah lain tidak terima murid yang cemerlang UPSR, di mana mereka dapat sedikit-sebanyak membantu pelajar lain iaitu *peer group* nya yang lemah dalam akademik.

Yang keduanya apabila sesebuah sekolah itu dijadikan sekolah rancangan khas, penghuni ataupun residen ataupun orang yang tinggal berhampiran sekolah itu, yang ada rumahnya di sebelah sekolah tidak dapat masuk ke sekolah itu kerana keputusan anaknya tidak cemerlang. Murid ini terpaksa ditempatkan di sekolah yang lebih jauh. Lagi teruk adalah pula murid yang cemerlang UPSR yang tinggal berhampiran sekolah itu pun kadang-kadang tidak boleh masuk sekolah di sebelah rumahnya, kenapa? Sebab tempat kosong untuk belajar itu adalah terhad. Ia hanya boleh menampung satu aliran. Tingkatan satu hanya boleh menampung mungkin 300 orang tetapi yang memohon masuk itu 600 orang. Ini bermakna kita terpaksa keluarkan 300 orang yang lain, wujudkan sebuah sekolah rancangan khas, pemohonnya 600 orang hanya boleh ambil 300 orang.

Maknanya 300 orang lain yang tidak boleh masuk sekolah itu akan jadi marah dan akan jadi tidak gembira. Ini bermakna JPN ini mewujudkan masalah untuk sendiri dan orang-orang macam kita ini yang ada sedikit pangkat ini, sedikitlah, wakil rakyat ini, susah akhir tahun ini. Bertimbun-timbun orang datang jumpa kita, bawa surat semua. Bawa tolong pergi jumpa pegawai. Pegawai kata sudah penuh, macam mana? So, ini maknanya wujudkan masalah untuk sendiri yang tidak dapat selesai. Jadi 300 orang yang lain itu akan kecewa kerana dihantar pula ke satu lagi sekolah rancangan khas yang lebih jauh.

Rasionalnya yang saya tidak setuju akan sekolah rancangan khas kerana murid-murid yang cemerlang ini, di mana-mana sahaja kita tempatkan dia, mereka tetap akan jadi cemerlang. Jadi janganlah pihak JPN membuat rancangan yang menyusahkan sendiri kerana ada juga ramai yang keputusan mereka 6A, 1B. Ada lagi satu golongan yang lain iaitu 6A, 1B hampir cemerlang ini, dan ataupun 4A, 1B juga memohon masuk sekolah rancangan khas ini tetapi tempatnya terhad.

Jadi saya cadangkan Kementerian Pelajaran mansuhkan sekolah-sekolah rancangan khas untuk pelajar-pelajar yang cemerlang. Kalau hendak buat, biarlah betul-betul rancangan khas iaitu sukatan yang mencabar, kurikulumnya yang istimewa, gurunya yang cemerlang di mana kebijaksanaan dan kreativiti pelajar dapat dipupuk dan dicungkil sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pelajar-pelajar yang kurang potensi ataupun pelajar yang kurang kepintaran, golongan pelajar inilah sepatutnya kita adakan rancangan khas untuk mereka, supaya mereka dapat diajar kemahiran-kemahiran vokasional ataupun *vocational skill*.

Pada masa yang sama, tidak mengabaikan penguasaan bahasa mereka seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina ataupun bahasa Tamil. Dengan harapan golongan ini akan menjadi *skill labour*, dengan izin, kelak dan yang dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara nanti. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Dalam Negeri pula. Izinkan saya mencerminkan kesusahan dan kebimbangan rakyat berkenaan harta keperluan mereka iaitu tentang kecurian kenderaan seperti yang dibentangkan tadi.

#### ■1750

Mengikut statistik sebanyak 63,182 buah kereta yang telah hilang sejak tahun 2004 hingga Mei 2009. Perkara ini akan menjejaskan ekonomi negara dari segi kehilangan nilai wang individu, ia juga menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur luar terhadap negara kita. Kesengsaraan yang wujud ekoran kehilangan kenderaan, mereka syarikat insurans pula terpaksa menaikkan *premium* untuk menampung kerugian yang tidak sepatutnya wujud sepatutnya berlaku. Jadi di sini izinkan saya membaca satu kes benar yang diberikan kepada saya yang minta saya tolong supaya saya boleh membaca dalam Dewan ini dari seorang mangsa...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Tuan Eng Fook Heng:** Ya.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat, saya terbaca dalam surat khabar. Tidak salah saya dua tiga bulan dahulu. Tidak silap kereta Yang Berhormat juga hilang ataupun kereta siapa Yang Berhormat Senator hilang, tidak silap sayalah... [Ketawa] Terima kasih.

**Tuan Eng Fook Heng:** Saya tidak cakap kerana saya takut orang kata saya berkepentingan diri pula. Ya, kereta saya baru 50 hari. Sayang sangat Toyota Fortuner yang *black color*. Wah! Bukan main itu. Tiap-tiap hari lap kilatkan ia. Pagi-pagi bangun hendak hantar anak ke sekolah, buka pintu *gate*, Eh! Kenapa saya punya... Boleh cerita sedikit ya? Kenapa kosong garaj saya ini? Tidak fikir mana kereta saya? Pandang... Eh! Semalam di mana dekat mana? Tidak boleh *connect*. Oh! Hilang! Terkejut, kereta yang simpan dalam rumah saya sendiri, fikirkan Tuan Yang di-Pertua. Begitu kecewa saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang soalan saya mula-mula sekali masuk Dewan ini minta KDN tentang statistik kehilangan kenderaan. Saya sendiri jadi mangsa... [Ketawa]

Mungkin sindiket itu tahu, Oh! Ahli Dewan Negara ini mengada ini. Hendak mengajar dia sedikit. Mungkin, tidak tahu. Mungkin balik nanti sebuah lagi hilang mana tahu. Takut juga saya. Okey. Sampai sekarang tidak ganti lagi tahu. Sekarang bank kena bayar. Duit pun tidak ada. Macam mana? Kereta baru tidak ada. Bawa kereta buruk ke Dewan, ditahan dekat luar pula... [Ketawa] Tunggu insurans lama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kenderaan ini dibeli di atas pinjaman apa semasa jadi Ahli Dewan Negara?

**Tuan Eng Fook Heng:** Atas *excise duti free* itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi susahlah untuk menyuarakan *frustration* nya terhadap jenayah ini. Izinkan saya baca, *it is very interesting here*. Saya mula kes. *Real case*, kes benar. Seorang wanita membuat laporan kepada pihak polis tentang kecurian kereta Suzuki Vitara beliau. Setelah setahun berlalu masih tidak diambil tindakan oleh pihak polis. Dalam masa ini beliau mesti membayar *installment* setiap bulan. Jika tidak dibayar *interest* akan dikenakan.

Beliau telah menulis kepada Bank Negara dan jawapan ialah diminta berurus dengan bank peminjam. "*Back to square one*", dia kata.

Tindakan juga tidak berhasil dan akhirnya beliau berjumpa dengan Dato' Michelle Chong yang kemudiannya membuat *press statement* dan dilaporkan dalam akhbar *The Star*. Selepas itu barulah pihak polis mengambil tindakan. Akhirnya selepas *investigation*, ramai orang yang terlibat dalam kecurian ini. Sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ia melibatkan pegawai polis, pegawai JPJ, penjual kereta dan dianggap sebagai *syndicate work* atau *organized crime*. Akhirnya kereta itu dijumpai dengan *plat number* yang telah ditukar daripada plat Wilayah Persekutuan ke plat negeri Melaka.

Apa yang ingin dikatakan di sini ialah tindakan polis ini diibaratkan sekali jolok, sekali buat kerja. Jika ditiadakan mereka juga mendiadakan diri dan akhirnya boleh terlupa terus. Apakah PDRM tidak cukup kakitangan? Atau pegawai PDRM dan *commercial crimes* tidak *competent*? Perlukah pegawai ini diberikan latihan? Mungkinkah pegawai kita yang dari bidang yang tidak berkaitan ditugaskan di dalam jabatan yang tidak berkenaan dengan intelektual mereka? Kemungkinannya mungkin banyak tetapi pada mata kasar rakyat harapan terhadap pihak polis itu sangat tinggi. Ini seorang rakyat yang biasa. Oleh itu saya merayu kepada pihak KDN supaya ambil berat terhadap keselamatan harta benda rakyat.

Seterusnya izinkan saya menyentuh sedikit tentang, ini yang mana ini Kementerian Kewangan atau JKR? Saya rasa JKRlah tentang papan tanda. Ini semua ini masalah rakyat ini. Okey. Seperti dilaporkan pada *The Star* pada 15 Disember oleh seorang *resident* Damansara Utama. Dia kata papan tanda yang mengelirukan *confusing signboard*.

- (i) sepanjang Lebuhraya Damansara-Puchong atau LDP yang menuju ke Kepong. Kalau seseorang yang mengikut papan tanda selepas Bandar Utama yang menunjukkan Damansara Perdana seseorang itu akan berakhir di *Penchala Link* menuju ke Hartamas. Akibatnya membayar dua tol dan membazirkan masa dan minyak;
- (ii) *signboard* yang keliru di sepanjang *New Klang Valley Expressway* menuju ke *Subang Sky Park*;
- (iii) sepanjang LDP menuju ke Puchong. Oleh sebab *signage* yang tidak jelas dan jika tidak berhati-hati kita akan salah jalan dan terpaksa membayar tiga tol yang biasanya satu tol sahaja. Jika kita jalan tanpa merujuk kepada papan tanda. Maknanya tidak ada papan tanda lagi bagus; dan
- (iv) dari Jalan Duta ke Damansara Utama. Kebanyakan papan tanda akan membawa kita ke *Penchala Link* dan terpaksa membayar tol yang sepatutnya tidak perlu yang kita lalui.

Jadi saya rasa kekeliruan ini sengaja dibuat supaya pengguna jalan raya yang tidak biasa ataupun dari negeri lain masuk ke *Penchala Link* bayar tol. Saya terkena banyak kali. Saya banyak kali saya terkena Tuan Yang di-Pertua. Saya kalau saya daripada Kuantan sampai ke KESAS *Highway* MRR2 sampai KESAS *Highway* saya hendak pergi PJ, saya ikut sahaja KESAS *Highway* ikut hendak pergi PJ. Tengok tanda PJ itu ikut akhirnya pusing balik bayar dua kali tol. Sampai hujung pusing balik bayar dua kali tol.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh gulung ya ucapan.

**Tuan Eng Fook Heng:** Sekejap lagi. Saya rasa kekeliruan ini sengaja dibuat supaya pihak Lebuhraya LDP dapat mengutip keuntungan yang lebih. Saya harap pihak JKR ataupun Kementerian Kewangan dapat memantau dan memandang serius ke atas masalah inidi mana kesengsaraan rakyat dapat dikurangkan dan akhirnya dapat kerajaan mengurangkan pembaziran dari segi penggunaan minyak petrol dan *efficiency* rakyat dapat dipertingkatkan. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin. Selepas itu saya minta Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah ya untuk bersedia.

**5.59 ptg.**

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahas Bajet 2010. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, bajet ini telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat. Kemudiannya telah dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan II ke Dewan Negara untuk menyampaikan Bajet 2010 bagi kita sama-sama membahaskannya.

**■1800**

Melihat dari itu kita mempunyai 31 kementerian dan jabatan untuk diberikan peruntukan bagi tahun 2010. Saya akan hanya menyentuh enam kementerian iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan akhir sekali ialah Kementerian Dalam Negeri. Ada 31 kementerian dan jabatan.

Sebelum itu, seperti mana yang juga kita semua sedia maklum bahawa bajet pada tahun ini ialah berjumlah RM108,688,613. Jadi ini merupakan satu bajet yang amat besar bagi tujuan untuk memberikan rakyat kita mendapat faedah daripada bajet ini dan terima kasih serta tahniah kita ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebelum saya pergi kepada kementerian itu, saya ingin membawa satu usul pandangan berhubung dengan Parlimen iaitu Bill yang pertama telah diperuntukkan sebanyak RM66,289,900 bererti Parlimen telah diberikan satu peruntukan yang agak besar bagi tujuan untuk membangunkan.

Apa yang hendak saya sampaikan di sini ialah kepada menteri yang bertanggungjawab berhubung dengan Parlimen untuk mengkaji apa yang berlaku di Parlimen ini dan saya telah dimaklumkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kami semua ini kebanyakan yang telah berumur. Jadi tidakkah menteri yang berkenaan mengkaji bahawa kedudukan Dewan ini tidak mempunyai satu alat untuk mengawal hawa dingin yang ada. Kadang-kadang terlalu sejuk hingga menyebabkan kita terpaksa keluar, keluar dan keluar. Kadang-kadang kosong Dewan ini kerana tidak boleh duduk begitu lama kerana terlalu sejuk.

Jadi tidakkah kementerian ataupun Jabatan Parlimen memikirkan mengadakan satu alat untuk mengawal apabila terlalu sejuk, ia kawal. Jadi bajetnya sudah ada ini. Jadi ini akan memberikan tidak adalah kosong Dewan ini selalu sebab kita tidak boleh tahan duduk dekat dalam kadang-kadang setengah jam, satu jam keluar, keluar. Banyak duduk dekat kantin sana sebab bukan kerana tidak mahu duduk di Dewan, kerana tidak boleh tahan sejuk dan saya telah dimaklumkan juga oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dia kata bagus jugalah kita tengok.

Ini adalah pandangan dan cadangan yang telah disampaikan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan saya haraplah perkara ini dapat dipertimbangkan. Saya sendiri pun kadang-kadang tidak boleh tahan duduk, keluar tidak tahan. Jadi ini satu cadangan untuk itu dan selepas itu saya akan pergilah kepada perkara yang kedua iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Apa yang hendak saya cadangkan di sini ialah kita setiap tahun menghadapi banjir di Pahang, di Terengganu, di Perak, di Kedah dan banyak lagi negeri lain yang melibatkan banyak rakyat kita terlibat di dalam banjir ini kadang-kadang terpaksa pindah, terpaksa rumahnya hancur, runtuh dan kadang-kadang anak sekolah hendak pergi mengambil peperiksaan pun sukar. Terpaksa menggunakan pula dewan-dewan yang kadang-kadang tidak ada kelengkapan yang cukup, terpaksa ada yang ibu mengandung terpaksa tidur di situ, anak-anak yang hendak pergi sekolah, hendak mandi, hendak apa susah.

Jadi ini merupakan sesuatu yang belanjanya saya tidak pasti berapa tetapi berjuta-juta ringgit kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan bagi membiayai mereka yang terlibat dalam banjir pada setiap tahun berlaku.

Tidakkah kementerian yang bertanggungjawab ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memikirkan bagaimana untuk menyelamatkan mereka ini. Tidakkah kementerian boleh mencari satu kawasan setiap negeri yang terlibat ini setiap tahun satu kawasan untuk membina rumah mereka dan dibiayai oleh kerajaan dan tanah-tanah mereka itu bolehlah diambil balik. Jadi tidak perlulah tahun depan dia lagi tenggelam, tenggelam, tenggelam, boleh diambil oleh kerajaan membuat barangkali boleh dijadikan tanah pertanian ataupun pemeliharaan ikan, buat tasik, boleh pelihara ikan, udang, tanam padi, tanam apa-apa yang sesuai.

Jadi berikan dan dapatkan satu kawasan katakanlah kalau di Perak tempatnya cari di negeri Perak di mana? Berapa ramai yang terlibat, buat satu tanah, buat mereka rumah. Jadi tahun depan tidak payahlah lagi kita berbelanja beratus-ratus juta bagi tujuan untuk membiayai mereka dan banyak masalah yang dihadapi oleh mereka yang terlibat. Itu pandangan dan cadangan saya dan setiap negeri ini termasuklah Sabah dan Sarawak juga ada berlaku banjir ini.

Jadi inilah satu cadangan supaya memikirkan soal ini daripada kita membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun dan setiap tahun berlaku kita semua tahu setiap tahun perkara ini berlaku. Jadi tidak adalah kita kata tahun depan tidak ada, ia berlaku setiap tahun. Ini adalah bencana alam yang memang setiap tahun musim hujan, kadang-kadang bulan 12, bulan 11 tidak tentu berlaku. Jadi kita sudah tahu dan kita boleh pelan, merancangkan kalaulah ini dapat dilakukan maka selamatlah keluarga-keluarga kita dan juga rakyat sesuai dengan konsep 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan."

Jadi rakyat inilah yang kita tengok, didahulukan. Kalau kita biar begini setiap tahun kita biar juga, jadi ada yang hanyut, ada yang mati pun ada, ada anak-anak yang mati, ada yang tidak dapat hendak ke sekolah dan berbagai-bagai lagi, beribu-ribu ringgit wang yang habis kerana pakaiannya hanyut, itunya, barangnya dan banyak masalah yang kita hadapi.

Jadi itulah saya cadangkan supaya kerajaan dapat memikirkan soal ini khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah barangkali boleh memikirkan sebab kemajuan ini juga mempunyai peruntukan sebanyak RM7 bilion. Kementerian ini telah diberikan peruntukan 2010 ini RM7,214,870,300. Jadi banyak itu kalau wang ini dapat dibelanjakan untuk tujuan itu, selamatlah kita tahun berikutnya kita dapat mengatasi masalah ini.

Kedua ialah saya akan pergi kepada Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan seperti mana yang kita semua sedia maklum ada beberapa hal yang hendak saya kemukakan. Pertama ialah berhubung dengan hari ini peraturan kereta tidak dibenarkan pakai *tinted glass*. Jadi ini masalah Kementerian Pengangkutan, kalau ia boleh denda, boleh hukum sebab saya ada seorang teman. Isterinya bawa kereta kerana kereta itu tidak ada *tinted glass*, dia bawa kereta dikejar oleh seorang perompak, dia tengok dalam kereta ini seorang sahaja perempuan. Jadi tidak ada orang di belakang sebab dia nampak sebab *tinted glass* nya tidak ada, jadi terang.

Dia pun kejar, dia rompak, dia pukul setengah mati, habis rantai-rantai barang itu semua. Jadi kenapa kita melarang kereta yang dipunyai oleh personel dilarang untuk memakai *tinted glass* sedangkan ada risikonya. Kita tahu barangkali *tinted glass* itu dia kata akan orang boleh sembunyi, dia hendak merompak sembunyi tetapi sekarang tidak pakai *tinted glass* kereta yang terbuka pun dia merompak depan-depan. Jadi bererti ini... tetapi ini kalau dia *tinted glass* hari itu bawah, jadi dia tidak tahu barangkali ada di belakang dua orang, tiga orang.

#### ■1810

Dia tidak nampak. Maka dia tidak beranilah hendak kejar hendak itu sebab dia tahu banyak orang ini. Tidak sempatlah kot hendak kejar. Jadi, ini kalau boleh kementerian memikirkan soal ini, dibenarkan menggunakan *tinted glass* di atas sebab-sebab tertentu dan boleh dikenakan caj umpamanya satu tahun bayar RM50.

Berapa ratus ribu kereta ada. Kalau kerajaan dapat *collect* RM50 daripada setiap kereta, saya fikir banyak juga duit *income* daripada Kementerian Pengangkutan dan kita menyelamatkan mereka yang terlibat. Ini cadangan sayalah kerana saya telah dimaklumkan oleh kawan saya. Dia kata, isteri dia kena rompak pasal dia nampak bawa seorang diri. Itulah dari segi Kementerian Pengangkutan.

Seterusnya, saya akan membincangkan tentang Kementerian Pelancongan. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, kita banyak membawa pelancong masuk ke negara ini, tetapi dalam masa yang sama, ada di antara pelancong-pelancong kita yang menggunakan tiket pelancong datang ke sini, dapat visa, tetapi apabila sampai ke sini, mereka buat kerja lain.

Ada di antaranya menjadi *prostitute* datang ke sini. Jadi, memalukan negara kita ini. Ada! Baru-baru ini, kita membaca surat khabar dia orang telah datang ke sini, ada yang menjadi GRO, ada yang menjadi *prostitute*, dengan izin, sundallah, menjadi pelacur dan banyak juga di antara mereka bekerja di *night club* sedangkan dia masuk sebagai pelancong biasa. Kadang-kadang sudah *expired* dan ada orang yang membiayai mereka kerana dia untung.

Ada di antara mereka pula, datang ke sini sebagai pelancong, dia kahwin dengan orang tempatan. Apabila dia kahwin, si yang kahwin dengan dia itu, gunakan perempuan ini, hantar jadi pelacur. Kita ada membaca akhbar-akhbar. Jadi, ini memalukan negara kita kerana kita telah menggalakkan satu pelacuran yang kita bawa ke negara kita. Di samping itu, banyak kelab-kelab hiburan yang mengambil kesempatan ini. Kementerian Pelancongan haruslah memikirkan soal ini.

Perkara kedua yang saya hendak bawa isunya ialah kalau boleh Kementerian Pelancongan menyediakan peruntukan. Kalau kita tengok di sini, banyak diperuntukkan, RM899 juta diperuntukkan untuk Kementerian Pelancongan. Tidakkah Kementerian Pelancongan dapat mengadakan satu peruntukan bagi membuat filem dokumentari khusus untuk mempromosikan Malaysia ke luar negara? Ini kerana filem memainkan peranan yang penting. Kita boleh edarkan filem itu ke luar negara ataupun ditayangkan di setiap pesawat kita yang terbang ke luar negara seperti MAS atau AirAsia dan lain-lain pesawat kita, kita tayangkan di dalam kapal terbang itu supaya orang melihat bagaimana kita boleh menarik pelancong ke negara kita. Jadi, filem memainkan peranan penting.

Selain dari itu, kita boleh hantar ke stesen-stesen televisyen bukan sahaja dalam negara, tetapi di luar negara. Peruntukan ini seharusnya disediakan oleh pihak kementerian. Dalam masa yang sama, kita memberikan kesempatan dan peluang kepada karyawan seni.

Dapatlah mereka mencari makan buat filem-filem mengenai pelancongan. Ini kerana kita di seluruh negara dari Sabah, Sarawak hingga ke Perlis banyak daerah-daerah yang perlu kita promosikan bagi tujuan kita untuk menarik pelancong dari luar negara.

Jadi, filem boleh kita promosikan. Kalau kita buat *leaflet*, kita buat itu, kadang-kadang orang tidak baca pun, tetapi kalau filem sambil-sambil dia terbang, dia nampak. Oh, begini. Dekat Langkawi ada ini, ada itu. Dekat Sabah, dekat Sarawak. Barangkali ini boleh kita majukan. Itulah cadangan saya kepada Kementerian Pelancongan sebab peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pelancongan pun banyak.

Seterusnya ialah Kementerian Pelajaran. Seperti mana yang kita semua maklum, baru tadi kita sudah dengar Yang Berhormat menyebutkan bahawa di antara 31 buah kementerian dan jabatan, Kementerian Pelajaranlah yang paling tinggi sekali peruntukan yang diberikan iaitu berjumlah RM30,519,112,700. Bererti peruntukan yang paling besar diberikan kepada Kementerian Pelajaran.

Oleh sebab itu, kita melihat banyak perkara-perkara yang harus kita lihat bahawa rupanya memanglah benar seperti Perdana Menteri selalu menyebut bahawa kita perlukan modal insan iaitu modal insan yang berilmu. Jadi, kerana itu kita harus melihat bahawa Kementerian Pelajaran ini hendak membangunkan modal insan dengan mengadakan peruntukan yang besar bagi membina sekolah-sekolah, universiti dan sebagainya.

Hari ini kita sudah ada 21 buah universiti di seluruh negara. Selain daripada ini, ada juga universiti yang dibuat oleh swasta yang kerajaan punya. Dahulu kita tidak ada universiti pun. Hanya ada satu Universiti Malaya di Singapura. Selepas itu, hari ini apabila kita sudah merdeka, hari ini setiap negeri ada universiti, bukan sahaja di bandar-bandar, kadang-kadang dalam hutan pun ada universiti sekarang.

Kalau kita pergi ke Jengka Triangle, dahulukan hutan rimba. Jengka Triangle itu hutanlah, ada universiti. Jadi, bererti kerajaan prihatin di dalam memberikan ilmu pengetahuan kepada rakyat kita kerana rakyat didahulukan. Apabila kita sebut rakyat didahulukan, pelajar-pelajar ini diutamakan. Didahulukan rakyat kerana pelajar ini kita utamakan memandangkan mereka inilah yang akan menjadi pemimpin negara pada masa depan. Justeru itu, perlulah kita mengadakan peruntukan yang secukupnya bagi tujuan untuk mereka meneruskan ilmu pengetahuan dan ada biasiswa yang diberi kepada mereka sama ada di dalam atau di luar negara. Jadi, kita harus melihat ini untuk membina modal insan yang berjaya.

Oleh sebab itu, saya juga ingin menyentuh kerana ada beberapa Ahli Senator yang telah pun menyentuh berhubung dengan bahasa. Jadi, baru-baru ini saya telah menghadiri Seminar Bahasa Kebangsaan di Dewan Bahasa dan Pustaka yang dirasmikan oleh Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim yang telah menyuarakan supaya dapat saya bawa ke Dewan Negara.

Saya diminta untuk membawa supaya kita mestilah menyuarakan setiap jabatan kerajaan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi dan juga pegawai-pegawai kerajaan di mana juga mereka pergi, kadang-kadang berucap melalui televisyen atau memberi pandangan dan beberapa ucapan-ucapan hendaklah berucap dalam bahasa Melayu. Ini kerana bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan menjadi bahasa Malaysia.

Jadi, kita hendaklah melihat bahawa satu Malaysia, satu bahasa. Jadi, kita hendaklah menjadikan sekolah kebangsaan itu adalah sekolah yang harus kita perkasakan. Ini kerana pada peringkat awal lagi, kita telah pun berkorban. Dahulu kita ada sekolah Melayu di seluruh negara. Hari ini kita sudah mansuhkan, bukan tutup, tetapi sekolah Melayu itu sudah ditukar menjadi sekolah kebangsaan. Sudah tidak ada lagi sekolah Melayu. Saya dahulu pergi sekolah Melayu, sekarang tidak ada. Semua anak-anak saya pergi sekolah kebangsaan. Maka itu, kita hendaklah memperkasakan sekolah kebangsaan.

**Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawî:** Yang Berhormat...

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Silakan.

**Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawî:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujahan oleh Tan Sri. Pertama, apabila kita bercakap soal bahasa, saya rasa adakah ini mempunyai kaitan dengan persepsi bahawa kalau kita bercakap Inggeris, barulah kita dianggap bijak. Kalau kita bercakap bahasa Melayu, kita dianggap kurang bijak. Ini kerana mereka meletakkan bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu dan bahasa Melayu bukan lagi bahasa ilmu. Saya minta pandangan Tan Sri.

Kedua, apabila bercakap soal memperkasakan ataupun memastikan pelajar-pelajar kita mendapat pembelaan yang sebaiknya daripada pihak kerajaan, dalam konteks sebagaimana tadi beberapa orang Yang Berhormat telah pun mengatakan bahawa kita kehilangan pelajar-pelajar yang bijak pandai yang akhirnya pergi ke luar negara apabila mereka ini menjadi profesional. Jadi, adakah Tan Sri bersetuju kalau kita cadangkan kepada pihak-pihak kerajaan agar PTPTN itu menggunakan kaedah *Qardhul Hassan* iaitu meniadakan terus caj ataupun levi kepada pelajar-pelajar bagi menyambung pelajaran mereka ke IPTA. Terima kasih.

■1820

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya merasakan bahawa kita bukanlah untuk menghapuskan bahasa lain. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan berdasarkan kepada undang-undang kita.



Perkara 152 bererti kita mesti menggunakan, tetapi kita tidak menyekat untuk belajar bahasa-bahasa lain sama ada bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Perancis, bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain kerana banyak bahasa yang kita belajar, maka banyaklah ilmu yang kita boleh timba. Akan tetapi kita mesti menjadi orang yang mempunyai nilai jati diri bangsa kita. Bererti bangsa Malaysia apakah bahasanya? Itulah jati diri kita. Kalau kita pergi ke negara Perancis, bahasa Perancis. Itu bahasa rasminya. Kita pergi ke England, bahasa Inggeris.

Kita pergi ke Arab, bahasa Arab, kita pergi ke Jepun, bahasa Jepun, kita pergi ke Thailand bahasa Thai, kita pergi ke Philippine bahasa Tagalog, kita pergi ke negara-negara lain di negeri China bahasa Cina, tetapi kita mestilah ada satu bahasa iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa Malaysia yang telah pun ada di dalam undang-undang kita, tetapi kita tidak menyekat mana-mana bahasa untuk kita belajar kerana barangkali bahasa Inggeris boleh kita belajar, sebab saya pun pernah pergi ke sekolah Inggeris selepas sekolah Melayu kerana kita hendak menimba ilmu. Jadi tidak ada sebabnya kita boleh melarang mana-mana orang, sama ada di IPTA atau IPTSkah. Akan tetapi kita harus memulakan dengan bahasa kita, barulah kita merasa ada jati diri bangsa itu sendiri.

Maka itu saya ingin menyarankan bukannya suruh menutup sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang lain. Kita *convert* dia. Kalau dahulu sekolah Melayu kita boleh *convert*, dengan izin, jadikan sekolah kebangsaan, kenapa tidak boleh sekolah-sekolah lain jenis-jenis kebangsaan, kita jadikan sekolah kebangsaan. Ia boleh menggunakan bahasa Mandarinkah, bahasa Tamilkah, bahasa apakah tidak ada masalah, tetapi jadikan dia sekolah kebangsaan barulah kita ada jati diri bangsa. Inilah 1Malaysia, satu bahasa, satu bangsa, tetapi kalau kita berpecah belah jadi di mana kita punya kekuatan bangsa itu sendiri dan 1Malaysia itu barangkali boleh kita pertikaikan. Jadi maka itu saya menyarankan kerana saya telah diberi maklumat ini, ketika saya menghadiri beberapa seminar dan mereka minta kerana kebetulan saya berada di Dewan Negara. Dia kata bawalah isu ini ke Dewan Negara dan saya memang bersetuju dan menyokong hal ini. Itulah perkara yang hendak saya sampaikan dari segi itu dan juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, diminta untuk menggulung Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Saya ada lagi tiga ini. Ini baru... [*Ketawa*] Kemudian seterusnya ialah Kementerian Pelancongan sudah, Kementerian Pelajaran sudah, berikutnya ialah Kementerian Penerangan. Ini yang penting bagi saya kerana Kementerian Penerangan ini adalah melibatkan kerjaya saya, kerana ia berada di Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang telah pun diperuntukkan oleh Bajet 2010 ini, belanja mengurus ialah sebanyak RM1,289,348 dan pembangunan ialah RM1,219,888. Jadi ini kedua.

Ketiga, diberi juga lagi satu peruntukan sebanyak RM200 juta melalui Bank Simpanan Nasional yang dahulunya SME Bank, diberikan RM50 juta sekarang dinaikkan kepada RM200 juta untuk membina industri kreatif.

Jadi industri kreatif ini ada tujuh industri di dalamnya iaitu filem, drama, teater, animasi, komunikasi dan juga filem-filem dokumentari dan semua ini adalah industri kreatif dan maka itu saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, apakah RM200 juta ini, yang diperuntukkan ini diambil daripada peruntukan pembangunan RM1,219,887 ataupun diberi *directly*, dengan izin daripada Kementerian Kewangan.

Jadi kalau begitu, kita hendak tahu berapakah peruntukan yang diberikan di dalam tujuh industri kreatif ini, berapa yang diberikan kepada setiap industri itu. Tentulah saya memohon supaya industri filem atau *feature film* atau filem cereka, hendaklah diberi peruntukan yang tinggi, kerana ia harus menggunakan modal yang tinggi bagi membanyakkan lagi filem-filem tempatan kita untuk kita bawa.

Hari ini kalau kita tengok kita hanya ada kira-kira 30% sahaja. Kadang-kadang tidak sampai pun filem tempatan yang ditayangkan di negara kita, tetapi lebih 70% dibawa masuk dari luar negara. Jadi kerana peruntukan ini diberikan banyak kepada peruntukan filem cereka, maka kita boleh banyak.

Sekarang ini kita ada lebih kurang 28 filem setiap tahun. Kita perlukan paling kurang pun 50 dan 60 filem setahun. Kalau boleh kita mahu 70% filem tempatan dan 30% sahaja filem yang dibawa dari luar negara, tetapi kita tidak ada peruntukan dan ini barangkali boleh kita mohon kepada kementerian supaya peruntukan ini diberikan khusus kepada *film feature* atau filem cereka, kerana kita tahu filem-filem dokumentari pun diberi sebanyak RM50,000 dahulu.

Kita juga harus melihat ketiga dan keempat ialah tabung kebajikan penggiat seni sebanyak RM3 juta sebagai geran pelancarannya, tetapi tahun dahulu kita diberi RM5 juta. Tahun ini kurang pula, RM3 juta tetapi dalam masa yang sama kementerian telah mengumumkan, saya ada *cutting English paper* di sini. Saya tidak perlu baca, cuma saya maklumkan sahaja bahawasanya kementerian telah bercadang untuk memotong bayaran penerbit drama yang kita buat oleh penerbit-penerbit drama yang buat drama dan semuanya peruntukan yang diberi itu dipotong beberapa peratus dan dimasukkan ke dalam peruntukan tabung kebajikan ini. Akan tetapi ini saya berpendapat bahawa kita ambil pula duit daripada pembikin filem. Jadi kuranglah keuntungan mereka, bagaimana mereka dapat meneruskannya kalau sudah dipotong dari situ ke sini. Tidakkah kerajaan mencari lain jalan.

Saya berpendapat satu cara yang terbaik ialah setiap filem yang ditayangkan sama ada di pawagam atau di televisyen dan juga kepada penyanyi-penyanyi yang lagunya dimainkan di radio atau di televisyen atau di mana diberikan royalti kepada mereka. Jadi setiap yang ditayangkan itu kepada mereka, sebab ini diberikan kepada penggiat seni kebanyakannya mereka yang sudah tua, yang kadang-kadang tidak lagi berpeluang untuk mengambil bahagian berlakon atau menyanyi kerana mereka ada yang sudah uzur.

Jadi kalau peruntukan ini dapat diadakan, dipotong daripada mana-mana tayangan, sekarang ini kita tengok banyak filem Melayu ditayangkan berulang-ulang kali di televisyen hari ini. Jadi oleh kerana itu peruntukan itu, kadang-kadang tidak bayar apa pun kepada pelakon-pelakon, penyanyi-penyanyi yang terlibat atau komposer yang terlibat dalam filem itu. Kenapa tidak diadakan satu peraturan setiap kali ditayangkan dia mesti beri royalti kepada pelakon, penyanyi, penggubah dan penerbit filem itu bagi tujuan untuk mereka dapat meneruskan kehidupan mereka kepada mereka yang sudah tidak berdaya lagi. Tidak perlulah kita potong daripada penerbit filem, marahlah pula mereka nanti.

Dia pun hendak hidup juga, hendak teruskan. Jadi itu di antaranya sebagai geran pelancaran kita dan tabung ini ada kaitan juga dengan Skim Persaraan 1Malaysia. Kita lihat di sini di dalam bajet ini ada juga diberikan Skim Persaraan 1Malaysia. Kerajaan memahami kesukaran yang terdapat oleh golongan yang bekerja sendiri tidak berpendapatan tetap.

#### ■1830

Di sini disebutkan pemandu teksi, penjaja, petani, nelayan tetapi tidak disebutkan tentang pelakon, pengarah, pengubah lagu, penyanyi, tidak ada dalam ini. Jadi bagaimana dengan mereka ini hendak diberikan KWSP? Jadi oleh kerana itu saya menyarankan supaya diberikan juga kepada pelakon, penyanyi dan pengubah kerana mereka ini bukan pekerja tetap. Dia adalah secara kontrak sahaja. Pelakon, penyanyi, pengubah ini semua, penulis skrip dan sebagainya, mereka hanya kerja kontrak, kerja sambilan, tidak ada gaji. Tidak seperti masa saya dulu di Singapura, di Shaw Brothers di Singapura dulu diberi gaji kerana ketika itu hanya ada dua sahaja syarikat perfileman, Shaw Brothers dan juga ketika itu Cathay. Ada dua sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kami diberi gaji. Saya dulu mendapat gaji. Ada gaji jadi ada lah KWSPnya. Gaji saya pada masa itu adalah RM70 sebulan tetapi saya dapat rumah percuma, dapat air tidak payah bayar dan setiap kali saya berlakon menggunakan pakaian moden dan saya boleh bawa balik, gunalah pakaian itu. Jadi tidak di caj lagi tetapi kalau kostum, dia ambil baliklah simpan. Akan tetapi baju-baju macam ini, baju-baju moden kita boleh ambil. Jadi untunglah walaupun RM70 tetapi saya ada KWSP dan saya tuntutan tidak berapa lama dulu di Singapura.

Hari ini ialah pelakon, pengarah dan juga penulis skrip, dan semuanya penggubah lagu dan penyanyi ialah sebagai kerja *part time*, mereka tidak ada gaji. Kerja *part time* dan juga kontrak. Maka itu dia tidak ada KWSP tapi di sini telah dimaklumkan supaya dengan sukarela. Bererti kita hendak *contribute* kepada KWSP secara sukarela. Bila disebut sukarela, suka dan rela, kalau dia tidak suka dia tidak relalah. Jadi bererti saya minta kepada kementerian dan juga KWSP mengadakan satu akta. KWSP mewajibkan setiap penerbit filem mengenakan membayar KWSP diwajibkan membayar KWSP sebanyak 11% dan 11% peratus lagi oleh pelakon, pengarah, pengubah lagu kerana mereka bila kontrak, katakanlah dia kontrak RM3,000 berlakon dalam filem itu dan RM3,000 itu 11% ditambah oleh produser dan 11% lagi dipotong dari RM3,000 itu.

Jadi bererti dia adalah wang untuk menyara dia masa hadapannya. Dia bermula dari sekarang. 20 tahun dan 30 tahun akan datang, dia ada hasilnya kerana disimpan wang. Saya sampai hari ini, filem saya berlakon ada 48 buah filem. Di antaranya yang lapan itu saya punya sendiri, jadi saya dapatlah setiap kali ia ditayangkan. Yang saya berlakon dengan Shaw Brothers dulu, saya tidak dapat satu sen pun sedangkan ia ditayangkan berulang-ulang kali di Astro. Tidak dapat kerana tidak ada peruntukannya.

Jadi kita harap generasi sekarang akan menggantikan tempat kita supaya kita beri mereka peluang bila dia berumur macam saya esok, jadi dia sudah ada KWSP yang di *contribute* dengan izin daripada sekarang. Jadi ini saya minta supaya KWSP mengadakan satu akta yang mewajibkan setiap penerbit filem membayar KWSP melalui kontrak kerana kebanyakan daripada mereka bukan kontrak...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh saya bagi satu minit lagi ya.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Saya ada sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini kerana ramai lagi Yang Berhormat menunggu giliran.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih saya ada sedikit lagi. Satu lagi sebab saya sudah sampai ke kementerian, akhir sekali Kementerian dalam Negeri. Tadi saya sudah sebut tadi kementerian ini, ada lagi sedikit lagi yang saya hendak sebutkan dan untuk kementerian penerangan ada sedikit. Untuk membantu karyawan seni pengarah, penerbit, pelakon, penyanyi dan karyawan, tidakkah kementerian menentukan peraturan ataupun cara untuk mendapatkan program-program TV khususnya di RTM dalam drama-drama swasta.

Apa yang berlaku sekarang ini dahulu kita ada diberikan slot. Kemudian selepas itu Menteri bertukar, tukarlah pula ia ditenderkan. Bila tender taulah bila tender ini dapat kepada orang yang kadang-kadang bukan bidangnya. Jadi dia terpaksa cari yang lain, jadi harga ia akan turun kerana semua orang hendak untung dan akhirnya hasil daripada produksinya itu tidak mempunyai kualiti yang tinggi.

Selepas itu pula hari ini dibuat satu sistem lagi, ditukar lagi menjadi sistem *pitching*. Jadi ini adalah masalah-masalah yang telah dihadapi oleh penerbit filem dan di akhbar ini tercatat, mereka telah membawa isu slot RTM tercetus lagi. Saya tidak perlu membaca, itu tajuknya telah dibawa usul ini oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Ketua Pengarah dan juga Ketua Setiausaha telah dibawa dalam ini. Saya tidak perlu baca sebab semua sudah tahu.

Ini kerana bila ada penerbit merungut sistem *pitching* diperkenalkan tangkap muat banyak kelemahan. Ini dikeluarkan di akhbar, bererti suara dari penerbit-penerbit. Maka itu tidakkah kementerian bercadang untuk mengadakan satu sistem yang boleh mendapatkan penerbit-penerbit tempatan ini dapat buka satu sistem yang adil dipilih berpanduan kepada kepakaran, latar belakang yang pernah menerbitkan drama yang bermutu tinggi.

Jadi mungkin kementerian boleh panggil *so and so*, dia pernah menerbitkan drama dan panggil dia. Kau buat ini drama, kita beri dia 16 slot atau 32 slot kah dan buat. Kita panggil pula orang yang memang sudah ada pengalaman, yang pernah membuat ini, tidak perlulah di *pitching*, di tender sebab ini adalah kerja-kerja budaya, kerja-kerja kreatif.

Apabila kita buat tender, nanti orang yang tidak tahu hal dalam bidang ini pun, dia pun tender lah juga hendak dapat. Bila dapat dia bagi orang lain juga, aku bayarkan kau sekian. Dia dapat lebih untung. Jadi hasilnya belum tahu akan mendapat itu.

Maka itu saya ingin menyarankan, saya mendapat maklumat ini daripada persatuan-persatuan penerbit filem dan juga mereka yang terlibat, produser-produser memaklumkan kepada saya perkara ini supaya dapat menyuarakan di Dewan Negara kepada Menteri kementerian supaya memikirkan untuk kepentingan masa akan datang. Berilah mereka ini peluang, satu cara yang terbaik jadi bukan *pitching*. Bukannya pilih, bukan tender tetapi panggil mereka. Dia sudah membuat siri TV, banyak bagus dan mendapat sambutan yang baik. Panggil dia, beri dia 30 slot, panggil orang ini, panggil orang ini dan tidak payahlah mereka bergaduh, tidak payahlah berebut-rebut. Ini satu perkara yang saya diminta untuk menyuarakan di sini. Jadi itulah saya yang saya sebutkan tadi.

Satu lagi perkara ialah filem kewarganegaraan. Jadi filem ini ialah filem patriotik atau filem sejarah. Harulah filem-filem ini yang hendak dibuat oleh mana-mana penerbit diberikan peruntukan khusus dan diberikan sedikit geran 50% daripadanya diberi geran. Sebab kita beri geran kerana dia adalah filem-filem patriotik, filem-filem sejarah. Kos penerbitan filem-filem sejarah dan filem patriotik ini adalah kosnya amat tinggi. Jadi oleh sebab itu penerbit tidak dapatlah hendak membiayai keseluruhannya. Jadi dapatlah meringankan sedikit kos kerana filem tersebut biasanya kos yang agak tinggi.

#### ■1840

Saya ingin memberikan contoh, kalau kita melihat filem Bukit Kepong, filem sejarah Bukit Kepong. Kalau dibandingkan pada ketika itu filem-filem Melayu dibuat dengan kos hanya RM300,000 pada tahun 80-an. Filem Bukit Kepong saya terpaksa belanja RM1.3 juta kerana membina balik balai polis Bukit Kepong yang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta ya...

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Akan habis...

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Isi sudah dihuraikan...

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** ...Saya akan gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Tidak perlu ada contoh, kita jimatkan masa ya. Minta kerjasama.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** *Insyallah*. Terima kasih dan itu adalah cadangan saya supaya kementerian dapat memberikan peruntukan khusus kepada filem-filem sejarah sekurang-kurangnya satu tahun barangkali lima filem sejarah yang boleh dibuat oleh seluruh negeri. Itu pandangan saya dan saya dengan ini mohon menyokong Bajet 2010. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah.

**6.41 ptg.**

**Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Dewan mulia ini. Negara ini kalau kita boleh imbas kembali telah dibina atas peluh dan usaha berjuta-juta rakyat Malaysia yang berbangsa Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan lain-lain bangsa. Jadi untuk semua kaum ini, bahasa ibundanya ialah seperti ibu sendiri. Jadi saya harap kerajaan tidak menyekat ataupun terbengkalai mana-mana bahasa warga Malaysia dan menyokong perkembangan bahasa-bahasa rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, murid-murid yang pergi ke sekolah Cina dan sekolah Tamil, mereka belajar enam tahun di sekolah rendah kemudian apabila mereka pergi ke sekolah menengah mereka bercampur gaul dengan semua kaum.

Kemudian mereka ke kolej, ke universiti mereka bercampur gaul juga selepas itu mereka bekerja pun bercampur gaul dengan semua masyarakat.

Jadi, perpaduan dan muhibah tidak boleh menjadi satu masalah dan perpaduan dan muhibah tidak bergantung hanya kepada sekolah Tamil dan sekolah Cina sahaja. Kalau kerajaan fikir bahawa perpaduan dan muhibah tidak cukup, kerajaan mesti membuat satu kajian yang teliti dengan penyertaan dan perundingan kaum masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, kami di dalam Dewan Negara yang mulia ini mempunyai satu tugas yang amat berat untuk menentukan satu wawasan untuk sebuah Malaysia yang bebas daripada pegangan kepentingan sendiri yang dinanti-nantikan oleh rakyat jelata dengan harapan tinggi.

Salah satu janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk percayai oleh saya, Dewan Negara yang mulia ini dan terutamanya rakyat Malaysia adalah negara kita satu negara di mana semua rakyatnya adalah sama. Harapan rakyat ialah Bajet 2010 menjadi sifat 1Malaysia dalam pengagihan belanja-belanja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengimbas balik kepada peristiwa-peristiwa penindasan ganas terhadap prinsip-prinsip dan suara demokrasi apabila rakyat Malaysia menyertai perhimpunan Aman dan *Candlelight Vigil*, dengan izin, ataupun apabila *bloggers* menulis kebenaran apabila wartawan-wartawan kami membuat laporan mengenai apa yang mereka lihat apabila peguam-peguam kami menegakkan keadilan, apabila ahli-ahli politik dari pihak pembangkang ditahan di bawah undang-undang pencegahan bagi tujuan mendiamkan suara pembangkang pembangkang.

Mari kita imbas kembali juga dan melihat kepada 1535 orang mati dalam tahanan polis yang berlaku di antara tahun 2003 hingga tahun 2007. Kebanyakan daripada mereka adalah pemuda kaum India. Kematian-kematian dalam tahanan polis yang masih berterusan, pencabulan dan rogol terhadap wanita-wanita Penan di Sarawak. Keadaan kehidupan Orang Asli yang menyedihkan kerana kesusahan dan kesengsaraan yang dialami oleh mereka walaupun mereka adalah orang asal negara ini. Ibu-ibu tunggal yang memikul berat menjaga anak-anak dan perlu cari makan juga, peningkatan masalah prasangka dan tekanan perkauman masih ada di antara kaum-kaum di negara kita ini.

Senarai ini berterusan dari segi ekonomi juga, faktor-faktor ekonomi telah disentuh oleh Yang Berhormat yang berucap sebelum saya. Saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyelam dan merenung sebentar adakah ini sebuah Malaysia yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kita dan rakyat Malaysia khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Ahad, 13 Disember 2009 di Bangsar, seorang yang bernama S. Jaydas ditahan. Beliau tidak ada apa-apa senjata atau apa-apa pun untuk mengancam keselamatan orang lain. Pada masa itu lebih kurang 50 orang berkumpul di depan kuil untuk bersembahyang, beliau ditahan apabila balik daripada kuil selepas sembahyang. Menahan seorang tanpa alasan yang kukuh adalah satu pencabulan hak rakyat, perbuatan ini memberi pandangan bahawa Malaysia sebagai polistik. Adakah ini 1Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada rakyat Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai PPRT yang dibina oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan PBT. Penduduk-penduduk projek perumahan rakyat yang bukan Islam, tidak diberikan kemudahan seperti kuil, tokong dan rumah mayat. Penduduk-penduduk perumahan rakyat bukan Islam sedang mengalami kesusahan kerana ketiadaan rumah ibadat seperti kuil dan tokong dan setiap kai ada kematian di rumah keluarga mereka mengalami beberapa masalah untuk menjalankan upacara pengebumian. Misalnya di Wilayah Persekutuan ada satu projek perumahan rakyat di kawasan Air Panas, di mana ada lebih kurang 4,500 penduduk bukan Islam daripada lebih kurang 10,000 orang penduduk.

Projek ini dibina empat tahun dahulu dan apabila pelan dapat disemak ia tidak mengandungi apa-apa rizab untuk sebuah kuil atau tokong dan juga untuk sebuah rumah mayat untuk 45% daripada penduduk PPRT.

Pada masa sekarang upacara pengebumian dijalankan di rumah masing-masing dan masalah yang timbul adalah rumah penduduk-penduduk tersebut adalah terlalu kecil untuk menampung jenazah dan semua ahli keluarga dan pengunjung yang datang untuk melawat. Lagipun si keluarga perlu ambil mayat ke rumah melalui lif yang kecil, kadang-kadang lif pun tidak berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah keadaan ini. Ini menimbulkan masalah kesesakan dan kesusahan bukan sahaja kepada keluarga si mati tetapi juga kepada jiran-jiran yang duduk bersebelahan dengan rumah keluarga si mati. Keluarga si mati perlu semua simpati dan sokongan pada masa yang susah ini, tetapi DBKL sehingga kini tidak peka dan tidak ambil peduli keadaan ini. Adalah amat mustahil bagi pihak yang berkuasa tempatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apabila membenarkan pelan tersebut untuk tidak memastikan penyediaan kemudahan-kemudahan asal seperti kuil, tokong dan rumah mayat bagi golongan bukan Islam.

Ini adalah satu tindakan yang amat menyedihkan dan menunjukkan ketidakprihatinan dan tidak peduli oleh pihak DBKL dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap hak orang-orang bukan Islam.

#### ■1850

Sudah tentu mereka tahu bahawa akan terdapat golongan bukan Islam yang akan dipindahkan ke PPR. Penduduk-penduduk bukan Islam di PPR Air Panas telah diberitahu oleh DBKL bahawa kuil-kuil dan tokong-tokong yang kecil, yang ada dibina oleh masyarakat sendiri akan dirobohkan. Persoalannya adalah di manakah mereka akan pergi untuk menjalankan upacara-upacara sembahyang mereka. Buatlah satu tempat untuk mereka. Oleh sebab tidak ada tempat mereka membina kuil dan tokong di merata-rata tempat.

Kemudian DBKL pergi pecah kuil dan tokong. Keadaan dan situasi begini di wujud oleh DBKL. Saya mohon DBKL dan seluruh PBT di Malaysia kaji bilangan penduduk yang bukan Islam, bincang dengan mereka dan peruntukkan satu tempat untuk kuil, tokong atau gereja dan satu tempat untuk rumah mayat. Kalau tidak penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah ini, membina pondok-pondok kecil di tempat orang lain. Ini boleh menimbulkan masalah. Situasi begini akan menimbulkan ketegangan perkauman dan nampaknya kerajaan tidak ambil peduli dan tidak belajar daripada kesilapan dahulu.

Adakah tindakan-tindakan seperti ini sejajar dengan konsep 1Malaysia? Jawapannya tidak. Di sini saya menyeru pihak DBKL untuk tidak memecahkan kuil-kuil dan tokong di PPR Air Panas tersebut sehingga mereka memperuntukkan satu tempat untuk membina sebuah kuil dan sebuah tokong Cina. Saya juga merayu kepada pihak Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk bercampur tangan dalam perkara ini bagi tujuan menyelesaikan masalah penduduk bukan Islam di PPR Air Panas dan juga di PPR yang lain di seluruh negara, yang menghadapi masalah yang sama.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan beri butir-butir terhadap keadaan PPR di seluruh negara. Beberapa PPR di kementerian berkenaan ada rizab untuk mewujudkan satu rizab untuk satu kuil, tokong, gereja dan rumah mayat. Bila DBKL disoal mengenai perkara ini jawapannya ialah penduduk tidak mohon. Kaum miskin di PPR tidak tahu dan tidak ada masa untuk mohon. Mereka hidup ibarat, 'kais pagi makan pagi kais petang makan petang'. Banyak orang miskin Tuan Yang di-Pertua buat dua atau tiga kerja untuk hidup. DBKL mesti tahu bahawa bila bina PPR mesti buat satu peruntukan untuk kuil, tokong taupun gereja dan rumah mayat. Kalau begini, kaum tersebut akan mengalami banyak masalah dan ini tidak sewajarnya dengan konsep 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga nampak sebuah sistem keadilan yang tidak membantu seorang rakyat biasa untuk membawa kes mereka ke mahkamah, untuk mendapatkan keadilan yang sewajarnya oleh kerana proses pendengaran sesuatu kes adalah terlalu cepat. Sehingga litigan tidak dapat peluang yang secukupnya untuk membuktikan kes mereka. Peguam sendiri mengaku dalam Mesyuarat Bar Council. Kita boleh sebagai langkah permulaan menyeru supaya perkataan di dalam Artikel 153(1).

Perlembagaan Persekutuan diberikan nafas baru kerana artikel tersebut memberikan tanggungjawab mutlak kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kepentingan semua masyarakat di Malaysia tidak kira bangsa dan agama.

Justeru itu, dengan itu kami boleh menyarankan kepada kerajaan untuk menyediakan program-program *a formative action* bagi menolong semua rakyat miskin dan yang tidak berada. Kami juga boleh menyarankan supaya satu suruhanjaya semakan undang-undang ditubuhkan yang diberi kuasa dan perlindungan di bawah satu Akta Parlimen untuk menyemak segala undang-undang yang ketinggalan zaman. Untuk mencadangkan perubahan dalam undang-undang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya terima satu aduan daripada satu kumpulan murid-murid. Saya diberitahu bahawa Kementerian Pendidikan di tahun 2009 memulakan satu program di mana murid-murid Tingkatan 6 Bawah dikehendaki tinggal balik di sekolah sehingga pukul 4.00. Kononnya ini adalah untuk mempelajari buatan poster, *board sketches*, menyedia untuk *presentation*, R&D, menyedia makanan, bermain di padang dari pukul 2.00 hingga pukul 4.00 petang. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah adakah Kementerian Pendidikan buat kajian *empirical* dengan penyertaan guru, murid dan ibu-bapa, apakah keputusan kajian ini?

Murid-murid sebelum program ini dilancarkan pergi ke kokurikulum aktiviti. 10% markah untuk masuk universiti tempatan ialah dari kokurikulum aktiviti. Sekarang mereka dinafikan peluang ini. Nampaknya Kementerian Pendidikan tidak berunding dan tidak ambil kira pandangan mereka. Lagipun kalau mereka tinggal balik di sekolah, ada belanja makanan dan terpaksa lepas bas sekolah dan balik ke rumah lewat. Ini pun menimbulkan masalah kepada mereka.

Saya juga dengar Tuan Yang di-Pertua, bahawa cikgu pun tidak senang hati dengan program baru ini. Nampaknya sistem ini tidak dapat sokongan cikgu. Bagaimana ia boleh berjaya kalau cikgu tidak sokong? Adakah latihan, bayaran dan pandangan cikgu diambil kira sebelum melancarkan program ini? Dewan *Senate* yang mulia ini, berdepan kepada satu detik yang bersejarah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah:** Okey, sekejap. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tolong gulung ya. Tiga minit lagi.

**Tuan Ramakrishnan a/l Suppiah:** Okey, kami boleh memilih untuk menukar masa depan negara kita. Kita boleh menentukan segala hasrat dan objektif kita untuk masa hadapan. Untuk mencapai hasrat tersebut kami tidak perlukan berjuta-juta ringgit.

Apa yang kita perlukan ialah kerelaan. Kerelaan untuk mengatasi dan membasmi segala perasaan dan pemikiran prejudis yang dibina dalam fikiran kita. Kita juga mempunyai pilihan untuk tidak melakukan apa-apa perubahan. Akan tetapi, kita akan dituduh sebagai satu badan yang telah gagalkan rakyat negara kita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk berkongsi dengan Dewan yang mulia ini harapan dan cita-cita untuk satu negara Malaysia yang mempertahankan rakyatnya tanpa mengira kaum, agama dan taraf sosioekonomi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah Abd. Samad. Selepas itu diminta Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui bersedia.

**6.59 ptg.**

**Datuk Hajah Azizah Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil peranan, untuk membahaskan Bajet 2010.

Pertamanya izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan yang telah memberikan ucapan bajet yang bertepatan dengan persekitaran dan keperluan negara kita, yang sedang berusaha gigih untuk memacu ekonomi negara supaya segera pulih melalui pelbagai pakej stimulus yang kita semua doakan akan memberi manfaat kepada rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama bajet kali ini dilihat begitu prihatin dengan masalah yang menimpa rakyat sejak akhir-akhir ini, terutama pada waktu ekonomi negara yang agak suram.

#### ■1900

Namun demikian, kita patut bersyukur kerana dengan tindakan-tindakan drastik yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mewujudkan beberapa pakej stimulus, telah berjaya menghalang ekonomi kita daripada jatuh lebih merudum.

Tuan Yang di-Pertua, sejak menjadi Perdana Menteri untuk lapan bulan ini, kita telah melihat kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menentukan bahawa semua rakyat tidak kira yang menyokong kerajaan atau pun tidak diberi bantuan dan peluang yang secukupnya. Keikhlasan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-benar meletakkan rakyat melalui fahaman politik sempit yang cuba dipopularkan oleh sesetengah pihak. Pada kita kerana rakyatlah kita berada dalam Dewan ini dan untuk rakyatlah juga kembalinya segala manfaat daripada usaha kita bersama di sini.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang mulia, negara kita Malaysia mula dikenali lebih 46 tahun lalu sebelum itu, dikenali sebagai Malaya. Sejak lima dekad kita mentadbir negara ini selepas dijajah. Kita semua rakyat Malaysia patut berbangga dengan pencapaian negara ini yang membolehkan kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain.

Baru-baru ini saya menyertai forum wanita dalam kepimpinan di Dubai dan amat berbangga dengan kepimpinan yang ditunjukkan oleh isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor telah memberikan satu ucapan yang telah meninggalkan kesan mendalam dalam kalangan para peserta forum tersebut terutama ketika beliau menunjukkan contoh bagaimana di negara kita Malaysia ini, wanita memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang daripada memimpin kementerian-kementerian, jabatan-jabatan sehinggalah ke syarikat-syarikat multinasional. Wanita Malaysia berada di mana-mana.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor kerana berjaya mengangkat nama baik Malaysia pada persada antarabangsa. Sehubungan dengan apa-apa yang diucapkan oleh isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita juga ambil maklum tentang bagaimana sumbangan yang diberikan oleh kaum wanita dalam pentadbiran kerajaan Malaysia pada hari ini. Jumlah KSU dalam kalangan wanita sudah bertambah. Jumlah TKSU dan ketua-ketua pengarah juga sudah bertambah.

Dalam konteks ini, saya berharap sekiranya wanita-wanita yang berkecualan untuk memegang jawatan sama ada dalam kerajaan atau politik, mengapakah tidak mereka diberikan jawapan dalam GLC selepas mereka ini bersara. Kita mahukan agar pihak kerajaan mengambil kesempatan sepenuhnya daripada kebolehan yang ditunjukkan oleh wanita-wanita ini untuk mereka juga menyumbang dalam syarikat-syarikat milik kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun 30% belum tercapai, saya di sini ingin memuji kesungguhan kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita di dalam pembangunan-pembangunan secara lebih berkesan, sistematik dan bermakna. Memandangkan bahawa wanita memainkan peranan yang penting di dalam dan di luar rumah serta merupakan sumber ekonomi yang penting, matlamat kerajaan adalah untuk menjadikan wanita sebagai rakan yang sama penting dalam usaha membina negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima sepucuk surat daripada seorang rakyat Malaysia yang tidak bernama. Dia mengharapkan saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini, apabila di dalam perbahasan bajet berkenaan dengan SPRM.



Suruhanjaya ini saya harap bajet yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini perlu ditambah supaya suruhanjaya ini lebih efektif dalam memerangi rasuah dalam negara kita.

Mengikut surat itu, dia sokong SPRM tetapi ada beberapa perkara yang dia tidak sokong. Dia juga suruh saya menyampaikan, berharap agar SPRM jangan menyalahgunakan kuasa mereka atau pun dipergunakan oleh mana-mana pihak untuk memerangkap atau sengaja mencari salah orang. Dalam melaksanakan tugas sebagai anggota penguat kuasa undang-undang, anggota SPRM harus mengenang budi bicara mereka agar hanya orang yang benar-benar bersalah ditangkap. Saya khuatir sekiranya tidak, ramai orang yang tidak berdosa akan teraniaya. Begitulah bunyi suratnya. Saya mohon maaf kepada SPRM. Saya rasa semua petugas SPRM adalah orang yang berpengalaman.

Masalah kedua yang dilihat sebagai sebab yang boleh melembapkan ekonomi negara adalah isu perpaduan kaum dan integrasi nasional. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana memulakan pentadbiran beliau dengan memberikan penekanan pada usaha untuk menyatupadukan rakyat jelata. 1Malaysia adalah satu formula yang ditunggu-tunggu untuk membawa rakyat keluar daripada tempurung kaum masing-masing untuk saling menerima perbezaan dan mencari titik persamaan yang boleh membawa Malaysia menjadi negara contoh dunia dalam konteks rakyat berbilang kaum dan pelbagai agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan akan memberi penekanan ke arah usaha untuk menganjurkan *indicator* yang lebih positif dan menunjukkan keadaan hubungan kaum sebenar daripada hanya persepsi buruk berdasarkan data yang negatif. Para pemimpin juga harus bertanggungjawab dalam membuat kenyataan supaya tidak menyinggung kaum-kaum lain yang telah hidup bersama membangunkan negara ini sejak kita menubuhkan Malaysia lebih 46 tahun yang lalu. Para penulis juga diminta untuk menjaga keharmonian dalam negara dengan bersikap bertanggungjawab agar tulisan mereka turut tidak menyinggung perasaan orang lain.

Kita harus sedar bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai lebih daripada 40 kaum etnik yang telah hidup bersama dan untuk menjaga keharmonian antara kaum ini adalah satu kemestian yang menyumbang pada pembangunan. Negara pelabur akan datang ke negara kita hanya kerana mereka yakin akan kestabilan ekonomi, politik dan paling penting kestabilan di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Sesuai dengan ucapan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita menyeru semua pihak memainkan peranan masing-masing ke arah mencapai Gagasan 1Malaysia seperti yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya memohon agar di Dewan yang mulia ini, kita membuat iltizam untuk menunjukkan contoh yang baik bagaimana 1Malaysia boleh direalisasikan. Kalau pemimpin gagal menunjukkan contoh, mana mungkin kita harapkan rakyat untuk melaksanakan perkara yang kita sendiri tidak mampu untuk lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri perbahasan ini, selama ini sumbangan polis dan tentera diambil mudah dan dipandang ringan. Akan tetapi, dengan pelbagai perkembangan terkini yang berlaku, saya kira juga anggota tentera dan polis yang menjaga keselamatan negara juga patut dihargai kerana mereka juga membantu untuk menyekat pandangan negatif masyarakat antarabangsa terhadap masalah dalam negara. Sekian, saya mohon menyokong.

#### ■1910

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Sim Kheng Hui. Selepas itu diminta bersedia Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

**Datuk Sim Kheng Hui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan ini kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2010.

Dengan keadaan kemerosotan ekonomi global dan keadaan politik negara yang masih penuh dengan cabaran selepas Pilihan Raya ke-12 tahun 2008 adalah satu tugas yang teramat mencabar bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak untuk memastikan sosio ekonomi dan politik negara terus mara ke hadapan agar rakyat terus menikmati keamanan dan kemakmuran sedia ada.

Kita bersyukur kerana walaupun negara berdepan dengan pelbagai pukulan akibat kemerosotan ekonomi global, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih dapat mengemukakan Bajet 2010 dengan penuh keyakinan. Dalam Bajet 2010 kerajaan telah mengambil langkah berani dalam mengurangkan defisit bajet di samping mengambil strategi-strategi untuk merencanakan pembangunan ekonomi agar kadar pertumbuhan negara akan mencapai kadar positif pada tahun hadapan.

Sejajar dengan itu beberapa langkah telah dikenal pasti bagi mengurangkan beban rakyat di samping menunjuk matlamat membentuk sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri haruslah dipuji dan dihargai oleh setiap lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merangsang pembangunan ekonomi dan memperjuangkan kepentingan rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memproklamasikan Gagasan 1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Gagasan tersebut telah diperkukuhkan dengan pelaksanaan bidang keberhasilan utama negara dan indeks prestasi utama untuk enam sektor utama pentadbiran kerajaan. Selain itu kerajaan telah meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan dan kewangan.

Keduanya, memansuhkan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing dan menubuhkan Ekuiti Nasional Berhad. Ketiga, melaksanakan program untuk meringankan beban rakyat termasuk Program Perumahan Rakyat dan Infrastruktur Luar Bandar. Keempat, melancarkan Amanah Saham 1Malaysia untuk menggalakkan pelaburan dan meningkatkan pendapatan rakyat. Semua dasar yang dilaksanakan ini pasti akan mendatangkan kesan positif kepada pembangunan sosioekonomi negara dalam jangka masa terdekat ini.

Sebelum itu semasa menjawat jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak telah meluluskan pelaksanaan dua pakej Rangsangan Ekonomi yang bernilai RM67 bilion dengan mana pakej tersebut berjaya menaikkan kembali kadar pertumbuhan ekonomi negara tahun 2009. Bagi suku tahunan pertama kadar pertumbuhan ialah (-6.2%). Suku tahunan kedua, meningkat ke (-3.9%). Suku tahunan ketiga berganjak ke (-1.2%) dan dijangkakan akan mencapai kadar pertumbuhan positif pada suku tahun keempat.

Dalam persidangan *Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC) dengan izin, di Singapura baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan keyakinan Malaysia mencapai kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 5% pada tahun 2010 iaitu kadar yang lebih tinggi berbanding dengan jangkaan sebanyak 2% dalam Bajet 2010. Pencapaian yang begitu menggalakkan ini telah sekali lagi membuktikan keberkesanan Pakej Rangsangan Ekonomi dan strategi-strategi kerajaan dalam merencanakan kegiatan ekonomi negara selain perubahan positif ekonomi sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan keadaan ekonomi global yang akan bertambah baik pada tahun hadapan Bajet 2010 telah menggariskan tiga strategi utama iaitu:

- (i) memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi;
- (ii) memastikan pembangunan holistik dan mapan; dan
- (iii) mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Dengan adanya asas ekonomi negara yang kukuh dan pertumbuhan keluaran dalam negara yang semakin meyakinkan, pertumbuhan industri, pembuatan dan industri perkhidmatan turut meningkat.

Selain itu kerajaan juga memberikan fokus kepada dasar-dasar yang akan mempergiatkan penglibatan sektor swasta seperti memberikan bantuan pinjaman kewangan, insentif cukai, mengurangkan kos pengeluaran dan sebagainya. Usaha ini akan dapat mempertingkatkan produktiviti tempatan dan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan. Bagi mencapai matlamat ekonomi berpendapatan tinggi, ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan dan intelek harus ditekankan kerana ia akan dapat mempertingkatkan produktiviti, menarik pelaburan asing dan membenarkan pemindahan kepakaran serta teknologi dunia luar. Saya yakin sistem ekonomi sedemikian akan dapat mengaktifkan pertumbuhan ekonomi negara dan membantu negara mencapai ekonomi berpendapatan tinggi dan merealisasikan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pembentukan sistem ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan dan intelek banyak bergantung kepada keberkesanan sistem pendidikan dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi. Dalam pada itu kerajaan mesti terus mendidik dan melahirkan lebih banyak modal insan bertaraf siswazah yang mempunyai intelek tinggi untuk memenuhi keperluan sumber tenaga kerja di pasaran.

#### ■1920

Negara kita mempunyai sistem pendidikan tinggi yang amat lengkap dengan 20 buah institusi pengajian tinggi awam, 25 buah institusi pengajian tinggi swasta dan kira-kira 469 buah kolej. Dalam Bajet 2010, kerajaan akan menukarkan pinjaman PTPTN kepada biasiswa bagi pelajar yang berjaya menamatkan pengajian ijazah sarjana muda kelas pertama atau setaraf dengannya bermula tahun 2010. Ini merupakan satu langkah yang bijaksana dalam menggalakkan pelajar mencapai keputusan yang lebih cemerlang di tahap pengajian tinggi. Selain itu, usaha kerajaan memberikan biasiswa dengan berasaskan kepada merit sepenuhnya disambut baik oleh masyarakat umum.

Bajet memperuntukkan RM30 bilion untuk pembangunan sektor pendidikan rendah dan menengah yang akan memanfaatkan 5.5 juta pelajar di seluruh negara. Dalam pada itu, sebanyak RM1.6 bilion telah diperuntukkan untuk pembinaan 80 buah sekolah baru termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina.

Di samping itu, sebanyak RM1.1 bilion juga disediakan bagi mengubahsuai dan menaik taraf sekolah terutama sekolah di Sabah dan Sarawak. Pengagihan yang menumpukan pendidikan di Sabah dan Sarawak ini disambut baik oleh masyarakat dan amatlah dihargai.

Sememangnya kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif yang membawa kesan positif terhadap pembangunan pendidikan negara seperti mengiktiraf ijazah sarjana muda lulusan beberapa universiti China. Situasi ini membenarkan kerjasama bersifat akademik antara luar negara dapat dipergiatkan. Sejajar dengan inisiatif kerajaan ini, adalah menjadi harapan masyarakat Cina agar sijil kelulusan sekolah menengah swasta Cina iaitu *Unified Examination Certificate*, dengan izin, turut diiktiraf oleh kerajaan dan bantuan kewangan turut diberikan kepada sekolah-sekolah tersebut.

Seruan ini bersesuaian dengan perkembangan semasa memandangkan sekolah tersebut telah banyak mendidik generasi muda yang turut menaburkan sumbangan terhadap pembangunan negara. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga pernah menyatakan bahawa kerajaan mengakui sumbangan pelajar lepasan sekolah menengah Cina swasta dan memperkenalkan program latihan bagi pendidik sekolah tersebut dalam usaha memperkasakan tahap bahasa Melayu di sekolah tersebut. Semoga usaha baik ini akan dapat membantu pembangunan sekolah tersebut dan seterusnya meningkatkan mutu pendidikan aliran sekolah tersebut sehingga dapat diiktiraf.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menggariskan beberapa strategi yang berkesan bagi mencapai matlamat sifar kemiskinan tegar menjelang tahun 2010. Kira-kira 45,000 isi rumah miskin tegar yang didaftar, sebanyak 11,000 isi rumah telah dikenal pasti dan dibantu oleh Jabatan Kebajikan. Matlamat menghapuskan kemiskinan harus mendapat sokongan seluruh masyarakat.

Namun, untuk mendapatkan impak yang lebih mendalam, usaha yang lebih gigih diperlukan untuk mengatasi kesulitan sosial dan geografi yang dihadapi oleh rakyat di Sarawak dan Sabah.

Sabah dan Sarawak merupakan dua negeri yang terbentang luas dan kurang maju dengan kebanyakan isi rumah miskin tegar bertempat di kawasan pedalaman dan terpencil yang masih jauh ketinggalan dari segi sistem perhubungan dan pengangkutan, kekurangan makan berkhasiat, keadaan kesihatan yang tidak memuaskan, ketinggalan dalam pendidikan, berdepan dengan masalah pendaftaran kelahiran dan kematian, isu kad pengenalan dan lain-lain lagi.

Walaupun terdapat banyak halangan, kerajaan masih komited untuk menyediakan peluang latihan kemahiran dan peluang pekerjaan. Latihan untuk industri desa, memberikan pinjaman mikro, pembinaan rumah, bantuan kewangan, pendidikan dan sebagainya. Semua ini merupakan beberapa langkah yang betul-betul dapat membantu golongan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila gulung ya, tiga minit lagi.

**Datuk Sim Kheng Hui:** Okey. Selain memberi tumpuan kepada kemiskinan tegar di luar bandar, kerajaan juga harus terus prihatin terhadap masalah kemiskinan yang dihadapi penduduk di bandar seperti kekurangan tempat kediaman, kekurangan keperluan asas dan pendidikan generasi muda keluarga miskin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merencanakan industri pelancongan, sebanyak RM899 juta telah diperuntukkan. Kita berharap dengan adanya sistem pelaksanaan dasar yang baik, pihak berkuasa dapat merealisasikan aspirasi kerajaan ini dengan memperkembangkan pasaran sedia ada dan menerokai pasaran baru seperti pasaran di China dan negara-negara Asia.

Selain mempromosikan tempat pelancongan yang menarik, tumpuan juga boleh dipelbagaikan kepada tarikan pelancongan yang berasaskan keindahan alam sekitar dan berunsurkan kebudayaan pelbagai kaum memandangkan negara kita kaya dalam dua aspek ini dan belum dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan adalah isu yang mustahak bagi rakyat. Malahan masyarakat yang aman damai adalah faktor penarik untuk pelancong dan pelabur datang ke negara kita. Kita bersyukur kerana dalam Bajet 2010, kerajaan menyediakan RM3.7 bilion bagi mempertingkatkan lagi kecukupan anggota keselamatan termasuk menyediakan kelengkapan yang moden dan canggih. Kita berharap sejajar dengan peningkatan mutu kelengkapan, prestasi anggota keselamatan juga akan menunjukkan peningkatan yang memuaskan.

#### ■1930

Kita mesti mempertahankan imej dan nama baik anggota keselamatan negara dan hukuman yang setimpal mesti dikenakan kepada sesiapa anggota keselamatan yang melanggar undang-undang. Dari segi cukai pendapatan, cukai pelepasan diri telah dinaikkan daripada RM8,000 kepada RM9,000 manakala pelepasan cukai individu untuk tujuan caruman KWSP dan premium insurans hayat juga dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM7,000. Walaupun terdapat peningkatan pelepasan cukai individu dan penurunan kadar cukai maksimum individu sebanyak 1% yang tidak begitu mendatangkan kesan positif kepada golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah memandangkan pendapatan mereka telah banyak terjejas akibat kemerosotan ekonomi dan inflasi. Kerajaan telah mencadangkan agar pengecualian cukai bagi pelupusan hartanah yang berkuat kuasa sejak April tahun 2007 dihapuskan dan digantikan dengan cukai sebanyak 5% ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah. Memandangkan keadaan ekonomi semasa masih berada pada peringkat awal pemulihan, maka pengecualian cukai dalam aspek ini masih amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu aspek yang amat penting dalam Bajet 2010 ialah pembangunan teknologi hijau. Sebanyak RM1.5 bilion telah disediakan bagi mewujudkan satu dana untuk memajukan pembekalan dan penggunaan teknologi hijau.

Namun begitu jumlah ini mungkin tidak mencukupi memandangkan pembangunan negara berada pada kadar yang pesat dan kesan negatif terhadap alam sekitar telah semakin ketara. Dalam pada itu, kita berharap RM20 juta yang disediakan untuk maksud ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam melaksanakan kempen kesedaran terhadap pemeliharaan alam persekitaran di bawah Pusat Teknologi Hijau Negara.

Selain itu, *green building index* yang dilancarkan kepada bulan Mei lalu akan menggalakkan kewujudan lebih banyak bangunan mesra alam dan cadangan memberikan pengecualian cukai pendapatan adalah satu cadangan yang praktikal dalam menunjukkan kerajaan komited dalam pembangunan industri hijau. Kemajuan industri kreatif amatlah penting untuk perkembangan daya pemikiran komuniti, lantaran itu peruntukan sebanyak RM200 juta untuk dana industri kreatif amatlah tepat pada masanya. Industri ini meliputi seni persembahan dan muzik, reka bentuk, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan. Dana berbentuk pinjaman dengan kadar faedah rendah akan diberikan bagi merencanakan lagi perkembangan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sarawak amat bersyukur dengan adanya beberapa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sarawak sejak kebelakangan ini. Ia telah membuktikan keprihatinan Perdana Menteri dan kerajaan terhadap pembangunan Sarawak. Dari segi peruntukan untuk tujuan pendidikan dan infrastruktur bagi Sabah dan Sarawak sebanyak RM2.1 bilion telah disediakan untuk pembinaan infrastruktur dan kemudahan asas di Sabah dan Sarawak dan pembinaan jalan akses ke Empangan Murum dan Empangan Baram dan SCORE di Sarawak. Selain itu bermula tahun depan 26 buah Majlis Perbandaran Sarawak akan mendapat peruntukan sebanyak RM28.3 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mengisytiharkan 16 September setiap tahun sebagai cuti umum seluruh negara. Pengisytiharan ini membawa makna yang teramat besar kepada perkembangan sejajar negara lebih-lebih lagi dalam usaha menggalakkan lagi hubungan Sabah dan Sarawak dalam usaha merealisasikan 1Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh mula menggulung Yang Berhormat.

**Datuk Sim Kheng Hui:** Itu lagi dua minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Sim Kheng Hui:** Berkenaan dengan hak kerakyatan, sijil kelahiran dan hak penempatan yang telah lama dihadapi oleh rakyat Sabah dan Sarawak. Kami berharap Kementerian Dalam Negeri akan dapat mempercepatkan proses permohonan berkenaan. Selain itu adalah menjadi harapan agar ujian lisan Bahasa Melayu dimulakan dan golongan tua serta kanak-kanak diberikan keutamaan dalam permohonan mereka. Di kawasan terpencil pula kami berharap kementerian dapat menghantar pegawai ke tempat tersebut untuk menguruskan pendaftaran sijil kelahiran dan kad pengenalan.

Dalam Bajet 2010, kerajaan juga akan merombak struktur subsidi minyak dan kita berharap subsidi tersebut hanya akan dimanfaatkan oleh golongan yang berkecukupan sahaja. Sememangnya jika harga minyak dan gas dibiarkan berubah mengikut perubahan harga pasaran global yang akan membebankan rakyat dan memberikan kesan terhadap inflasi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan hubungan dua hala yang semakin baik dengan China, kerjasama ekonomi bersifat jangka masa panjang harus dipergiatkan, antara lain ialah projek kerjasama pembinaan empangan, lalu lintas, jambatan, kilang pembuatan dan sebagainya harus diperluaskan demi memperkukuhkan ekonomi negara.

Dalam pada itu kerajaan juga harus memastikan politik negara sentiasa stabil, pembasmian rasuah diteruskan, dan memberikan tumpuan yang lebih terhadap perkembangan Sabah dan Sarawak yang masih ketinggalan dalam arus pembangunan. Secara tuntas rakyat masih yakin dengan Bajet 2010 yang disifatkan berpandangan jauh, seimbang, jimat-dan dapat merencanakan ekonomi.

Dengan ini saya yakin 1Malaysia akan mendapat sokongan padu rakyat dan berusaha mencapai matlamatnya. Dengan ini saya mohon menyokong penuh Bajet 2010. Sekian, terima kasih.

#### ■1940

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan saya minta Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff untuk bersedia selepas ini.

**7.40 mlm.**

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang untuk saya untuk sama-sama berbahas dalam Bajet 2010.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak banyak kementerian yang disentuh oleh semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sebentar tadi. Cuma saya akan mengambil masa yang pendek ini dua kementerian sahaja yang akan saya sentuh. Yang pertama saya ingin menyentuh Kementerian Pelancongan. Produk pelancongan Islam adalah merupakan sektor perkhidmatan yang mempunyai potensi besar meningkatkan pendapatan sektor pelancongan negara ini.

Statistik menunjukkan bahawa pelancong dari negara Islam menyumbang kepada peningkatan bagi sektor pelancongan negara iaitu dengan jumlah 44.8 juta orang. Dari segi sumbangan pendapatan kemasukan pelancongan dari Asia Barat sahaja mencecah RM942.2 juta bagi tahun 2006 manakala RM1.4 bilion bagi 2007 dan RM1.5 bilion bagi 2008. Pelancong Islam di seluruh dunia menyumbang 7% dari kira-kira USD2.5 trilion bersamaan dengan RM8.5 trilion yang dibelanjakan setahun sepanjang percutian mereka. Justeru promosi produk pelancongan Islam ini adalah sangat baik dan sangat menepati masa.

Namun Tuan Yang di-Pertua, masih ramai yang mempertikaikan keseriusan kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan pelancongan Islam di negara ini. Kerajaan bukan sahaja mempengerusikan produk sahaja tetapi perlulah menyediakan keperluan dan kemudahan asas yang lebih mesra sahabat Muslim.

Kemudahan prasarana dan infrastruktur yang produktif terutama hotel-hotel dan tempat-tempat penginapan yang menepati keperluan. Makanan-makanan yang dihidangkan diyakini halal. Semua aspek ini masih belum dikategorikan sebagai mesra Muslim sepenuhnya terutamanya pusat penginapan dan hotel yang kebanyakan tidak ada arah kiblat. Makanan yang dihidangkan benar-benar halal atau tidak.

Kemudahan tandas tidak mesra bagi pengguna Muslim untuk membersihkan diri begitu juga dengan pusat membeli belah yang lain. Keraguan tentang status halal terhadap makanan dan minumannya masih diragui walaupun ada restoran yang meletakkan logo halal dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM. Justeru itu, Kementerian Pelancongan perlu bekerjasama dengan kementerian berkaitan mempertingkatkan penguatkuasaan produk-produk halal dengan memastikan logo-logo halal yang dibenarkan sentiasa dipantau dan maklumat tepat mengenai restoran dan sebagainya halal sentiasa.

Tuan Yang di-Pertua, halal kita tengok semua halal. Dalam plastik kah dalam pembungkusan tin halal. Akan tetapi halal itu kita tidak tahu. Sepatutnya halal mesti ada sebuah kod bar di mana-mana, senang kita hendak memantau. Kalau kita pergi ke negara-negara luar pun, negara jiran kita pun kita hendak halal, sedangkan adakah halal ini halal sebenar ataupun halal tidak.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan pelancongan yang disediakan oleh kerajaan tetapi telah disalah guna oleh sesetengah pelancong asing. Saban hari kita lihat di dalam akhbar dan media massa memaparkan berita-berita yang negatif tentang masalah-masalah sosial yang dilakukan oleh sebahagian pelancong di negara ini seperti rompakan, penipuan, berperangai tidak senonoh, tidak sopan seperti minum arak, penipuan, *black money*, ragut dan sebagainya. Ada juga di kalangan pendatang Asia Barat dan Afrika menipu gadis Malaysia dengan menjadi 'keldai' untuk menyeludup dadah ke negara luar dan sebagainya.

Pertambahan warga asing juga menyalahgunakan kemudahan pelancongan yang disediakan oleh kerajaan yang dikatakan datang untuk melancong ke negara ini sebahagiannya menimbulkan pelbagai kebimbangan rakyat negara kiat dengan masalah di atas. Persoalannya adakah dasar-dasar kerajaan dalam perjuangan yang kita ada dan mempromosikan hanya tertumpu kepada peningkatan statistik bagi menjana ekonomi negara sahaja tanpa mengambil kira perkara-perkara lain terutama kesan daripada kehadiran mereka ini. Apakah yang dilakukan oleh Kementerian Pelancongan bagi mengatasi masalah *overstay* oleh sesetengah pelancong yang terutama warga Afrika dan Asia Barat? Apakah visa pelancongan yang diberikan kepada pelancong-pelancong asing ketika sampai ke negara ini perlu dikaji semula?

Sewajarnya pelancong-pelancong yang datang ke negara ini perlu memiliki kewangan yang secukupnya untuk membantu mereka dalam tempoh lawatan di sini. Mereka juga mesti meninggalkan negara dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya mereka gagal memenuhi syarat-syarat yang digariskan oleh kerajaan, tindakan tegas hendaklah segera perlu diambil bagi mengelakkan masalah-masalah seperti di atas berlaku secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas saranan yang disampaikan oleh Dato' Musa tadi tentang isu belia. Belia adalah aset pening dalam sesebuah negara. Jatuh bangunnya sesebuah negara pada masa hadapan adalah bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh golongan belia. Belia dalam lingkungan usia 15 hingga 40 tahun adalah kumpulan yang terbesar di negara ini. Mereka sering terdedah dengan pelbagai unsur negatif jika tidak diberi perhatian. Gejala sosial yang melibatkan golongan belia termasuk seperti lumba haram, pengedaran dadah, ragut, rogol, melepak, mencuri banyak melibatkan belia. Masalah sosial telah meningkat dari 24,940 pada tahun 2001 orang kepada 41,684 pada tahun 2005. Kes rogol meningkat dari 692 orang pada tahun 2001 kepada 919 pada tahun 2005. Sementara itu 80% mat rempit adalah di golongan belia adalah di antara 14 hingga 25 tahun. Mat rempit juga turut terbabit dengan jenayah lain seperti ragut, seks bebas, dadah, gaduh, judi dan sebagainya. Begitu juga didapati seramai 1,890 pelajar terbabit dengan gengsterisme.

Apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian Belia dan Sukan menangani masalah ini. Kita tidak boleh hanya berpeluk tubuh dan berharap segala masalah ini dapat diselesaikan begitu sahaja. Kementerian perlu mengorak langkah memperbaiki dan mengambil tanggungjawab menyelesaikan dan sekurang-kurangnya mengurangkan segala masalah mat rempit ini. Seterusnya, golongan belia adalah belia adalah modal insan yang sepatutnya diterima secara betul dan memikul laksana yang tepat. Di sini terletaklah peranan pertubuhan belia dalam membantu kerajaan menangani masalah belia. Dengan pelaksanaan dan perancangan program yang bersistematik, hala tuju golongan belia dapat dipadu ke arah mengikut aspirasinegara yang ingin melahirkan belia dengan penuh disiplin, berpengetahuan dan berketerampilan.

Masalahnya jumlah belia akan meningkat dari 11.1 juta pada tahun 2005 kepada 11.65 juta pada tahun 2010. Akan tetapi hanya dua juta yang menyertai persatuan belia. Apakah langkah kerajaan untuk menggalakkan belia menyertai persatuan belia? Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian jumlah persatuan belia yang berdaftar pada masa kini. Adakah kementerian mempunyai mekanisme tentang status keadaan persatuan belia sama ada tidak aktif, lemah dan sebagainya. Belia adalah komponen yang terbabit dalam agenda pemantapan integriti bagi sasaran keempat iaitu memantapkan institusi keluarga dan komuniti dan juga sasaran kelima iaitu meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan masyarakat di bawah Pelan Integriti Nasional ataupun PIN. Kajian Institut Integriti Malaysia atau IIM mendapati 20% keluarga ini jarang makan bersama keluarga. Seramai 20% ibu bapa tidak mengambil tahu mengenai anak yang belajar serta yang sering keluar malam.

Program pembangunan belia memerlukan pelan tindakan terperinci dan komprehensif. Justeru Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional yang dilancarkan pada 2004 telah memberikan penekanan kepada 11 unsur teras dalam pembangunan belia. Ia Merangkumi kesejahteraan sosioekonomi, bina upaya kualiti kepimpinan kemasyarakatan dan program Rakan Muda.

Integrasi sosial dan kesejahteraan politik di kalangan belia, saya ingin mendapat penjelasan tentang kedudukan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional yang telah diperkenalkan itu.

#### ■1950

Sejauh manakah kejayaannya? Apakah *outcome* daripada pelan ini yang memberi impak kepada pembangunan belia. Saya ingin menekankan sekali lagi bahawa belia adalah aset yang berharga kepada negara dan menjadi taruhan pada masa hadapan. Oleh itu kita tidak boleh membiarkan belia terus hanyut dalam gejala negatif kerana kesannya terlalu besar kepada kelangsungan pembangunan negara.

Sebagaimana pesanan Prof. Dr. Yusoff Abdul Rawi yang menyatakan apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi muda pada hari ini. Sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dari kalangan berakhlak dan berhemah tinggi tentulah negara kita akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur tetapi jika keadaan adalah sebaliknya bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku. Jelaslah belia adalah pewaris negara untuk masa hadapan dan belia kini adalah cermin wajah negara pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Pesuruhjaya Sukan. Sistem pengurusan pendaftaran badan sukan amat lemah. Sehingga kini niat dan tujuan pewujudan ini tidak memberikan makna yang dimaksudkan. Terdapat beberapa badan sukan yang mengadu bahawa proses kelulusan minit mesyuarat, kelulusan ahli jawatankuasa dan sebagainya mengambil masa hampir satu tahun untuk diluluskan. Sedar atau tidak kementerian bahawa segala kelewatan ini adalah memalapkan minat golongan belia untuk bersukan secara berpasukan. Perlu dikaji semula kakitangan Pesuruhjaya Sukan untuk dinilai semula.

Pemberian bantuan. Saya dimaklumkan bahawa jumlah bantuan kewangan yang diberikan oleh kementerian kini telah dikurangkan kepada satu kadar yang amat rendah. Ini menyebabkan badan-badan sukan atau persatuan sukan di peringkat daerah terjejas akibat tidak menerima bantuan kewangan bagi golongan program mereka. Kenapa program-program yang menarik minat belia tidak diutamakan sedangkan kementerian memberikan tumpuan kepada acara-acara dan program yang kementerian berminat? Apakah kementerian betul atau tidak berminat dalam mempromosikan sukan bermotor ini di kalangan belia? Jika benar apakah bantuan dan program yang telah diagihkan kepada semua badan sukan bermotor yang berkaitan dengan kementerian dan bantuan yang disampaikan bagi memantapkan bagi sukan bermotor ini? Dengan ini saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff. Selepas itu saya minta Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian bin Abdullah untuk bersedia. Sila.

#### 7.52 mlm.

**Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan 2010. Hala tuju dan pelaksanaan bajet. Kekuatan sesuatu bajet adalah berdasarkan kepada hala tuju yang jelas. Pelaksanaan mantap serta kelangsungan dasar dan program untuk meningkatkan ekonomi negara dan seterusnya pembelaan rakyat terbanyak. Justeru itu kita dalam Dewan ini tidak mahu dilihat hanya sebagai *rubber stamp* sahaja tetapi kita mengharapkan bahawa pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini diberi pertimbangan yang saksama dalam belanjawan ini.

Adalah dilihat pada belanjawan ini kerajaan berazam untuk menganjukkan Malaysia kepada satu tahap dan bentuk model ekonomi baru berasaskan inovasi, kreativiti dan nilai tambah tinggi seperti mana yang disuarakan dalam ucapan Belanjawan 2010. Seruan ini bukanlah perkara baru memandangkan bekas Perdana Menteri kita Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyebut tentang ekonomi berasaskan pengetahuan atau *knowledge economy*, dengan izin, yang berlandaskan inovasi, kreativiti dan sebagainya sepuluh tahun dahulu ketika beliau bertekad membangunkan *Multimedia Super Corridor* pada masa itu.



Iltizam untuk melonjakkan ekonomi Malaysia memang satu cadangan yang baik dan kerajaan bukan tidak pernah mencuba. Akan tetapi persoalannya apakah kesilapan yang telah berlaku dan bagaimanakah untuk mengelakkan kesilapan tersebut dan seterusnya menjayakannya.

Kesilapan ketara ialah kerajaan tidak memberi pertimbangan bahawa kreativiti berasal dari perwujudan suasana yang sihat, bebas dan berdaya saing. Inovasi pula merupakan hasil diskusi secara terbuka serta pentadbiran yang efektif, bertanggungjawab dan telus. Tanpa syarat-syarat tertentu tidak kira betapa banyak usaha yang dibuat atau berbilion-bilion ringgit disalurkan bagi pembangunan struktur, fizikal dan ekonomi berasaskan inovasi dan kreativiti tidak akan wujud. Untuk memenuhi syarat-syarat tersebut pembaharuan pada peringkat struktur perlu dilakukan segera. Persoalannya sekarang adakah kerajaan bersedia untuk melakukan pembaharuan tersebut? Adakah kerajaan melihat belanjawan ini sebagai belanjawan untuk menyelamatkan negara? Soalan-soalan yang tidak dijawab dalam belanjawan ini adalah seperti berikut:

- (i) isu negara kita sedang berada dalam perangkap pendapatan sederhana dengan izin, *middle-income trap* dan apakah tindakan kerajaan supaya Malaysia tidak menjadi sesetengah negara Amerika Selatan yang tidak lagi mengalami pertumbuhan ekonomi yang sihat;
- (ii) isu kerajaan tidak memberi perhatian dalam mewujudkan pekerjaan yang munasabah (*decent job*) dengan izin, serta pembangunan modal insan dan sebaliknya memberi keutamaan pembangunan infrastruktur fizikal yang tidak membawa kepada transformasi ekonomi;
- (iii) isu pendapatan negara kita terlalu bergantung pada hasil minyak tetapi kerajaan masih mengeksploitasikan keuntungan Petronas dalam pembangunan projek mega dan bagaimanakah untuk menanganinya;
- (iv) ketirisan dan kebocoran penghantaran sistem awam yang menyebabkan kerugian berbilion-bilion ringgit dan Morgan Stanley menganggarkan lebih daripada USD100 bilion menggantikan kerugian dalam korupsi semenjak tahun 90-an dan adakah kerajaan komited untuk menggantikan rundingan terus dengan dasar tender secara terbuka; dan
- (v) kuasa Jabatan Perdana Menteri yang terlalu memusat terdiri daripada 52 agensi dan merangkumi kebanyakan kepentingan *political economy* yang utama sehingga institusi utama negara seperti Parlimen, SPR serta MACC dilihat tidak lagi bebas menjalankan tugas masing-masing. Adakah Perdana Menteri kita sedia melakukan pembaharuan struktur ke arah institusi-institusi yang terletak di bawah bidang kuasa beliau.

Jika kerajaan tidak menjawab persoalan asas dan *fundamental* di atas dan sebaliknya hanya tumpu kepada memberikan pelbagai insentif rebat kepada rakyat ini menunjukkan kerajaan hanya berminat menggembirakan rakyat buat sementara waktu tetapi tidak beriltizam untuk menyelesaikan isu peringkat dasar dan masalah pokok yang memerlukan kekuatan politik untuk menanganinya.

Pemberian gula-gula memang seronok buat seketika tetapi adakah ia satu respons yang wajar dan tepat apabila kehidupan kebanyakan rakyat kita berada dalam keadaan sengsara dan apabila kapal ekonomi yang sedang tenggelam? Kerajaan dilihat menggunakan nama menyelamatkan rakyat untuk menjustifikasikan defisit belanjawan negara yang tinggi tetapi hakikatnya perbuatan dan kandungan belanjawan bukan untuk menyelamatkan rakyat.

Bukan sahaja insentif tersebut tidak dapat membantu golongan majoriti jika diteliti malah langkah-langkah tersebut tidak akan dapat menganjakkan Malaysia kepada model ekonomi baru serta tidak dapat menyelesaikan kecacatan dan ketidakupayaan peringkat struktur masing-masing.

Politik naungan dan budaya *rent seeking*. Politik naungan atau *patronage politic*, dengan izin, dan budaya *rent seeking* yang mencorakkan pemerintahan selama ini terus menerus menjadi sifat utama Belanjawan 2010. Sifat sedemikian dapat dilihat menerusi pelbagai aspek antaranya merangkumi dasar liberalisasi yang menyokong dasar monopoli yang merupakan batu penghalang daya saing negara. Status monopoli sesetengah GLC berterusan meskipun kerajaan pentadbiran melaung-laungkan dasar liberalisasi.

#### ■2000

Umpamanya dalam kes BERNAS, tindakan mengambil alih pemilihan bernas melalui perolehan saham dari syarikat Hong Kong hanya memperkukuhkan ciri-ciri politik naungan dan budaya *rent seeking*. Sedangkan apa yang patut dilakukan oleh kerajaan ialah memecahkan monopoli BERNAS oleh syarikat Hong Kong dengan membenarkan syarikat-syarikat tempatan bersaing secara sihat bagi memperoleh saham BERNAS. Dasar anti monopoli langsung tidak disentuh semasa pembentangan belanjawan.

Merakyatkan ekonomi dan memperkukuhkan politik naungan. Mana-mana kerajaan yang merakyatkan ekonomi akan menggariskan undang-undang yang dapat menegah kegiatan ekonomi yang menggalakkan kewujudan monopoli. Hal ini kerana status monopoli mana-mana syarikat akan menjejaskan kepentingan syarikat dari segi pilihan barangan, perkhidmatan, harga, kualiti dan sebagainya. Prinsip keterbukaan dari segi tawaran tender terbuka wajar menjadi amalan mana-mana pemerintah yang mengutamakan *people oriented economy*, dengan izin, dan bukannya mengutamakan *patronage economy*, dimensi ekonomi dan status ekonomi Malaysia yang meruncingkan. FDI jatuh sebanyak 82%.

Jumlah bersih pelaburan asing FDI Malaysia merudum sebanyak 18% iaitu dari RM19.7 bilion dalam tempoh separuh pertama dari tahun 2008 kepada RM3.6 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2009. Pelaburan swasta pernah mencecah 30% dari KDNK sebelum krisis kewangan Asia 1997 hingga 1998. Kini pelaburan swasta telah menyusut ketara di bawah 10% dari KDNK. Pelaburan langsung domestik berkurangan daripada RM72 bilion pada tahun 1997 kepada RM56 bilion pada tahun 2008.

Eksport akan kekal lemah. Eksport pada tahun 2009 dijangka menurun sebanyak 20% daripada RM663.5 bilion kepada RM530.6 bilion dari tahun 2008 sehingga tahun 2009. Faktor utama penurunan eksport adalah disebabkan oleh permintaan lembap negeri-negeri pengeksport utama Malaysia seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Pada masa yang sama, perhatian perlu diberi pada kadar pemulihan eksport. Krisis ekonomi lazimnya diikuti dengan penstrukturan semula pengurusan dan pelaburan syarikat gergasi asing. Jika Malaysia tidak lagi digemari oleh FDI dan pelabur-pelabur, eksport kita tidak akan pulih secepat pemulihan global dan mungkin kekal lemah buat tempoh yang panjang.

Disiplin perbelanjaan. Kerajaan dilihat tidak mengamalkan disiplin perbelanjaan. Kerajaan tidak mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam belanjawan dan sentiasa memperuntukkan perbelanjaan berlebihan. Kalau dilihat dari tahun 2000 sehingga 2008, kerajaan mencatatkan perbelanjaan lebih sekurang-kurangnya 5%. Adakah ini bermakna kerajaan tidak mempunyai jangkaan dan perancangan yang baik ataupun kerajaan tidak mampu menangani isu *overspend* yang disebabkan oleh ketirisan dan kebocoran dalam perbelanjaan awam? Adakah ini juga membuka ruang kepada kerajaan untuk mengemukakan satu belanjawan kosmetik untuk menggembirakan rakyat dan kemudian baru mengemukakan perbekalan tambahan?

Selain daripada disiplin perbelanjaan, kerajaan juga dilihat tidak mempunyai disiplin fizikal selain daripada tahun 1960 di antara tahun 1993-1997, kerajaan mengalami defisit perbelanjaan setiap tahun, tidak terkecuali. Sehingga kini, Malaysia telah mengalami defisit berturut-turut selama 13 tahun. Semenjak tahun 1968 defisit fiskal berlanjutan dan mencecah paras 7.4% pada tahun 2009.

Pelaksanaan pakej rangsangan yang perlahan. Pakej Rangsangan Ekonomi hanya berjumlah RM17 bilion bagi tahun 2009 dan bukannya RM67 bilion. Mengikut Laporan Ekonomi tahun 2009 hingga 2010, hanya RM8.2 bilion yang telah dibelanjakan bagi kedua-dua pakej rangsangan, iaitu 47% daripada jumlah suntikan fiskal yang telah diagihkan. Lagipun sehingga 16 Oktober 2009, hanya lebih 48,000 projek telah siap dan hampir 40,000 projek yang masih dilaksanakan. Ini bermakna 55% projek sahaja yang telah siap dan lagi 45% masih dinanti-nantikan oleh rakyat.

Maka Pakej Rangsangan Ekonomi Malaysia bukan antara yang terbesar dan komprehensif berbanding dengan negara-negara lain, seperti apa yang dilaung-laungkan malah yang paling perlahan dari segi pelaksanaannya. Apa yang akan terjadi jika implementasi adalah begitu perlahan? Adakah kos melepas ataupun *opportunity cost*, dengan izin, menjadi tinggi oleh sebab negara lain yang terasa tanda-tanda pemulihan, sedang berbincang untuk mengurangkan impak pakej rangsangan manakala negara kita masih tersangkut dalam fasa pelaksanaan?

Dimensi sosial ke arah masyarakat risiko yang tidak stabil. Tuan Yang di-Pertua, perangkaan yang diberikan dalam pembentangan Belanjawan 2010 menunjukkan Malaysia sedang menuju ke arah pembentukan masyarakat risiko, *risk society*, dengan izin, yang bakal menghadapi ketidakstabilan sosial yang membimbangkan. Perangkaan yang diberi dalam pembentangan Belanjawan 2010 menunjukkan bahawa bilangan kad kredit meningkat lebih dua juta pada tahun 1997 kepada 11 juta, sehingga Ogos 2009.

Menurut Laporan Ekonomi 2009, 2010, tenaga buruh atau *labor force* Malaysia pada tahun 2009 berjumlah 12 juta. Hal ini bermaksud secara puratanya hampir 92% golongan yang bekerja memiliki kad kredit jika diandaikan setiap orang bekerja memiliki satu kad kredit. Apabila kita bandingkan perangkaan di atas dengan perangkaan kerajaan pada tahun 2007 yang menunjukkan bahawa 56.8% daripada 5.8 juta isi rumah Malaysia mempunyai pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM3000 serta 32% daripada tiga juta isi rumah Melayu mempunyai pendapatan bulanan isi rumah antara RM1000 hingga RM2000. Hala tuju ke arah pembentukan *risk society* cukup membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Belanjawan 2010, 63% dari penduduk tinggal kawasan bandar. Semasa pembentangan Belanjawan 2010, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM48 juta bagi melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Selain itu, peranan Kementerian Wilayah Persekutuan akan diperkukuhkan dan diperluas untuk dipertanggungjawab membasmi kemiskinan bandar di seluruh negara, termasuk golongan yang berpendapatan di bawah RM3000 sebulan. Peranan membasmi kemiskinan bandar memerlukan sasaran kumpulan dan fokus tragedi setempat mengikut keperluan komuniti bandar tertentu.

Lantaran itu, dasar desentralisasi wajar menjadi tunjang kepada program pembasmian kemiskinan bandar. Kerajaan Pusat patut menyalurkan peruntukan kepada kerajaan negeri dan membiarkan kerajaan negeri memainkan peranan Kementerian Wilayah Persekutuan dalam membasmi kemiskinan bandar di negeri masing-masing dan bukannya mengharapkan Kementerian Wilayah Persekutuan memainkan peranan membasmi kemiskinan bandar di seluruh negara. Konsep *risk society*, dengan izin, wajar dihayati dalam konteks proses pemodenan yang melibatkan kegagalan respons kepada dilema transformasi satu masyarakat dan entiti ekonomi.

## ■2010

Dalam perbincangan ini keperluan berbelanja seisi rumah tentulah tidak lagi setimpal dengan keupayaan mencari rezeki akibat kegagalan-kegagalan kerajaan membawa transformasi ekonomi dan meningkatkan kuasa membeli rakyat. Salah satu kesan negatif yang *significant* ialah amalan pra pembayaran melalui penggunaan kad kredit. Hala tuju sedemikian akan mengakibatkan ketidakstabilan masyarakat yang tinggi. Biar pun begitu langkah kerajaan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas setiap kad kredit tidak dapat menyelesaikan masalah kad kredit dan *trend* pembentukan *risk society*.

Sesungguhnya kegagalan dari segi transformasi entiti ekonomi tadbir urus negara dan ketidakadilan dalam pelaksanaan dasar-dasar tertentu secara mikro merupakan antara faktor kegagalan respons yang menyumbang kepada pembentukan *risk society*.

Bayaran yuran tahunan kad kredit yang membebankan rakyat. Menurut Belanjawan 2010 kerajaan menetapkan kerajaan menetapkan cukai perkhidmatan sebanyak RM50 setahun dikenakan ke atas setiap kad kredit utama dan kad caj termasuk kad yang diberi percuma. Kerajaan juga mencadangkan cukai perkhidmatan sebanyak RM25 setahun dikenakan ke atas setiap kad kredit tambahan. Malaysia mungkin merupakan satu-satu negara yang menetapkan cukai perkhidmatan bagi kad kredit yang mana sekarang diberi secara percuma. Jadi kenapakah menetapkan caj sedangkan barangan sekarang adalah percuma.

Adalah dianggarkan kerajaan akan mendapat pendapatan sejumlah RM 564 juta daripada hasil kutipan cukai perkhidmatan kad kredit daripada rakyat. Bukankah ia bercanggah dengan hasrat kerajaan untuk merangsang permintaan tempatan dan mengurangkan beban rakyat. Sekali lagi pendapatan RM564 juta ini boleh diperolehi dengan mudah sekali dengan mengadakan tender terbuka AP dan bukan merampas hasil rakyat sedikit. *Penalise the rich and not the poors*, dengan izin.

Penurunan dasar kadar cukai individu maksimum sebanyak 28% kepada 27% hanya memanfaatkan mereka yang berpendapatan lebih daripada RM100,000 sebulan. Dengan kenaikan peraturan diri daripada RM8000 kepada RM9000 hanya akan memberi penjimatan sekadar RM30 ke RM120 setahun kepada mereka yang membayar cukai sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh mula menggulung ya.

**Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Implikasi cukai perkhidmatan atas kad kredit adalah jauh lebih luas daripada insentif yang diberi dan menjejaskan pendapatan golongan yang tidak membayar cukai iaitu golongan yang berpendapatan lebih rendah. Lagipun dengan kemudahan kad kredit dan insentif lain yang ditawarkan oleh bank yang pasti akan menjadi lebih menarik disebabkan oleh cukai perkhidmatan kebanyakan akan terus bergantung kepada kad kredit.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya sentuh sedikit tentang pendidikan sebagai pengakhirnya. Tuan Yang di-Pertua, pendidikan sebagaimana yang kita maklum adalah merupakan pelaburan utama negara untuk masa hadapan. Dalam soal kelangsungan dan pelaksanaan saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan sekolah kluster iaitu kumpulan sekolah-sekolah cemerlang yang nyata menjadi strategi utama *blueprint* pendidikan nasional yang mana sekolah-sekolah yang mencatatkan prestasi tinggi akan dijadikan pusat kecemerlangan.

Kita masih ingat pada tahun 2007, Menteri Pendidikan pada masa itu menyasarkan 300 sekolah kluster akan diwujudkan dan akan diberi akan dijadikan anak angkat kepada beberapa universiti pilihan. Apakah perkembangan 300 sekolah kluster yang telah dikenal pasti dahulu? Bagaimana pula dengan 30 sekolah elit yang dijadikan perintis sekolah kluster itu? Berapa banyak telah dibelanjakan untuk projek ini?

Dalam bidang pengajian tinggi pula, kita dapati mutu pendidikan kita merosot. Kalau dahulu hanya satu universiti di Thailand mengalahkan kita tetapi sekarang sudah dua universiti di Thailand yang mengalahkan kita. Dahulu Universiti Malaya dianggap di antara terbaik di Asia. Keadaan ini berlaku pada pendapat kita kerana tidak ada persediaan atau keupayaan untuk membawa perubahan. Kita perlu melantik pada pendapat saya orang yang *academically profound* untuk memimpin universiti. Perlu ada *academic freedom*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Without academic freedom there is no recourse to quality education university*.

Maknanya kebebasan akademi harus dan perlu pilih yang terbaik untuk menjadi pemimpin di sesebuah universiti. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat menyokong?

**Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Menyokong dengan berat hati. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Muhammad Olian bin Abdullah. Selepas itu Dato Sri Empiang Jabu ada..., tidak ada? Saya minta Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf untuk bersedia.

**8.16 mlm.**

**Tuan Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan sulung saya di Dewan yang mulia ini saya ingin menzahirkan junjung kasih ke sisi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana dengan perkenan Baginda telah membolehkan saya dilantik sebagai seorang Ahli Dewan Negara. Saya juga ingin merakamkan ucapan berbilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana telah mencalonkan saya untuk menjadi seorang Ahli Dewan Negara.

Juga di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada NGO-NGO Orang Asli termasuk juga Persatuan Orang Asli Semenanjung yang pada asalnya tidak begitu bersetuju disebabkan kesilapan oleh laporan beberapa surat khabar yang mengatakan saya ini dilantik sebagai mewakili parti UMNO. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin tegaskan bahawa saya dilantik di sini adalah mewakili masyarakat kaum Orang Asli yang merupakan bilangannya di dalam negara ini 150,000 orang, yang tidak adanya hanya di negeri Perlis dan juga di negeri Pulau Pinang. Lain-lain negeri ada penduduk Orang Asli. Kalau berdasarkan kalau kita kaji dari segi bilangan pengundi di dalam Parlimen saya kira 150,000 orang ini mungkin tiga Parlimen agaknya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyatakan perasaan dan juga hasrat yang dinyatakan oleh akar umbi di bawah sana. Ini kerana kalau seorang sahaja Ahli Dewan Negara, mungkin tidak begitu berkesan untuk melaksanakan tugas yang merangkumi seluruh Semenanjung Malaysia ini yang bermula dari negeri Kedah sehinggalah ke negeri Johor. Jadi saya mohon dan merayu kepada kerajaan Malaysia supaya menambah lagi bilangan wakil kaum minoriti Orang Asli ini menjadikan tiga ataupun dua wakilnya di dalam Dewan ini. Ini kerana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat sahabat saya semalam Tuan Ahmad bin Hussin. Kaum Orang Asli ini ada disebutkan di dalam Perlembagaan Negara kita iaitu lima kaum yang ada di dalam Perlembagaan itu disebut salah satunya ialah kaum Orang Asli. Jadi oleh sebab itu saya fikir adalah wajar diberikan tambahan satu ataupun dua lagi wakil di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbilang terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan Malaysia kerana telah memperuntukkan sebanyak RM41 juta di dalam Bajet 2010 untuk program peningkatan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

■2020

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menyebut soal kemiskinan ini adalah suatu perkara yang sangat rapat dengan masyarakat Orang Asli dan dia atas keprihatinan kerajaan saya yakin dan percaya bahawa masyarakat Orang Asli ini sememangnya adalah masyarakat yang terkebelakang dan hakikat ini haruslah kita terima dan haruslah menyusun perancangan dan program-program untuk memastikan bahawa masyarakat ini terkeluar daripada arus kemiskinan yang membelenggu mereka selama ini.

Dari segi sejarahnya Tuan Yang di-Pertua bahawa beberapa program dahulu telah dirancang di kalangan masyarakat Orang Asli dan begitu juga dengan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah berkait rapat dengan keselamatan negara iaitu peristiwa penting yang telah dialami, yang telah dilalui oleh masyarakat Orang Asli semasa zaman peristiwa darurat yang hampir 12 tahun bermula daripada tahun 1948 sehingga 1961 yang juga ini merupakan Teori Domino oleh pihak komunis tetapi akhirnya teori ini tidak berjaya dilaksanakan di Asia Tenggara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak menafikan banyak usaha telah dijalankan dan banyak peruntukan untuk program-program peningkatan sosial ekonomi masyarakat ini telah dilaksanakan oleh kerajaan. Pada masa yang sama kita akui masih belum lagi menampakkan kesan-kesan yang boleh kita membawa masyarakat ini keluar daripada arus kemiskinan jika dibandingkan dengan lain-lain masyarakat yang ada dalam negara ini.

Oleh itu saya mencadangkan supaya usaha-usaha yang lebih agresif, terancang dan tersusun yang dapat meningkatkan masyarakat ini dan juga kumpulan sasaran ini terkeluar daripada arus kemiskinan. Pembangunan-pembangunan dan perancangan-perancangan yang lebih baik perlulah diteruskan untuk memastikan mereka terkeluar daripada arus kemiskinan seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar dalam perbahasannya semalam bahawa kemiskinan ini haruslah kita jadikan satu agenda perdana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan bagi mengintegrasikan masyarakat di dalam arus pembangunan negara ini adalah selaras dan selari dengan konsep 1Malaysia yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita. Malahan proses pengintegrasian ini harus dan akan lebih mudah lagi sekiranya tahap sosial ekonomi masyarakat kaum Orang Asli ini ditingkatkan supaya setaraf dengan lain-lain kaum yang ada di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya sebutkan beberapa isu yang sering diperkatakan oleh masyarakat kaum Asli yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan dan juga agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Di antara isu-isu yang sering dikemukakan adalah yang pertamanya Akta Orang Asli, Akta 134 ini adalah satu akta yang telah tidak sesuai lagi di dalam keadaan peredaran zaman sekarang ini.

Ini kerana akta ini mungkin digubal pada waktu itu adalah kerana melihatkan dari segi keselamatan negara iaitu akta ini digubal pada tahun 1954 dan disemak pada tahun 1974. Jadi sehingga sekarang akta ini masih tidak dibuat semakan lagi. Atas sebab-sebab inilah saya mencadangkan supaya akta 134 hendaklah dipinda dan ditambah baik dengan memasukkan peruntukan-peruntukan yang dapat memelihara kepentingan kaum Asli semasa dan konsisten dengan prinsip-prinsip serta norma-norma hak sejagat, aspek kebajikan, pembangunan infrastruktur, ekonomi yang mesti di ambil kira dan dimasukkan di dalam pindaan akta ini.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua yang sering dibangkitkan adalah berhubung dengan isu tanah. Tanah ini adalah sangat berkait rapat dengan kehidupan kaum masyarakat Orang Asli. Oleh itu saya mencadangkan supaya setiap negeri mewujudkan jawatankuasa tanah di peringkat negeri yang mana tanggungjawab tugas jawatankuasa ini dapat membantu untuk membantu pihak kerajaan negeri dalam urusan memberikan tanah-tanah kepada masyarakat ini. Dari segi tanah ini juga Tuan Yang di-Pertua apa yang berlaku baru-baru ini di daerah Rompin, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia mungkin tahu beberapa tanah Orang Asli di sana yang telah dimusnahkan oleh pihak berkuasa yang dikatakan tanah itu dimajukan oleh orang lain. Akan tetapi bagi saya tanah kalau sudah ditanam elok dengan kelapa sawit saya ingat kelapa sawit itu tidak perlulah kita musnahkan ia. Apa salahnya kalau tanaman kelapa sawit itu kita biarkan ia tumbuh di situ dan kita jaga baik, kita berikan hak itu kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga isu yang ketiga yang sering dibangkitkan adalah isu ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat ini. Maka oleh sebab itu strategi pembangunan kaum Asli yang diamalkan sekarang hendaklah dikaji secara kritis dan diubahsuai atau diganti dengan strategi-strategi yang menjurus ke arah melahirkan cara-cara kreatif untuk menjana dan meningkatkan pendapatan kaum Asli. Amatlah penting strategi itu diarah juga ke arah pencapaian pembangunan millennium. Program-program yang perlu dilaksanakan hendaklah meliputi pertanian dan juga program-program keusahawanan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan juga kepada usahawan kaum Asli hendaklah diteruskan. Kemudahan-kemudahan pinjaman, dana-dana hendaklah diwujudkan bagi memberi kemudahan kepada usahawan-usahawan kaum Asli termasuk juga belia-belia Orang Asli yang berminat untuk menceburkan diri di dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa pembangunan ditubuhkan di setiap peringkat di setiap negeri dan di dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua saya ingin merakamkan ucapan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan juga Kerajaan Negeri Pahang kerana telah mewujudkan Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli di peringkat negeri yang diketuai oleh seorang Exco.

Jadi oleh itu, saya mencadangkan juga perkara ini supaya dilihat dan dikaji oleh negeri-negeri lain yang mempunyai penduduk Orang Asli. Kalau misalannya di kawasan itu tidak mempunyai bilangan penduduk Orang Asli yang tidak ramai mungkin jawatankuasa itu boleh diwujudkan atau diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bagi negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan adalah isu pendidikan. Walaupun dari segi kemajuan dan peningkatan minat di kalangan masyarakat Orang Asli ini secara relatifnya agak baik sedikit tetapi usaha-usaha untuk meningkatkan lagi penglibatan dan juga minat yang lebih mendalam di dalam bidang pendidikan haruslah ditingkatkan. Ini kerana saya berpendapat bahawa untuk mendidik dan memajukan sesuatu bangsa, kita tidak boleh bergantung semata-matanya dengan subsidi yang kita berikan.

#### ■2030

Apa yang lebih penting lagi adalah kita mesti mengajar masyarakat itu bagaimana hendak menangkap ikan. Bukan kita memberikan ikan kepada mereka. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua usaha-usaha hendaklah dijalankan oleh kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan kemudahan pelajaran yang lebih kondusif kepada kaum Orang Asli. Kemudahan-kemudahan pelajaran yang lebih sesuai, bantuan kebajikan, penyediaan kenderaan pengangkutan.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat, masih terdapat lagi kanak-kanak Orang Asli yang pergi ke sekolah menaiki masih menaiki lori. Jadi, ini saya rasa sepatutnya tidak berlaku lagi di dalam negara yang telah merdeka lebih 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya kemudahan-kemudahan bagi pelajar-pelajar Orang Asli untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh, Maktab Rendah Sains Mara dan juga institut pengajian tinggi awam dan swasta supaya dipermudahkan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu perkara yang sering juga diperkatakan oleh masyarakat Orang Asli adalah berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya berpendapat bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini perlulah diperkemas dan diperkuatkan lagi peranan dan tanggungjawabnya agar ia setanding dengan lain-lain jabatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini masih lagi belum mempunyai bangunan pejabatnya sendiri. Jadi, ini saya rasa amat sedih kerana tidak ada satu pun lambang bagi masyarakat Orang Asli di negara ini yang boleh mereka banggakan. Bangunan pejabatnya sendiri pun tidak ada. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mewujudkan bangunan pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Oleh yang demikian, di kesempatan ini saya mencadangkan beberapa langkah yang perlu dipertimbangkan oleh pihak kerajaan bagi memastikan program peningkatan tahap sosial ekonomi masyarakat Orang Asli dapat dilaksanakan.

Di antara cadangan-cadangan tersebut, pertamanya Program Pembangunan Modal Insan untuk masyarakat ini hendaklah ditingkatkan termasuk soal latihan pendidikan kursus dan sebagainya.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua peruntukan khas juga perlulah disediakan bagi kemudahan infrastruktur jalan, bekalan air, jambatan dan sebagainya. Ini kerana negara yang telah merdeka lebih 560 tahun masih terdapat lagi perkampungan masyarakat Orang Asli yang tidak dapat bekalan kemudahan air bersih dan juga bekalan elektrik. Jadi, saya berpendapat perkara ini haruslah diambil perhatian yang berat oleh pihak kerajaan kerana ia adalah satu perkara yang amat menyedihkan. Kalau kita hendak meningkatkan taraf sosial ekonomi, kalau kemudahan-kemudahan jalan, bekalan air, api dan sebagainya masih tidak sempurna lagi bagaimanakah masyarakat ini untuk memasarkan atau menjual produk-produk keluaran mereka dengan baik dan mendapat harga dengan baik?

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan projek-projek khas, peruntukan khas untuk menjana sumber pendapatan tetap dan perkembangan aktiviti masyarakat haruslah dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Kalau pada peringkat awal dahulu kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan kaum Melayu telah mewujudkan Rancangan-rancangan FELDA dan menempatkan kaum-kaum Melayu di kawasan rancangan-rancangan yang baru. Jadi, saya fikir tidak ada sebab kalau pihak kerajaan mewujudkan pusat-pusat penempatan baru yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang lebih baik terima kasih diwujudkan di kalangan masyarakat ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan isu tanah yang sering dibangkitkan oleh masyarakat ini, saya juga memohon kepada pihak kerajaan supaya menyediakan peruntukan yang khusus bagi melaksanakan kerja-kerja ukur tanah dan juga ukur sempadan untuk dijadikan kawasan-kawasan rizab bagi penempatan masyarakat ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya selaku mewakili masyarakat Orang Asli di Semenanjung ini mempunyai harapan yang tinggi supaya isu-isu dan masalah-masalah yang terbelenggu di kalangan masyarakat ini dapat diselesaikan supaya ia selaras dan juga selari dengan wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' di mana tiada mana-mana kaum yang akan dipinggirkan dari wacana pembangunan negara menjelang tahun 2020.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan sekali lagi sebanyak-banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2010 dan saya mohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf. Selepas itu diminta bersedia Dr. M. Malasingam.

**8.37 mlm.**

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana peluang untuk turut sama terlibat dalam membahaskan Bajet 2010 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri.

Ianya cukup penting, serius dan merupakan satu kesinambungan kepada bajet-bajet yang telah dibentangkan sebelum ini 2009, 2008 dan juga sebelumnya sebagai satu program rakyat untuk memajukan Malaysia, untuk mengurus tadbir secara keseluruhannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua bagi meringkaskan ini, saya terus menyentuh kepada kementerian yang terlibat sebagai satu peringatan. Apa yang ingin kita sentuh kan di situ adalah kerana kita melihat Bajet 2010 merupakan kesinambungan kepada Bajet 2009 seperti yang saya sebutkan. Kalau di 2009 teras kita adalah menjamin kesejahteraan rakyat. Pada 2010 mengutamakan kesejahteraan rakyat. Malah tahun 2006 lagi kita telah menggunakan perkataan meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat sebab itu dia ada kesinambungan.



Jadi, sebagai satu peringatan ataupun tazkirah ingin saya peringat kan kementerian yang terlibat, bahawa kerja-kerja yang akan kita gunakan peruntukan pada tahun 2010 ini perlulah kita melihat balik teguran yang telah diberikan oleh Jabatan Audit dalam pelaksanaan program dan projek bagi tahun 2009, dan 2008.

Jadi, di antaranya ialah kita ingin peringat kan Kementerian Kewangan sebagai teras utama, kementerian yang paling utama dalam melaksanakan bajet setiap tahun ini supaya melihat balik teguran yang cukup banyak yang diberikan oleh Jabatan Audit kepada Kementerian Kewangan agar kita tidak mengulangi kesilapan yang sama seperti kaedah pemberian projek, kaedah pelaksanaan projek, kelewatan dalam melaksanakan tender selepas surat niat diberikan. Ia banyak melibatkan perbelanjaan yang tidak sepatutnya berbanding seharusnya kita menjadi satu badan yang lebih efisien supaya kita dapat optimumkan kesan perbelanjaan daripada Kementerian Kewangan kepada rakyat khusus kepada melalui Bajet 2010 yang kita hendak bina, hendak mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Kementerian kedua yang ingin saya sentuh segera ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menjadi satu daripada kementerian juga yang cukup kuat diberikan penekanan untuk kita bina gedung makanan negara dengan kita meletakkan RM750 juta sasaran untuk membina gedung makanan negara.

#### ■2040

Kita juga perlu ingatkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana kementerian ini juga merupakan antara kementerian yang banyak ditegur. Teguran yang harus kita ambil sebagai satu peringatan, satu bentuk untuk kita bergerak ke depan dengan lebih baik. Maka kita ambillah iktibar di mana di antara yang ingin saya petik seperti yang tercatat di bawah Jabatan Audit Negara ini bagaimana di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah didapati banyak projek yang terbengkalai. Disebut oleh rakan-rakan kita sebelum ini dihantar penternakan, dihantar baja, dihantar benih dan sebagainya yang tidak menepati spesifikasi akhirnya berbelanja besar, tetapi tidak sampai ke tahap yang kita inginkan.

Yang keduanya juga disebut bagaimana Jabatan Audit Negara mengingatkan kita mendedahkan tentang kecuaihan dan penyelewengan yang berlaku di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, di bawah FELDA dan KADA sebagai satu peringatan dan iktibar yang segera harus diambil dan dalam kes ini saya ingin tahu daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sehingga ke tahap perancangan sampai ke tahap ini, apakah yang telah dilakukan oleh kementerian untuk memastikan agensi-agensi di atas ini telah pun di baik pulih, diperbaiki supaya ianya tidak menjadi penghalang kepada usaha kerajaan untuk menjana gedung makanan negara seperti yang diidam-idamkan, kerana selain daripada apa yang telah didedahkan oleh Jabatan Audit Negara ini, memang telah menjadi pengetahuan umum seperti yang dibincangkan oleh beberapa orang Ahli Dewan Negara sebelum ini memperingatkan kementerian supaya lebih berhati-hati dalam membelanjakan wang di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kerana inilah jabatan antara yang cukup merakyat sampai ke peringkat usahawan di peringkat rakyat.

Jadi yang ketiganya, ingin saya menyentuh sedikit tentang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah satu lagi kementerian yang skopnya sangat merakyat sampaikan hampir seluruh pelosok rakyat. Jadi kita ingin tahu juga bagaimana peringatan-peringatan yang disebut di dalam Jabatan Audit Negara, seperti mana yang disebut tentang pelaksanaan benda yang cukup ringkas seperti Projek Medan Info Desa yang diadakan hampir di seluruh Malaysia tetapi perlu diingatkan daripada 50 bangunan yang telah siap dibina, 11 tidak dapat disiapkan dalam tahun peruntukan yang diterima dan masih gagal untuk digunakan. Jadi itu peringatan yang saya pilih untuk kita sebutkan semula supaya kita pastikan dalam kita melaksanakan....

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon mencelah Yang Berhormat. Mohon mencelah.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Ya, okey sebelum tukar kementerian.

**Datuk Akbar bin Ali:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertarik hati bila bercakap pasal teguran-teguran audit tadi, yang mana saya rasa semua kementerian, institusi, organisasi dan juga kerajaan negeri yang ditegur perlu mengambil perhatian dan tindakan susulan. Cuma saya harap bukan niat Yang Berhormat hendak secara selektif meng *highlight* kan, dengan izin, organisasi-organisasi itu sahaja. Sebenarnya banyak juga yang ditegur oleh audit termasuk kerajaan negeri dan ia termasuklah Kerajaan Negeri Kelantan, Kerajaan Negeri Kedah, Kerajaan Negeri Selangor dan sebagainya.

Jadi pada saya bukan tujuan Yang Berhormat secara selektif hendak *highlight* pihak tertentu, tetapi kerana ia sudah jadi maklumat umum dan sesiapa berpeluang membaca memang banyak yang ditegur oleh pihak Audit. Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Akbar dan memang seperti yang saya sebutkan, seperti di permulaan tadi juga telah saya sebutkan ini satu peringatan kerjasama. Dalam kita hendak melakukan sesuatu yang besar memang kita perlukan kebersamaan. Sebab itu dalam Dewan Negara daripada 53 Ahli Dewan Negara yang berada di Dewan Negara yang membahaskan hal-hal yang sedemikian ini, kita boleh berpakat menyentuh isu masing-masing supaya kita dapat mengingatkan pihak-pihak yang berwajib, yang bertanggungjawab, yang memegang amanah supaya menjalankan tugas dengan lebih baik demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Seterusnya, ingin saya sentuhkan sedikit mengenai Kementerian Kerja Raya yang juga antara kementerian yang mendapat peruntukan yang cukup besar tentang bagaimana kementerian ini khususnya yang saya sebutkan di sini, kerana teguran yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara ini melibatkan Kerajaan Negeri Kedah bagaimana mereka mendapati rundingan harga telah diadakan pada bulan Jun 2004, iaitu selepas 22 bulan daripada tarikh surat niat dikeluarkan bagi pembinaan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Kedah. Jadi ini antara teguran yang dibuat.

Jadi yang ingin saya dapatkan kepastian daripada kementerian ialah, selain daripada program ini di bawah Kementerian Kerja Raya, kita ingin dapatkan penjelasan beberapa lagi program di negeri Kedah yang agak terbengkalai di bawah Kementerian Kerja Raya, jadi saya ingin dapatkan keputusan dan penjelasan secara khusus tentang pelaksanaan projek *Trans Eastern Kedah Interland Highway* atau TEKIH yang masih lagi mengganggu proses kementerian untuk membuka laluan ke Thailand melalui Durian Burung, di mana CIQnya telah pun disiapkan, tetapi projek pakej B di pertengahan daripada perjalanan itu masih lagi gagal. Jadi saya perlukan penjelasan daripada Kementerian Kerja Raya, apakah mereka telah bersedia untuk *re-tender package* yang terbengkalai ini. Itu berhubung dengan Kementerian Kerja Raya.

Berikutnya ingin saya sentuh sedikit tentang Kementerian Pengangkutan. Yang menjadi perhatian saya di bawah Kementerian Pengangkutan adalah untuk membina *double track* daripada Ipoh ke Padang Besar, tetapi sebagai peringatan di sini dengan secara ikhlas untuk kita fikirkan bersama, saya ingin sebutkan di sini sebagai satu peringatan kepada Kementerian Pengangkutan yang cukup dekat dengan saya sebelum jadi Ahli Dewan Negara banyak terlibat bekerja bersama. Bagaimana beberapa masalah yang telah pun timbul di bawah Projek Landasan Berkembar Elektrik antara Rawang ke Ipoh hampir sama kita boleh merangka atau merencanakan satu kaedah yang hampir sama dengan masalah yang kita hadapi di Projek Rawang-Ipoh ini.

Kementerian Pengangkutan saya minta supaya bersedia kerana dalam perjalanan projek *double track* daripada Ipoh ke Padang Besar sekarang juga sebahagian yang dapat saya pantau melihat masalahnya hampir sama, hampir serupa di mana kelewatan yang berlaku kepada kontraktor yang terlibat adalah disebabkan oleh beberapa masalah yang dikaitkan di sini pernah berlaku.

Saya harap kita ambil iktibar kerana di antaranya kelewatan ini menjejaskan dan menyebabkan kewangan negara menjadi bertambah. Seperti saya perlu *highlight* kan satu sahaja sebagai contoh adalah di bawah Projek Pakej Infrastruktur bagi landasan berkembar ini, di mana untuk projek ini sebenarnya kontraktor perlu mengemukakan bon jaminan reka bentuk dalam bentuk jaminan bank bernilai RM128 juta.

Ini yang sama dengan 5% daripada kos kontrak, tetapi secara tidak sengaja ataupun tercuai ataupun terleka oleh Kementerian Pengangkutan sehingga projek ini selesai bon jaminan reka bentuk tersebut tidak dikemukakan oleh kontraktor yang terlibat.

Jadi ini kita perlu peringatkan kerana kerajaan terdedah kepada risiko menanggung kos pembaikan sekiranya berlaku sebarang kecacatan disebabkan kelemahan reka bentuk ini. Saya peringatkan benda ini kerana dalam perjalanan Projek Rawang-Ipoh ini melibatkan kewangan kerajaan bertambah, kerana dengan satu antara sebab kecuai yang dilakukan dan hampir perkara yang sama saya sebut kerana melihatkan pemantauan yang berlaku kepada Projek Landasan Ipoh-Padang Besar khususnya bagi yang melalui negeri Kedah, yang kami turut terlibat membantu mengingatkan bekerjasama dengan KTMB. Kita peringatkan sekali lagi. Begitu juga dengan yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Dewan Negara tadi tentang bagaimana projek ini setelah siap pun masih tidak dapat diuji kerana tidak ada. Akhirnya siap jalan, tetapi tidak dapat diuji kerana tidak ada tren untuk mengujinya. Jadi kita harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengambil tindakan kerana kita sudah dengar mereka telah pun order bekalan tren ini, walaupun dikomen oleh Dato' Musa kita tentang bagaimana tren yang diorder adalah tren yang berumur 20 tahun.

Berikutnya ingin saya sentuh sedikit tentang Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang mana merupakan tumpuan khusus dalam bidang pengurusan Program Pembangunan Modal Insan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

#### ■2050

Jadi bawah kementerian ini, ingin saya peringatkan kepada kementerian dan juga jabatan yang terlibat di bawah kementerian ini supaya mengambil iktibar tentang tumpuan yang perlu diberikan khusus dalam membina modal insan yang merupakan teras utama dalam bajet kita sejak tiga tahun yang lalu supaya kerjasama dengan IPT ini diberikan perhatian serius.

Ini kerana antara teguran walaupun sedikit, melibatkan wang yang tidak besar bagi saya elok saya *highlight* kan kerana ini penting untuk Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi yang di antaranya didapati kementerian lewat menyalurkan wang biasiswa ke UKM dan UiTM antara 98 sehingga 174 hari daripada tarikh permohonan diterima dari IPT berkenaan. Jadi MOSTI seharusnya mendukung sepenuhnya perkembangan kajian sains, teknologi dan inovasi ini dengan kerjasama IPT yang telah memberikan kerjasama kepada MOSTI untuk melaksanakan penerusan kajian sains.

Berikutnya sedikit tentang Kementerian Pelajaran Malaysia seperti yang kita telah sebut di dalam Dewan ini. Kita cuma ingin memperingatkan Kementerian Pelajaran bagaimana ia adalah pihak yang akhir menerima bangunan prasarana oleh pihak lain. Akan tetapi kita turut simpati dengan Kementerian Pelajaran yang terpaksa menerima kemudahan yang sub standard yang tidak menepati spesifikasi dan akhirnya menerima risiko serta menanggung beban. Jadi sekali lagi kita peringatkan KPM ini supaya mengambil iktibar ini dan mengadakan kaedah pencegahan yang sesuai supaya dalam melaksanakan program-program di bawah KPM tidak memberikan risiko kepada anak-anak dan cucu kita yang terlibat di bawah pengajian di bawah KPM.

Seterusnya Kementerian Kesihatan Malaysia, ingin sedikit kita sebutkan di sini kerana di bawah Kementerian Kesihatan yang kita khuatir adalah pembangunan yang bukan sepenuhnya harus kita salahkan Kementerian Kesihatan tetapi dalam banyak hospital yang dibina ini, kita bimbang kerana hospital yang dibina di Pekan, Pahang di kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga dibina dengan satu pembangunan yang tidak menepati tahap keperluan tahap fizikal bangunan yang mana ia mengabaikan beberapa kerja yang tidak mencapai spesifikasi kontrak yang melibatkan wad perempuan, kuarters, makmal patologi yang cukup penting, wad pediatrik dan wad bersalin juga cukup penting dalam hospital ini. Kita hendak sebut dan peringatkan sebagai satu peringatan yang saya sebut sekali lagi, jika beginilah kualiti hospital yang disediakan di Pekan, Pahang, apakah jaminan bahawa hospital-hospital di kawasan-kawasan lain akan menepati kehendak spesifikasi keselamatan dan kesempurnaan sekiranya di Pekan, Pahang juga boleh dibina dengan pembinaan yang sedemikian rupa.

Jadi seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah tentang sedikit tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang ingin saya sentuh juga. Ini kerana mereka telah membuat satu perubahan terbaru dengan menguatkuasakan satu sistem pengurusan sistem sisa pepejal yang telah dikuatkuasakan di negeri-negeri yang mana seperti di negeri Kedah kita telah menandatangani perjanjian tersebut memberikan hak konsesi untuk dilaksanakan oleh kontraktor yang dipilih oleh Kementerian Pusat. Cuma hendak kita ingatkan ataupun hendak peringatkan kementerian, setakat ini apakah menjadi persoalan kita, berapakah peruntukan tambahan menggunakan kaedah ini yang kalau ikutnya lebih awal diberikan *presentation* sebagai yang lebih baik, lebih efisien, dan lebih ekonomik.

Kita hendak tahu, berapakah kos perbezaan pengendalian cara lama dengan memberikan peruntukan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kendalikan sendiri berbanding dengan dalam kes ini dengan dikendalikan secara langsung oleh pengusaha yang dipilih oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berikutnya tentang kementerian Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila gulung ya.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Jadi yang *last* Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada Jabatan Perdana Menteri sebagai jabatan yang utama dalam kes bajet ini.

Pertamanya tentang mempergiatkan industri halal, ingin saya peringkatkan sekali lagi dalam bajet ini untuk industri halal dan juga dapat kita lihat di mana dalam bajet sebelum ini tahun 2007 juga, kita ingin tanya Jabatan Perdana Menteri kerana dalam tahun 2007 juga telah diperuntukkan RM25 juta sebagai untuk mengadakan perbadanan industri halal dengan bajet RM25 juta, apa telah jadi dengan bajet tersebut? Sejauh mana perjalanan perbadanan kemajuan industri halal dan juga bagaimana peruntukan RM50 juta dalam bajet 2007 telah disediakan untuk taman halal, apakah statusnya? Dalam bajet 2007 atas tajuk halal juga telah disediakan skim pinjaman di bawah SME Bank sebanyak RM20 juta kepada usahawan yang membangunkan produk halal di bawah SME Bank. Jadi kita hendak tanya setakat mana statusnya?

Berikutnya sebagai penggulangan ialah sekali lagilah kita hendak sebut balik ialah konsep 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Saya mengajak supaya kita semua menghayati sistem demokrasi berparlimen dengan struktur Parlimen yang perlu dihormati seperti seadanya. Kita pun tidak tahu secara kebetulan pada persidangan kali ini, diedarkan buku Parlimen Malaysia yang menceritakan bagaimana komponen utama adalah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, komponen utama kepada Parlimen Malaysia. Komponen kedua adalah kedua Dewan Negara atau Senat. Komponen ketiga adalah Dewan rakyat.

Oleh itu kita perlu menjiwai konsep asal. Jadi saya mengajak supaya Ahli Dewan negara yang mewakili kerana kita semua Ahli Dewan negara datang dari status yang sama mewakili kerajaan negeri dua orang dari 13 buah negeri. Sebahagianya dilantik melalui Kerajaan Pusat untuk duduk sebagai satu konsultasi sebagai tahap yang terakhir dalam sistem Parlimen Malaysia sebelum kita sampaikan sesuatu dokumen kepada Seri Yang di-Pertuan Agong.

Jadi kita harus kembalikan haknya yang sebenar kedudukan Dewan Negara dan justeru itulah sebagai konsep 1Malaysia juga sesuai dengan kedudukan status Dewan Negara. Sekiranya Ahli Dewan Rakyat dianugerahkan dengan RM100,000 setahun untuk melayani keperluan rakyat di kawasan yang mereka wakili, saya rasakan Ahli Dewan Negara yang perlu melayan di seluruh negeri, daripada negeri yang diwakili seharusnya disediakan peruntukan lebih besar dari yang diperuntukkan oleh Ahli Dewan Rakyat.

Jadi ia sesuai dengan konsep 1Malaysia juga. Saya harap sekiranya ia merupakan satu hak kepada Ahli Dewan Negara, eloklah diberikan. Sekiranya bukan hak Ahli Dewan Negara, kita harap tidaklah dituntut oleh Ahli Dewan Negara. Kedudukan status Ahli Dewan Negara ini, bagi saya telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli.

Dan saya meletakkan tanggungjawab kita semua 53 Ahli Dewan Negara memang berpusat di sini menjaga keharmonian, menjaga status Dewan Negara walaupun kita tahu ada lima orang Menteri Kabinet daripada Ahli Dewan Negara. Ada tujuh orang Timbalan Menteri yang memegang pasport Dewan Negara tetapi mereka ini hanyalah datang memegang pasport Dewan Negara untuk tujuan yang lain. Jadi menjaga kepentingan Dewan Negara, saya harapkan 53 Ahli Dewan Negara yang ada di sini untuk sama-sama kita memperkasakan Dewan Negara dan menjadikan ia satu institusi yang sesuai sebagai haknya.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua adalah tentang SPR Suruhanjaya Pilihan Raya yang saya lihat kita telah berikan peruntukan bajet bagi tahun 2010 dengan lebih dari RM34 juta. Saya harap dengan selepas ini, SPR tidak mengambil alasan tidak punya bajet untuk mengelakkan daripada melakukan pilihan raya kecil sekiranya mahkamah telah isytiharkan pilihan raya kecil terus berlaku, tidak lagi mencari jalan untuk mengelak daripada mengadakan pilihan raya kerana satu pilihan raya kecil memerlukan RM254 ribu dan kita telah memperuntukkan untuk tahun 2010 iaitu RM24 juta. Itu boleh buat lebih daripada seratus ataupun lebih daripada 40 pilihan raya kecil sepanjang tahun 2010. Bukan kita doakan tetapi bagi yang telah pun ada.

Satu lagi kita peringkatkan SPR, jadilah ketelusan kerana antaranya kita harap undi pos perlulah dilihat semula jangan lagi dipertikaikan kestabilan negara kerana melalui Bajet 2009 lagi Perdana Menteri kita telah menegaskan lagi Malaysia sebagai negara yang paling stabil dan makmur di rantau ini.

#### ■2100

Jadi tidak punya alasan untuk kita mengadakan lagi undi pos kerana ia sangat meragukan dan kita mempunyai bukti yang cukup, tentera yang telah bersara dan isteri kepada tentera yang telah bersara masih lagi mendapat undi pos. Nama mereka masih ada dalam senarai undi pos, malah antara yang terbarunya seorang yang telah bersara lebih daripada dua tahun selepas Pilihanraya Kecil Bagan Pinang, beliau mendapat satu kad ucapan terima kasih kerana mengundi calon yang menang di Pilihanraya Kecil Bagan Pinang.

Jadi kita harapkan SPR segera mengambil langkah untuk membersihkan nama SPR sendiri kerana kita tidak mahu lagi berlaku perkara seperti ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan sedikit nota tadi, dengan peringatan yang ini, akhirnya saya mohon agar Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan adalah orang yang sama dan semua tim mengkaji semula, melihat dengan terperinci peruntukan yang boleh kita berikan, kita boleh persetujuan dan perjalanan biarlah terbaik untuk rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Dr. M. Malasingam.

#### 9.01 mlm.

**Dr. M. Malasingam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan bagi saya turut serta dalam perbincangan bajet di Dewan yang mulia ini. Tanpa melengahkan masa, ingin saya menyentuh beberapa perkara bagi menjadikan tajuk perbincangan saya pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pengurusan estet khasnya Estet Bukit Raja, terdapat lebih daripada 100 keluarga terlibat dalam penutupan dua ladang estet ini. Penutupan dua estet ini adalah sebahagian dari lima estet yang bakal memberi laluan untuk tujuan pembangunan. Perbincangan telah pun dijalankan pada tahun 1995 bagi tujuan pemindahan, dalam perjanjian ini pekerja yang diberhentikan, dijanjikan rumah teres kos rendah bagi setiap keluarga, bagaimanapun selepas beberapa tahun, golongan pekerja ini terkejut apabila mereka diberikan ganjaran rumah *flat* walaupun dijanjikan rumah teres sebelum ini. Manakala ada yang tiada pilihan terpaksa menerima tawaran rumah *flat* dan yang selebihnya masih terus menagih janji dan enggan berganjak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibawa ke mahkamah dan masih menantikan keputusan mahkamah. Bagaimanapun pada awal tahun 2008, 80 keluarga yang masih menuntut janji diberikan sedikit sinar harapan walaupun pelbagai percubaan oleh pihak pemaju untuk mengusir mereka dengan melakukan berbagai-bagai taktik kotor seperti memotong bekalan air bersih. Bagaimanapun semasa keputusan mahkamah terdapat 20 keluarga yang pada awalnya menerima tawaran rumah *flat*, telah bersatu dan menghantar memorandum kepada pihak pemaju meminta rumah teres turut diberikan kepada mereka. Persoalannya sekarang mengapa pihak pemaju bersetuju membina rumah teres kos rendah walaupun pada peringkat awalnya mereka enggan?

Bekas pekerja estet juga mahukan keadilan di dalam menuntut janji rumah teres kos rendah. Saya memohon pihak kementerian memberikan perhatian yang khusus dalam menangani terhadap permasalahan ini. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri... Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, bertahun lamanya kita bercakap mengenai kemalangan maut, tetapi persoalannya adakah kita di landasan yang betul bagi tujuan mengatasinya. Jelas kita gagal dalam menangani peningkatan kes kemalangan maut dan kenaikan mendadak menunjukkan kita perlu melakukan sesuatu.

Pelbagai jenis saman dikeluarkan oleh pihak berkuasa polis, tetapi persoalannya apakah jenis-jenis dan kategorinya. Saya berpendapat perlu ada sempadan di dalam isu saman ini kerana sebagai contohnya, jika kadar kemalangan di lebuh raya terbukti tinggi maka jumlah saman yang dikeluarkan untuk kategori jalan ini perlu seimbang dan konsisten.

Jika tidak, pihak berkuasa polis akan hilang tumpuan. Saya yakin kebanyakan saman yang dikeluarkan adalah untuk golongan motosikal, walaupun jelas golongan ini adalah jumlah terbesar di dalam statistik kemalangan maut di negara kita. Kita boleh berterusan menyalahkan faktor kemalangan maut ini pada sikap dan kelajuan melampau, akan tetapi keadaannya semakin membimbangkan, saya kira sudah sampai masanya kita mendapatkan bantuan pakar dari negara Australia.

Di Australia, purata jumlah kemalangan maut ialah sekitar 3,400 orang pada tahun 1981, tetapi kadarnya menurun dan jelas mereka berjaya mengurangkannya secara sistematik. Hari ini di Australia, walaupun jumlah pengguna jalan raya meningkat secara mendadak, kadar kemalangan maut hanya sekitar 1600 orang sahaja, jelas ia suatu pencapaian yang memberangsangkan. Maka, saya mencadangkan negara kita mengadaptasikan pakar dan sistem dari Australia yang ternyata berkesan kerana ternyata langkah memberi kesedaran kepada para pengguna jalan raya kita masih gagal. Ini mungkin kerana sikap kita sendiri.

Pewujudan MACC amat digalakkan dan saya menyambut dengan baik atas lantikan ini. Penubuhan MACC ini adalah salah satu cara bagi mencerminkan komitmen kerajaan dalam membanteras rasuah. Terdapat beberapa kelompok masyarakat yang asyik menyalahkan segala usaha kerajaan dalam apa juga penubuhan, sehinggakan ia dijadikan isu politik. Tuan Yang di-Pertua, kenapa rakyat tidak berfikirkan positif berkaitan MACC, adakah ini kerana kehangatan kepolitikan pembangkang? Walau bagaimanapun, saya percaya keikhlasan dan kewibawaan pegawai-pegawai MACC ini dapat mencerminkan ketelusan kerajaan dalam membanteras unsur-unsur rasuah dalam negara kita yang disayangi.

Buat julung kalinya MACC semakin terbuka pada pandangan dan kritikan. MACC mengambil kira pandangan ramai dan di dalam usaha untuk menambah baikkan prestasinya. Baru berusia satu tahun dan adalah bijak untuk kita memberikan sedikit masa untuk MACC melakukan perubahan positif. Untuk makluman, ICAC Hong Kong mengambil masa bertahun lamanya sebelum berjaya menghapuskan gejala rasuah ke peringkat akar umbi dan diberi jolokan negara yang bebas rasuah. Perlu diambil kira akan perbezaan latar belakang antara Malaysia dan Hong Kong.

MACC hari ini menjalankan tugas bersandarkan kepada undang-undang yang telah ditetapkan. Selain itu ia dipantau oleh lima badan bebas bagi memastikan proses soal siasatnya adalah berlandaskan amalan yang sebenar. Kita sebagai rakyat perlu memainkan peranan memastikan keadilan dapat ditegakkan.

Sudah menjadi asam garam isu di mana kes-kes kendalian MACC menghadapi kebuntuan hanya kerana saksi menukar kenyataannya. Jika kita sendiri gagal bersikap profesional dan berintegriti tinggi, janganlah kita menuding jari pula kepada MACC.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa kes demam denggi semakin meningkat sejak kebelakangan ini dan langkah *fogging* dilihat kurang berkesan dalam usaha memerangi denggi. Sesetengah negara menghadapi masalah yang sama telah mengorak langkah mengguna pakai bakteria *Bti* iaitu *Bacillus thuringiensis israelensis*, bagi tujuan kawalan nyamuk Aedes yang ternyata berkesan. *Bti* ialah sejenis bakteria yang berkait rapat dengan nyamuk dan lalat dan ia dikategorikan sebagai *non-toxic* dan selamat digunakan untuk manusia, haiwan dan serangga lain. *Bti* dikatakan sebagai bakteria yang menghasilkan khasiat protein yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan perubatan. *Bti* berkait rapat dengan air di mana larva akan membesar,

#### ■2110

Ianya amat berguna untuk sektor-sektor tertentu bagi suatu jangka masa. Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan pihak yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti penyelidikan dalam usaha mengkaji keberkesanan *Bti* bagi skala yang kecil. Ianya lebih berkesan dari aktiviti *fogging* kerana bakteria boleh dibiarkan di dalam makmal dan digunakan dalam skala yang besar. Pemeriksaan ke atas wabak lain seperti Chikungunya dan malaria bagi mengenal pasti potensi dan kesan akibatnya. Laporan dari pakar berpengalaman dari negara-negara luar boleh merungkai rahsia di sebaliknya serta potensi yang boleh diadaptasi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Kewangan. Saya hairan akan keengganan pihak bank menerima cek yang ditulis dalam bahasa Tamil. Walaupun pihak bank tempatan kini sedia menerima cek-cek yang bertulis dalam bahasa-bahasa lain. Rungutan dari pelbagai pihak diterima dan saya masih hairan akan inisiatif pihak bank yang jelas masih gagal menangani masalah ini. Ianya bercanggah dengan slogan 1Malaysia yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selama ini.

Tidakkah pihak bank tempatan ini harus berganding bahu bagi berusaha mencapai Gagasan 1Malaysia sehaluan dengan Perdana Menteri kita selaku Menteri Kewangan Negara. Saya percaya sudah tiba masanya semua agensi kerajaan dan swasta yang berurusan dengan kerajaan harus berganding bahu dalam mencapai Wawasan 1Malaysia. Saya pernah berbicara dengan ibu bapa yang mempunyai anak yang belajar di luar negara, yang ditaja oleh JPA. Apa yang boleh saya rumuskan di sini ialah mereka ini tidak mempunyai sifat berterima kasih terhadap pihak kerajaan yang membantu menaja pelajaran anak mereka selama ini di dalam pelbagai bidang kritikal.

Pelajar-pelajar ini jelas tidak mempunyai semangat patriotisme. Mereka enggan pulang ke tanah air untuk berkhidmat demi negara dan memilih untuk terus menetap di sana. Kesalahan terletak kepada pihak kerajaan sendiri. Adakah terlalu susah untuk mengesan pelajar, penjamin dan ibu bapa? Saya pernah mendengar ibu bapa yang dengan bangganya berkata, "*Bayar sahajalah pinjaman itu! Bukannya banyak, hanya RM160,000*". Kerajaan membelanjakan RM800,000 hingga RM1,000,000 bagi setiap pelajar perubatan di luar negara.

Dalam erti kata lain, kerugian adalah pada pihak kerajaan yang kehilangan pakar yang dilatih. Pihak JPA patut belajar dari kesilapan lampau. Bila doktor pulang ke sini, biarkan mereka bermula dari bawah dan berkhidmat seperti doktor-doktor yang lain. Pelajar yang meminjam dari PTPTN dan JPA dengan jumlah hanya RM5,000 ke RM200,000 dikejar seperti penjenayah. Nama disiarkan di dada akhbar dan pelbagai tindakan lain. Para pelajar tajaan MARA juga diingatkan agar mengekalkan sifat patriotik dan setia pada negara dan tidak memikirkan yang ianya adalah hak mereka untuk kekal atau kembali berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kini kepentingan menubuhkan Mahkamah Perlembagaan dilihat penting bagi tujuan menyelesaikan isu dan cabaran yang dihadapi oleh negara kita hari ini setanding dengan negara-negara maju dan berdaulat. Kuasa negeri dan pusat yang diuji pelbagai mahkamah sivil dan keputusan yang berbeza telah dibuat.

Apa yang berlaku di Perak di mana saman menyaman, rayuan dan memohon *Court Order*, dengan izin, menyebabkan rakyat memerhati dan menjadi hakim akan berkembang di Perak.

Ini jelas mencerminkan kelemahan pihak kerajaan. Kononnya kita ingin merampas kuasa dengan suka hati. Walaupun kerajaan Barisan Nasional tidak pernah membelakangkan mandat yang diberikan oleh rakyat. Maka itu Mahkamah Perlembagaan perlu diberi perhatian bagi membolehkan ianya ditubuhkan sama seperti yang wujud di India dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya mengajukan beberapa soalan kepada Jabatan Perdana Menteri secara ringkas.

- (i) input kepada RMK-10 sedang dijalankan di peringkat EPU dengan kerjasama berbagai kementerian berdasarkan NKRA, dalam '*mixing cluster group* dan *technical working group*. Sejauh manakah bantuan dan keperluan kaum minoriti dimasukkan memandangkan perbincangan ini dilakukan oleh kumpulan tertentu sahaja;
- (ii) baru-baru ini UKAS ditubuhkan. Apakah fungsi jabatan dan komposisi perwakilan dalam UKAS ini dan jelaskan peranan sejauh manakah ianya berkesan dalam tuntutan ekonomi negara; dan
- (iii) kenapa segala dasar yang perancangan serta cadangan projek tidak menjadi maklumat awam dan dipaparkan dalam laman web UKAS. Apakah sebab UKAS beroperasi sebagai kumpulan dan hanya berurusan dengan jabatan kerajaan?

Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah Hamat. Selepas itu diminta bersedia Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin Haji Ambok.

**9.17 mlm.**

**Puan Hajah Fatimah binti Hamat:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk sama turut membahaskan Bajet 2010. Sebelum saya membahaskan bajet ini ingin saya membuat satu cadangan iaitu sekiranya berlaku sebagaimana yang berlaku pada hari ini, di mana ramai pembahas-pembahas yang ingin turut serta.

Saya kira adalah lebih baik Tuan Yang di-Pertua menyenaraikan mungkin 30 orang ataupun lebih ataupun kurang dan memberi giliran kepada kami supaya keadaannya lebih selesa, senang hendak pergi makan, senang hendak pergi solat, senang hendak pergi tandas dan lain-lain lagi. Kalau tidak kami tertunggu-tunggu dan berada di dalam keadaan yang kurang selesa. Diharap dapat sokonganlah daripada ahli Dewan sekalian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi pihak Dewan Negara kita memang senaraikan mengikut apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat hantar dengan kita ini, surat cinta... [*Ketawa*] Masing-masing ada... Jadi siapa yang hantar dahulu kita senaraikan terus. Siapa yang kemudian, kemudian.

**Puan Hajah Fatimah binti Hamat:** Terima kasih diharap dapat disenaraikanlah dan beri senarai itu kepada kami supaya kami berada di dalam keadaan yang bersedia dan selesa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bajet 2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak menggariskan strategi pentadbiran kerajaan untuk melakukan transformasi ekonomi negara sebagai detik permulaan pembentukan model ekonomi baru dan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi mewujudkan negara berpendapatan tinggi.



Bajet ini juga meneruskan usaha memastikan pembangunan holistik yang mampan tanpa mengabaikan kesejahteraan rakyat dengan memperuntukkan RM2 bilion bagi subsidi, insentif dan bantuan sara hidup untuk golongan berpendapatan rendah. Begitu pun pendekatan mikro kerajaan adalah bermatlamat bagi memastikan setiap peruntukan dapat sampai kepada golongan sasaran dengan cekap dan tepat.

#### ■2120

Dengan kebijaksanaan kerajaan yang menerapkan konsep nilai untuk wang dalam Bajet 2010 dengan memberi penumpuan kepada kesan atau hasil maksimum daripada perbelanjaan daripada peruntukan yang disalurkan pada pelbagai kementerian. Konsep ini telah membolehkan kerajaan memastikan keberkesanan penyaluran peruntukan dan menurunkan kos operasi.

Bajet 2010 adalah komprehensif dan mengambil kira keperluan membendung defisit fiskal serta menyegerakan transformasi ekonomi lebih inovatif dan berdaya saing. Langkah kerajaan untuk berbelanja secara berhemah menerusi pemotongan perbelanjaan kerajaan khususnya perbelanjaan operasi adalah pertama kali dibuat dalam tempoh 23 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertama, daripada segi memantapkan ICT. Bagi Bajet 2010 memperuntukkan RM11.3 bilion untuk mempercepatkan pelaksanaan jalur lebar tanpa wayar kelajuan tinggi, kerajaan telah menggerakkan kerjasama pihak kerajaan dalam sektor swasta dengan RM2.4 bilion disumbangkan kepada kerajaan dan RM11.3 bilion oleh Telekom Malaysia Berhad.

Kerajaan merancang untuk memperkenalkan perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan 10 Megabit sesaat sekitar Kuala Lumpur dan Selangor menjelang Mac 2010 dan akan diperluaskan ke seluruh negara dalam tempoh 2010 sehingga 2012. Bagi menggalakkan pemilikan komputer kepada individu, kerajaan merancang pelepasan cukai bagi pembelian komputer peribadi iaitu sebanyak RM3,000 bagi tempoh setiap tiga tahun. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan agar pengecualian diberikan pada pembelian komputer oleh pelajar bagi menggalakkan dan meningkatkan pemilikan komputer peribadi dalam kalangan pelajar.

Perkara yang kedua, cukai pendapatan individu. Bajet 2010 telah menghadiahkan rakyat dengan menaikkan pelepasan diri daripada RM8,000 pada RM9,000. Ini amatlah dialu-alukan dan menunjukkan kerajaan mengutamakan kebajikan rakyat. Bagi meluaskan lagi konsep masyarakat prihatin ini, saya ingin mencadangkan agar pelepasan perbelanjaan perubatan untuk ibu bapa sebanyak RM5,000 dinaikkan kepada RM8,000.

Di samping itu, bagi melahirkan masyarakat penyayang khususnya kepada ibu bapa, saya ingin mencadangkan agar pelepasan sebanyak RM5,000 diberikan kepada anak yang menjaga dan menanggung ibu atau pun bapa. Pelepasan ini diharapkan akan menggalakkan anak-anak supaya terus mengambil berat kepada ibu bapa.

Perkara yang ketiga, membasmi kemiskinan tegar. Saya amat mengalu-alukan komitmen kerajaan untuk mencapai sifar kemiskinan tegar sehingga tahun 2010. Masalah kemiskinan telah berlanjutan sejak sebelum merdeka sehingga kini. Akan tetapi, kerajaan terus berusaha mengurangkan kadar kemiskinan daripada 60% tahun 1957 kepada 3.6% tahun 2007. Kerajaan menyasarkan penurunan kadar kemiskinan kepada 2.8% pada tahun 2010. Masalah kemiskinan tegar berlaku kepada semua kaum. Tidak terhad kepada satu kaum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan membela rakyat golongan miskin, kerajaan akan memastikan tidak ada mana-mana kaum yang tertinggal. Saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan bagi menangani kos sara hidup yang semakin membebankan terutama dalam krisis ekonomi dengan melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2010 serta meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat.

Antara langkah yang diambil ialah memberi bantuan melalui pendaftaran e-Kasih dan isi rumah Orang Asli. Dalam hubungan ini, saya menyarankan kerajaan mengemaskinikan pendaftaran e-Kasih dan isi rumah Orang Asli. Kerajaan hendaklah mempunyai iltizam untuk membasmi kemiskinan tegar khususnya dan kemiskinan relatif amnya.

Jentera kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan JKKK digerakkan untuk mendaftarkan isi rumah miskin tegar supaya mereka tidak tercicir daripada Program Pembasmian Kemiskinan. Sehubungan itu, saya ingin menyarankan agar kerajaan memperkemaskan peranan dan jentera pentadbiran dan pengurusan JKKK. Saya berpendapat JKKK perlu diperkasakan supaya dapat memberi khidmat dengan lebih cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab. Kerajaan haruslah mengambil langkah dan tindakan yang lebih efektif dalam memartabatkan JKKK termasuk mengadakan kursus, seminar, bengkel dan sebagainya bagi meningkatkan kebolehan dan kepimpinan dalam JKKK.

Perkara yang seterusnya ialah menggalakkan industri kreatif. Model ekonomi baru negara tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada modal tetapi juga daya kreativiti, inovasi dan pemikiran di luar kotak. Kita amat mengalu-alukan cadangan kerajaan bagi menyediakan Dasar Industri Kreatif Negara. Begitu pun dasar ini hendaklah komprehensif dan menyeluruh serta meliputi pelbagai bidang. Kita juga mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk menyediakan dana industri kreatif sebanyak RM200 juta bagi aktiviti seperti pengeluaran filem, drama, muzik, animasi, pengiklanan dan sebagainya.

Saya memohon kepada kerajaan supaya turut memberikan tumpuan kepada perkembangan dan pembangunan sastera dan bahasa negara. Baru-baru ini kerajaan mengumumkan pemenang Anugerah Sasterawan Negara setelah enam tahun anugerah ini tiada pemenangnya. Hadiah ini telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin mencadangkan agar sasterawan negara diberikan geran penyelidikan daripada segi pembinaan dan perkembangan sastera secara usaha sama dengan IPT. Kerajaan juga dicadangkan agar memberi ruang, peluang dan kemudahan kepada sasterawan negara untuk memperkenalkan hasil karyanya ke Asia, Eropah dan seluruh dunia bagi memartabatkan sastera negara di persada antarabangsa.

Perkara yang seterusnya, yang kelima iaitu memajukan sektor pertanian. Kerajaan memperuntukkan RM6 bilion untuk memperkasakan sektor pertanian. Antaranya menaiktarafkan dan membaik pulih infrastruktur pengairan, memodenkan akuakultur dan sebagainya. Kita berterima kasih kepada keprihatinan kerajaan kepada golongan petani dan nelayan dengan memberikan peruntukan sebanyak RM2 bilion dalam bentuk subsidi, insentif dan bantuan sara hidup. Dalam bidang pertanian ini, saya ingin menyentuh tentang pengeluaran beras negara yang kini hanya menampung 65% hingga 70% sahaja daripada pengeluaran negara. Manakala selebihnya terpaksa diimport dari luar negara seperti Thailand.

#### ■2130

Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi negara. Adakah kementerian punya rancangan untuk membuka kawasan tanaman padi baru dan diusahakan secara komersial?

Di samping itu adakah kerajaan bercadang memperkenalkan padi hybrid yang ditanam secara meluas di China? Padi hybrid jenis Hs1 dan Hs9 menurut kajian MARDI didapati sesuai bagi menggantikan MR219 dan MR220 kerana mempunyai daya tahan melawan penyakit.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya juga mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuat penyelidikan dan kajian kemungkinan bagi menggalakkan penggunaan baja organik bagi mengurangkan penggantungan kepada baja kimia seperti sekarang.

Berapakah bilangan pengusaha baja organik tempatan dan permit baja import organik yang telah dikeluarkan oleh kementerian? Apakah langkah kementerian untuk menggalakkan petani dan peladang menggunakan baja organik ini?

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2010 mengemukakan strategi kedua iaitu memastikan pembangunan holistik dan mapan bagi membolehkan negara menjadi sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi, pembangunan secara tuntas dan mapan. Negara memerlukan modal insan berkualiti tinggi dan kemahiran yang bersesuaian. Bagi mencapai matlamat ini pertamanya kerajaan mengambil inisiatif dengan meningkatkan modal insan berkemahiran tinggi dan keduanya meluaskan akses kepada pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan. Kerajaan telah mengumumkan NKRA bagi meluaskan akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan dengan empat komponen kecil. NKRA akan diberikan tumpuan iaitu:

- (i) memantapkan pendidikan prasekolah - RM48 juta;
- (ii) meningkatkan kadar literasi dan numerasi - RM32 juta;
- (iii) mewujudkan sekolah berprestasi tinggi - RM20 juta; dan
- (iv) mengiktiraf pengetua dan guru besar sekolah.

Kerajaan memperkenalkan *new deal*, dengan izin, atau *bai'ah* baru untuk memberikan insentif kewangan dan sebagainya jika sasaran prestasi dicapai. Bagaimanapun kerajaan tidak menyatakan apakah petunjuk prestasi atau sasaran pengetua dan guru besar ini serta ganjaran dari segi kewangan dan insentif yang akan diberikan. Selain itu kerajaan juga menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan untuk program ini tidak menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan untuk program ini. Oleh itu saya memohon pertama, kerajaan menjelaskan jumlah peruntukan yang disediakan bagi program ini. Keduaanya, petunjuk prestasi atau KPI bagi sasaran prestasi pengetua dan guru besar diperjelaskan secara objektif.

Berhubung dengan pendidikan saya ingin menyentuh cadangan kerajaan untuk menjadikan pendidikan prasekolah sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara. Langkah ini adalah tepat memandangkan hanya 60% murid sahaja masa kini yang berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah. Berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang guru saya dapati murid-murid yang mengikuti pendidikan prasekolah telah menguasai kebolehan membaca, menulis, mengira serta bersosial di sekolah berbanding murid-murid yang tidak mengikuti kelas prasekolah.

Kerajaan mensasarkan 80% akan mengikuti pendidikan prasekolah. Bagi mencapai matlamat ini saya ingin mencadangkan agar semua sekolah rendah menyediakan ataupun disediakan kelas pendidikan prasekolah kerana faktor utama murid-murid tidak mengikuti kelas prasekolah ini ialah ketiadaan kelas prasekolah yang berhampiran sehingga menyukarkan ibu bapa untuk menghantar anak ke kelas prasekolah dan tidak berkemampuan membayar yuran. Oleh itu adalah wajar pendidikan prasekolah diadakan di setiap sekolah rendah kerana ibu bapa mudah menghantar anak untuk mengikuti kelas prasekolah ini dan bayaran yang dikenakan pun minimum. Dengan ini bilangan murid prasekolah yang lebih ramai dapat mengikuti kelas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh mula menggulung Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fatimah binti Hamat:** Ya. Saya ingin mengalu-alukan komitmen kerajaan untuk melahirkan dan membangunkan modal insan dengan menjaga kebajikan golongan pelajar dan memperkasakan institusi pengajian tinggi awam. Dalam hubungan ini saya ingin menekankan betapa pentingnya program pembelajaran seumur hidup atau *long life learning* dengan izin, dimantapkan dan diperkasakan.

Pada masa ini kebanyakan IPT memberi potongan kepada pelajar warga emas berumur 60 tahun ke atas mendapat pengurangan sehingga 50% untuk yuran pengajian bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah dan sarjana.

Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi mempertimbangkan agar semua IPTA memberi pengurangan sehingga 50% yuran pengajian kepada semua pelajar yang berumur 50 tahun ke atas untuk mengikuti pengajian sarjana dan doktor falsafah bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan sebagai usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti bagi membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada sistem pengangkutan awam. Dalam Bajet 2010 ini kerajaan turut menitikberatkan untuk menambah baik pengangkutan awam malah menjadikan perkhidmatan awam bandar sebagai salah satu NKRA. Saya mohon kerajaan supaya turut mengambil perhatian juga masalah pengangkutan awam antara bandar seperti antara Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu, Kuala Berang dan sebagainya. Negara kita mencatatkan penggunaan pengangkutan awam yang rendah. Hanya 16% iaitu terendah di dunia dibandingkan dengan Seoul 60%, Singapura 56%, Manila 54%, Tokyo 49% dan Bangkok 40%. Negara-negara maju seperti Jepun dan Eropah mempunyai sistem pengangkutan awam yang cekap, efisien bagi memastikan produktiviti rakyat.

Selain pengangkutan awam, bas dan teksi kerajaan juga wajar menimbangkan perkhidmatan kereta api sebagai pilihan. Kita telah pun merdeka 50 tahun tetapi perancangan yang jelas tentang sistem pengangkutan darat masih belum jelas. Kerajaan telah pun menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi merangka dasar sistem pengangkutan awam tetapi sehingga kini kita belum dimaklumkan perkembangannya.

Saya memohon kerajaan supaya membuat kajian kemungkinan mengadakan perkhidmatan kereta api ke Pantai Timur khususnya menghubungkan negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan. Masanya telah tiba bagi kajian seumpama ini disediakan. Hakikatnya untuk menjadi negara maju, negara memerlukan kemudahan infrastruktur yang lengkap dari segi pengangkutan awam khususnya pengangkutan kereta api.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemudahan infrastruktur ini saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung kemajuan Projek Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan Terengganu dengan Pahang dan bilakah dijangka siap? Adakah ianya mengikut jadual pelaksanaannya atau telah lewat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menjawab pada pagi tadi tentang kemajuan dan bila jangka disiapkan.

**Puan Hajah Fatimah binti Hamat:** Ya, satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi saya minta kerjasama untuk menggulung Yang Berhormat.

■2140

**Puan Hajah Fatimah binti Hamat:** Ya, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan juga soalan saya mengenai pembinaan sekolah menengah teknik di Hulu Terengganu. Saya difahamkan peruntukannya sudah ada dan *alhamdulillah* pagi tadi telah pun dijawab oleh Menteri yang mana ia akan dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, saya mohon pihak kementerian dapat menyegerakan projek ini supaya rakyat di Hulu Terengganu tidak tertanya-tanya tentang sekolah menengah teknik ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang paling penting dalam bajet sulung Perdana Menteri yang bertema "1Malaysia, Kemakmuran Bersama" ialah menuntut anjakan minda dan paradigma masyarakat. Proses mengaplikasikan model ekonomi baru bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menuntut pembabitkan seluruh anggota masyarakat. Bajet 2010 menekankan aspek kebersamaan iaitu antara sektor kerajaan, swasta, korporat, pelabur malah pertubuhan bukan kerajaan ataupun NGO untuk sama-sama menggembeng tenaga menjayakannya.

Dengan iltizam dan semangat 1Malaysia, Bajet 2010 ini akan membawa bukan sahaja transformasi sosial dan ekonomi, tetapi juga harapan baru dan landskap politik negara. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Kamarudin bin Ambok, selepas itu saya minta Tuan Haji Ahmad hendak berbahas? Ya, saya minta Tuan Haji Ahmad Yusof untuk bersedia.

**9.42 mlm.**

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan satu Rang Undang-undang Perbekalan 2010.

Saya mulakan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dalam pembentangan Bajet 2010, kerajaan memaklumkan bahawa jumlah pelaburan langsung 2009 telah merosot kepada RM3.6 bilion berbanding dengan RM19.7 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2008. Semasa lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Jepun baru-baru ini, pelabur Jepun memaklumkan bahawa kos pelaburan di Malaysia ini tinggi 10% daripada negara Thailand. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan, mengapakah perkara ini boleh berlaku? Adakah peningkatan kos 10% ini berlaku kerana faktor birokrasi ataupun kemudahan yang kita ada tidak kompetitif bagi pelabur asing?

Saya mendapat maklum balas daripada sebilangan pelabur yang menyatakan terdapat beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar, DOSH dan MITI sendiri tidak mahu memperkenalkan *relax policy* ke atas beberapa perundangan yang mana kos untuk mematuhi adalah tinggi. Sebagai contoh, terdapat beberapa pelabur berhasrat untuk memindahkan operasi kilang ke Malaysia. Sudah tentunya mereka akan membawa peralatan dan juga jentera daripada negara asal mereka bersama-sama untuk dipasang di Malaysia. Disebabkan mereka menggunakan jentera terpakai, terdapat banyak dokumen seperti dokumen reka bentuk jentera, manual-manual telah hilang semasa proses pemindahan. Dengan itu, amat sukar bagi mereka mendapat kelulusan bertulis atau sijil kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan DOSH.

Untuk mendapatkan semula dokumen-dokumen ini, sudah tentu mereka memerlukan kos yang tinggi dan masa. Oleh itu, apakah tidak ada satu mekanisme atau kaedah *relax policy* oleh jabatan-jabatan ini agar penguatkuasaan yang amat tegas dan *rigid* ini dapat diselesaikan secara berhemah dan kuasa budi bicara agar kemasukan pelabur asing ke negara kita dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengimbangi kesan penurunan ketara pelaburan asing dalam pasaran tempatan, apakah kerajaan tidak bercadang untuk melonjakkan aktiviti pelaburan domestik yang mana satu inisiatif yang menarik serta pulangan hasil yang dijamin kepada pelabur tempatan atau usahawan, kerajaan atau swasta terutama syarikat berkaitan kerajaan?

Untuk itu, apakah langkah-langkah dan strategi yang paling ideal bagi kerajaan memastikan institusi pelaburan tempatan menggunakan dana modal mereka untuk dilaburkan dalam pembangunan projek-projek yang berimpak tinggi dan menjana pendapatan terjamin untuk sektor domestik?

Bolehkah kerajaan jelaskan secara terperinci jenis pelaburan serta struktur sektor yang dilihat kerajaan mampu untuk melonjakkan penyertaan lebih agresif institusi tempatan membuat pelaburan? Sebagai contoh, pengumuman baru-baru ini PNB yang akan membina mercu tanda baru KL di tapak Stadium Negara bagi meningkatkan pertumbuhan sektor pembinaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada pembentangan Bajet 2010 kerajaan telah mengumumkan langkah agresif untuk menggunakan aplikasi MyKad atau MyCoID bagi memudahkan urusan individu dan syarikat apabila berurusan dengan kerajaan.

Persoalannya sekarang, sehingga kini bagaimanakah kerajaan dapat memberi jaminan bahawa segala data sulit dan privasi setiap individu dan syarikat tidak dapat dicerobohi atau disalahgunakan? Bagaimana pula implikasi kewangan kerajaan bagi urusan pembiayaan pembangunan dan operasi sistem bersepadu ini?

Bagaimanakah langkah serta mekanisme kawalan yang akan diimplementasikan serta aspek perundangan agar pelaksanaan aplikasi ini tidak mengundang tindakan perundangan dan selari dengan peraturan perundangan negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini aplikasi elektronik kerajaan memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi sistem penyampaian kerajaan. Usaha kerajaan menggunakan rujukan tunggal MyCoID sudah tentu akan mempercepatkan urusan syarikat-syarikat dalam berurusan dengan kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan perlu memastikan agar pelaksanaan aplikasi rujukan ini tidak dijadikan alasan oleh jabatan kerajaan sebagai masalah kelewatan sistem penyampaian kerajaan.

Contohnya, jelas kegagalan aplikasi elektronik jabatan kerajaan dalam sistem penyampaian JKPP, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Malaysia, Kementerian Sumber Manusia. Saya mendapat banyak rungutan daripada syarikat dan juga orang awam bahawa sistem pengeluaran sijil kelayakan jentera bersijil (CF) seperti kren, *lift* dan *boiler* memakan masa lebih setahun. Ada ketikanya setelah tamat tempoh kelayakan itu 15 bulan, barulah CF diperolehi. Ada juga kes di mana terdapat kilang atau pemilik jentera dicaj bil pemeriksaan sebanyak dua kali, tetapi CF tidak keluar juga, mengikut maklumat daripada pegawai JKPP.

Kegagalan ini adalah berpunca daripada kegagalan sistem maklumat jabatan dan aplikasi digital. Oleh itu, bolehkah kementerian memberi penjelasan mengenai isu ini dan memberi maklumat lanjut senarai lengkap *backlog* pengeluaran CF JKPP daripada tahun 2007 hingga 2009 bagi seluruh negara? Apakah langkah pembaikan yang akan diambil oleh kementerian?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2010, Kementerian Pelancongan diperuntukkan sebanyak RM900 juta bagi tujuan untuk memperkasakan pertumbuhan sektor pelancongan Malaysia. Sejak lima tahun kebelakangan ini, kerajaan banyak membelanjakan peruntukan wang negara untuk mengadakan promosi di luar negara bagi menarik kedatangan pelancong asing datang ke Malaysia.

Dari pemerhatian yang saya lihat, masalah keupayaan kementerian untuk melonjak kedatangan pelancong asing ke negara ini adalah kerana kita kekurangan *signature event*, dengan izin, yang bertaraf antarabangsa dalam kalendar tahunan pelancongan negara. Kita hanya mempunyai *Monsoon Cup*, *Formula 1*, *LIMA*, *Le Tour de Langkawi* yang boleh kita anggap sebagai *premier signature event* dalam kalendar pelancongan negara. Oleh itu, bagaimanakah kementerian mengambil langkah-langkah perlu untuk mewujudkan lebih banyak *signature event* yang bertaraf antarabangsa bagi menarik pelancong?

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan langkah kerajaan untuk menggunakan pendekatan baru dalam model ekonomi negara, sektor penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan dilihat sebagai pemacu utama untuk melonjak perolehan pendapatan negara.

#### ■2150

Pada masa kini, peruntukan besar kerajaan diberi kepada pusat penyelidikan atau institut kerajaan seperti IPT, MARDI, MPOB, Petronas, SIRIM, IMR dan Pusat Tenaga Malaysia. Sehingga hari ini berapakah peruntukan kerajaan dibelanjakan untuk geran penyelidikan dan berapakah statistik terkini, nilai yang direkodkan kejayaan penyelidikan tersebut dapat dikomersialkan di dalam negara dan di luar negara. Kita sedar kekangan kerajaan untuk merealisasikan bidang RNDC ini. Ini memerlukan pelaburan besar, modal insan dan penawaran pakej yang menarik kepada penyelidik. Oleh itu sehingga November 2009, berapa ramai tenaga penyelidik di Malaysia serta berapakah peruntukan kerajaan digunakan untuk melatih dalam bidang kepakaran mereka serta unjuran hasil yang dipaten atau dikomersialkan?

Tuan Yang di-Pertua, terdapat rungutan daripada para penyelidik bahawa masalah mereka untuk mendapatkan pihak yang sanggup menjadi *off-taker* bagi produk yang dikomersialkan.

Kalau dahulu Kementerian Pelajaran menjadi *off-taker* bagi perabot berasas *fiberboard*, kayu getah, Kementerian Kesihatan menjadi *off taker* bagi alat *clamping* bersunat. Oleh itu mereka berharap kepada pihak kerajaan terus meneruskan bantuan kepada penyelidik untuk menjadikan *off taker*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan akses teknologi ICT di luar bandar, kerajaan telah pun memulakan projek *High Speed Broadband* bagi Telekom Malaysia dengan jumlah pelaburan RM11.3 bilion untuk disiapkan dalam tempoh sepuluh tahun. Pada masa kini Malaysia berada di kedudukan 31 bagi kelajuan memuat turun internet berbanding dengan negara lain di dunia. Manakala Korea Selatan berada di tempat pertama merujuk sumber kajian Universiti Oxford, dengan akses penebusan jalur lebar pada tahap dua puluh lima peratus sekarang ini, bagaimanakah kerajaan dapat memberi jaminan agar jurang digital masyarakat bandar dan di luar bandar dapat diimbangi?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kerajaan belum mempunyai garis panduan dan juga peraturan untuk kawal selia caj-caj perkhidmatan internet dan jalur lebar yang ditawarkan oleh pengendali-pengendali perkhidmatan yang dilesenkan oleh kerajaan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Cara perbandingan caj sebagai contoh di United Kingdom, caj *broadband* adalah £5.99 iaitu RM36 untuk *broadband* kelajuan 8 *megabit* sebulan. Akan tetapi di Malaysia caj *broadband* kelajuan 1 *megabit* adalah RM90 sebulan. Oleh itu bagaimanakah dan apakah langkah-langkah yang perlu bagi kerajaan untuk mengawal caj-caj perkhidmatan ini melalui satu peruntukan perundangan agar hak pengguna dapat dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali bajet Kerajaan Persekutuan, sektor pendidikan dapat sejumlah besar peruntukan bagi mencapai matlamat menyediakan modal insan yang cemerlang. Aset penyelidikan berkualiti dan berkemampuan. Sejak akhir-akhir ini bilangan pelajar cemerlang lepasan SPM dan STPM meningkat dari tahun ke tahun. Oleh itu saya memohon kepada kerajaan agar meningkatkan kemasukan pelajar dalam beberapa bidang kritikal seperti perubatan dan pergigian, sains iktisas, kejuruteraan dan ekonomi. Selain daripada itu saya juga memohon agar kerajaan melalui JPA atau agensi kerajaan lain meningkatkan geran pinjaman boleh ubah daripada biasiswa pendidikan bagi bidang kritikal seperti perubatan dan pergigian, sains iktisas, kejuruteraan, mekanikal, *electrical* dan nuklear. Saya ingin menyambut baik dan mengucapkan terima kasih atas keputusan kerajaan memperkenalkan biasiswa nasional kepada 30 orang pelajar terbaik seluruh negara dan juga menukarkan pinjaman PTPTN kepada biasiswa kepada graduan kelas pertama.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun terdapat juga rungutan daripada golongan pelajar IPTA dan IPTS yang memohon kerajaan mempertimbangkan pemberian rebat atau diskaun pembayaran balik graduan yang mendapat CGPA melebihi 3.5 ke atas, tetapi kurang daripada gred CGPA kelas pertama. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan hab bagi sektor pendidikan tinggi negara, kita memerlukan lebih banyak liberalisasi IPT agar kursus yang ditawarkan menarik minat pelajar-pelajar asing dan tempatan untuk mengikutinya. Pada masa ini terdapat sungutan bahawa kekangan bilangan pensyarah terlatih bagi kursus kritikal berlaku di IPT kita. Bolehkah kerajaan memberikan statistik nisbah pensyarah dengan pelajar bagi setiap kursus di IPT kita? Bagaimanakah kerajaan menyediakan pelan jangka sederhana dan panjang bagi memastikan kesinambungan kualiti pendidikan tinggi negara?

Tuan Yang di-Pertua, isu pensyarah yang berkualiti, berpengalaman dalam bidang teori dan praktikal menjadi satu isu utama pendidikan tinggi kini. Orang ramai memberi pandangan bahawa sebilangan pensyarah-pensyarah kita hanya bijak dari segi teori sahaja dan kurang berpengalaman dalam segi aspek teknikal. Selaras dengan dasar penempatan sementara bersilang yang bakal dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan GLC, saya ingin mencadangkan agar program ini diwajibkan kepada seluruh warga pendidik IPT setiap kali cuti semester akhir setiap tahun untuk memberi pengalaman lapangan kepada mereka dalam program penempatan sementara bersilang. Ini penting agar pensyarah-pensyarah ini dapat menggunakan kepakaran dan pengalaman dari program ini untuk diaplikasikan dalam kuliah pengajaran.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, sejak akhir-akhir ini Malaysia juga mengalami gempa bumi kecil dan juga bencana alam yang tidak dapat dijangka risikonya. Mengikut rekod, risiko kejadian bencana ini boleh mengundang kepada kemalangan jiwa, kecederaan dan kemusnahan kepada harta benda.

Oleh yang demikian satu bentuk mekanisme pengurusan yang lebih efektif perlu dilakukan agar kita dapat membuat persiapan dan langkah kawalan dari menerima ancaman bencana alam ini. Begitu juga dengan pengumpulan data baru mengenai gempa bumi, aliran air bawah tanah, kadar aliran angin, taburan hujan perlu disemak semula agar proses perancangan pembangunan dapat dilaksanakan secara lestari.

Pada masa ini, adakah kerajaan tidak bercadang untuk mengemaskinikan data-data ini kerana dengan adanya data-data ini, kerja-kerja reka bentuk kemudahan bangunan dan pembangunan infrastruktur dapat dikendalikan dengan efektif? Untuk tujuan pemantapan ini bagaimanakah kerajaan merancang strategi dan pelan jangka pendek, sederhana, dan panjang agar proses pengemaskinian data ini dapat digunakan dengan sewajarnya oleh pihak yang berkepentingan. Sekiranya kita merujuk kepada kejadian bencana tanah runtuh di Bukit Antarabangsa tahun lepas serta kemalangan kejatuhan *slab* konkrit di Plaza Damas melebihi pagar bangunan binaan, manfaat data terkini seperti data aliran bawah tanah, kelajuan angin dan taburan hujan di segenap tempat di Malaysia akan dapat mengelakkan timbulnya bencana ataupun risiko kemalangan dan kemusnahan harta benda, kerana langkah pencegahan dan faktor keselamatan telah pun diambil perkiraan. Sekian dengan ini saya ingin menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

9.58 mlm.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu, saya minta Hajah Zainun Abu Bakar untuk bersedia.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kerana memberikan saya kesempatan untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet 2010. Saya cuma menyentuh hanya satu, dua perkara dalam bidang kuasa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Bajet 2010 membuktikan komitmen kerajaan yang ikhlas untuk terus membangunkan modal insan. RM30 bilion untuk sektor pendidikan bakal memberi impak yang besar dalam memastikan sasaran usaha pembangunan modal insan tercapai. Bagi melaksanakan perancangan pendidikan, kerajaan telah memberi tumpuan kepada empat sub NKRA:

- (i) memperluas dan memantapkan pendidikan prasekolah;
- (ii) meningkatkan kadar literasi dan *numeracy*;

■2200

- (iii) mewujudkan sekolah berprestasi tinggi; dan
- (iv) keempat mengiktiraf pengetua dan guru besar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang. Dua sub NKRA yang pertama tadi memperluas dan memantapkan pendidikan sekolah dan meningkatkan kadar literasi dan numerasi telah banyak disentuh oleh rakan-rakan Yang Berhormat. Jadi saya hendak terus ke perkara yang ketiga iaitu mewujudkan sekolah yang berprestasi tinggi yang diperuntukkan sebanyak RM20 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan khusus KPM amat komited untuk mewujudkan institusi penyelidikan cemerlang yang berkualiti tinggi. Ini dicerminkan melalui anugerah dan penjenamaan sekolah. Tiga tahun yang lepas kerajaan mengumumkan penubuhan sekolah kluster iaitu sekolah yang cemerlang dalam klusternya dalam aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid.



Saya mengucapkan tahniah kepada KPM kerana pada masa ini sudah ada kira-kira 120 buah sekolah kluster. Ini menunjukkan bahawa bilangan sekolah yang mendapat pencapaian atau berprestasi tinggi terus meningkat. Pertanyaan saya di sini ialah bilakah sekolah kluster akan ditambah hingga 300 buah seperti yang disasarkan dan sejauh manakah pemimpin sekolah-sekolah kluster ini berjaya mendapati bidang kebitaraan, *niche areas* yang ditetapkan. Bagaimanakah pula KPM menangani kritikan yang mengatakan dengan wujudnya sekolah kluster memperluaskan lagi jurang antara kluster dengan yang bukan kluster. Ini ialah kerana sekolah kluster diberi RM500 ribu setiap buah untuk meningkatkan prestasi sekolah. Pengetua dan guru besar pula diberi autonomi untuk memilih guru dan kakitangan sekolah. Sekolah kluster ada pelbagai keistimewaan termasuk mewujudkan dana dan tabungan sekolah selain mendapatkan guru-guru yang berkualiti dan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan bajet 2010, kita telah dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran menyasarkan untuk mewujudkan seratus buah sekolah berprestasi tinggi. SBT pula menjelang 2012 menerusi pemilihan sekolah-sekolah terbaik yang menyerlah dalam semua aspek pendidikan di negara ini. Matlamat utama Kementerian Pelajaran ini ialah untuk menjadikan sekolah berprestasi tinggi sebagai tanda aras kecemerlangan bagi dicontohi sekolah-sekolah lain terutama sekolah kebangsaan.

Walaupun saya mengalu-alukan kemunculan beberapa pengiktirafan untuk sekolah cemerlang, pada masa yang sama saya juga berharap usaha-usaha terdahulu seperti usaha untuk menjadikan semua sekolah sebagai Sekolah Bestari tidak dilupakan. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan atau PIPP 2006 hingga 2010 Kementerian Pelajaran menetapkan pada tahun 2010 sebagai sasaran untuk membestarikan 10,000 buah sekolah di seluruh negara. Program Pembestarian Sekolah merupakan proses berterusan ke arah pembudayaan penggunaan ICT dalam pendidikan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah serta kompetensi guru.

Saya ingin bertanya, sejauh mana program membestarikan sekolah-sekolah telah berjaya? Sejak dilaksanakan kepada 88 buah sekolah rintis 11 tahun yang lalu oleh KPM dengan kerjasama *Multimedia Development Corporation* serta pembabitan syarikat swasta yang lain, apakah status terkini mengenai program pembestarian sekolah ini. Pada masa ini terlalu banyak tumpuan telah diberikan pada sekolah-sekolah cemerlang, sekolah kluster, sekolah berasrama penuh, dan terbaru sekolah berprestasi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ini adalah diharapkan Kementerian Pelajaran Malaysia memberi fokus atau dengan izin, *turn the spotlight on* sekolah-sekolah terutama di luar bandar pula iaitu dalam kelompok prestasi kurang memberangsangkan dan memikirkan strategik terbaik untuk mentransformasikan atau mengubah sekolah dari *low to high performing*, dengan izin. Saya menyokong penuh perancangan KPM untuk mengaudit semua 10,000 sekolah di negara ini. Dalam proses mengaudit, kita boleh mentafsir dan mengenal pasti kelompok sekolah seperti:

- (i) sekolah berprestasi tinggi;
- (ii) sekolah berisiko untuk gagal dengan izin, *at risk of failing*;
- (iii) sekolah berprestasi rendah atau *low performing schools*; dan
- (iv) sekolah-sekolah gagal, atau *failing*.

Kita mesti dengan izin, *stand back and take step* iaitu memikirkan dengan teliti sesuatu keadaan untuk rancangan seterusnya. Bagi sekolah-sekolah yang tercorot pastikan apakah faktor-faktor yang menghalang sekolah berkenaan untuk mencapai kejayaan. *Take corrective actions*, dengan izin, dan sekiranya masih gagal intervensi yang lebih intensif untuk memberi pakej lengkap untuk perubahan seperti memberi bantuan kewangan, memberi guru-guru berkualiti, kemudahan prasarana yang kondusif, melantik kepimpinan sekolah yang efektif, mewujudkan kerjasama yang erat antara sekolah ibu bapa dan komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah mengenai pengiktirafan pengetua dan guru besar. Kerajaan akan memperkenalkan *new deal* atau *bai'ah* baru bagi menghargai jasa dan prestasi antara pengetua serta guru besar. Yang menjadi sasaran ganjaran berbentuk insentif kewangan dan bukan kewangan serta autonomi mentadbir sekolah akan diberikan. Manakala yang tidak mencapai sasaran selama dua tahun berturun-turun tindakan yang bersesuaian akan diambil terhadap mereka. Pada hemat saya, apa jua bentuk pengiktirafan dan ganjaran perlu diberi kepada semua pihak di sekolah kerana kejayaan sesebuah sekolah bukan bergantung kepada sesuatu individu.

Akan tetapi hasil kerja keras satu pasukan kolaborasi pengetua, guru besar, guru, kerani, personel sekolah yang lain dan murid-murid. Sokongan ibu bapa dan masyarakat setempat juga menyumbang kepada kejayaan sesebuah sekolah. Mengambil tindakan terhadap pengetua atau guru besar yang tidak mencapai sasaran dua tahun berturut-turut adalah terlalu keras dan boleh memberi tekanan kepada mereka.

Pada hemat saya, pengiktirafan dan inisiatif khas harus diberikan kepada sekolah-sekolah yang menunjukkan peningkatan yang baik walaupun tidak mencapai tahap yang tinggi. Pengiktirafan bermakna jika diberikan kepada pengetua atau guru besar dan walaupun sekolah mereka daif, sekolah tidak beruntung *disadvantage*, dan serba kekurangan, tetapi mampu menunjukkan kemajuan yang baik berbanding dengan pengiktirafan diberi kepada sekolah yang sedia cemerlang, pelajar-pelajar terpilih dan mempunyai prasarana yang cukup dan selesa. Satu lagi isu yang saya ingin ketengahkan ialah berkaitan penempatan dan kualiti guru. Saya tidak tahu sama ada Kementerian Pelajaran telah menjalankan kajian mengenai distribusi guru-guru cemerlang atau guru pakar rujuk pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan guru cemerlang atau guru pakar kurang di tempat-tempat di mana mereka sangat-sangat diperlukan iaitu di sekolah-sekolah yang kurang cemerlang.

Dalam bahasa Inggeris dengan izin, "*many of the nation's, most school teachers tend not to be located where they may be needed the most in schools designated as low performing.*" Kualiti guru juga sering dipertikaikan. Antara lain guru dikatakan tidak pandai berbahasa Inggeris, guru tidak tahu menggunakan teknik mengajar yang berkesan membuatkan pelajar bosan. Pengajaran dan pembelajaran satu hala tanpa mendengar pendapat pelajar. Guru tidak dapat mengawal disiplin pelajar dan banyak lagi rungutan yang kedengaran.

#### ■2210

Tuan Yang di-Pertua, sebaik mana pun sistem pendidikan negara tetapi tanpa guru-guru yang efektif akan melambatkan proses pembinaan modal insan. Dengan adanya standard guru Malaysia adalah diharapkan para guru akan mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi bagi membolehkan mereka berfungsi sebagai guru profesional yang berkesan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan program, sumber tenaga kewangan dan kepakaran adalah penting bagi memastikan kesan sinergi dan impak yang maksimum untuk setiap program yang akan dilaksanakan. Dalam hal ini KPM perlu memantapkan mekanisme pemantauan di semua peringkat KPN, Jabatan Pendidikan Negeri, Pusat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah. Mekanisme, pemantauan dan koordinasi projek perlu dipertingkatkan untuk memastikan setiap projek yang dilaksanakan menepati objektif dan sasaran. Penilaian program adalah penting supaya program-program yang tidak *cost effective* tidak diteruskan dan yang memberi impak positif diperluas dan dipertingkatkan. Penilaian program mesti mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atau projek dan tindakan pencegahan diambil segera untuk mengelakkan kegagalan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar dan selepas itu saya minta...

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap Yang Berhormat, saya belum habis bercakap lagi. Saya minta Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin bin Mehat untuk bersedia.

**10.12 mlm.**

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Bajet 2010 ini. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah mengemukakan bajet yang mengutamakan rakyat dan berorientasikan pencapaian sejajar dengan iltizam kerajaan untuk membina negara dengan semangat Gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'.

Sesungguhnya bajet ini begitu menyeluruh dan menepati janji tiada rakyat yang dipinggirkan. Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa memendekkan perbahasan saya kerana ada kawan-kawan saya yang ingin turut serta dalam perbahasan ini. Walau bagaimanapun Bajet 2010 yang dibentangkan menunjukkan berdasarkan anggaran hasil dan perbelanjaan deposit Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2010 dianggarkan menurun pada 5.6%. Bajet 2010 menunjukkan komitmen kerajaan secara serius untuk melaksanakan perbelanjaan secara lebih berhemah dengan meminimumkan kos serta perbelanjaan operasinya bagi menampung penurunan hasil sebagai usaha untuk mengurangkan deposit bajet.

Dalam hubungan ini saya amat bersetuju hasrat kerajaan untuk menyusun semula program, proses dan jentera pentadbiran kerajaan supaya lebih efisien dan produktiviti dipertingkatkan dengan sumber kewangan yang terhad. Bagaimanapun saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung status pegawai tertinggi kerajaan dalam kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) yang dikatakan diletakkan di bawah *pool* atau tiada tugas tertentu. Berapakah bilangan dan apakah langkah kerajaan untuk memanfaatkan pegawai tertinggi kerajaan ini. Adakah kerajaan bercadang menempatkan mereka di agensi-agensi kerajaan atau syarikat milik GLC seperti MARA dan lain-lain.

Berhubung penambahbaikan pentadbiran kerajaan saya ingin menyentuh di sini berhubung masalah banjir yang baru-baru ini melanda seluruh negara termasuk Terengganu. Banjir kali ini dikatakan adalah yang terburuk sejak 15 tahun lalu. Di daerah Dungun paling teruk dilanda banjir pada satu ketika melibatkan 4000 mangsa banjir terutamanya yang tinggal di taman perumahan bukannya yang ada di pedalaman. Mengenai banjir ini saya ingin menimbulkan tiga perkara.

Pertama, banjir ini berlaku kerana kelemahan sistem perparitan yang sedia ada di bandar Dungun, membangun dengan pesat tetapi tiada perancangan yang lengkap dan komprehensif tentang sistem perparitan di kawasan Majlis Perbandaran Dungun termasuklah di bandar Paka dan Dungun. Akibatnya kebanyakan longkang gagal berfungsi. Saya berpendapat kajian khusus dan menyeluruh dari segi sistem perparitan ini amatlah perlu bagi mengelakkan keadaan banjir seperti tahun ini berulang lagi. Langkah dan tindakan yang segera dan serta merta perlu diambil oleh Majlis Perbandaran Dungun. Walau bagaimanapun, saya memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar dapat membantu Majlis Perbandaran Dungun dalam menyediakan *master plan* sistem perparitan di kawasan Majlis Perbandaran Dungun supaya kajian menyeluruh dapat disediakan.

Kedua, berhubung bantuan banjir yang diberi kepada mangsa banjir khususnya yang mendaftar di pusat pemindahan. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa ramai mangsa banjir yang menumpang di rumah ahli keluarga yang tidak terlibat dengan banjir. Hakikatnya mangsa banjir ini juga mengalami kerugian kerana rumah dan perabot-perabot ditenggelami air. Oleh itu saya harap kerajaan mempertimbangkan juga bantuan kepada mangsa banjir yang tidak berdaftar dengan pusat pemindahan banjir dengan syarat mendapat pengesahan daripada JKK dan sebagainya.

Ketiga, seperti Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar utarakan di mana pada keseluruhan kerosakan jalan raya iaitu dari Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu hingga ke Besut membimbangkan kepada semua. Kerosakan ini memerlukan selenggaraan segera kerana bahaya kepada pengguna jalan raya terutamanya waktu malam. Oleh itu saya berharap Kementerian Kerja Raya akan mengambil tindakan yang segera dalam pembaikan dan selenggaraan jalan-jalan raya bagi mengelakkan kemalangan jalan raya dan memastikan keselesaan penggunaan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perkhidmatan telah menyumbangkan 58% kepada KDNK negara dan masih boleh ditingkatkan *niche area* yang berpotensi untuk dibangunkan dalam pelbagai bidang seperti pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi ICT, kewangan, perbankan Islam, industri halal dan teknologi hijau.

Saya ingin menyentuh tentang industri pelancongan yang menunjukkan prestasi yang terus tinggi dengan kemasukan pelancong asing terus meningkat 4.4% daripada 14.7% pada tahun 2008 dan pada tahun 2009 sebanyak 15.4%. Saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Pelancongan mengenai sumbangan pelancong domestik dalam industri pelancongan negara. Apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam menggalakkan pelancongan domestik termasuk dari segi penginapan dan kemudahan yang sesuai seperti pakej pelancongan berkeluarga.

Bagi tahun 2010, kerajaan memperuntukkan RM899 juta bagi sektor pelancongan bagi menyokong *Malaysia, My Second Home Programme*.

#### ■2220

Pembangunan *ecotourism* dan *homestay* serta mengadakan lebih banyak produk pelancongan. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan turut memberi fokus untuk meningkatkan kemudahan prasarana dan infrastruktur bagi chalet, *homestay*, hotel bajet yang diusahakan oleh usahawan kecil dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang. Pengusaha-pengusaha chalet mempunyai masalah modal untuk meningkatkan kemudahan dan senggaraan.

Saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pelancongan memberi geran bagi memperbaiki chalet-chalet dan tingkatkan kemudahan kepada pengusaha kecil chalet, *homestay* dari pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mempunyai kurang daripada 20 buah unit chalet dan *homestay*. Usaha ini akan meningkatkan kemudahan dan keceriaan chalet-chalet, hotel bajet dan seterusnya meningkatkan kemampuan untuk menarik ramai pelancong domestik.

Saya amat tertarik tentang hasrat kerajaan untuk memastikan tenaga kerja barisan hadapan hotel atau *front liner* terdiri daripada rakyat tempatan. Sejak akhir-akhir ini, didapati mutu perkhidmatan tenaga kerja barisan hadapan hotel ini amat membimbangkan kerana tidak bersikap profesional, kurang mesra dan sopan serta kurang memahami tugas. Dalam hubungan ini, Kementerian Pelancongan hendaklah memastikan pihak hotel memberi latihan yang secukupnya dan berterusan kepada bukan sahaja kepada kakitangan *front liner*, tetapi juga kepada lain-lain kakitangan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di sektor pelancongan.

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya mohon mencelah.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Ya.

**Datuk Akbar bin Ali:** Sesuai dengan apa Yang Berhormat nyatakan itu, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat dan mungkin Menteri Sumber Manusia harus menjawab bahawa mengikut jawapan yang diberikan kepada saya bertarikh 13 Julai, pekerja asing tidak sepatutnya lagi bekerja di sektor perhotelan dan juga di lapangan terbang. Jadi sebahagian sebab itu adalah kerana pekerja asing. Jadi kita mohon kalau boleh dijadikan sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat minta penjelasan daripada Menteri Sumber Manusia, mengapa apa yang dijanjikan dalam jawapan pada 13 Julai tidak dilaksanakan sehingga sekarang? Terima kasih.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Saya juga ingin menyentuh komitmen kerajaan dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan jentera pentadbiran kerajaan bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan kerajaan. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menimbangkan untuk memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk meningkatkan pendapatan hasil cukai. Pendekatan GST adalah keadaan terbaik untuk mengenakan cukai kepada golongan sasar kerana GST menjadi sumber utama dan ia tidak menjejaskan perolehan kerajaan, dalam apa juga situasi ekonomi sama ada ketika ekonomi dalam keadaan baik ataupun tidak.

GST juga adalah kaedah terbaik untuk mengenakan cukai kepada golongan berpendapatan tinggi yang kini mendapat banyak kelebihan dari segi pengecualian cukai. Jika ada GST, golongan yang mempunyai kuasa beli yang tinggi akan dikenakan cukai bagi setiap pembelian yang dibuat. GST dijangka akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada, disebabkan faktor dan kebaikan yang telah dinyatakan tadi dan hasil yang dikutip oleh kedua-dua cukai ini yang tidak memuaskan.

Kelemahannya ialah walaupun cukai jualan dan cukai perkhidmatan dikutip oleh syarikat-syarikat perniagaan, tetapi telah berlaku ketirisan di mana syarikat-syarikat ini gagal menyerahkan kutipannya kepada kerajaan. Ini adalah masalah utama yang perlu diatasi sebelum cukai GST diperkenalkan selain mekanisme yang lebih cekap dan lebih efisien perlu disusun supaya hasil kerajaan dapat dikutip bagi membendung serta mengelakkan penipuan oleh syarikat-syarikat perniagaan. Di samping itu, rakyat juga perlu diperjelaskan berhubung dengan cukai GST ini, supaya rakyat tidak terkeliru mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2010 telah membawa dimensi baru dalam Pembangunan Modal Insan dengan memperuntukkan RM100 juta bagi melaksanakan Program Pusat Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA). Sebagai usaha penggerak merealisasikan konsep 1Malaysia, program yang unik ini menempatkan kanak-kanak pelbagai kaum di pusat PERMATA, supaya dapat berinteraksi antara satu sama lain. Sekali gus dalam tempoh jangka panjang mampu membentuk masyarakat bersatu dan bebas dari sikap prejudis dan salah tanggapan. Pendekatan pendidikan menerusi permainan di PERMATA Negara juga berlainan kerana ia berpandukan *Pen Green Centre* di *Corby* iaitu pusat jagaan serta didikan kanak-kanak berpusat di United Kingdom (UK).

Saya difahamkan, PERMATA Negara akan membabitkan Jabatan Kebajikan Masyarakat, FELDA, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan Putrajaya Corporation. Saya ingin mencadangkan agar program PERMATA Negara ini diperluaskan di setiap daerah di seluruh negara. Saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada kerajaan bercadang untuk menggalakkan tabika dan pusat jagaan kanak-kanak menggunakan kurikulum PERMATA bagi faedah kanak-kanak khususnya yang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan masalah pengangguran yang bukan sahaja disebabkan kerana diberhentikan kerja oleh industri tetapi juga di kalangan graduan dan penganggur lainnya. Berhubung dengan pengangguran ini, ada beberapa perkara yang saya ketengahkan. Pertamanya, saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Sumber Manusia, bilangan penganggur negara masa kini dan kadar pengangguran semasa. Adakah kementerian bercadang mewajibkan semua penganggur berdaftar dengan kementerian supaya kerajaan dapat merangka keperluan tenaga kerja dengan lebih tepat lagi.

Di samping mengenal pasti bidang pekerjaan yang perlu dan bidang latihan industri yang perlu dijalankan untuk memenuhi kehendak industri dan pasaran?

Kedua, masalah pekerja industri yang diberhentikan menyebabkan mereka hilang pendapatan dan untuk menyara hidup selain bebanan kewangan lainnya. Adakah kerajaan bercadang menyediakan tabung atau dana khas bagi tujuan membantu pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan ini? Saya berpendapatan pewujudan tabung atau dana seperti ini adalah penting dari segi jangka panjang bagi melindungi golongan pekerja terutamanya dalam keadaan ekonomi negara yang terdedah kepada pelbagai situasi tidak menentu.

Ketiganya, saya ingin menyatakan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan pengangguran adalah disebabkan peluang pekerjaan yang diambil oleh pekerja asing seperti Yang Berhormat Datuk Akbar kata tadi. Apakah sebenarnya dasar yang diambil oleh kerajaan dalam membenarkan pekerja asing bekerja di negara kita? Saya dapati ramai pekerja asing yang bekerja bukanlah terdiri daripada mereka yang mempunyai kemahiran yang tinggi malah hanya sebagai buruh kasar, pekerja am dan pembantu kedai atau pasar raya dan sebagainya sahaja. Sedangkan jenis pekerjaan ini boleh diisi dan dilakukan oleh pekerja tempatan. Pada hemat saya, kerajaan bertanggungjawab menyediakan pekerjaan kepada rakyat negara ini. Peluang pekerjaan mereka perlu dilindungi. Jadi saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Sumber Manusia mengenai langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan penggantungan negara kepada pekerja asing.

Saya juga ingin mendapat penjelasan Kementerian Sumber Manusia berhubung cadangan untuk mengadakan institusi pembantu rumah tempatan sedikit masa dahulu. Apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk merealisasikan pertumbuhan institut ini? Sudahkan ditubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji kemungkinan mewujudkan institusi serupa ini, termasuklah seperti pembangunan modul dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh menggulung Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Saya tertarik untuk menyentuh berhubung cadangan kerajaan untuk mewajibkan semua kementerian dan jabatan kerajaan menyediakan pusat jagaan harian dan pendidikan kanak-kanak di tempat kerja sebagai yang disarankan dalam Bajet 2010 ini. Saya amat bersetuju dengan saranan ini kerana bilangan wanita yang bekerja sentiasa meningkat setahun ke setahun, menyebabkan aspek penjagaan kanak-kanak kurang mendapat perhatian sehingga menimbulkan masalah kepada pembentukan sebuah keluarga berkualiti. Jadi apabila kerajaan mengumumkan untuk memberi peruntukan sebanyak RM200,000 setiap pusat penjagaan, ia adalah langkah yang amat dialu-alukan bagi membantu ibu bapa yang bekerja dalam sektor awam. Hasil kajian mendapati 56% daripada wanita yang berhenti kerja adalah disebabkan masalah penjagaan anak. Fenomena ini amat merugikan kaum wanita sendiri memandangkan 47% wanita dalam lingkungan 17 hingga 60 tahun di negara ini bekerja.

Wanita amat menitikberatkan penjagaan kanak-kanak dan lebih 50% daripada wanita bekerja, pihak majikan dapat menyediakan pusat penjagaan di tempat kerja. Keamanan dan keharmonian serta keselamatan di dalam negara amatlah penting untuk membina negara. Dalam hubungan ini, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah memainkan peranan yang penting sejak darurat lagi sebagai mekanisme untuk memelihara keselamatan negara dan pelbagai ancaman komunis, subversif, militan dan pelampau agama.

Ada cadangan dan desakan supaya ISA ini dimansuhkan. Saya berdiri teguh menyatakan pendirian bahawa ISA tidak wajar dimansuhkan sama sekali. Begitu pun saya bersetuju agar pindaan wajar dilakukan sesuai dengan perkembangan, keadaan dan suasana semasa. Sehubungan dengan ini, saya memohon penjelasan Kementerian Dalam Negeri berhubung cadangan pindaan ISA supaya rakyat akan lebih memahami...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** ...Tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup Yang Berhormat...

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Satu minit sahaja, saya sudah habis. Akhirnya saya ingin menyentuh tentang cadangan pembinaan Maktab Rendah Sains MARA Dungun. Tapak tanah bagi projek ini telah pun diberi kepada MARA. Jadi saya ingin mendapat penjelasan mara berhubung status cadangan projek ini dan MARA. Lanjutan berhubung dengan MARA, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak MARA berhubung dengan pinjaman MARA yang dikatakan lambat.

Begitu juga pinjaman TEKUN yang agak lambat diperoleh. Adakah kedua-dua pinjaman MARA dan TEKUN ini telah dibekukan? Saya mohon penjelasan. Jadi, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup. Saya tangguhkan Dewan, sehingga jam 10 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam.***